

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PENAAKULAN MORAL, NILAI PROFESIONAL DAN MEMBUAT  
KEPUTUSAN TERHADAP AMALAN ETIKA AKADEMIK DALAM  
KALANGAN PENSYARAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

**AINUDDIN BIN MOHD ISA**



**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2018**



**Awang Had Salleh**  
Graduate School  
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

**PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI**  
(*Certification of thesis / dissertation*)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(*We, the undersigned, certify that*)

**AINUDDIN MOHD ISA**

calon untuk Ijazah  
(*candidate for the degree of*)

PhD

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:  
(*has presented his/her thesis / dissertation of the following title*):

**"PENAUKULAN MORAL, NILAI PROFESIONAL DAN MEMBUAT KEPUTUSAN TERHADAP AMALAN ETIKA AKADEMIK DALAM KALANGAN PENSYARAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU"**

seperti yang tercalat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.  
(*as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation*).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **25 September 2017**.

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:  
September 25, 2017.*

Pengerusi Viva:  
(*Chairman for VIVA*)

Assoc. Prof. Dr. Abd Latif Kasim

Tandatangan  
(*Signature*)

Pemeriksa Luar:  
(*External Examiner*)

Prof. Dr. Ramle Abdullah

Tandatangan  
(*Signature*)

Pemeriksa Dalam:  
(*Internal Examiner*)

Dr. Mohamad Khairi Hj Othman

Tandatangan  
(*Signature*)

Nama Penyelia/Penyelia-penyalia: Assoc. Prof. Dr. Mohd Zallani Mohd Yusoff  
(*Name of Supervisor/Supervisors*)

Tandatangan  
(*Signature*)

Nama Penyelia/Penyelia-penyalia: Dr. Muhamad Dzahir Kasa  
(*Name of Supervisor/Supervisors*)


Tandatangan  
(*Signature*)

Tarikh:  
(*Date*) **September 25, 2017**

## **Kebenaran Mengguna**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengijazahan Doktor Falsafah Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya bersetuju bahawa sebahagian bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia-penyelia projek penyelidikan ini atau Dean of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences. Sebarang bentuk salinan dan catatan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Adalah dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang rujukan dan kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis ini.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon kepada:



Dean of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok



Awang Had Salleh  
Graduate School  
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

**PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI**  
(*Certification of thesis / dissertation*)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(*We, the undersigned, certify that*)

AINUDDIN MOHD ISA

calon untuk Ijazah \_\_\_\_\_ PhD  
(*candidate for the degree of*)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:  
(*has presented his/her thesis / dissertation of the following title*):

**"PENAAKULAN MORAL, NILAI PROFESIONAL DAN MEMBUAT KEPUTUSAN TERHADAP AMALAN ETIKA AKADEMIK DALAM KALANGAN PENSYARAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU"**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.  
(*as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation*).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **25 September 2017**.

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:  
September 25, 2017.*

Pengerusi Viva:  
(Chairman for VIVA)

Assoc. Prof. Dr. Abd Latif Kasim

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Luar:  
(External Examiner)

Prof. Dr. Ramle Abdullah

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Dalam:  
(Internal Examiner)

Dr. Mohamad Khairi Hj Othman

Tandatangan  
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyaelia: Assoc. Prof. Dr. Mohd Zailani Mohd Yusoff  
(Name of Supervisor/Supervisors)

Tandatangan  
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyaelia: Dr. Muhamad Dzahir Kasa  
(Name of Supervisor/Supervisors)

Tandatangan  
(Signature)

Tarikh:

(Date) **September 25, 2017**

## Abstrak

Pensyarah yang berkhidmat di Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan golongan yang sangat berpengalaman, mengamalkan penaakulan moral dan nilai profesional yang hebat serta menunjukkan amalan etika akademik yang cemerlang. Namun begitu, disebalki kecemerlangan pensyarah, masih juga terdapat laporan dan kes-kes yang melibatkan pelanggaran etika dalam profesi ini. Justeru, kajian dijalankan bagi mengkaji dilema etika akademik ini melalui hubungan antara penaakulan moral dan nilai profesional dengan amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah. Di samping itu, satu pembolehubah moderator iaitu membuat keputusan telah digunakan bagi melihat pengaruh pembolehubah ini ke atas hubungan antara penaakulan moral dan nilai profesional dengan amalan etika akademik responden. Kajian juga mengkaji perbezaan yang signifikan melibatkan beberapa faktor demografi seperti umur, jantina dan tempoh perkhidmatan berdasarkan penaakulan moral, nilai profesional dan amalan etika akademik. Seramai 400 orang pensyarah IPG terlibat sebagai responden dari empat zon iaitu utara, tengah, timur dan selatan. Setiap zon diwakili oleh 100 orang responden dari dua buah IPG dan melibatkan lapan buah IPG dari empat zon keseluruhannya. Metodologi kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik berhubung faktor demografi, penaakulan moral, nilai profesional, membuat keputusan dan amalan etika akademik telah diedarkan kepada responden untuk tujuan mengumpulkan data. Pengkaji menggunakan pendekatan '*Sequential Explanatory Strategy*' (Cresswell, 2003) bagi mendapatkan kedua-dua bahagian data kuantitatif serta kualitatif. Semua data yang telah terkumpul dibuat Ujian *Reliability* dan Ujian Normaliti terlebih dahulu. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara nilai profesional dengan etika akademik. Kajian juga menunjukkan responden telah menggunakan nilai-nilai profesional yang dituntut oleh profesion dalam perlakuan etika akademik mereka. Kajian juga mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan di antara tempoh perkhidmatan dengan nilai profesional responden. Pemboleh ubah moderator (membuat keputusan) pula tidak menunjukkan pengaruh dalam hubungan antara penaakulan moral dan nilai profesional dengan etika akademik. Namun begitu, analisa terhadap data kualitatif pula menunjukkan pembolehubah moderator telah memainkan peranan yang penting. Responden berpendapat, membuat keputusan telah mempengaruhi hubungan penaakulan moral dan nilai profesional dengan amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah. Terdapat juga responden yang mengaitkan peranan agama dalam menentukan sesuatu perlakuan sama ada beretika atau pun tidak. Akhir kata, kajian telah berjaya menghubungkan beberapa teori yang dirujuk oleh pengkaji bagi melengkapkan kajian ini yang mana teori-teori tersebut didapati berasingan sebelumnya.

**Kata kunci:** Penaakulan moral, Nilai profesional, Membuat keputusan, Etika akademik

## **Abstract**

The academic staff at Teacher Education Institutes (Institut Pendidikan Guru) are generally well experienced, possess excellent professional values and moral reasoning capability that are manifested in their practice of outstanding academic ethics. Despite this display of professional excellence, there are still some reports of cases that involve the violation of professional ethics. Therefore, to explore this ethical academic dilemma, this research was carried out to study the correlation between professional values and moral reasoning and the practice of academic ethics among the academic staff of Teacher Education Institutes. In relation to this, a moderating variable, which is decision making, was utilised to study the influence of the moderating variable on the relationship between moral reasoning and professional values and the practice of academic ethics among the respondents. This study also examined the significant difference in demographic factors such as age, gender, duration of professional service with professional values, moral reasoning capability and the practice of academic ethics. A total number of 400 academic staff of Teacher Education Institutes were involved as respondents from the four zones in Peninsular Malaysia, namely the Northern, Eastern, Southern and Central zones. Each geographical zone was represented by 100 academic staff from two Teacher Education Institutes within each zone. Thus, bringing together a total of eight Teacher Education Institutes altogether from the four geographical zones involved. The methodology employed was a survey which utilised questionnaires that were distributed to the respondents to collect data regarding demographic factors, moral reasoning, professional values, decision making and the practice of academic ethics. Cresswell's '*Sequential Explanatory Strategy*' (2003) was employed by the researcher to collect both the quantitative and qualitative data. The data collected were first subjected to Reliability and Normality tests. The findings of this research indicate a significant correlation between professional values and academic ethics. The research shows that the respondents practiced professional values demanded by the profession which manifested in their practice of academic ethics. This research also shows the existence of a significant difference in the respondents' duration of service and their professional values. The moderating variable (decision making) does not show any correlation between moral reasoning and professional values with academic ethics. Nevertheless, the analysis of the qualitative data indicates that the moderating variable had performed an important role. Respondents opined that decision making had influenced the correlation between professional values and moral reasoning and the practice of academic ethics among the academic staff of Teacher Education Institutes. There were also some respondents who indicated that religion influences good ethical practices or otherwise. Finally, this study has successfully linked several previously isolated theories which were referred to by the researcher during the course of completing this study.

**Key words:** Moral reasoning, Professional values, Decision making, Academic ethics

## Penghargaan

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang Segala puji hanya bagi Allah s.w.t, selawat dan salam ke atas Junjungan Mulia, Nabi Muhammad s.a.w. Syukur kehadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat dan hidayahNYA penulisan ilmiah ini sampai di titik akhir. Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih khusus kepada penyelia pertama Profesor Madya Dr Mohd Zailani Mohd Yussof atas kesungguhan dan ketekunan berkongsi ilmu dan pengalaman, kesabaran memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta keikhlasan memberi teguran, nasihat dan motivasi. Ucapan yang sama juga ditujukan kepada penyelia kedua, Dr Muhamad Dzahir Bin Kasa atas ketelitian dan kesungguhan menyemak penulisan ini, memberi pandangan yang sangat ikhlas dan membina serta dorongan yang tidak pernah kenal erti berputus asa.

Ucapan terima kasih ditujukan kepada Universiti Utara Malaysia yang telah memberi peluang dan ruang kepada penyelidik melanjutkan pengajian di peringkat ijazah doktor falsafah. Terima kasih juga pada semua yang terlibat sebagai responden kajian ini. Sekalung penghargaan buat semua pensyarah bidang Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden serta staf UUM, En Abd Aziz Ishak, En Jamal Mohamed, En Shaik Husseinudin serta teman seperjuangan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Akhir sekali teristimewa buat isteri tercinta Sharifah Hanuni Syed Tajul Ariffin serta anakanda yang disayangi Meor Hajeed, Wan Dalila, Meor Muhammad Azeem, Wan Aliya dan Meor Humaidee serta kekanda dan adinda semua, terima kasih atas sokongan, dorongan, pengorbanan dan limpahan doa kalian yang tidak pernah putus selama ini. Tidak dilupa jasa dan didikan kedua ibu bapa dan ibu bapa mertua yang telah pergi lebih awal sehingga mendorong kejayaan saya sehingga di tahap sekarang. Semoga segala sumbangan, pengorbanan dan jasa baik yang diberikan oleh semua pihak mendapat keberkatan daripadaNYA. Semoga Allah s.w.t. menilai usaha ini sebagai satu ibadah dan amal jariah. AMIN.

## Senarai Kandungan

Kebenaran Mengguna	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Senarai Kandungan	vi
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xii
Senarai Singkatan Perkataan	xiii
Senarai Lampiran	xiv
<b>BAB SATU: PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Persoalan Kajian	19
1.6 Hipotesis Kajian	20
1.7 Teori dan Model Rujukan	21
1.7.1 Teori Dua Aspek oleh George Lind	23
1.7.2 Teori Pembangunan Moral oleh Lawrence Kohlberg	24
1.7.3 Teori Membuat Keputusan Beretika	26
1.8 Kepentingan Kajian	33
1.9 Definisi Operasional	35
1.9.1 Etika Akademik	36
1.9.2 Amalan Etika Akademik	37
1.9.3 Penaakulan Moral	37
1.9.4 Nilai Profesional	39
1.9.5 Membuat Keputusan	40
1.9.6 Pensyarah	42
1.9.7 Institut Pendidikan Guru (IPG)	43

1.10 Limitasi Kajian	43
1.11 Kesimpulan	44
<b>BAB DUA: KAJIAN LITERATUR</b>	<b>46</b>
2.1 Pengenalan	46
2.1.1 Perkembangan Moral Individu	47
2.2 Kajian-kajian Berkaitan Penaakulan Moral	51
2.3 Amalan Etika Akademik Pensyarah	58
2.4 Penaakulan Moral Dan Hubungan Dengan Amalan Etika Akademik	71
2.5 Hubungan Moral, Penaakulan Dan Etika Akademik	73
2.6 Pelanggaran Norma Dalam Profesional Pensyarah	79
2.7 Teori Penaakulan Moral	87
2.8 Teori-teori Kajian	94
2.8.1 Teori Dua Aspek	94
2.8.2 Teori Pembangunan Moral Kohlberg	95
2.8.3 Model-model Membuat Keputusan Beretika	99
2.8.4 Nilai Profesional	106
2.9 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Tingkah Laku Etika	111
2.9.1 Hubungan Antara Faktor Demografi Dan Tingkah Laku Etika	114
2.9.1.1 Moral	116
2.9.1.1.1 Proses Pertimbangan Moral	116
2.9.1.1.2 Hubungan Pertimbangan Moral dengan	
Tingkah Laku Etika	130
2.9.1.2 Pelbagai Faktor Individu dan Demografi	133
2.10 Kerangka Teoritikal Kajian	135
2.11 Kerangka Konseptual Kajian	137
2.12 Kesimpulan	140
<b>BAB TIGA: METODOLOGI</b>	<b>142</b>
3.1 Pengenalan	142
3.2 Reka Bentuk Kajian	142
3.3 Populasi Kajian	144
3.4 Persampelan	146

3.4.1 Kaedah Persampelan	146
3.4.2 Pemilihan IPG dan Teknik Persampelan	147
3.4.3 Pemilihan dan Saiz sampel	148
3.4.4 Sampel Temu Bual	150
<b>3.5 Instrumen Kajian</b>	<b>150</b>
3.6 Terjemahan Instrumen	154
3.7 Kesahan Instrumen	154
3.8 Ujian Rintis	157
3.9 Prosedur Analisis Data Kualitatif	159
3.10 Rumusan Analisis Data	162
3.11 Kesimpulan	164
<b>BAB EMPAT: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN</b>	<b>166</b>
4.1 Pengenalan	166
4.2 Ujian Reliabiliti	167
4.3 Ujian Normaliti	168
4.4 Analisa Deskriptif Respondan	169
4.4.1 Jantina	169
4.4.2 Umur Responden	170
4.4.3 Tempoh Berkhidmat	171
4.4.4 Organisasi Wujud Kod Etika Kerja Guru (KEG)	172
4.4.5 Tahu Kod Etika Kerja Guru (KEG)	173
4.4.6 Kursus Berkaitan Etika	173
4.4.7 Pelbagai Kursus	174
4.5 Analisa Data Inferensi	175
4.6 Analisa data kualitatif	187
4.6.1 Pemahaman Terhadap Penaakulan Moral(PM)	188
4.6.2 Pemahaman Terhadap Nilai Profesional(NP)	190
4.6.3 Pemahaman Terhadap Membuat Keputusan(MK)	191
4.6.4 Pemahaman Terhadap Amalan Etika Akademik(EA)	193
4.6.5 Pemahaman Terhadap Hubungan PM,NP,MK dengan AEA	196
4.6.6 Pemahaman Terhadap Hubungan Faktor Demografi Dengan AEA	198

4.7 Rumusan Dapatan Kajian	199
4.8 Kesimpulan	200
<b>BAB 5 : PERBINCANGAN DAN RUMUSAN</b>	<b>202</b>
5.1 Pengenalan	202
5.2 Kajian Secara Umum	203
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	205
5.3.1 Etika Akademik Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	206
5.3.2 Etika Akademik Berdasarkan Jantina	208
5.3.3 Etika Akademik Berdasarkan Umur	212
5.3.4 Penaakulan Moral Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	214
5.3.5 Penaakulan Moral Berdasarkan Jantina	217
5.3.6 Penaakulan Moral Berdasarkan Umur	219
5.3.7 Nilai Profesional Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	222
5.3.8 Nilai Profesional Berdasarkan Jantina	224
5.3.9 Nilai Profesional Berdasarkan Umur	227
5.3.10 Penaakulan Moral Dengan Etika Akademik	229
5.3.11 Nilai Profesional Dengan Etika Akademik	232
5.3.12 Membuat Keputusan Di Antara Penaakulan Moral Dan Nilai Profesional Terhadap Etika Akademik	233
5.3.13 Rumusan Dapatan	239
5.4 Implikasi Kajian Terhadap Aspek Teori	240
5.5 Implikasi Kajian Terhadap Aspek Praktikal	242
5.6 Cadangan Kajian Akan Datang	244
5.7 Kesimpulan	245
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>247</b>

## **Senarai Jadual**

Jadual 1.1	Kes Salah Laku Etika dalam Kalangan Pensyarah	12
Jadual 2.1	Peringkat Perkembangan Moral Kohlberg	50
Jadual 2.2	Taksonomi Falsafah Moral Peribadi oleh Forsyth (1980)	124
Jadual 3.1	Bilangan Pensyarah Mengikut Kampus	145
Jadual 3.2	Rumusan Penggunaan Statistik Bagi Setiap Soalan Kajian	163
Jadual 4.1	Ujian Reliabiliti Keseluruhan Item	168
Jadual 4.2	Ujian Normaliti untuk Setiap Pembolehubah	168
Jadual 4.3	Taburan Jantina Respondan Kajian	169
Jadual 4.4	Taburan Umur Respondan Kajian	171
Jadual 4.5	Tempoh Mengajar Respondan Kajian	172
Jadual 4.6	Organisasi Ada Kod Etika Kerja Guru	172
Jadual 4.7	Bilangan Tahu Kewujudan Kod Etika Kerja Guru	173
Jadual 4.8	Bilangan Responden Mengikuti Kursus Kkerja Guru	174
Jadual 4.9	Jenis Kursus Di Hadiri Respondan Kajian	175
Jadual 4.10	Ujian ANOVA Sehala	176
Jadual 4.11	Ujian T Terhadap Etika Akademik Berdasarkan Aspek Jantina	177
Jadual 4.12	Ujian ANOVA Sehala Terhadap Etika Akademik Berdasarkan Umur	178
Jadual 4.13	Ujian ANOVA Sehala Terhadap Penaakulan Moral Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	179
Jadual 4.14	Ujian T Terhadap Penaakulan Moral Berdasarkan Aspek Jantina	179
Jadual 4.15	Ujian ANOVA Sehala Terhadap Penaakulan Moral Berdasarkan Umur	180
Jadual 4.16	Ujian ANOVA Sehala Terhadap Nilai Profesional Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	181
Jadual 4.16a	Ujian Post Hoc Terhadap Nilai Profesional Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	182

Jadual 4.17	Ujian T Terhadap Nilai Profesional Berdasarkan Aspek Jantina	183
Jadual 4.18	Ujian ANOVA Sehala Terhadap Nilai Profesional Berdasarkan Umur	183
Jadual 4.19	Ujian KORELASI di antara Etika Akademik Dengan Nilai Profesional dan Penaakulan Moral	184
Jadual 4.20	Ujian REGRESI Pengaruh Pembolehubah Penaakulan Moral Dan Nilai Profesional Terhadap Etika Akademik	186



## **Senarai Rajah**

Rajah 1.1:	Model Dua Aspek oleh Lind (2008)	23
Rajah 1.2:	Model Empat Komponen James Rest berhubung membuat keputusan beretika	41
Rajah 2.1:	Model Interaksi Membuat Keputusan Beretika oleh Trevino (1986)	101
Rajah 2.2:	Model Kontigensi Membuat Keputusan oleh Ferrel dan Gresham (1985)	103
Rajah 2.3:	Model Faktor dan Nilai Sejagat Weis dan Shank	109
Rajah 2.4:	Kerangka teoritikal kajian	137
Rajah 2.5:	Kerangka konseptual kajian	139
Rajah 3.1:	Kaedah <i>Sequential Explanatory Strategy</i> Creswell, (2003). <i>Research Design; Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches</i>	144
Rajah 3.2:	Kaedah pemilihan IPG dan responden	149
Rajah 3.3:	Proses menjalankan kajian rintis	159
Rajah 4.1:	Rumusan dapatan kajian	200
Rajah 5.1:	Rumusan dapatan	239

## **Senarai Singkatan Perkataan**

IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
IPTA	Institut Pendidikan Tinggi Awam
PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPM	Perkembangan Penaakulan Moral
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
DIT	<i>Defining Issues Test</i>
CTBI	<i>College Teaching Behavior Inventory</i>
AMS	<i>Academic Misconduct Survey</i>
PM	Penaakulan Moral
NP	Nilai Profesional
MK	Membuat Keputusan
AEA	Amalan Etika akademik
SPM	Soal selidik Penaakulan Moral
SAEA	Soal selidik Amalan Etika Akademik

## **Senarai Lampiran**

Lampiran 1:	Set Instrumen Kajian	270
Lampiran 2:	Teks Temu Bual	286
Lampiran 3:	Soalan Yang Digunakan Dalam Temubual Responden Kualitatif	318
Lampiran 4:	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	319
Lampiran 5:	Institut Pendidikan Guru Malaysia, KPM	320
Lampiran 6:	Senarai Panel Kesahan	321
Lampiran 7:	Kebenaran Menggunakan Instrumen	322



## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Etika merupakan nadi kepada kelangsungan pendidikan yang wujud hingga ke hari ini. Etika itu sendiri tidak mampu bertahan malah memerlukan elemen-elemen sokongan yang membantu demi menghasilkan suatu keputusan atau '*outcome*' yang bernes dan baik. Malah, dalam sektor awam juga swasta, etika berfungsi sebagai agenda penting dalam usaha membangunkan budaya serta sikap kerja cemerlang. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)(1991) telah mengkategorikan etika sebagai satu susunan peraturan atau tingkah laku yang mesti diikuti dan dicontohi atau set kepada prinsip-prinsip moral yang wajib dipatuhi atau juga dikenali satu set tata perlakuan yang perlu diamalkan dan ditaati.

Ruang lingkup etika dilihat lebih luas sehingga melangkaui sempadan menganalisis apa yang betul dan apa yang salah sebagaimana tanggapan oleh ramai manusia. Pelbagai aspek etika telah dinilai dan "kehidupan baik" merupakan sebahagian dari aspek utama tersebut. Kehidupan baik membawa maksud cara hidup yang berkualiti atau saling melengkapi yang mana aspek ini dianggap lebih utama dan mustahak berbanding tingkah laku moral oleh banyak ahli falsafah. Pencarian *summum bonum* adalah antara isu utama dalam etika iaitu "kebaikan yang terbaik". Tindakan dan amalan yang betul dan sering diamalkan dalam masyarakat dikatakan menghasilkan kebaikan yang terpuji manakala amalan yang tidak bermoral yang dilakukan oleh sesiapa dikatakan menghalang dari tercapainya kebaikan yang terpuji tersebut (Shukri & Razali, 2001).

Amalan yang baik serta penerimaan standard etika yang terbaik menjanjikan kejayaan dan kemajuan organisasi. Organisasi tersebut boleh dibahagikan kepada organisasi perniagaan, badan kerajaan, institusi sosial juga kepada setiap individu yang dianggap sebagai satu unit dalam masyarakat(Svensson, Wood, & Callaghan, 2004). Membincangkan topik etika dalam konteks pentadbiran, satu set standard etika yang terbaik dan tinggi mengawal dan mengekang sebarang penyalahgunaan kuasa birokratik (Kernaghan, 2015)

Terma yang digunakan dalam perniagaan pula menganggap amalan etika memberi faedah kepada reputasi dan keuntungan syarikat, “*Good ethics is good business*” (Moore, 1999; Wiley, 1995). Sebaliknya, tingkah laku kaki tangan yang tidak beretika meningkatkan kos secara mendadak dan tidak terkawal dalam organisasi perniagaan, institusi kerajaan dan masyarakat, menjelaskan reputasi(Mc Mahon & Harvey, 2007). Tingkah laku kaki tangan yang tidak beretika juga mendatangkan kesan emosi negatif kepada ahli dan kaki tangan (Karpoff, Lee, & Martin, 2008).

Bidang etika dan membuat keputusan beretika pula dalam kebanyakan bidang menunjukkan seakan-akan telah didominasi oleh satu tanggapan bahawa seseorang yang membuat keputusan beretika perlu atau sepatutnya berada dalam keadaan rasional dan analitik (Sonenshein, 2007). Alasan ini diterima dan dipersetujui kerana dalam situasi rasional dan analitik memungkinkan mereka membuat keputusan yang sebenar dan boleh diterima oleh masyarakat serta komuniti setempat. Sekiranya seseorang mengambil dan membuat keputusan dalam situasi yang tidak terkawal dikhuatiri keputusan dihasilkan tersasar dan tidak menepati kehendak sebenarnya.

Sehubungan itu, etika dan nilai pula secara langsung adalah sangat hampir kepada penaakulan moral seseorang. Penaakulan moral amat berkait rapat dengan sistem perlakuan manusia berdasarkan kepada beberapa prinsip dan syarat. Prinsip-prinsip dalam sistem tingkah laku manusia tersebut perlu dianggap sesuatu yang benar, baik dan patut dilakukan(Abdul Rahman Mohd Aroff & Chang, 1994). Penaakulan moral dapat difahamkan sebagai sangat berkait rapat dengan etika dan sentiasa berkadar dalam membuat sebarang keputusan beretika. Penaakulan moral dibuktikan dengan tingkah laku yang sehaluan dengan keputusan moral yang diambil.

Etika berkaitan akademik merujuk kepada norma yang diterima pakai oleh warga pendidik dalam kerjaya mereka. Norma tersebut juga diterima oleh golongan lain termasuklah ibu bapa dan penjaga serta *stake holder* bidang pendidikan. Oleh yang demikian segala perbuatan pensyarah yang bertepatan dengan norma akademik dinyatakan sebagai amalan etika akademik (Hope, 2008).

Profesjon pensyarah pula berkait terlalu rapat dengan norma dan nilai kemanusiaan. Nilai juga secara tidak langsung membimbing perlakuan manusia walaupun kadang kala manusia tidak mempergunakan nilai untuk diri mereka atau orang lain. Justeru, menyatakan bahawa nilai mewakili komitmen dan mempengaruhi persepsi masyarakat(Aroskar, 1995). Sebaliknya Clark berpendapat bahawa nilai, pengetahuan, kemahiran, peraturan, sikap dengan kesepaduan amalan profesional tertentu akan menyumbang kepada pembangunan profesional seseorang(Clark, 1997).

Etika akademik juga memaparkan panduan mengenai kewajipan, peranan dan perilaku pensyarah. Oleh itu, etika akademik wajar dijadikan panduan dalam

perlakuan dan membuat keputusan apabila berhadapan dengan dilema etika. Institut Tadbiran Awam Negara (1991) atau INTAN telah mendefinisikan etika sebagai satu susunan rujukan terhadap tingkah laku dan tatacara yang perlu dipatuhi atau setiap prinsip moral yang patut ditaati atau juga satu susunan tingkah laku yang perlu diikuti dan di taati oleh setiap ahli dalam organisasi tersebut. Etika juga adalah satu daripada pelbagai bidang dalam pengajian falsafah, fokus terhadap persoalan moral manakala moral merupakan bidang berkaitan tingkah laku manusia(Nash, 2007).

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Etika merupakan satu cabang ilmu pengetahuan yang mengandungi muatan normatif yang menyediakan satu set panduan tentang perilaku manusia dalam masyarakat atau dalam suatu komuniti. Set panduan tersebut adalah berhubung perkara-perkara baik dan buruk atau benar dan salah. Masyarakat ingin melihat mereka yang tergolong dalam perkhidmatan profesional melaksanakan tugas dengan penuh beretika. Perkara ini timbul disebabkan banyak amalan golongan profesional dilihat tidak beretika dan semua perkara tidak beretika tersebut mengundang musibah kepada masyarakat dan natijahnya profesi sendiri hilang wibawanya dari masa ke semasa(Shamsuddin Ahmad, Khairuddin Idris, & Azahari Ismail, 2009).

Patut untuk dinyatakan bahawa amalan tidak beretika boleh diertikan sebagai tingkah laku satu kontinum. Tingkah laku kecil yang tidak disengajakan seperti terlupa pada temujanji hinggalah kepada yang lebih besar termasuklah undang-undang jenayah seperti menghilangkan duit pelanggan atau mencopet. Golongan profesional ini merupakan mereka yang membuat polisi dan keputusan mewakili institusi mereka atau jabatan serta kementerian di mana mereka bekerja. Oleh itu, tuntutan supaya

golongan ini bekerja dengan penuh etika sangat perlu kerana perlakuan dan tindakan mereka boleh menjelaskan kedudukan pelbagai pihak. Perkara penting yang lain ialah golongan profesional ini menjadi rujukan serta panduan kepada kumpulan pelaksana dan mereka yang bekerja pada peringkat yang lebih rendah.

Kajian-kajian lalu melaporkan wujud kecenderungan yang meningkat bagi kes-kes salah laku pensyarah ketika sesi pengajaran dan pembelajaran(Amada, 1994; Schneider, 1998). Laporan tentang pensyarah yang tidak bersedia untuk mengajar atau membuat persiapan ala kadar turut dicatat. Pada masa yang sama, pensyarah mengajar dengan memendekkan masa serta melewatkannya kelas masih berlaku. Sehubungan itu, terdapat pensyarah yang memarahi dan memperli pelajar di samping kerap berjanji namun gagal melaksanakan janji. Pensyarah menggunakan tugas atau apa jua bentuk penilaian bagi memastikan kehadiran ramai pelajar, meleteri pelajar yang ponteng atau gagal memberi respon semasa perbincangan serta menggunakan kata-kata yang berunsur ugutan (Bayer & Braxton, 1998).

Tingkah laku pensyarah yang tersebut adalah tidak selari dengan saranan kod etika akademik yang diamalkan oleh warga pendidik dalam negara ini. Amalan yang tidak selari ini juga boleh dikaitkan dengan penaakulan moral pensyarah berkenaan, bagaimana pensyarah berkenaan membuat keputusan berdasarkan situasi yang berlaku dan bagaimana nilai-nilai profesional yang sepatutnya diamalkan oleh pensyarah berkenaan sepanjang kerjaya. Lanjutan dari itu, kod etika akademik telah dirangka dengan sebaik mungkin merangkumi prinsip-prinsip etika yang menjurus kepada perlakuan beretika, bersikap adil kepada semua. Justeru pensyarah yang

mengamalkan tingkah laku yang selari dengan kod etika sudah pasti memilih keputusan dan tindakan yang beretika (Keith-Spiegel & Koocher, 1985).

Justeru, wajar sekali etika akademik terpilih sebagai rujukan kepada sebarang prinsip moral bagi sebuah institusi berteraskan pendidikan. Etika yang sama diharap dapat mengawal serta mendidik pensyarah untuk terus tekal dengan sikap yang bermoral. IPG sebagai institusi yang berteraskan pendidikan dan bermatlamat untuk mengamalkan dan mengembangkan tingkah laku beretika meminta setiap pensyarah menjalankan tugas selari dengan kemampuan dan keupayaan mereka disamping menjadikan amalan beretika keutamaan dalam kehidupan harian mereka (Roworth, 2002).

Oleh yang demikian, setiap pensyarah perlu sedar dan faham bahawa etika akademik perlu dijadikan rujukan asas untuk membentuk akhlak dan tingkah laku bermoral (Baumgarten, 1982). Seiring amalan etika akademik, pensyarah diminta bersedia dan membina kaedah membuat keputusan berdasarkan prinsip etika akademik dengan mengambil kira persetujuan dengan norma-norma masyarakat, penghormatan diri serta kebebasan individu (Jacob-Tim & Hartshorne, 1998; Kitchener, 1986; Pryzwansky, 1993).

Pandangan yang baik dan bermoral merupakan asas yang sangat relevan untuk mendapatkan satu keputusan yang beretika. Para pensyarah yang ditemui juga mencadang agar etika akademik diambil sebagai satu sempadan dan garis panduan ketika membuat sesuatu keputusan. Amalan terhadap nilai-nilai etika akademik dalam tugas seharian dan ketika membuat sesuatu keputusan dilihat mampu membimbing pensyarah tampil dengan perlakuan bermoral (Coughlan, 2005).

Selaras dengan keputusan beretika, kod etika telah diperkenalkan oleh Institut Pendidikan Guru untuk keperluan pensyarah yang bertugas. Kod ini telah dijadikan rujukan dalam pelbagai gerak kerja terutamanya pengajaran di samping bidang penyelidikan, latihan pembangunan staf termasuk penerbitan artikel dan majalah. Pensyarah yang dikesan menyedari dan mengamalkan kod ini sering menunjukkan keupayaan, tingkah laku dan gerak kerja dengan penaakulan yang amat memuaskan dalam melaksanakan tugas-tugas mereka kepada pihak institut (Narayanasamy & Shetty, 2008).

Namun begitu, terdapat segelintir pensyarah yang mengabaikan etika dan sebaliknya mengambil pengalaman yang telah mereka lalui sebagai panduan untuk mencorak dan menentukan perlakuan. Natijah menjadikan pengalaman masing-masing sebagai bahan rujukan menyebabkan pensyarah membentuk tanggapan bahawa etika akademik merupakan satu konsep yang abstrak dan dijadikan rujukan ketika menangani kes-kes melibatkan pelanggaran terhadap etika akademik.

Sebahagian kecil para pensyarah pula berpendapat bahawa etika akademik merupakan rekaan pihak tertentu untuk dijadikan panduan pensyarah dan etika akademik ini juga dianggap sebagai satu instrumen untuk melabelkan pensyarah yang melanggar etika (Bennett, Behrendt, & Boothby, 2011). Hasil kajian juga mendapati wujud suasana kritikan terhadap profesion pensyarah natijah kegagalan sebahagian pensyarah untuk mengamalkan dan mengajarkan nilai-nilai etika akademik dalam kerjaya mereka (Knight & Auster, 1999; Scriven, 1992). Kajian yang dijalankan mendapati mereka dengan kelulusan pendidikan pada tahap doktor falsafah umumnya menganggap perlakuan yang berhubung kait dengan amalan plagiarisme dan

pemalsuan merupakan amalan yang tidak baik dan amalan tidak beretika berbanding individu pada kelulusan peringkat sarjana(Shu Ching Yang, 2012).

Namun begitu situasi yang sama menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan terhadap jantina dicatatkan. Ulasan yang dapat difahami bahawa mereka pada kelulusan pendidikan peringkat doktor falsafah telah melalui satu sesi latihan akademik yang mantap. Oleh yang demikian, mereka mampu menunjukkan sikap yang berjaga-jaga terhadap isu-isu yang ada kaitan dengan amalan plagiarisme dan pemalsuan berbanding mereka diperingkat sarjana yang masih lagi perlu menjalani latihan dan kursus yang sistematik berhubung akademik.

Kajian yang dijalankan terhadap beberapa buah universiti swasta menunjukkan amalan etika akademik ada diamalkan tetapi masih terdapat banyak kelemahan yang boleh diperbetulkan. Terdapat pensyarah yang tidak menguasai sepenuhnya pengetahuan kandungan terhadap bidang yang diajar dan membuat rumusan tidak merujuk kepada penguasaan ilmu berkenaan. Walau bagaimana pun, etika akademik yang sedang diguna pakai merupakan satu panduan kepada sekalian pensyarah (Engels, Wilborn, & Schnieder, 1990).

Sebagai rumusan, salah laku etika akademik pensyarah merupakan isu umum melibatkan dalam dan luar negara. Kesalahan umum yang kerap berlaku dalam kalangan pensyarah sering kali melibatkan aspek pengajaran dan penyelidikan. Salah laku etika akademik juga boleh dikaitkan dengan penaakulan moral individu pensyarah dalam membuat keputusan sama ada untuk memilih pelakuan bermoral berdasarkan nilai-nilai etika. Kegagalan untuk menaakul dengan baik serta ditambah

dengan menggunakan pengalaman sendiri dilihat boleh menyumbang kepada pelanggaran etika yang lebih rumit menyebabkan para pensyarah gagal untuk mematuhi peraturan bukan sahaja ditempat mereka bekerja tetapi ditempat-tempat awam yang lain. Namun, masalah ini boleh ditambah baik dengan meningkatkan penaakulan mereka melalui program yang dirancang dari masa ke semasa.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pihak KPM telah menjadikan Kod Etika Guru sebagai rujukan dalam menjalankan tugas sehari-hari. Kod Etika Guru ini diambil sebagai satu peraturan dan diguna pakai untuk membantu warga pensyarah dalam membuat keputusan yang bermaruah. Kod etika ini membawa nilai-nilai yang memberi panduan kepada pensyarah tatacara perlakuan beretika yang sebaiknya. Selain itu, Standard Guru Malaysia (SGM) disediakan oleh pihak kementerian sebagai bahan rujukan bagi pensyarah dalam perkara-perkara yang melibatkan peraturan dalam kerjaya. Etika juga adalah merupakan satu daripada pelbagai bidang dalam pengajian falsafah, fokus terhadap persoalan moral manakala aspek moral pula merupakan bidang berkaitan tingkah laku manusia (Nash, 2007). Para pensyarah di IPG dan IPGM sedia menyedari bahawa etika akademik yang mereka amalkan mampu menghasilkan suasana kondusif serta menyelesaikan masalah profesion.

Oleh yang demikian, menyedari peri pentingnya mematuhi Kod Etika ini, pihak kementerian dan IPGM telah menyediakan platform yang sesuai demi memberi kefahaman dan meningkatkan pengetahuan setiap pensyarah dalam memahami kod ini. Lantaran itu, kursus berkaitan etika, kursus induksi, kursus pensyarah baharu,

kursus penerapan nilai serta latihan-latihan melibatkan dalaman dan luaran telah dilaksanakan dan setiap pensyarah perlu melaluinya. Kursus perguruan yang panjang dan pengalaman mengajar yang lama juga tidak kurang membekalkan pensyarah dengan pengetahuan etika yang amat tinggi dan unggul.

Di samping itu, dalam masa yang sama, setiap kursus yang dilalui oleh sekalian pensyarah bukan sahaja dipenuhi oleh pengetahuan dan amalan etika, malah turut di sepakat dengan aspek kemoralan seperti penaakulan, nilai profesional serta aspek membuat keputusan yang tepat dan jitu. Tingkah laku beretika atau tingkah laku bermoral merupakan segala tindak tanduk seseorang terhadap setiap peraturan moral secara tekal dan penuh komitmen. Peraturan moral yang telah sedia ada sebenarnya menyediakan panduan kepada seseorang individu atau kumpulan tentang bagaimana pada setiap masa mampu untuk bertingkah laku secara bermoral (Abdul Rahman Mohd Aroff & Chang, 1994).

Profesional pensyarah tidak seharusnya dicemari dengan amalan yang tidak beretika memandangkan kepentingan profesion tersebut dalam mendidik dan menjadi rujukan kepada bakal profesional yang lain. Universiti perlu bersedia untuk menangani masalah ini dengan lebih berkesan kerana amalan tidak beretika terbukti wujud di setiap institut pengajian tinggi di negara ini. Walau bagaimanapun tidak kurang pentingnya peranan tempat kerja. Tempat kerja tidak boleh mengabaikan peranan ini. Program perlu diatur untuk meningkatkan amalan beretika bagi pensyarah. Amalan tidak beretika perlu dibendung dan ditangani dengan baik, tidak boleh di lihat dengan sebelah mata(Shamsuddin Ahmad, et al., 2009)

Rekod kes-kes yang melibatkan pelanggaran amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah berkait dengan nilai profesional mereka dan terdapat sebahagian pensyarah yang tidak menggunakan penaakulan moral yang baik sehingga mencetuskan amalan yang melanggar amalan etika akademik profesion mereka (Bahagian Sumber Manusia KPM, 2015). Oleh itu, pengkaji ingin menegaskan bahawa faktor penaakulan moral, nilai profesional serta membuat keputusan terlibat menghasilkan amalan yang tidak selari dengan tuntutan etika akademik. Pembolehubah membuat keputusan pula kurang dikaji berdasarkan kepada kajian-kajian lepas dan kajian ini secara serius mengkaji pengaruh pembolehubah membuat keputusan dalam hubungan penaakulan moral dan nilai profesional dengan amalan etika akademik responden.

Pelanggaran etika dan penularan masalah sosial boleh dihuraikan sebagai satu cara hidup yang diamalkan oleh masyarakat tertentu yang mana pelanggaran sudah tentu bertentangan dengan nilai budaya dan nilai keagamaan sesuatu kelompok masyarakat (Ab Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim, Khadijah Abdul Razak, 2004). Kajian yang dijalankan ke atas salah sebuah pusat pengajian awam mendapati pihak pengurusan pusat pengajian tersebut telah melakukan pemantauan dan pengawasan yang ketat bagi menangani masalah pelanggaran sosial yang berlaku di situ (Siti Mariam Samat, 2002). Namun begitu, permasalahan sosial tersebut masih berterusan dan masih berlaku walaupun dilihat tidak kritikal. Faktor-faktor yang dikesan sebagai punca merupakan sesuatu yang berada di luar kawalan pihak pengurusan pusat pengajian berkenaan.

Sikap sebahagian pihak pentadbir institusi-institusi pendidikan dan juga pensyarah-pensyarah yang hanya mementingkan kepada kecemerlangan akademik semata-mata

haruslah diperbetulkan di mana aspek pembangunan insan dan penerapan nilai harus diberikan perhatian yang menyeluruh bagi melahirkan manusia yang cemerlang dan bersahsiah tinggi. Sehubungan itu, hasil kajian mendapati bahawa masih ramai pensyarah yang tidak dapat menerapkan nilai yang baik kepada para pelajar semasa melakukan proses pengajaran dan pembelajaran. Kegagalan ini menyebabkan nilai-nilai yang baik dan berguna ini tidak dapat dikongsikan oleh golongan yang lebih muda (Ab Halim Tamuri et al., 2004).

Melanjutkan perbincangan tentang masalah yang tersebut, pengkaji bersetuju bahawa masih terdapat salah laku yang masih diteruskan oleh pensyarah dalam tempoh perkhidmatan mereka.



Jadual 1.1

*Kes Salah Laku Etika Dalam Kalangan Pensyarah di IPG*

Salah laku etika	Bil kes
1 Pensyarah masuk lewat di kelas	-
2 Kata-kata kasar atau kurang sopan	3
3 Bersifat pilih kasih	-
4 Plagiarisme	-
5 Menjalinkan hubungan asmara dengan pelajar	4
6 Gagal melaksanakan tugas pentadbiran	-
7 Enggan menjalankan penyelidikan dan tugas pengajaran	-
8 Tidak mengambil tindakan teerhadap pelajar yang menipu	-
9 Memberi markah tinggi tanpa mengira kualiti tugasan	-

10	Menggunakan pengukuran yang tidak sah	1
11	Memberi maklumat palsu dalam surat sokongan pelajar	-
12	Gagal menunjukkan contoh etika yang baik kepada pelajar	5
13	Berpura-pura baik dalam kampus	-
14	Tidak mematuhi peraturan institut	2
15	Perlakuan tidak beretika	2
16	Menonton filem/gambar lucah	-
17	Minum minuman keras waktu bekerja	-
18	Merokok @berjudi @hisap dadah	14
19	Ponteng/tidak hadir tanpa sebab	9
20	Bergaduh	-
21	Amalan ajaran sesat / ekstrimis	-
22	Lain-lain yang berkenaan	3
	Jumlah	43

Sumber : Bahagian Sumber Manusia KPM, 2015

Data yang di paparkan dalam Jadual 1.1 di atas merupakan kes yang telah tercatat dalam rekod pihak IPGM bagi tahun 2015 dan telah diambil tindakan yang sebaiknya. Kes-kes tersebut sangat jelas melibatkan pelanggaran kepada Kod Etika yang menjadi rujukan dan amalan dalam kalangan warga IPGM. Kes yang dipaparkan ini tidak melibatkan kes yang digugurkan atas sebab yang tertentu serta tidak melibatkan kes yang tidak dilaporkan.

Merujuk kes yang dilaporkan dalam Jadual 1.1, sebanyak 3 kes melibatkan pensyarah yang menggunakan kata-kata kesat dan kasar serta kurang sopan terhadap pelajar

manakala 4 kes lain mencatatkan hubungan asmara di antara pensyarah dengan pelajar guru. Satu kes berikutnya melibatkan pengukuran dan penilaian yang tidak sah dan 5 kes lain merupakan bukti kegagalan pensyarah menunjukkan etika dan contoh yang baik kepada pelajar.

Kes melibatkan etika ini mewakili lebih kurang 11.6 peratus dari keseluruhan kes yang tercatat. Seterusnya, masing-masing mencatatkan 2 kes di mana melibatkan ketidak patuhan kepada peraturan institut dan gagal menunjukkan tingkah laku beretika dalam profesi. Kes yang melibatkan rokok, judi dan dadah juga agak tinggi dengan 14 kes atau 32.5 peratus dan 9 kes seterusnya berhubung tidak hadir bekerja tanpa sebab atau bersamaan 21.0 peratus. Akhirnya, rekod mencatatkan 3 kes berdasarkan lain-lain faktor melibatkan pelanggaran etika.

Namun begitu, disebalik apa yang dinyatakan tersebut, terdapat ramai pengkaji yang merekodkan pelbagai salah laku pensyarah antaranya tidak berlaku adil dalam penilaian, sering melakukan amalan pilih kasih, tidak tepati waktu, gagal melaksanakan tugas-tugas urus tadbir, menggunakan perkataan yang tidak sesuai semasa sesi pengajaran. Di samping itu, terdapat kes di mana pensyarah lelaki yang telah berkeluarga menjalinkan hubungan intim bersama pensyarah perempuan dengan tidak menjaga tatasusila sepatutnya. Perbuatan tidak beretika tersebut telah menyebabkan lima orang pensyarah telah dipecat dari sebuah IPTA di negara ini sekitar tahun 2003(Maisarah Mohamed Saat, Noriza Mohd. Jamal, & Aniza Othman, 2004).

Justeru, pengkaji dan masyarakat masih sukar untuk menerima kenyataan di mana mereka yang telah melalui satu rentetan kursus yang amat panjang ini masih gagal untuk menyerap setiap ilmu yang dipelajar dan seterusnya diperaktikkan dalam kerjaya mereka. Pelanggaran etika ini amat jelas dan pengkaji teruja untuk melihat hubungan yang dimainkan oleh penaakulan moral, nilai profesional dan keupayaan membuat keputusan terhadap gejala pelanggaran etika yang berlaku ini. Pengetahuan terhadap hubungan faktor-faktor berkenaan diharap dapat meningkatkan amalan etika yang baik dan secara tidak langsung mengurangkan kes-kes pelanggaran yang berlaku.

Kes-kes pelanggaran etika dalam kalangan pensyarah diberitakan bertambah (Amada, 1994; Amada & Smith, 2015; Schneider, 1998). Pensyarah dilaporkan masuk lewat ke kelas, memendekkan waktu kelas serta menggunakan perkataan kurang sopan. Kajian melaporkan, pensyarah menghina pelajar serta membuat teguran yang seksi dan berkelakuan melanggar etika (Braxton & Bayer, 2003). Adalah tidak selari sekiranya etika dan integriti semakin terhakis dari diri pensyarah dan diabaikan (De Russy, 2003). Sebagaimana dilapor, amalan tidak beretika yang dilakukan oleh pensyarah termasuklah meminda dapatan dari penyelidikan, terlibat dalam gangguan seksual, memanipulasikan geran penyelidikan yang diterima dan semua amalan tidak beretika ini merupakan satu realiti dalam bidang pendidikan (Braxton, Eimer, & Bayer, 1996).

Perlakuan yang melanggar etika seperti mengabaikan kebijakan dan keperluan pelajar, masuk ke kelas tanpa persediaan rapi, mengamalkan sikap kasar dan kurang mesra dari segi moral, pemarkahan yang tidak profesional dan menimbulkan pertanyaan dan persoalan oleh pelajar perlu kepada perhatian. Semua perlakuan yang

berlaku seperti yang tersebut adalah di anggap tidak profesional (Callahan, 1982). Perlakuan lain yang dilaporkan sering berlaku ialah pensyarah melakukan seks rambang dengan pelajar, membuat komen-komen yang berbau lucah serta masuk ke kelas dalam keadaan mereka di pengaruhi alkohol (Cahn, 1986). Perlakuan yang tersebut dianggap tidak bermoral kerana pensyarah berkenaan tidak mampu memberi keputusan dan pertimbangan yang adil, nasihat dan pentaksiran yang tepat. Mabuk kerana minuman keras menyebabkan seseorang pensyarah terdedah kepada pelanggaran prinsip moral iaitu gagal menghormati insan lain.

Sifat pilih kasih sama ada terhadap agama, bangsa dan jantina sudah tentu mengakibatkan pelanggaran etika kerja pensyarah. Perkara ini juga akan merencatkan proses pembelajaran kerana pelajar merasakan tiada peluang yang saksama untuk menunjukkan kebolehan dalam mencapai yang terbaik (Markie, 1994). Tingkah laku tidak beretika tidak terkecuali terhadap penilaian dalam penyelidikan. Penyelidikan perlu dinilai secara merit kerana dapatan kajian akan diguna pakai untuk semua. Penilaian penyelidikan berdasarkan bangsa, agama, status, jantina, kualiti individu mesti di elakkan (Cahn, 1986). Tingkah laku yang terlalu berahsia dalam pengajaran akan menghapuskan tanggungjawab bersama dalam pendidikan (Hook, 1994). Hasil kajian menyatakan perselisihan faham seperti yang tersebut hendaklah di selesaikan secara tertutup(Murray, Gillese, Lennon, Mercer, & Robinson, 1996). Kajian oleh Freidson mendapati para pensyarah tidak wajar mengkritik secara terang-terangan(Freidson, 1975). Kritikan yang di maksudkan tersebut seperti komen negatif terhadap kursus anjuran rakan sejawat di dalam mesyuarat.

Justeru, situasi pelanggaran etika yang dikesan dan masih wujud dalam profesi pensyarah telah membuka ruang kepada pengkaji untuk mengkaji hubungan di antara penaakulan moral dan nilai profesional terhadap amalan etika akademik. Kajian yang dijalankan juga memberi fokus kepada mengetahui pengaruh pembuat keputusan di antara penaakulan moral, nilai profesional dengan etika akademik. Sebagai rumusan, pengkaji melihat kepada input yang telah dibekalkan oleh pihak kementerian dan IPGM kepada sekalian pensyarah adalah terlalu banyak namun masih terdapat isu-isu dan kes-kes pelanggaran etika akademik yang terus berleluasa. Keadaan sebegini tampak tidak selari dengan natijah yang diharapkan dan dapatkan kajian ini kelak diharap mampu menjadikan profesi pensyarah lebih berintegriti dan disanjungi.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian dijalankan dengan tujuan mengkaji dengan lebih dekat hubungan beberapa pembolehubah dalam kalangan pensyarah IPG di Malaysia. Pembolehubah tersebut adalah penaakulan moral, nilai profesional dalam profesion dan membuat keputusan beretika terhadap amalan etika akademik seseorang. Oleh itu, objektif yang hendak dicapai telah dirangka antaranya:

1. Mengenalpasti perbezaan signifikan penaakulan moral, nilai profesional dan etika akademik berdasarkan faktor demografi (tempoh perkhidmatan, jantina dan umur)
2. Mengenalpasti hubungan yang signifikan antara penaakulan moral, nilai profesional dengan amalan etika akademik

3. Mengenalpasti pengaruh yang signifikan pembolehubah moderator membuat keputusan di antara penaakulan moral dan nilai profesional terhadap amalan etika akademik

Kajian ini telah menetapkan beberapa faktor demografi seperti umur, jantina dan tempoh perkhidmatan untuk dikaji dari segi perbezaannya. Pemilihan ini merujuk beberapa dapatan kajian lalu yang mendapat keputusan kajian yang berbeza di mana lebih lama seseorang itu bekerja maka etika kerja yang ditunjukkannya adalah lebih baik(Mahmood, Sabitha, Rashidah, & Samihah, 1997). Kajian lain mendapat keputusan berbeza di mana pekerja sementara menunjukkan etika yang lebih baik berbanding pekerja kekal atau tetap(Tang & Tzeng, 1992). Merujuk faktor umur pula, kajian ke atas anggota imegresen dan kajian ke atas anggota Bahagian Audit Dalaman Sekolah menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara lelaki atau wanita terhadap amalan etika kerja mereka(Ali, 2002; Zunaini Alias, 2004).

Sehubungan itu, kajian yang telah dijalankan ke atas umur seseorang mendapat tidak wujud perbezaan yang signifikan antara umur berbanding etika akademik(Syaifulradzman Shaifuddin, 2012). Hasil kajian tersebut sesuai dengan kajian oleh Mohd. Hatta, apabila beliau juga mendapat tiada perbezaan yang jelas di antara umur dan etika. Beliau mendapat kajian ke atas responden dalam Kementerian Belia dan Sukan juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan(Mohd. Hatta Sulaiman, 2001).

## **1.5 Persoalan Kajian**

Pengkaji telah menggariskan beberapa soalan yang melibatkan pembolehubah-pembolehubah yang digunakan serta mengambil pandangan yang menjelaskan bahawa persoalan kajian berfungsi memperlihatkan bagaimana pembolehubah berkaitan antara satu sama lain(Sabitha Marican, 2006). Pembolehubah-pembolehubah yang terlibat adalah penaakulan moral dan nilai profesional sebagai pembolehubah tidak bersandar (IV) manakala etika akademik sebagai pembolehubah bersandar (DV). Kajian ini juga meletakkan satu pembolehubah moderator (MV) iaitu membuat keputusan. Ciri-ciri demografi responden seperti jantina, umur dan tempoh perkhidmatan merupakan sebahagian dari aspek yang digunakan dalam soalan kajian ini. Oleh yang demikian, beberapa persoalan telah dibentuk sebagaimana yang tersebut:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan amalan etika akademik berdasarkan tempoh perkhidmatan, jantina dan umur?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan penaakulan moral berdasarkan tempoh perkhidmatan, jantina dan umur?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional berdasarkan tempoh perkhidmatan, jantina dan umur?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penaakulan moral dan nilai profesional dengan etika akademik?
5. Adakah terdapat pengaruh yang signifikan pembolehubah moderator membuat keputusan di antara penaakulan moral dan nilai profesional terhadap etika akademik?

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Setiap andaian adalah sesuatu pernyataan atau perkara yang boleh terjadi ataupun sebaliknya. Ini dijelaskan dengan konsep bahawa hipotesis merupakan idea, himpunan idea atau andaian yang dibuat bagi diuji sama ada signifikan atau sebaliknya. Tanpa idea pengawalan atau sesuatu yang hendak dibuktikan, kajian tidak membawa hasil kerana tidak ditetapkan apa yang patut diuji dan dibuktikan (Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, & Abdul Rahim Hamdan, 2009).

Untuk menjalankan pengujian terhadap hipotesis, tiga perkara penting perlu diutamakan iaitu soalan-soalan penyelidikan, populasi kajian yang ditakrif dengan tepat (*well-defined population*) dan alat pengukuran yang sesuai dan relevan diperlukan.. Sehubungan itu, pengkaji telah membariskan beberapa hipotesis untuk menguji kenyataan yang terdapat dalam kajian ini. Hipotesis-hipotesis nol tersebut adalah:

- $H_{01}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan etika akademik berdasarkan tempoh perkhidmatan.
- $H_{02}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan etika akademik berdasarkan jantina.
- $H_{03}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan etika akademik berdasarkan umur.
- $H_{04}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penaakulan moral berdasarkan tempoh perkhidmatan.
- $H_{05}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penaakulan moral berdasarkan jantina.

- H<sub>06</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penaakulan moral berdasarkan umur.
- H<sub>07</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional berdasarkan tempoh perkhidmatan.
- H<sub>08</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional berdasarkan jantina
- H<sub>09</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional berdasarkan umur
- H<sub>010</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara penaakulan moral dengan amalan etika akademik
- H<sub>011</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara nilai profesional dengan amalan etika akademik
- H<sub>012</sub>: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan pembolehubah moderator membuat keputusan terhadap hubungan di antara penaakulan moral, nilai profesional dengan amalan etika akademik

### 1.7 Teori dan Model Rujukan

Penyelidik menggunakan Teori Kohlberg dalam melaksanakan kajian ini. Teori penaakulan moral Kohlberg telah membahagikan perlakuan moral kepada 3 peringkat dan setiap peringkat pula terbahagi kepada 2 tahap. Ketiga-tiga peringkat tersebut adalah berurutan dimulai dengan peringkat pra konvensional, konvensional dan pasca konvensional. Nilai moral dikaitkan dengan peraturan masyarakat yang kadang-kadang memberi penilaian yang berbeza terhadap sesuatu tingkah laku, maka sebaiknya ia dihubungkan dengan nilai mutlak iaitu agama yang lebih mutlak, suci dan agung (Ahmad Isa & Samira Sariyati, 2012).

Aspek moraliti merupakan suatu jelmaan dari afek moral dan kemahuan kepada prinsip moral baik dalam masyarakat. Tingkah laku yang baik didasari oleh keinginan seseorang untuk hidup sebagai seorang yang baik dan memiliki penampilan yang baik. Konflik prinsip moral pula boleh berlaku apabila seseorang mendapati wujud pelbagai prinsip disekelilingnya dan pilihan prinsip yang tepat gagal dibuat oleh seseorang untuk bertingkah laku dengan moral baik. Berdasarkan kepada beberapa kenyataan tersebut maka dapat disimpulkan bahawa untuk tingkah laku bermoral, faktor ideal moral sahaja di dapati tidak mencukupi.


Maksud yang lebih jelas ialah seseorang perlu memiliki kebolehan untuk memahami dan menginterpretasikan ideal moral tersebut sebaik mungkin supaya keputusan seharian yang dibuat adalah yang terbaik. Kebolehan dan keupayaan yang perlu dimiliki oleh setiap individu ini dikenali sebagai penaakulan moral. Setelah semua proses di lalui dan di gunakan, hasil akhir ialah perlakuan moral. Perlakuan moral ini adalah perlakuan manusia yang dapat dilihat dalam kehidupan bersama masyarakat (Lokman Mohd Tahir, Mohd Anuar Abd Rahman, & Normah Abd Kadir, 2008).

Kajian yang dibuat mendefinisikan penaakulan moral sebagai kemampuan seseorang untuk meneruskan kehidupan dalam perlakuan yang tekal berdasarkan kod moral masyarakat dan atas rasa tanggungjawab (Walker, 1986). Penyelidik menjelaskan bahawa amalan profesion yang diamalkan oleh seseorang tidaklah terletak kepada pengetahuan kandungan (*content knowledge*) semata-mata tetapi unsur-unsur seperti nilai, kepercayaan dan etika yang telah diterima pakai oleh masyarakat yang berperanan dalam membuat keputusan bermoral.

Oleh itu, adalah suatu yang rumit untuk menerangkan perkaitan antara aplikasi prinsip moral baik boleh melahirkan seseorang yang memiliki serta mempraktikkan perlakuan tidak bermoral. Teori dan model berperanan sebagai alat untuk menerang, meramal dan menjadi panduan kepada sesuatu kajian yang hendak dijalankan. Merujuk konteks kajian ini, kerangka teoritikal utama kajian ialah Teori Dua Aspek oleh Lind (2000). Manakala Model Pembangunan Moral oleh (Kohlberg, 1969, 1981).

### **1.7.1 Teori Dua Aspek oleh George Lind**

Teori Dua Aspek yang diperincikan adalah untuk mengukur dan menstimulasikan pembangunan moral berdasarkan kognitif (Lind, 2000). Teori ini menjelaskan perlakuan moral individu dapat ditentukan berdasarkan moral ideal dan prinsip moral individu. Dua faktor ini menentukan tingkah laku dan kapasiti kognitif individu yang akan diaplikasikan dalam proses pembuatan keputusannya. Teori ini juga menyatakan aspek kognitif dan afektif tidak boleh diasingkan dalam menentukan perlakuan moral individu. Ini bermakna, maklumat dari kedua-dua aspek kognitif dan afektif ini berfungsi untuk menerangkan perlakuan moral individu. Aspek afektif dan aspek kognitif telah menyumbang kepada perlakuan moral seseorang oleh (Jr & Willis, 2013). Perkara tersebut seperti yang terdapat dalam Rajah 1.1 di bawah:



*Rajah 1.1. Model Dua Aspek oleh Lind. G (2008)*

Aspek afektif (emosi) menerangkan arah atau orientasi perlakuan moral manusia dan aspek kognitif menerangkan organisasi struktur perlakuan moral tersebut. Kajian menunjukkan tahap penaakulan moral (aspek afektif) mempunyai perbezaan dan hubungan yang kecil dengan pelakuan bermoral seperti jujur tetapi penaakulan moral mempunyai hubungan yang malar tehadap perlakuan bermoral (Lind, 1985).

### **1.7.2 Teori Pembangunan Moral oleh Lawrence Kohlberg**

Pertimbangan moral merupakan konstruk psikologi yang merujuk kepada set kemahiran kognitif individu yang digunakan dalam menyelesaikan dilema etika mereka (Elm, Kennedy, & Lawton, 2001). Model Pembangunan Moral menyatakan individu melalui siri tahap perkembangan moral berdasarkan kepada proses perkembangan kognitif yang diutarakan oleh (Kohlberg, 1969, 1981; Piaget, 1965).

Piaget percaya bahawa moraliti adalah hasil dari tindakan logik iaitu tindakan manusia berdasarkan kepada implikasi yang akan diterima oleh dirinya dan kepada orang lain. Premis teori pembangunan moral Kohlberg menjelaskan pada awal kelahiran, manusia tidak memahami makna moral, etika dan kejujuran. Keluarga dan masyarakatlah yang menjadi sumber nilai dalam pembangunan moral individu. Penyelidikan yang dilakukan oleh Kohlberg mendapatkan terdapat enam tahap perkembangan moral individu yang menjadi asas orientasi moral oleh Kohlberg. Tahap perkembangan moral ini dikelaskan kepada tiga tahap iaitu pra-kovensional, konvensional dan pasca-konvensional. Setiap tahap ini dibahagikan kepada dua peringkat yang berbeza. Oleh itu, individu akan melalui keenam-enam peringkat dalam proses pertimbangan moral mereka (Kohlberg, 1987).

Pada peringkat pertama perkembangan moral, individu bertingkah laku berdasarkan kepada norma yang diterima dari masyarakat kerana mereka diberitahu supaya berkelakuan seperti itu oleh ibubapa atau guru mereka. Kepatuhan individu terhadap norma masyarakat ini adalah untuk mengelak dari ancaman hukuman. Perkara baik atau buruk pada individu ditentukan oleh kesan yang akan diterima ke atas fizikal individu. Perlakuan individu yang baik pada peringkat kedua ialah perlakuan berdasarkan kepada persetujuan untuk mencapai kepentingan diri masing-masing (Kohlberg, 1987).

Pada peringkat konvensional iaitu tahap ketiga, perlakuan baik individu berdasarkan kepada perlakuan yang diterima oleh orang lain sebagai baik dan menyenangkan. Di tahap keempat individu melakukan perkara yang baik dengan mematuhi undang-undang dan norma masyarakat supaya tidak bertentangan dengan undang-undang dan norma masyarakat tersebut. Pekembangan moral individu pada peringkat kelima ialah perlakuan baik berdasarkan kepada persetujuan sosial merujuk kepada standard dan hak individu. Individu yang berada ditahap ini percaya bahawa setiap masyarakat mempunyai perbezaan pandangan yang relatif terhadap apa yang betul dan salah. Oleh itu, peraturan ini hendaklah dipatuhi dengan mendapat persetujuan dari keseluruhan masyarakat kerana ianya adalah kontrak sosial.

Sesetengah pendapat yang terkeluar dari peraturan relatif kumpulan hendaklah diterima pakai walaupun tidak mendapat sokongan majoriti. Peringkat terakhir iaitu perlakuan individu berdasarkan kepada menghormati prinsip-prinsip moral sejagat dan kesedaran terhadap makna kebaikan sejagat. Ini melibatkan konsep abstrak mengenai keadilan, harga diri manusia dan kesaksamaan. Pada peringkat ini individu

percaya bahawa terdapat nilai umum yang diterima pakai oleh semua masyarakat (Kohlberg, 1987) .

Dalam kontek amalan etika, individu pada di tahap pertama akan mematuhi kod etika profesion atau undang-undang, dengan mengambilkira kesan terhadap perlakuan. Contohnya, individu yang beretika tidak menerima kesan buruk berbanding perlakuan yang tidak beretika. Pada tahap konvensional individu peka terhadap perkongsian jangkaan berdasarkan kepentingan individu dengan mematuhi peraturan dan bertanggungjawab untuk memastikan sistem perundangan berfungsi dan mengelak dari melanggari sistem perundangan tersebut. Pada peringkat pasca konvensional individu akan memilih prinsip-prinsip etika dengan merujuk kepada perundangan khusus atau persetujuan sosial yang berlandaskan prinsip yang diterima sejagat (Panemon, 1990).

### **1.7.3 Teori Membuat Keputusan Beretika**

Pendekatan psikologi untuk membuat keputusan beretika menumpukan kepada bagaimana individu memilih perlakuan yang memenuhi moral ideal. Proses pemilihan perlakuan ini melibatkan pengenalpastian sesuatu situasi dan juga tindakan membuat pertimbangan seperti ya atau tidak, betul atau salah, perlu atau tidak. Proses pertimbangan untuk memilih perlakuan etika melibatkan keadilan kepada mereka yang terlibat dengan keputusan dalam sesuatu situasi. Kajian yang dibuat mengenai proses membuat keputusan dengan cara jurujual didedahkan dengan dilema etika yang dihadapi oleh pengurus jualan untuk memberi rasuah kepada pengurus organisasi supaya membeli produk yang dijual (Vitell, 1986).

Pelbagai aspek senario diberikan kepada jurujual untuk melihat pertimbangan terhadap dilema yang dikemukakan. Reaksi jurujual terhadap dilema etika dikenalpasti berdasarkan pertimbangan etika dan niat terhadap perlakuan yang dilakukan. Melalui pertimbangan ini pemerhatian terhadap proses membuat keputusan individu dapat dikenalpasti. Lanjutan dari kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik, penyelidik-penyelidik lain telah membina model membuat keputusan beretika untuk memahami proses membuat keputusan yang beretika (Ferrell & Gresham, 1985; Hunt & Vitell, 1986; Trevino, 1986; Vitell, 1986).

Masa yang sama, *Interactionist Model of Ethical Decision Making* telah dibina (Trevino, 1986). Model membuat keputusan Trevino menerangkan perlakuan individu dalam situasi dilema etika dapat dijelaskan dengan melihat kepada komponen individu dan situasi. Individu yang menghadapi dilema etika dalam situasi tertentu akan bertindakbalas berdasarkan kognitif yang membezakan sesuatu itu betul atau salah. Namun, membuat hipotesis komponen kognitif dipengaruhi oleh tahap pembangunan moral seperti yang dinyatakan oleh (Kohlberg, 1969). Perlakuan hasil dari kognitif disederhanakan (moderate) oleh kekuatan ego, kebergantungan kepada lapangan, dan lokus kawalan. Faktor situasi iaitu pekerjaan, budaya organisasi, kontek pekerjaan semasa juga mempengaruhi secara moderate kognitif individu terhadap perlakuan.

Menurut kajian, pengalaman yang dilalui oleh individu akan menyumbang kepada perkembangan moral individu (Kohlberg, 1984a). Hasil interaksi komponen-komponen dalam model menghasilkan perlakuan individu yang terlibat. Sumbangan utama model membuat keputusan oleh Trevino ialah sokongan empirikal terhadap

Teori Stuktur Perkembangan Moral Kognitif sebagai pembolehubah untuk menerangkan pembolehubah pertimbangan etika(Trevino, 1986). Pembolehubah-pembolehubah lain yang melibatkan gelagat organisasi dan psikologi yang terdapat dalam model dapat membantu menerangkan hubungan pertimbangan etika dengan perlakuan. Model membuat keputusan kedua yang di kenalpasti untuk dirujuk ialah Model Kontigensi Membuat Keputusan Beretika Dalam Organisasi Pemasaran (*Contigency Model of Ethical Decision Making In A Marketing Organization*) oleh (Ferrell & Gresham, 1985).

Model Kontigensi Membuat Keputusan Beretika Dalam Organisasi Pemasaran menggunakan kerangka kontigensi untuk menerangkan faktor utama yang menyebabkan individu bertingkah laku secara beretika dalam organisasi pemasaran (Ferrell & Gresham, 1985). Perlakuan individu bergantung kepada hasil keputusan yang dibuat sewaktu menghadapi dilema etika yang bergantung kepada faktor individu, individu bermakna dan peluang. Faktor individu bermakna bermaksud keputusan dipengaruhi oleh individu yang menjadi ketua terhadap organisasi tersebut.

Peluang merujuk kepada polisi organisasi secara rasmi dan tidak rasmi yang memberi hukuman atau ganjaran terhadap perlakuan yang tidak beretika. Terdapat tiga sumbangan model membuat keputusan oleh (Ferrel dan Gresham, 1985). Pertama konseptual literatur membuat keputusan khusus dalam pemasaran; kedua model menyediakan struktur multideimensional yang sistematik yang boleh digunakan untuk menginterpretasikan kajian-kajian membuat keputusan sebelum ini,

menyediakan arah kepada kajian membuat keputusan di masa hadapan dan yang ketiga ialah perlunya penelitian empirikal yang sistematik terhadap kerangka membuat keputusan tersebut.

Model membuat keputusan beretika seterusnya ialah Teori Umum Etika Pemasaran (*General Theory of Marketing Ethics*) oleh (Hunt & Vitell, 1986). Model membuat keputusan oleh Hunt & Vitell bertujuan untuk mengenalpasti proses membuat keputusan sewaktu menghadapi dilema etika dalam situasi pemasaran. Hipotesis kepada model ialah individu yang menghadapi dilema etika akan membuat pertimbangan etika berdasarkan penilaian berdasarkan pendekatan etika deontologikal dan teleologikal. Berdasarkan pertimbangan etika individu akan mengenalpasti niat dan dimoderasikan olehkekangan situasi yang memberi kesan kepada perlakuan. Pembelajaran berlaku disepanjang penilaian terhadap akibat dari memilih alternatif dan seterusnya memberi maklum balas untuk menjadi pengalaman individu. Pendekatan deontogikal berdasarkan kepada betul atau salah terhadap perlakuan yang dipilih. Penilaian betul atau salah berdasarkan kepada sistem nilai dan norma perlakuan individu yang terlibat.

Pendekatan teleologikal pula berdasarkan kepada penilaian baik atau buruk yang timbul kesan dari perlakuan individu. Terdapat empat hipotesis yang memberi kesan kepada penilaian berdasarkan teleologikal iaitu tangapan terhadap akibat, kebarangkalian terhadap berlakunya akibat dan pentingnya pihak-pihak yang terlibat. Penilaian deontologikal adalah fungsi kepada sistem nilai individu dan norma perlakuan yang dipengaruhi oleh persepsi individu terhadap situasi dan intepretasi individu terhadap kesan dari keputusan yang dibuat. Berdasarkan penilaian

deontologikal dan teleologikal individu akan membuat pertimbangan etika dengan mengambilkira alternatif pilihan perlakuan yang lebih beretika. Perkaitan di antara pertimbangan etika dan perlakuan dimoderasikan oleh niat. Individu ada kalanya tidak membina niat terhadap perlakuan berdasarkan pertimbangan etika kerana penilaian teleologikal akan memberi kesan secara langsung kepada niat dan melangkau pertimbangan terhadap etika.

Model membuat keputusan tidak memfokuskan kepada niat sebaliknya memfokuskan kepada pembolehubah moderasi seperti nilai yang dipegang oleh individu, pembolehubah personaliti, ciri-ciri individu, kekangan persekitaran dan situasi(Hunt & Vitell, 1986). Perlakuan individu adalah berhubung secara langsung dengan pertimbangan etika yang akan menentukan perlakuan berdasarkan alternatif etika hasil dari pertimbangan etika. Kajian ini mengadaptasikan Model Interaksi Membuat Keputusan Beretika Dalam Organisasi oleh (Trevino, 1986). Rasional menggunakan kajian kerana tahap perkembangan kognitif yang diambilkira dalam menentukan perlakuan beretika. Kajian ini hanya mengenalpasti tahap kognitif pensyarah yang melakukan amalan tidak beretika dengan merujuk kepada proses yang digunakan untuk membuat keputusan beretika. Faktor moderasi dalam model tersebut tidak di ambil kira dalam kajian ini.

Aspek membuat keputusan dirasakan amat penting kerana untuk merealisasikan hasrat dan matlamat pendidikan negara, adalah penting bagi institusi-institusi pendidikan melahirkan bakal guru yang berpengetahuan, berketrampilan, memiliki keupayaan untuk berfikir dalam menyelesaikan masalah serta memiliki kecerdasan

emosi dalam membuat keputusan (Rafizah Abdul Razak & Siti Zarina Syed Nordin, 2013).

Analisis dokumen semasa sesi praktikum pula menunjukkan guru pelatih lemah dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan berdasarkan amalan menyatakan refleksi kritis. Dapatan ini menunjukkan bahawa, pensyarah pembimbing perlu melaksanakan bimbingan secara berterusan dalam aspek tindakan selepas pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan guru pelatih mempunyai kemahiran yang tinggi untuk bertindak membuat keputusan berdasarkan refleksi pembelajaran yang lepas. Ini kerana refleksi dilihat satu keupayaan guru pelatih untuk membuat keputusan, apabila mereka diberi peluang untuk merenung semula aspek kekuatan dan kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka maka sudah tentu hasilnya adalah lebih baik (Ab.Hamid Ali, Abdullah Yusoff, Muhammad Ridzuan Idris, Abd. Aziz Zaki Razali, & Mohd Nazri Abdul Rahman, 2017).

Membuat keputusan yang baik dan membawa keuntungan serta peningkatan prestasi organisasi adalah salah satu ciri kepimpinan seseorang pentadbir. Pentadbir dan guru-guru perlu sentiasa berusaha ke arah kecemerlangan sekolah dalam bidang akademik, kurikulum dan sahsiah pelajar agar menghasilkan modal insan yang berkualiti demi pembangunan negara dan ummah (Norsurayahani Yacob, 2012).

Merujuk kepada sudut Islam pula, proses manusia membuat keputusan dipengaruhi oleh tiga struktur jiwa yang saling bersaing di antara satu sama lain. Menurut Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir, sekiranya qalbu yang menepati fitrah Ilahi dapat mendominasi jiwa ia akan melahirkan keperibadian yang tenang (*al-Nafs al-*

*Mutmainnah*). Manakala apabila jiwa tersebut didominasi oleh akal, ia akan melahirkan keperibadian yang tidak stabil atau sentiasa dalam keraguan (*al-Nafs al-Lawwamah*). Manakala jiwa itu didominasi oleh nafsu, akanlah keperibadian yang jahat (*al-Nafs al-'Ammarah*). Namun begitu, ketiga-tiga struktur ini pada hakikatnya saling berinteraksi di antara satu sama lain. Hasil daripada interaksi ini terbentuklah keperibadian manusia. Keperibadian ini pula boleh berpindah dari satu bentuk kepada bentuk yang lain. Untuk mendapatkan keperibadian yang lebih baik daripada keperibadian yang kurang baik, maka manusia memerlukan rahmat dan hidayah Allah SWT (Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir, 2002).

Apabila seseorang membuat keputusan secara tidak langsung dia akan mengarahkan dirinya terhadap projek atau agenda tertentu dan bermatlamat untuk menjayakannya(Rohani Sulaiman & Zol Azlan Hamidin, 2001). Menurut pengkaji, dalam membuat keputusan pensyarah/pemimpin pendidikan perlu yang pertama mencari maklumat, kedua menjangka keputusan, ketiga bertindak secara beretika dan keempat mengurangkan aspek negatif (Botvin, 2000). Aspek membuat keputusan diambil berdasarkan pelbagai alternatif supaya menepati situasi sebenar atau situasi yang dikehendaki. Justeru membuat keputusan adalah satu proses pemilihan daripada beberapa alternatif yang perlu dilakukan oleh pensyarah/pemimpin pendidikan (Ab. Aziz Yusof, 2004).

Proses membuat keputusan itu dimulai dengan mengenalpasti permasalahan dan menakrifkannya. Kedua diikuti membuat penganalisaan masalah mengikut kepentingan. Ketiga, membuat pembangunan alternatif yang paling sesuai untuk diberi tumpuan. Keempat, melakukan penilaian alternatif. Kelima, memilih alternatif

yang paling terbaik dengan memperlihatkan ciri-ciri kejayaannya. Keenam, melaksanakan pelan tindakan dan diakhiri dengan tindakan susulan iaitu membuat kajian semula terhadap keberkesanan tindakan berkenaan (Trappl, Petta, & Payr, 2001).

### **1.8 Kepentingan Kajian**

IPG telah menggariskan visi dan misi tersendiri dalam usaha melahirkan guru yang kompeten dalam profesi. Visi IPG ialah “IPG Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Guru” manakala misi IPG ialah “Malahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia”. Oleh yang demikian, bagi merealisasikan visi dan misi IPG, kehadiran pensyarah yang mengamalkan disiplin ilmu dan etika akademik yang tinggi amat dialu-alukan. Sehubungan itu, satu kajian perlu dijalankan bagi membuktikan hubungan di antara tahap penaakulan moral tinggi dengan perlakuan bermoral. Kajian juga menunjukkan responden yang memiliki penaakulan moral tinggi mampu beremosi lebih matang, gaya kepimpinan yang lebih demokratik serta mempamerkan kecemerlangan dalam tugas yang diberikan (Mansbart, 2001).

Pensyarah yang berhadapan dengan dilema moral mereka yang rendah sering juga menghadapi emosi yang terganggu dan tidak stabil dan kerap kali gagal menghadapi tekanan (Mansbart, 2001). Generasi pensyarah dengan dilema moral yang rendah ini jugalah yang direkodkan dan dikenal pasti menimbulkan permasalahan kepada pihak pentadbiran di tempat kerja dan sering merosakkan kemurnian etika dalam organisasi. Kerjaya atau profesion mendidik menuntut kepada tahap profesionalisme yang tinggi bagi seorang pensyarah itu untuk benar-benar berwibawa dalam

menjalankan tugasnya. Sebagai seorang pendidik, pensyarah sudah semestinya menunjukkan contoh yang terbaik, selalu melakukan refleksi terhadap diri sendiri agar sentiasa relevan dalam profesion (Iskandar, Rohaty Mohd Majzub, & Zuria Mahmud, 2009). Oleh itu, kajian ini penting bagi mengenalpasti hubungan di antara penaakulan moral, nilai profesional dan membuat keputusan dengan amalan etika akademik agar kualiti pendidikan sentiasa berada di puncak.

Natijah kajian ini memberi impak kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) khususnya bagi merangka mekanisme terbaik untuk pengambilan pensyarah akan datang sesuai dengan tahap penaakulan moral dan nilai profesional mereka. Kursus induksi yang telah tersedia boleh ditambah baik dengan memasukkan elemen-elemen penaakulan moral dan nilai profesional yang sesuai dengan perkembangan yang berlaku. Kursus-kursus pensyarah baharu boleh direncana bagi memastikan tahap standard penaakulan moral dan nilai profesional pensyarah tanpa mengira umur, jantina, tempoh perkhidmatan. IPGK pula boleh merangka bentuk latihan atau Latihan Perkembangan Staf (LPS) yang sesuai bagi mengekal tahap penaakulan moral dan nilai profesional dan seterusnya berusaha meningkatkan lagi ke tahap lebih baik. LPS yang dijalankan memberi fokus kepada mengekal dan meningkatkan kedua-dua aspek tersebut dalam diri pensyarah agar dapat digunakan dalam membentuk kemenjadian amalan etika akademik kelak. LPS juga perlu difokuskan kepada pensyarah-pensyarah yang masih muda supaya amalan etika akademik yang baik dapat ditunjukkan oleh mereka walaupun masih baharu dalam perkhidmatan.

Hasil kajian ini juga dapat membantu IPGM dan IPGK menyedia dan mengenalpasti profail pensyarah masing-masing berdasarkan tahap penaakulan moral dan nilai profesional mereka. Pihak IPGM dan IPGK kelak perlu menyusun gerak kerja bagi memastikan setiap seorang pensyarah memiliki tahap baik dalam kedua-dua aspek dan secara tidak langsung memperlihatkan amalan etika akademik yang semakin baik dalam kalangan pensyarah. Golongan pensyarah yang mengamalkan etika akademik yang baik ini perlu dipastikan tidak terbatas oleh umur, jantina dan tempoh perkhidmatan. Pihak IPGM dan IPGK boleh menambah baik sebarang dokumen atau peraturan berhubung etika berdasarkan kepada keperluan semasa. Ini dapat menjadikan bahawa dokumen tersebut memenuhi skop dan keperluan profesion masa kini. Dapatkan kajian juga dapat membantu IPGM dan IPGK mengenalpasti aspek kekuatan dan kelemahan dalam amalan etika akademik dan mengambil langkah perlu bagi menambah kekuatan dan memperbaiki kelemahan.

### **1.9 Definisi Operasional**

Kajian ini menggunakan pelbagai istilah penting yang sesuai bagi tujuan penerangan. Definisi juga diguna bagi menjelaskan pelbagai istilah dan perkara termasuklah persoalan responden, jenis-jenis pemboleh ubah, analisa data kajian dan sebarang perkara yang terlibat dan hendak diuji. Definisi operasional bermaksud keupayaan dan kemampuan pengkaji untuk menghadam dan memerhatikan dengan sebaiknya konsep-konsep yang digunakan dalam kajian tersebut (Azizi Yahaya, et al., 2009). Selanjutnya, pengkaji akan menghubungkan semua konsep-konsep dengan kajian yang dijalankan menggunakan terma mengikut konteksnya yang tersendiri. Pengkaji juga menggunakan terma tersendiri berhubung definisi-definisi merujuk kepada konsep-konsep yang digunakan.

### **1.9.1 Etika Akademik**

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) (1991) telah mengategorikan etika sebagai satu susunan peraturan atau tingkah laku yang mesti diikuti dan dicontohi atau set kepada prinsip-prinsip moral yang wajib dipatuhi atau juga dikenali satu set tata perlakuan yang perlu diamalkan dan ditaati. Etika (bidang berkaitan etika) juga dikenali sebagai falsafah moral oleh pengkaji-pengkaji moral (Panemon, 1990; Pojman, 1998; Raphael, 1994). Etika merupakan bidang falsafah yang memberi keutamaan dalam memahami nilai hidup, bagaimana kehidupan ini boleh kita lalui dan apakah faktor-faktor yang membentuk perilaku yang betul.

Sehubungan itu, etika akademik yang diguna pakai dalam kajian ini meliputi perkara-perkara yang berlaku di dalam dan di luar bilik kuliah serta segala perkara yang berkait dengan tugas-tugas sebagai seorang pensyarah di IPG. Perkara-perkara yang tersebut adalah perancangan awal kursus, hari pertama kuliah, tingkah laku di dalam kelas, pengendalian kandungan kursus, peperiksaan dan amalan pemarkahan, interaksi pensyarah dan pelajar di kelas, hubungan dengan rakan sekerta dan amalan di luar kelas. Perkara diluar skop yang dinyatakan tersebut tidak termasuk dalam kajian ini.

Etika kerja yang selama ini di manfaatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah bersandarkan kepada nilai-nilai akhlak mulia. Etika juga diperkenalkan dengan tujuan supaya disiplin diri dapat dipertingkatkan demi menjelmakan perkhidmatan yang cemerlang kepada semua pelanggan dan organisasi seterusnya memberi sumbangan positif dan berterusan kepada pembangunan negara dan bangsa.

### **1.9.2 Amalan Etika Akademik**

Tingkah laku beretika merupakan segala tindak tanduk seseorang terhadap setiap peraturan moral secara tekal dan penuh komitmen (Abdul Rahman Mohd Aroff & Chang, 1994). Peraturan moral yang telah sedia ada sebenarnya menyediakan panduan kepada seseorang individu atau dalam kumpulan bagaimana pada setiap masa mampu untuk bertingkah laku secara bermoral. Tingkah laku bermoral adalah merupakan aspek yang berkaitan dengan pemahaman seseorang kerana seseorang individu akan bertindak dan meletakkan sepenuh tanggungjawab mengikut kemampuan sendiri terhadap keputusan yang diambil berlandaskan tahap penaakulan dan emosi moral mereka. Aspek pemahaman juga sangat penting kerana tahap pemahaman seseorang akan menghasilkan natijah yang betul ataupun sebaliknya (Eow, 2000).

Sehubungan itu, kajian ini menjadikan amalan etika sebagai rujukan seperti mana yang terdapat dalam Inventori Gelagat Pengajaran iaitu soal selidik *College Teaching Behaviors Inventory* (CTBI)(Braxton & Bayer, 2003). Amalan dalam inventori ini termasuklah perlakuan di dalam dan di luar bilik kuliah. Amalan tersebut juga termasuk perancangan awal kursus, hari pertama kuliah dijalankan, hubungan sesama pensyarah, pelajar, persekitaran, pengendalian kandungan kursus, peperiksaan serta amalan pemarkahan

### **1.9.3 Penaakulan Moral**

Penaakulan moral dalam kajian ini adalah merujuk kepada keupayaan seseorang pensyarah untuk membuat pertimbangan melalui penaakulan terhadap isu-isu etika atau dilema etika semasa pengarhan di dalam bilik kuliah. Penaakulan pada umumnya

memberi erti keupayaan atau kemampuan untuk membuat penaakulan, cara fikiran yang rasional dan menumpukan perhatian kepada pemilihan dan memahami kesan-kesan darinya. Ini bermakna seseorang yang boleh membuat penaakulan perlu sedar tentang tindakan yang diambil sebelum dan selepas tindakan dibuat (Downey & Kelly, 1978). Penaakulan moral juga dapat difahamkan sebagai satu proses di mana seseorang perlu membuat keputusan terhadap sesuatu perkara yang perlu diambil tindakan ke atas sesuatu dilema moral (Rest, 1986). Dapatkan kajian menjelaskan penaakulan moral sebagai keupayaan seseorang untuk membuat penentuan melalui pelbagai pilihan serta membuat keputusan berhubung kes-kes yang spesifik (Bancroft, 2003). Sebahagian pengkaji pula mendefinisikan penaakulan moral sebagai suatu proses penaakulan di mana perlakuan manusia dinilai selari dengan prinsip moral (Velasquez, 2006).

Aspek penaakulan moral adalah aspek yang sangat penting dalam diri seseorang (Kohlberg, 1975). Ini disebabkan penaakulan moral merupakan aspek pemikiran yang menentukan tingkah laku atau tindakan yang akan dibuat oleh seseorang. Kenyataan di atas adalah berdasarkan kajian terhadap calon-calon dalam satu peperiksaan yang telah mengamalkan tingkah laku meniru. Keputusan kajian mendapati bahawa mereka yang sering mengamalkan penaakulan pemikiran yang tinggi kurang terlibat secara langsung dalam aktiviti meniru dalam peperiksaan. Meniru adalah satu dari perkara salah laku yang sering terjadi dalam dewan peperiksaan walau apa jua peringkat. Pandangan Kohlberg itu telah dipersetujui oleh sebahagian pengkaji berdasarkan situasi tersebut (Walker, 1986).

#### **1.9.4 Nilai profesional**

Nilai profesional yang dirujuk dalam kajian ini berdasarkan kepada soalan-soalan yang telah tercatat dalam soal selidik berhubung nilai profesional yang ada dalam diri pensyarah. Nilai-nilai lain di luar dari skop soal selidik tersebut tidak termasuk dalam kajian ini. Nilai profesional ini telah sebatи dalam diri pensyarah melalui latihan formal dan tidak formal dan digunakan dalam menentukan amalan etika akademik mereka. menyatakan perspektif terhadap nilai dikesan bermula daripada Plato, yang menyifatkan kebaikan sebagai suatu nilai atau idea mutlak. Idea inilah yang mencorakkan semua perkara yang mencorakkan semua perkara yang berupa bentuk tampak. Justeru, seperti dinyatakan oleh Bayyumi, Plato meletakkan nilai lebih tinggi kedudukannya berbanding dengan material.

Naymen menyatakan seseorang kakitangan yang mempunyai nilai/tahap profesional perlu memiliki beberapa ciri dalam melakukan tugas mereka. Saranan beberapa ahli sosiologi pekerjaan berhubung kriteria dalam amalan nilai profesional bagi setiap pekerjaan ialah komitmen, tanggung jawab, kepakaran dan autonomi(Nayman, 1973).

Nilai mewakili komitmen dan mempengaruhi persepsi masyarakat(Aroskar, 1995). Nilai juga secara tidak langsung membimbing perlakuan manusia walaupun manusia tidak mempergunakan nilai untuk diri mereka atau orang lain. Grimmett dan MacKinnon menegaskan bahawa nilai profesional yang perlu ada pada seorang pensyarah banyak melibatkan aspek pengajaran(Grimmett & MacKinnon, 1992). Seorang pensyarah perlu peka terhadap perkembangan remaja, menguasai pelbagai bidang kognitif, sosial, fizikal dan emosi, berkeupayaan menilai dengan baik, menyumbang kepada pembelajaran yang konkret, berkolaboratif dan sentiasa

memberikan galakan terhadap kemajuan pendidikan. Nilai profesional yang melibatkan pengetahuan dan pemahaman ialah keupayaan memiliki pengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam bidang berkenaan.

### **1.9.5 Membuat Keputusan**


Membuat keputusan dalam kajian ini bermaksud keupayaan pensyarah atau responden untuk menentu dan membuat keputusan yang tepat berdasarkan kepada lima situasi seperti yang dicatatkan dalam soal selidik kajian. Membuat keputusan berdasarkan perkara di luar dari lima situasi tersebut tidak termasuk dalam kajian ini. Sehubungan itu, Ainon Mohd telah mendefinisikan aspek membuat keputusan sebagai suatu usaha dan proses menentukan pilihan yang tepat terhadap satu atau lebih alternatif secara sedar dan rela dengan tujuan mencapai suatu keadaan yang diharapkan(Ainon Mohd, 2003)

Idea yang semacam sama dinyatakan oleh pengkaji lain dengan mendefinisikan pembuatan keputusan sebagai satu usaha yang dibuat bagi memilih keputusan terhadap satu atau lebih alternatif dalam keadaan normal dan sedar. Mereka juga menegaskan bahawa setiap keputusan merupakan satu hasil dari proses yang dinamik serta dipengaruhi oleh pelbagai faktor (Mc Shane & Von Glinow, 2005). Keputusan yang efektif dan berkesan merupakan keputusan yang akan memberikan kesan yang positif kepada individu, organisasi serta persekitarannya. Membuat keputusan sememangnya penting dalam kehidupan manusia biar pun apa profesi mereka.

Penggunaan logik akal seseorang adalah sangat penting dalam membuat keputusan kerana penggunaan akal biasa saja terdedah kepada kesilapan keputusan. Membuat

apa jua keputusan untuk diri sendiri, keluarga, organisasi, masyarakat dan negara adalah sesuatu yang penting. Sesuatu keputusan itu adalah baik sekiranya keputusan tersebut memberi kesan selepas dilaksanakan(Ainon Mohd, 2003).

Pengkaji seperti Rest pula mencadang beberapa aspek yang berbeza berhubung moraliti yang menyumbang kepada pembuatan keputusan beretika yang mana moraliti itu sendiri adalah terdiri dari beberapa proses yang pelbagai dan beliau menghasilkan model moraliti dikenali sebagai 'Model Empat Komponen' (Rest, 1986). Wujud empat proses psikologi dalam yang saling bekerjasama melonjakkan tingkah laku seseorang sebelum sesuatu keputusan beretika dibuat. Keempat-empat proses tersebut adalah melibatkan sensitiviti moral, penilaian moral, motivasi moral dan tingkah laku moral. Kesemua aspek digabungkan dalam 'Model Empat Komponen' seperti Rajah 1.2 di bawah:



Rajah 1.2. Model Empat Komponen James Rest Berhubung Membuat Keputusan Beretika

Secara umumnya keputusan beretika bukan hanya dibuat oleh individu guru sahaja malah sesiapa sahaja melibatkan kehidupan seharian. Bagi profesion keguruan, pensyarah kerap membuat keputusan berhubung pengajaran, disiplin dan kebijakan pelajar, peraturan dan akta yang diguna pakai semasa serta melibatkan profesion sendiri (Ainon Mohd, 2003).

### **1.9.6 Pensyarah**

Golongan pensyarah merupakan golongan tenaga pakar yang mempunyai pengetahuan, ketrampilan, berkemahiran tinggi dan kompeten dalam jurusan mereka masing-masing (Norhasni Zainal Abidin & Mohd Rafaai Ayudin, 2008). Skop tugas dan dunia pensyarah bukan sahaja menyampaikan kuliah tetapi dalam masa yang sama perlu melaksanakan pelbagai tugas lain. Tugasan-tugasan tersebut termasuklah menjalankan penyelidikan berbentuk ilmiah seterusnya menghasilkan penulisan yang juga berbentuk ilmiah. Kesemua produk pensyarah ini menjadi khazanah buat rujukan masyarakat. Di samping itu, pensyarah turut terlibat dalam membentang kertas dan dapatan kajian dalam seminar-seminar tempatan mahupun antara bangsa, menyelia kerja projek pelajar serta menyelia tesis-tesis graduan.

Pensyarah perlu sentiasa bersedia menghadapi cabaran, mempunyai idea dan wawasan yang besar, berperanan sebagai pemimpin masyarakat dan *role model*, bersifat prolifik dalam kegiatan penulisan. Apa yang paling utama ialah bersikap positif dalam apa jua situasi, penuh komited dan melihat setiap isu yang timbul dalam masyarakat sebagai satu tanggung jawab yang perlu dikongsi dan diselesaikan bersama (Norhasni Zainal Abidin & Mohd Rafaai Ayudin, 2008).

Kajian ini menentukan bahawa pensyarah merujuk kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan ( PPP ) yang bertugas di IPG. PPP yang dimaksudkan adalah mereka dengan rekod perkhidmatan sekurang-kurangnya tiga tahun di IPG dan masih lagi bertugas di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Pensyarah yang terlibat meliputi pelbagai kaum, agama dan jantina serta mengajar dalam bidang yang pelbagai. Pensyarah pula terbahagi kepada beberapa tahap merujuk kepada gred yang

mereka miliki sama ada DG 44, 48, 52, 54 dan Gred Khas. Tahap DG 44 adalah kelayakan minimum untuk menjadi seorang pensyarah di IPG.

### **1.9.7 Institut Pendidikan Guru (IPG)**

IPG yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah institusi yang terlibat secara langsung melatih dan mengeluarkan guru-guru yang akan berkhidmat di sekolah-sekolah bandar atau luar bandar. IPG yang terdapat di Malaysia berjumlah 27 buah dan telah dinaik taraf kepada universiti atau IPTA bermula tahun 2008. Sehubungan itu, IPG dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) adalah dirujuk sebagai institusi yang mempunyai keutamaan dalam pengajaran. IPG adalah institusi yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan terikat dengan akta dan peraturan yang sedang berjalan dan diguna pakai oleh pihak kerajaan Malaysia dan kementerian yang berkenaan. IPTA lain yang terdapat dalam negara ini adalah tidak berkaitan.

### **1.10 Limitasi Kajian**

Kajian ini melibatkan pensyarah yang sedang berkhidmat di IPG serata negara. Kumpulan pensyarah yang terlibat terdiri dari mereka yang telah berpengalaman mengajar dan sangat berpengalaman dalam satu atau lebih bidang pendidikan. Penyelidik hanya merujuk kepada amalan etika akademik dan norma ini hanya terdapat di pusat pengajian tinggi yang meletakkan pengajaran sebagai keutamaan.

Di samping itu, kajian melihat kepada kemampuan kognitif dalam kalangan pensyarah berhubung konsep-konsep yang digunakan. Faktor-faktor organisasi yang mempengaruhi individu dalam membuat penaakulan moral tidak dilihat. Pengkaji turut mengkaji hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan

termasuk faktor demografi dalam hubungan yang wujud antara pemboleh ubah. Kajian hanya melibatkan pensyarah yang berada dalam lingkungan gred bermula dari DG 44 sehingga gred JUSA (Gred Khas). Pensyarah yang tidak termasuk dalam lingkungan ini, secara langsung tidak terlibat. Kajian meliputi pelbagai agama, bangsa serta jantina. Kajian ini juga melibatkan responden dari IPG kampus yang telah dibahagikan kepada 4 zon. Zon-zon tersebut adalah zon utara, zon selatan, zon tengah dan zon timur. IPG bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah terkecuali.

### **1.11 Kesimpulan**

Pengkaji telah menjelaskan latar belakang dan masalah yang mendasari kajian ini dan akan mengenalpasti hubungan penaakulan moral, nilai-nilai profesional dan membuat keputusan terhadap etika akademik dalam kalangan pensyarah di IPG. Penaakulan moral dijangka mempunyai hubungan dengan pembolehubah yang digunakan. Pensyarah dengan amalan etika akademik yang tinggi menyumbang sesuatu yang baik kepada IPG. Misi dan visi untuk melonjakkan kecemerlangan IPG perlu disokong dengan atmosfera yang kondusif dan tegas di mana aspek integriti dihargai, sebaliknya pelanggar etika dan perlakuan tidak bermoral diberikan hukuman setimpal. Kehebatan moral bukanlah amalan moral seseorang yang boleh dikuasai dalam waktu singkat tetapi boleh dicapai sekiranya persekitaran dan suasana IPG menggalakkan dan membenarkan secara telus perjuangan untuk menegakkan kebenaran. Kehebatan moral ini penting kerana pensyarah merupakan komponen utama yang memainkan peranan yang sangat berkesan bagi memastikan pelaksanaan kurikulum tersurat dan tersirat seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan berjaya sepenuhnya (Abdul Ghafar & Ariffin, 2008). Oleh yang demikian, pengkajian terhadap aspek-aspek penaakulan moral, nilai profesional dan membuat keputusan

merupakan suatu yang perlu dalam usaha meletakkan pensyarah tetap relevan dalam sistem pendidikan negara masa kini.



## BAB DUA

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pendahuluan

Perbincangan dalam bab ini adalah berhubung perkara seperti pembolehubah-pembolehubah kajian iaitu penaakulan moral, nilai profesional, membuat keputusan serta etika akademik. Perbincangan juga termasuk kerangka teori kajian, kerangka konsep kajian, model-model kajian dan lain-lain perkara yang berkaitan. Keterangan mengenai penaakulan moral, nilai profesional dan hubungan dengan membuat keputusan dan etika akademik turut dibincangkan. Pelbagai kajian telah dijalankan berhubung topik-topik tersebut tetapi fokus kajian tidak hanya tertumpu kepada kumpulan pensyarah atau pengajar sahaja malah melangkaui pelbagai profesi namun masih berkisar pada tajuk dan fokus yang sama.

Sebagaimana yang diketahui, IPG merupakan sebuah institusi pendidikan yang mengamalkan penganugerahan terhadap pencapaian para pensyarahnya. Penganugerahan ini melibatkan pencapaian dalam aspek-aspek penguasaan isi kandungan (*content knowledge*) serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), personaliti, sumbangsan kepada IPG dan pihak luar serta pelbagai bidang lain. Persekutuan kerja yang dilihat dan sememangnya bersaing ini mengakibatkan pensyarah terlibat dan berhadapan dilema untuk memartabatkan etika dalam tugas sehari-hari mereka.

Kajian mendapati, pensyarah dengan penaakulan moral yang tinggi merupakan mereka yang mampu mempraktikkan nilai-nilai etika akademik dalam kerjaya mereka kerana kemampuan pensyarah membuat pilihan yang tepat (Yu Lin, 2009).

### **2.1.1 Perkembangan Moral Individu**

Aspek penaakulan moral yang dimaksudkan dalam kajian ini pula adalah berdasarkan model perkembangan moral oleh Kohlberg. Peringkat-peringkat perkembangan moral ini menunjukkan perkaitan antara perlakuan bermoral dan penaakulan moral. Perbezaan tahap moral individu sama ada tinggi atau rendah adalah merujuk kepada kemampuan penaakulan mereka terhadap dilema etika. Seseorang yang menguasai tahap penaakulan moral yang tinggi kelihatan mengamalkan kelakuan lebih bermoral (Colby & Kohlberg, 1984).

Secara spesifik, model Kohlberg menerangkan perkembangan hiraki moral seseorang ketika berhadapan situasi moral (dilema etika). Kesemua tahap dalam model tersebut menerangkan bagaimana pemikiran logik moral seseorang bertaut. Kohlberg menjelaskan bahawa setiap orang akan mengalami proses penaakulan moral bermula dengan tahap satu (1). Peningkatan sehingga ketahap enam (6) menunjukkan peningkatan keupayaan individu dalam menyelesaikan masalah. Secara umumnya, mereka dengan kesedaran, kefahaman, pentafsiran dan pengelolaan pengalaman lebih tinggi, kelihatan lebih bersepdu dan menyeluruh. Pemeringkatan tahap berlaku apabila wujud kesukaran dan perselisihan pemikiran. Otak dan kuasa pemikiran manusia akan mewujudkan satu kerangka baharu untuk menyelesaikan kesukaran dan ketidak selarian tersebut. Kohlberg mengandaikan secara spesifik bahawa semakin tinggi tahap perkembangan moral seseorang maka perlakuan mereka menjurus kepada lebih bermoral (Kohlberg, 1969).

Pada peringkat ke enam, individu mampu untuk mendakwa keputusan yang diambil sama ada bermoral ataupun tidak. Individu yang telah mencapai tahap enam sering

kali memberikan pandangan yang agak berbeza berhubung perkara yang betul dan salah berbanding tahap-tahap lain. Sehubungan itu, mereka di peringkat enam juga memiliki autonomi moral terutamanya perkara berhubung hak-hak moral individu (Kohlberg & Candee, 1984).

Penyelidik lain pula telah menggunakan satu kaedah pengukuran penaakulan moral seseorang dengan memperkenalkan satu alat ukur dinamakan sebagai *Defining Issues Test* (DIT) untuk menerangkan tahap perkembangan moral kognitif individu terhadap dilema etika (Rest, 1979a). Boleh dikatakan secara spesifik, pengukuran DIT berdasarkan konsep keadilan diri selaras tahap perkembangan kognitif moral dan keupayaan membuat keputusan bermoral. Hasil kajian telah menjelaskan bahawa seseorang yang telah mencapai tahap kognitif moral yang tinggi didapati lebih positif ke arah penaakulan moral yang betul dan tingkah laku mereka juga adalah sehaluan dengan penaakulan moral mereka(Kohlberg & Candee, 1984; Rest, 1979a). Teori Perkembangan Moral Kohlberg berhubung aspek kognitif telah membuktikan bahawa telah wujud hubungan antara perkembangan kognitif moral dengan perlakuan beretika.

Lanjutan dari itu, Model Kohlberg mampu untuk menentukan seseorang yang menggunakan perkembangan kognitif moral ketika berhadapan dilema etika. Mereka yang berada pada tahap perkembangan lebih tinggi dikenalpasti lebih selari dengan prinsip dalaman moral individu ketika membuat keputusan beretika. telah mengesahkan bahawa seseorang pada penaakulan moral lima dan enam lebih tekal dalam hubungan penaakulan moral dan perlakuan moral(Trevino, 1986). Semasa

berhadapan dengan proses membuat keputusan ketika bertemu dilema etika, kognitif moral individu kerap kali menjadi rujukan.

Pengkaji lain telah membincarakan aspek perkembangan sebagai sebahagian komponen pembangunan intelektual kanak-kanak(Piaget, 1932). Individu yang berbeza mempunyai kelainan persepsi terhadap sesuatu objek kerana gambaran mental berbeza berdasarkan latar belakang pengalaman masing-masing. Piaget seterusnya telah mengenalpasti bahawa kognitif moral seseorang menjalani tahap pengembangan dan tahap tersebut boleh dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu intuitif, operasi konkrit dan operasi formal. Konstruk psikologi tersebut dinamakan sebagai penaakulan moral.

Penaakulan moral aras tinggi terhadap penaakulan logik seseorang(Kohlberg, 1958). Beliau berpendapat, setiap perkembangan moral diikuti secara positif oleh perkembangan kognitif individu. Mereka yang telah berada pada tahap kognitif konkrit (penaakulan terhad) didapati gagal mengenalpasti dan merumuskan hubungan antara elemen pembuat keputusan. Seseorang itu juga tidak upaya memahami kemungkinan kontingensi dan kesan dari sesuatu tindakan. Individu juga gagal untuk mengasimilasi segala kemahuan terhadap aspek pembuat keputusan bagi memuaskan moral ideal (Kohlberg, 1969).

Kohlberg telah mengenalpasti hubungan perkembangan moral dan kognitif. Hal ini di sebabkan atas pertimbangan kognitif kelak terkesan ke atas afek tindakan moral. Kohlberg juga memahami kemampuan penaakulan moral ditahap tinggi memerlukan perspektif interpretatif sosial serta keupayaan individu membaca pemikiran, perasaan

dan kesan kepada orang lain terhadap keputusan dibuat. Bagaimana interpretasi individu tertentu terhadap sebab kewujudan adalah amat penting. Semua perkara yang tersebut (sistem kerjasama sosial, peranan dan perspektif sosial) penentu kepada pembangunan kognitif dan tindakan moral (Feffer & Gourevitch, 2000; Rest, 1979). Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, penyusunan perkembangan moral kepada enam peringkat dan peringkat-peringkat tersebut pula dikumpulkan dalam tiga tahap(Kohlberg, 1987). Tahap-tahap ini berubah berperingkat-peringkat secara berurutan. Bagi setiap tahap, seseorang tidak lagi terus terikat dengan definisi yang diberikan oleh Kohlberg disebabkan keupayaan interpretasi logik seseorang juga semakin meningkat. Setiap tahap Kohlberg adalah merujuk Jadual 2.1 di bawah.

Jadual 2.1

*Peringkat Perkembangan Moral Kohlberg* oleh Kohlberg (1987).

Tahap	Perkara yang betul untuk dilakukan
Pra-kovensional	<p>A. Orientasi denda dan kepatuhan (kesan fizikal menentukan perkara yang baik dan jahat)</p> <p>B. Orientasi instrumental relativis (perkara yang memuaskan keperluan diri sendiri adalah lebih baik)</p>
Konvensional	<p>C. Orientasi persetujuan antara individu (perkara yang menyenangkan @ membantu orang lain adalah baik)</p>

	<p>Berbuat baik adalah baik dan bermakna mempunyai motif yang baik, menunjukkan keprihatinan terhadap orang lain, memelihara hubungan baik seperti saling mempercayai, setia dan hormat.</p> <p>D. Orientasi undang-undang dan peraturan (memelihara order sosial, melaksanakan tugas @ tanggungjawab adalah baik)</p>
Pasca konvensional	<p>Menyempurnakan kewajipan sebenar kepada orang yang dipertanggung jawabkan ke atas kita.Undag-undang mestilah dipatuhi melainkan dalam kesesuaian tertentu apabila terdapat konflik dengan tugas sosial. Perkara yang benar termasuk menyumbang kepada masyarakat atau institusi</p>
E. Orientasi kontrak - legalistik sosial (nilai yang dipersetujui masyarakat, termasuk hak-hak individu @ peraturan untuk mencapai persetujuan, menentukan perkara yang sebenar)	<p>Menyedari manusia mempunyai pelbagai nilai dan pendapat, nilai utama dan peraturan adalah relatif kepada sesuatu kumpulan. Peraturan relatif ini hendaklah dipatuhi, bagaimanapun hendaklah mendapat persetujuan komuniti kerana ia adalah kontrak sosial. Setengah pendapat yang terkeluar dari peraturan relatif kumpulan harus digunakan walaupun tidak mendapat sokongan majoriti</p> <p>Mengikut prinsip etika sendiri,Undang-undang tertentu atau persetujuan sosial selalunya sah kerana ia berlandaskan kepada prinsip tertentu. Prinsip ini adalah universal kerana berlandaskan keadilan, kesaksamaan dalam 'human right' dan hormat kepada manusia sebagai seorang individu.</p>

Sumber : Kohlberg (1987). *The Measurement of Moral Judgment*

## 2.2 Kajian-kajian Berkaitan Penaakulan moral

IPG telah membekalkan kepada setiap pensyarah kefahaman etika akademik sebagai panduan dalam profesion. Pensyarah yang melazimi amalan etika akademik berkebarangkalian tinggi untuk menyumbang kebaikan kepada institusi mereka

seperti meningkatnya tanggungjawab moral semasa melaksanakan tugas. Etika akademik membariskan tugasan pensyarah terutamanya terhadap pengajaran juga terlibat dalam menjalankan penyelidikan, penerbitan dan pembangunan komersialisme. Pensyarah dengan kemampuan penaakulan moral tinggi dijangkakan berkelakuan sangat beretika semasa menghadapi dilema etika dalam tugas sehari-hari mereka (Kohlberg, 1984b).

Amat memerlukan apabila terdapat kajian yang mendapati bahawa calon guru yang pada mulanya berada pada penaakulan moral berprinsip di awal tahun pengajian menunjukkan penurunan yang signifikan terhadap penaakulan moral mereka pada akhir pengajian (Lampe, 1994; Mc Neel, 1994). Keputusan daripada beberapa kajian yang meninjau berkenaan penaakulan moral dalam kalangan bakal guru menyatakan bahawa pertama, skor penaakulan moral mereka adalah lebih rendah daripada pelajar dalam bidang lain-lain, kedua, penaakulan moral bakal guru ini dilihat sebagai tidak meningkat daripada tahun pertama hingga ke tahun akhir pengajian dan ketiga, skor penaakulan moral pelajar senior bidang pendidikan tidak banyak bezanya dengan pelajar junior dalam bidang lain (Cummings, Dyas, Maddux, & Kochman, 2001; Mc Neel, 1994; Yeazell & Johnson, 1988). Perkara yang tersebut berlaku disebabkan program pendidikan yang melatih calon-calon untuk menjadi seorang guru tidak disertakan dengan modul atau pengisian pembangunan moral. Oleh yang demikian, sepanjang pengajian tersebut tiada perbincangan berhubung moral dibuat.

Satu dari kajian yang dijalankan oleh (Forker & Janson, 1990; Handfield & Baumer, 2006) lebih menumpu kepada penaakulan moral dalam kalangan pekerja berhubung amalan etika mereka. Kajian yang dibuat dalam sebuah organisasi mendapati

penaakulan moral pekerja mempunyai hubungan dengan amalan etika, (Le Clair, Ferrel, & Fraedrich, 1998). Kajian tersebut mendapati semakin baik penaakulan moral pekerja maka dilihat peningkatan dalam amalan etika mereka.

Para pengkaji pula menegaskan dapatan kajian berhubung penaakulan moral mendapati, mereka dengan penaakulan moral tinggi berkelakuan atau bersikap lebih beretika(Falkenberg, 2004; Werhane, 1998). Individu yang beretika perlu mempunyai penaakulan moral yang baik untuk digunapakai bagi membuat pilihan yang tepat. Penaakulan moral melibatkan proses kognitif yang digunakan oleh seseorang dalam membuat sebarang keputusan (Trevino & Youngblood, 1990). Sorotan lalu juga mendapati wujudnya hubungan positif bagi penaakulan moral tinggi berbanding perlakuan beretika (Ryan, 2001). Pandangan dan pendapat ini telah mendapat sokongan Kohlberg yang juga mengutarakan pandangan tentang kematangan moral yang dibuktikan melalui kajian mempengaruhi perlakuan bermoral seseorang individu (Colby & Kohlberg, 1987).

Satu kajian lanjut berhubung penaakulan moral di Taiwan telah dijalankan ke atas sekumpulan pegawai eksekutif. Hasil kajian mendapati pengaruh penaakulan moral terhadap pencapaian individu yang tinggi serta minat. Mereka yang bersifat kumpulan pula akan lebih memberi fokus kepada sistem moral sosial. Ahli dalam kumpulan sentiasa mematuhi etika untuk melindungi dan menaikkan nama kumpulan. Rumusan dari kajian tersebut mendapati mereka yang patuh kepada kumpulan berada pada tahap konvensional dalam peringkat perkembangan moral (Yu Lin, 2009).

Kajian ke atas golongan pekerja mendapati, pekerja peringkat atasan atau berjawatan tinggi berbeza piawaian etika dengan pekerja peringkat pertengahan(Yu Lin, 2009). Kajian tersebut mendapati pekerja kumpulan eksekutif di peringkat pertengahan kurang beretika dan skor yang tinggi ditunjukkan pada tahap konvensional. Tahap konvensional merupakan peringkat pertengahan dalam Model Perkembangan Moral Kohlberg. Perbezaan tahap pengurusan juga dilihat menyumbang kepada penaakulan moral yang berbeza. Perbezaan kuasa dalam pentadbiran dan pengurusan di dapati telah mempengaruhi pekerja eksekutif peringkat pertengahan untuk berkelakuan tidak etika sebagai respon kepada tekanan pekerja atasan (Hofstede & Hofstede, 2005). Hasil kedua-dua kajian menunjukkan pekerja eksekutif atasan mempunyai skor penaakulan moral tinggi dengan maksud memberi lebih fokus kepada intuitif kemanusiaan.

Pelbagai kajian telah terlibat dalam mengkaji hubungan afektif dan penaakulan moral(Forgas & Locke, 2005). Dapatkan kajian tersebut menyatakan ciri-ciri afektif seperti emosi dan perasaan (mod) adalah merupakan juzuk-juzuk yang membina penaakulan moral. Perasaan marah, gembira, takut, rendah diri, benci kepada perbuatan jahat didapati mampu menukar penaakulan moral, penilaian terhadap emosi dan urutan terhadap penghasilan keputusan beretika. Hubungan antara beberapa konstruk ini turut sama disokong oleh pengkaji-pengkaji seperti (Forgas & George, 2001). Kenyataan bahawa afek (mod positif atau negatif) memainkan peranan terhadap penaakulan moral serta hubungan dengan perlakuan manusia seperti sikap, nilai, perasaan buat diri dan orang lain(Moylan, 2000).

Peranan afek dan kognitif dalam proses membuat keputusan beretika oleh Forgas dan George telah disokong oleh kajian seterusnya (Lowenstein, Weber, Hsee, & Welch, 2001). Afek boleh difahamkan sebagai tindak balas spontan oleh individu terhadap rangsangan seperti baik atau buruk, perasaan gembira atau sedih. Tindak balas spontan ini turut menyumbang kepada motivasi individu untuk membuat keputusan yang relevan dengan keupayaan kognitif. Sebagai contoh, sesiapa yang sensitif dan peka dengan etika sentiasa bersetuju terhadap perlakuan bermoral (Wilson, 2008).

Kajian mendapati penaakulan moral dengan proses membuat keputusan yang bermoral menunjukkan hubungan yang signifikan(Trevino & Youngblood, 1990). Kajian sebelumnya terhadap pelajar berhubung membuat keputusan memalsukan akaun atau tidak telah mendapati bahawa pelajar dengan keputusan memalsukan akaun adalah cenderung berada diperingkat satu, dua dan tiga dalam tahap perkembangan moral(Stratton, Flynn, & Johnson, 1981). Manakala pelajar yang menolak untuk memalsukan akaun tersebut lebih cenderung untuk menggunakan pertimbangan moral di peringkat empat hingga enam.

Pengkaji lain dalam bidang yang sama pula mendapati bahawa penaakulan moral adalah signifikan dengan perilaku prososial (Malinowski & Smith, 1985). Penaakulan moral juga adalah signifikan dengan tingkah laku membantu (Kohlberg & Candee, 1984). Juga signifikan terhadap tingkah laku buruk dalam institusi (Bay, 2001). Satu kajian dalam laporannya menyatakan sebanyak 57 kajian mendapati terdapat hubungan signifikan antara penaakulan moral terhadap perilaku bermoral walaupun kekuatan hubungan hanyalah 0.30 peratus(Blasi, 1980).

Kajian yang dijalankan berhubung penaakulan moral mendapati hubungan yang lemah tetapi signifikan di antara penaakulan moral pelajar pendidikan terhadap kecenderungan melakukan salah laku akademik atau tingkah laku yang tidak beretika (Cummings, et al., 2001). Kumpulan pelajar pendidikan yang terkenal dengan penaakulan moral yang tinggi sepatutnya kurang terlibat dengan perlakuan yang tidak beretika berbanding pelajar lain dengan penaakulan moral yang rendah. Keupayaan menguasai penaakulan moral yang tinggi merupakan kelebihan buat seseorang. Bagi profesion pendidikan, bukan sahaja pihak pendidik perlu terlibat dalam meningkatkan penaakulan moral mereka tetapi perlu berupaya menukar penaakulan moral tersebut kepada tingkah laku yang juga beretika.

Terdapat dakwaan sesetengah pihak yang menyatakan penaakulan moral tidak melambangkan moral sebenar seseorang atau tingkah laku beretika (Rest, Narvaez, Bebeau, & Thoma, 1999). Lantaran itu beberapa siri kajian telah dijalankan terhadap perkaitan antara penaakulan moral berbanding tingkah laku beretika. Keputusan kajian mendapati wujud hubungan yang lemah tetapi konsisten pada kebiasaananya korelasi antara .03 sehingga .06. Pengkaji-pengkaji yang menjalankan kajian berhubung aspek penaakulan moral juga mendapati wujud hubungan secara statistik di antara penaakulan moral terhadap tingkah laku (Duckett & Ryden, 1994; Rest, 1994; Rest, et al., 1999). Merujuk kepada kajian yang dijalankan, terdapat 47 analisis yang menunjukkan perkaitan antara DIT P-score terhadap pelbagai ukuran tingkah laku sementara 32 kajian lagi menunjukkan hubungan yang juga signifikan(Rest, et al., 1999).

Ramai pengkaji yang membuat analisa untuk menilai perbezaan dalam kalangan responden berdasarkan faktor demografi mereka seperti jantina , umur dan kelas akademik merujuk kepada penaakulan moral mereka. Ujian-T sampel bebas yang dilakukan bagi membanding P-score responden lelaki dan perempuan mendapati tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan kepada jantina mereka. Kajian ini menjelaskan bahawa, responden lelaki atau perempuan (jantina) tidak menunjukkan tahap yang berbeza terhadap penaakulan moral. Satu lagi kajian yang melibat Ujian ANOVA sehala bagi membandingkan min P-score jarak umur (17-19 thn = 33.86; 20-25 thn = 39.39; 26-35 thn = 32.82; 36-56 thn = 36.19), di antara kumpulan juga mendapati tidak wujudnya perbezaan yang bermakna terhadap penaakulan moral.

Hal ini bermaksud pelbagai peringkat umur tidak semestinya menunjukkan perbezaan yang bermakna terhadap penaakulan moral. Umur tidak boleh dijadikan asas untuk membezakan tahap penaakulan seseorang merujuk kepada kajian tersebut. Mereka yang lebih muda boleh jadi memiliki penaakulan moral yang sama dengan mereka yang lebih senior atau tua. Walaupun min mereka yang lebih senior tinggi berbanding junior atau mereka yang baharu dalam perkhidmatan, namun bacaan yang berbeza ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap penaakulan moral (Cummings, et al., 2001).

Kriteria seseorang yang beretika ialah berpandukan kepada tingkah laku mereka yang mencapai status kesempurnaan dan menepati prinsip moral. Seseorang yang kompeten dalam menimbangkan penaakulan moral merupakan mereka yang lebih beretika. Penaakulan seseorang bagi memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip moral serta kompeten dalam mengambil sesuatu keputusan beretika melambangkan

keupayaan seseorang individu untuk kekal bermoral (Lind, 2002). Kajian lalu mendapati, seseorang yang memiliki dan menguasai penaakulan moral tahap tinggi di dapati kerap melakukan tindakan beretika dan lebih bermoral (Podolskiv, 2005).

### **2.3 Amalan Etika Akademik Pensyarah**

Etika yang dirangka dan diamalkan berteraskan kepada beberapa prinsip antaranya niat yang betul dan murni, perlakuan atau tingkah laku yang diterima dan bersopan, pendorong ke arah kebajikan dan kebaikan, merealisasikan apa yang telah dijanjikan, mengamalkan disiplin dan adab yang baik serta menghargai dan bertanggungjawab terhadap hasil usaha organisasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Niat yang betul dari prinsip etika tersebut bermakna seseorang pegawai atau kaki tangan yang datang bekerja dengan memasang niat yang betul dan ikhlas adalah penting dan dituntut oleh agama serta norma masyarakat.

Niat yang baik dan betul adalah penting bagi mencapai objektif Falsafah Pelajaran Kebangsaan (FPK), misi, matlamat dan objektif Kementerian Pendidikan Malaysia. Di samping itu, niat melambang keikhlasan menyempurnakan tanggungjawab terhadap agama dan negara. Setiap kaki tangan diharap memberikan usaha yang bersungguh, memastikan niat bekerja untuk kebaikan organisasi, staf serta pelanggan.

Perlakuan yang baik membawa maksud seseorang pendidik perlu menjalankan tugas yang diamanahkan dengan baik bertujuan mencapai hasil yang berkualiti di samping memperbaiki imej organisasi. Sehubungan itu, pensyarah memperagakan penampilan diri yang sempurna dan kemas, percakapan dan kerja buat yang terbaik sepanjang masa. Pada masa yang sama perlu menunjukkan kualiti kerja yang baik secara

berterusan di samping mengutamakan kepuasan pelanggan untuk sebarang perkhidmatan atau pertemuan. Perlakuan yang baik juga bererti menunjukkan penghargaan dan bertanggung jawab terhadap apa jua hasil usaha organisasi.

Prinsip yang berikutnya ialah penggerak ke arah kebaikan. Tuntutan tanggung jawab kepada warga pendidik supaya sentiasa berada di hadapan dan menjadi penggerak kepada apa jua program yang mengarah kepada kebaikan. Oleh yang demikian, setiap pendidik perlu mengangkat diri sendiri sebagai seorang yang sentiasa dinamik, berdaya maju, mengamalkan sikap berdaya saing dan sentiasa berupaya mengajak seseorang atau masyarakat untuk melakukan kebaikan.

Selain dari itu, pendidik perlu meningkat usaha supaya setiap hasil kerja dan amalan dapat memperlihatkan ciri-ciri kecemerlangan dan kualiti kerja yang tinggi dan akhirnya menjadi sumber inspirasi kepada rakan sejawat serta orang lainnya. Prinsip ini juga membawa makna setiap pensyarah perlu sentiasa berusaha keras untuk menjadi pekerja yang bermotivasi, proaktif dan terbaik. Prinsip seterusnya ialah merealisasikan apa yang telah dijanjikan. Pensyarah hendaklah berusaha dengan keras bagi memasti setiap janji dapat dikotakan. Justeru, setiap individu pensyarah perlu pada setiap ketika memastikan ketekalan dalam setiap tanggapan, pengucapan dan tindakan untuk diri sendiri atau orang lain. Ciri seterunya ialah setiap tindakan adalah selari dan didapati sesuai dengan apa yang diucapkan dan pensyarah perlu sentiasa akur terhadap setiap peraturan seperti yang tercatat dalam piagam pelanggan. Piagam pelanggan menjadi rujukan sesebuah organisasi ke atas segala tindakan.

Berdisiplin dan beradab dipilih sebagai prinsip etika seterusnya. Setiap gerak kerja yang lengkap dengan peraturan, gerak kerja yang mulia, mengamalkan disiplin yang tinggi serta beradab adalah sangat penting dalam usaha melahirkan warga yang cemerlang. Justeru, setiap pensyarah dikehendaki mengamalkan adab sopan yang baik seperti yang terdapat dalam ajaran agama. Para pensyarah pula dirasakan perlu sentiasa mematuhi peraturan dan arahan perkhidmatan dan sentiasa berpandukan prosedur dan kaedah yang sesuai dan betul. Berdisiplin perlu kerana banyak perkara dapat dirungkai, diselesaikan dengan sedikit adab.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berusaha keras dan komited untuk menyediakan satu sistem yang sempurna bertujuan mewujudkan pendidikan berkualiti setaraf negara-negara maju di dunia bagi tujuan memperkembangkan potensi individu sepenuhnya sebagaimana yang tercatat dalam Falsafah Pendidikan Negara bagi mencapai aspirasi negara. Justeru, etika bertindak memainkan peranan penting bagi merealisasikan hasrat kementerian tersebut kerana mereka yang kompeten sahaja mampu untuk memikul tugas yang berat dan mencabar. Etika kerja yang baik dan relevan perlu diamalkan oleh semua warga Kementerian Pendidikan demi mencapai setiap yang dirancangkan.

Etika kerja kementerian ini telah digubal dalam usaha mendidik dan membimbing pensyarah dan tenaga pendidik menepati kehendak profesion. Aspek nilai dilihat sebagai suatu elemen yang sangat penting dan perlu diserapkan dalam diri setiap pensyarah. Pelbagai nilai murni telah disenaraikan oleh pihak kementerian namun fokus utama Etika Kerja Kementerian Pelajaran Malaysia adalah terhadap tujuh nilai

utama. Nilai-nilai tersebut adalah amanah, benar, bijaksana, bersyukur, dedikasi, ikhlas dan penyayang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Amanah adalah nilai utama yang dapat difahamkan sebagai sikap dan sifat bertanggungjawab semasa melaksanakan apa jua tugas tanpa melibatkan aspek-aspek penyalahgunaan kuasa dan kedudukan dalam organisasi. Sebahagian amalan sifat amanah dapat dilihat dalam diri seseorang yang sentiasa menerima dan menjalankan tugas yang diberikan atau diamanahkan dengan rasa penuh tanggungjawab. Mereka menjalankan tanggung jawab tanpa wujud unsur-unsur penyelewengan dan kecuaian, menampilkan nilai kejujuran dan kesetiaan kepada organisasi tanpa salah guna kuasa dan pangkat. Ciri-ciri lain sifat amanah adalah menggunakan masa dengan paling efisien dan memastikan segala kerja dapat disiapkan masa yang telah diberikan dan tidak menggunakan masa bekerja untuk melakukan sebarang urusan peribadi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Amanah juga boleh dijelaskan dengan maksud berdisiplin dan mengawal diri. Amanah juga boleh difahamkan sebagai tidak komited terhadap perkara-perkara tidak baik yang menyebabkan orang lain tidak lagi menaruh kepercayaan terhadap dirinya. Sifat amanah juga menyerlahkan sikap mereka yang sanggup dan bertanggungjawab melaporkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Nilai berikutnya yang menjadi pilihan ialah bersikap benar. Benar atas niat dan perbuatan dapat difahamkan sebagai berniat dengan niat dan perbuatan yang baik dan jujur semasa bertugas, menghindarkan diri dari niat yang tidak baik atau bekerja dengan mengharapkan imbuhan. Seseorang yang bersikap benar juga boleh dianggap kerap bercakap dengan cakap-cakap yang benar dan apabila berjanji pula akan selalu ditepati, perkataan yang

sama erti ialah tidak suka bercakap bohong dan sentiasa menepati akan janji. Setiap seorang pensyarah diminta untuk mengamalkan sikap benar(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Sikap ini amat penting untuk dihayati oleh pensyarah dalam menyampaikan ilmu pengetahuan supaya generasi akan datang menerima ilmu seperti asalnya. Seseorang yang bersikap benar juga boleh difahamkan sebagai pemberi atau penerima arahan yang jelas serta tidak mengelirukan orang lain. Pensyarah yang bersikap benar juga tidak menolak untuk berkongsi pengalaman, berkongsi ilmu dan tidak lokek berkongsi kepakaran untuk kejayaan bersama. Mengamalkan sikap benar penting kerana nilai ini menjelaskan segalanya mengikut lunas yang diterima masyarakat serta mampu mengekang tohmahan yang dicipta oleh pelbagai pihak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Nilai baik yang dianggap penting oleh kementerian seterusnya ialah bijaksana. Bijaksana pula dapat difahami dengan maksud seseorang mengolah corak pemikirannya dengan sebaik mungkin dalam mengambil sebarang tindakan dan keputusan. Keputusan dan tindakan yang diambil bersesuaian dengan kadar masa serta keadaan dan sebagai contoh, menggerakkan potensi diri kesemuanya, kemampuan dan memanfaatkan setiap kepakaran yang dipelajari untuk memastikan setiap tugas digerakkan dengan cemerlang dan tidak sepantas itu untuk mengambil jalan mudah. Bijaksana merupakan suatu perkataan yang sinonim dengan pensyarah kerana pensyarah perlu merancang, melaksana dan menambah baik perancangan.

Kebijaksanaan pensyarah tergambar apabila mereka mampu menyelesaikan bermacam-macam masalah yang timbul di institut demi kebaikan pelbagai pihak. Masalah juga berlaku di sekolah dan pensyarah memainkan peranan membantu dalam menyelesaikannya terutama berhubung pelatih guru yang sedang menjalani amalan profesional di sekolah tersebut. Bijaksana juga dapat difahami sebagai sentiasa mementingkan mutu kerja yang tinggi dan unggul sesuai dengan tuntutan profesi(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Kerjaya sebagai seorang pensyarah sentiasa mencabar dan penuh integriti. Daya fikir dan cara mereka berfikir juga perlu rasional, seimbang dan membuat keputusan dan perhitungan yang saksama apabila diminta menyelesaikan sesuatu masalah tanpa dipengaruhi oleh perasaan, kepentingan lain dan emosi. Kebijaksanaan seorang pensyarah, tidak lain dan tidak bukan disebabkan mereka sentiasa membaca dan mencari ilmu-ilmu baharu. Ilmu baharu dan terkini akan kelak digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran serta dalam ruang-ruang yang sesuai. Pensyarah yang bijaksana sentiasa dan akan mempertingkatkan ilmu, kepakaran dan profesionalisme dalam diri dan bidang kebitaraan mereka masing-masing(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Norma yang boleh diterima oleh masyarakat dan sangat digalakkan ialah bersyukur. Syukur adalah berkaitan dengan perasaan dan perlakuan seseorang yang menghargai setiap nikmat dan pemberian yang diterima. Pemberian boleh pelbagai tetapi kesyukuran hanya kepada Pencipta tetapi cukup mengucapkan terima kasih sesama kita dan sesama muslim. Pensyarah perlu dan dituntut sentiasa membuat sumbangan dan pengorbanan, hargai setiap anugerah dan nikmat yang diterima tanpa sikap

sombong dan bongkak. Tidak menganggap apa jua kejayaan sebagai milik sendiri malah perlu diingat bahawa kejayaan merangkumi skop lebih luas(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Sikap bersyukur kepada Tuhan mampu mendidik dan membimbing serta bersedia meraikan kejayaan seseorang dengan memberikan pengiktirafan tanpa sebarang prejudis, menyimpan sifat dendam atau membuat fitnah. Perkara sebegini sepatutnya tidak ada dalam kamus seorang pensyarah. Sekiranya prasangka tersebut wujud dan berkembang biak dalam institusi, adalah dikhawatir pencapaian visi dan misi sistem pendidikan di Malaysia akan mengambil masa yang lama untuk dicapai. Kesyukuran yang perlu ditunjukkan oleh pensyarah ialah sifat tenteram ketika berhadapan masalah dan bersedia menerima ketetapan Ilahi dalam keadaan redho, usaha yang menemui kegagalan serta tidak kenal erti berputus asa. Pensyarah juga perlu memiliki sikap sentiasa berpuas hati dan berlapang dada di atas nikmat yang diterima seperti ganjaran dalam pelbagai bentuk dan kemudahan yang telah disediakan oleh pihak tertentu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Selanjutnya kementerian telah menetapkan sikap dedikasi sebagai nilai yang baik. Dedikasi dalam makna yang lain membawa maksud bahawa seseorang itu mempunyai minat dan meluangkan masa secara sukarela, menyumbang buah fikiran dan tenaga secara optimum dan berterusan dalam usaha meningkatkan kualiti kerja. Sebagai contoh, semua pensyarah diminta bekerja tanpa mengenal erti jemu dan bosan serta bersiap siaga untuk melaksanakan tugas- tugas baharu tanpa mencari helah untuk tidak melaksanakannya. Sikap tanpa jemu sangat penting kerana pendidikan perlu terus berjalan selari pergerakan masa. Beban tugas pensyarah juga adalah pelbagai

dan bersedia melaksanakan tugas memungkinkan seseorang pensyarah untuk menunjukkan prestasi terbaik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Makna dedikasi pula boleh diterjemahkan sebagai sanggup meluangkan masa dan tenaga demi mengangkat kepentingan perkhidmatan dan institusi. Profesional pensyarah tidak terhad hanya di dalam bilik kuliah malah melangkaui hutan dan lautan. Dedikasi juga boleh diertikan sebagai mengamalkan sikap komited dan rajin serta pada setiap ketika bersikap positif semasa menjalankan tugas. Selain itu dedikasi akan memastikan hasil kerja seseorang sentiasa berkualiti dan boleh juga diterjemahkan sebagai melaksanakan apa jua tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan sabar, teliti dan sentiasa ceria serta tidak menunjukkan sikap tidak puas hati. Dedikasi mencakupi aspek sentiasa cergas melaksanakan tugas harian(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Nilai ikhlas pula menunjukkan seseorang pensyarah itu berhati mulia apabila menjalani dan melaksanakan tanggungjawab bertujuan meningkatkan kualiti kerja ke tahap yang terbaik tanpa bergantung harap kepada seseorang. Pensyarah menjadi golongan yang sanggup menerima apa jua tugas yang diberikan dengan hati terbuka, jauh dari sikap hipokrit atau yang lebih malang iaitu cuba mengelak dari melaksanakan tanggungjawab. Pensyarah yang bertugas dalam mana-mana institut berusaha menjalankan tugas dengan fokus untuk menjayakan objektif organisasi, jauh dari mengejar pangkat, berebut kedudukan atau berhajat mencuri tumpuan orang lain(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Bidang pendidikan telah meminta para pensyarah untuk memberikan layanan yang terbaik, tidak memandang kepada pangkat, status atau kedudukan seseorang serta tidak mengamalkan sikap pilih kasih. Seseorang yang ikhlas sentiasa mampu melayani setiap kata-kata dan kritikan pelbagai pihak dengan sentiasa berlapang dada. Teguran serta kritikan yang bersifat ikhlas melahirkan insan atau manusia yang boleh menghormati sesama insan tanpa meletakkan sebarang kepentingan diantaranya. Apa yang diterangkan oleh pengkaji merupakan etika kerja bagi pensyarah dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Namun, penyelidikan yang dijalankan terhadap etika memaparkan beberapa kelemahan dengan kebanyakan penyelidikan tidak memberikan definisi teoretikal tingkah laku etika yang jelas (O'Fallen & Butterfield, 2005). Oleh yang demikian, bahagian ini akan membincangkan domain yang melingkungi tafsiran tingkah laku etika secara lebih mendalam bagi membangunkan definisi teoretikal tingkah laku etika yang akan digunakan dalam penyelidikan ini. Selepas perbincangan ini, dibentangkan tinjauan literatur penyelidikan berkaitan faktor-faktor yang diteorikan mempengaruhi tingkah laku etika. Menurut Reynolds dan Ceranic, penggunaan kata kunci tingkah laku moral atau etika sebenarnya memfokuskan kepada domain tingkah laku yang luas(Reynolds & Ceranic, 2007). Domain ini merangkumi apa juu perbuatan dan tingkah laku yang tertakluk atau dinilai berdasarkan kepada peraturan-peraturan dan norma-norma yang diterima umum (Treviño, Weaver, & Reynolds, 2006).

Kepelbagaiannya fokus kajian dalam pelbagai disiplin telah membawa kepada penggunaan istilah-istilah lain yang kadang kala saling bertindih dan ditukar ganti dengan tingkah laku etika. Penggunaan istilah yang pelbagai dan rencam ini menyebabkan kekeliruan dalam kalangan penyelidik. Misalnya beberapa penyelidik merujuk amalan tidak beretika di tempat kerja sebagai tingkah laku menyimpang (Kidwell & Martin, 2005). Namun terdapat penyelidik lain yang membezakannya (Sims, 2002).

Tingkah laku menyimpang atau tingkah laku antisosial atau ketidaksopanan (*incivility*) di tempat kerja di definisikan sebagai tingkah laku yang dibuat secara sukarela tetapi melanggar norma-norma penting organisasi. Tingkah laku seperti ini boleh mengancam kedudukan organisasi, anggota-anggotanya atau kedua-duanya sekali (Robbins & Judge, 2007). Tingkah laku menyimpang adalah berbeza dengan tingkah laku etika kerana tingkah laku menyimpang hanya merujuk secara khusus kepada pelanggaran norma-norma organisasi(Bennett, et al., 2011). Manakala tingkah laku etika pula merujuk kepada tingkah laku yang salah atau betul (diterima atau ditolak) dalam terma keadilan, undang-undang atau garis panduan lain yang menentukan kemoralannya.

Berdasarkan tafsiran dan domain tingkah laku yang telah dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa semua jenis tingkah laku yang dikaji oleh penyelidik-penyalidik terdahulu adalah menepati definisi tingkah laku tidak beretika. Ini disebabkan semua jenis tingkah laku tersebut terikat dengan penilaian berasaskan peraturan, standard atau norma-norma moral umum. Maka definisi teoretikal tingkah laku etika bagi penyelidikan ini ialah apa-apa tingkah laku dalam lingkungan organisasi yang terikat

kepada penilaian etika dan dinilai sama ada beretika atau tidak beretika berdasarkan norma-norma moral atau etika, standard moral dan peraturan umum yang digunakan dalam organisasi. Sesuatu tingkah laku dikatakan beretika jika mematuhi norma-norma, standard dan peraturan moral yang digunakan dalam organisasi dan tidak beretika jika tidak mematuhi atau melanggarnya.

Amalan etika akademik adalah aspek penting dalam kehidupan seorang pensyarah. Pensyarah merupakan *role model* kepada pelajar atau mahasiswa. Pensyarah dengan amalan etika yang baik seringkali dinilai oleh pelajar sebagai cemerlang. Satu kajian penaakulan moral dalam kalangan guru telah mendapati adanya hubungan di antara penaakulan moral dengan perlakuan beretika. Kod etika profesion juga telah mendorong para guru berkelakuan mematuhi nilai-nilai etika akademik (Hope, 2008).

Etika akademik dalam apa jua organisasi atau badan dirujuk sebagai nilai standard dalam menentukan amalan moral yang sesuai. Fungsi asas etika akademik adalah untuk memberi panduan dan tunjuk ajar kepada ahli profesional serta semua kaki tangan institusi berkenaan membuat keputusan dan batas-batas perlakuan. Etika akademik juga dilihat sangat ampuh untuk membentuk kawalan tingkah laku kerana profesion pensyarah merupakan profesion yang bermoral. Umumnya masyarakat serta ahli profesion lain menyedari bahawa profesion ini sangat prihatin dan menitik beratkan amalan standard perlakuan dalam kerjaya pensyarah (Hope, 2008) .

Kajian-kajian yang dibuat berterusan telah menyusun ciri-ciri penting berhubung etika akademik ideal dan berkualiti(Beyer, 2004; Hitt, 1990). Perkara pertama ialah berdasarkan falsafah etika. Perkara yang kedua pula ialah keperluan bersifat generik

kepada ahli profesion dan memberi fokus kepada keseluruhan bidang dalam profesi berkenaan. Perkara ketiga ialah penggunaan tulisan dengan bahasa mudah serta didengar sebagai positif. Terdapat pengkaji yang menggariskan nilai-nilai yang perlu diamalkan oleh pensyarah semasa bekerja berdasarkan etika akademik seperti membimbing dan mendidik pelajar sehingga berjaya, menjalankan amanah dan tanggung jawab secara jujur, adil dan saksama, mematuhi nilai-nilai etika akademik serta lain-lain nilai yang diterima pakai oleh masyarakat(Beyer, 2004). Boleh diandaikan, etika akademik membantu sekalian ahli organisasi untuk memahami kemungkinan perlakuan dalam profesion.

Komitmen individu adalah peneraju utama dalam membuat keputusan beretika dan tidak mampu diambil oleh etika akademik semata-mata. Mengambil keputusan yang tepat mendorong seseorang untuk menjelmakan amalan etika akademik yang juga baik. Proses menghasilkan keputusan beretika tidak lari dari pengaruh nilai kendiri dan sejauh mana tanggapan sedia ada seseorang terhadap etika akademik. Etika dalam akademik di dasari oleh tiga bidang utama iaitu pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan. Ketiga-tiga bidang tersebut merupakan komitmen pensyarah kepada pelajar dan komuniti (Scriven, 1992).

Sehubungan itu, pensyarah baharu dalam perkhidmatan hanya didedahkan dengan kesalahan-kesalahan etika yang biasa berlaku dan ketara sahaja. Kesalahan tidak beretika yang juga berlaku tetapi tidak ketara tidak pula dinyatakan (Keith- Spiegel, Whitley, Balogh, Perkin, & Wittig, 2002). Amalan tidak beretika seperti pensyarah mencabar kepercayaan atau pegangan agama pelajar dalam bimbingan mereka. Ini kerana agama merupakan kepercayaan seseorang dan tiada paksaan untuk

menganutinya (Kincaid & Pecorino, 2004). Kesalahan-kesalahan etika lain yang turut dicatatkan ialah kegagalan dan kelalaian pensyarah untuk memberi tumpuan utama kepada amalan etika akademik sepanjang mereka bertugas, tidak menjalankan penyelidikan seperti yang diperlukan, tidak memberikan komitmen penuh sebagai ahli sesuatu jawatan kuasa dan sebagai penyelia atau penasihat pelajar (Roworth, 2002).

Kesalahan-kesalahan biasa lain yang masih lagi berlaku ialah sering masuk lewat ke kelas untuk memulakan pengajaran atau tutorial, menggunakan kata-kata yang kasar atau kurang sopan serta mengamalkan sifat pilih kasih. Kesalahan lain seperti melakukan plagiarisme, menjalinkan hubungan intim dengan pelajar, gagal menyiapkan kerja-kerja pentadbiran yang perlu serta enggan melaksanakan tugas-tugas pengajaran masih lagi di dapati berlaku (De Russy, 2003). Walaupun kod etika akademik pusat-pusat pengajian tinggi sedang berkuatkuasa dan berfungsi tetapi kod ini tidak menjelaskan permasalahan tentang isu etika yang sedang dilalui oleh pensyarah dan tenaga pengajar lain secara khusus dan lengkap (Keith- Spiegel, et al., 2002). Tugas pensyarah ialah menyedia dan menyampaikan maklumat kepada pelanggan mereka dan hanya memberi fokus bagaimana untuk melengkapkan pengetahuan bagi pelajar membuat keputusan beretika. Namun demikian, dalam masa yang sama masih terdapat pensyarah yang tidak memberi komitmen terhadap pengetahuan yang pelajar mereka kuasai (Malaski & Tarvydas, 2002).

Kajian juga mendapati pensyarah mempunyai persepsi yang berbeza terhadap salah laku etika berbanding pelajar(Kuther, 2001). Keadaan ini berlaku disebabkan skop dan topik kajian adalah berbeza di mana topik untuk pelajar menyentuh tentang amalan pilih kasih, layanan buruk pensyarah dan tidak menghormati pelajar,

memaksa pelajar menerima nilai peribadi atau politik pensyarah berkenaan, prasangka dan penggunaan perkataan tidak sopan. Manakala topik kajian terhadap pensyarah pula melihat kepada aspek tanggungjawab kepada pelajar, penggunaan kuasa akademik, memberi pendapat secara tidak ikhlas, kurangnya kesedaran etika dan salahlaku profesional (Kuther, 2001).

Beberapa pengkaji dalam kajian berhubung etika mendapati bahawa pensyarah berhadapan dilema dalam situasi-situasi berkenaan seperti ingin popular dalam kalangan pelajar dengan soalan ujian yang mudah, tiada ganjaran kepada pelajar yang aktif dalam penulisan dan penyediaan kertas kerja(Maisarah Mohamed Saat, et al., 2004). Pensyarah yang menjalankan kajian pula sangat bermurah hati memasukkan nama rakan-rakan walaupun mereka tidak menyumbang buah fikiran dan tenaga dalam kajian dan penulisan akademik tersebut.

Pensyarah yang melanggar etika juga di sebabkan oleh penggunaan tajuk kajian yang sama dalam pelbagai seminar. Pensyarah berkenaan juga melaksanakan terlalu banyak kerja-kerja peribadi sehingga mengganggu tugas-tugas wajib, menangguhkan kuliah, diberi atau mengajar kursus-kursus yang tidak relevan serta sewenang-wenangnya menggunakan kemudahan di pejabat untuk kerja-kerja peribadi serta persatuan lainnya.

#### **2.4 Penaakulan Moral Dan Hubungannya Dengan Amalan Etika Akademik**

Penaakulan moral dan hubungannya dengan amalan etika akademik memang telah banyak diperbincangkan. Menurut kajian, penaakulan moral merupakan faktor penentu kepada perlakuan beretika(Rest, 1986). Rest telah membangunkan Teori

Empat Komponen untuk menjelaskan hubungan kedua-dua penaakulan moral dan perlakuan beretika. Komponen pertama menurut Rest ialah sensitiviti moral. Sensitiviti moral ialah kepekaan seseorang kepada tingkah laku terhadap orang lain melibatkan kesan kebajikan. Perkara ini menitik beratkan tingkah laku pilihan yang melibatkan kesan kepada pihak lain(Rest, 1984).

Komponen kedua dikenali sebagai penaakulan moral. Apa yang dimaksudkan dengan penaakulan moral ialah keupayaan untuk meneliti perlakuan alternatif yang akan menjelaskan justifikasi perbuatan seseorang sama ada beretika atau tidak beretika. Komponen ketiga pula dinamakan motivasi moral. Motivasi moral membawa maksud bahawa kemampuan seseorang untuk memberi penjelasan bagaimana seseorang boleh memilih perlakuan yang beretika atau sebaliknya (Rest, 1994). Rest memberi pendapat, mereka yang memilih perlakuan tidak beretika disebabkan mereka gagal untuk memberikan justifikasi ke atas perlakuan pilihan mereka. Hal ini terjadi kerana lemahnya sensitiviti terhadap moral dalam membuat penaakulan moral.

Komponen keempat ialah karekter moral. Karelkter moral merujuk kepada kekuatan karekter seseorang. Karelkter seseorang individu akan menjadi sensitif kepada kesan dari tindak tanduknya sama ada beretika atau tidak beretika yang merujuk kepada tingkatan penaakulan moral mereka masing-masing. Bagi mereka yang hanya menguasai karelkter yang lemah, mereka di dapati tidak mampu menunjukkan tingkah laku yang beretika. Kesemua komponen yang dinyatakan tadi melakarkan hubungan agak kompleks antara satu sama lain. Sekiranya berlaku ketidakcekapan pada mana-mana komponen tersebut dalam diri seseorang, adalah

besar kemungkinan akan berlakunya apa yang dinamakan kegagalan moral atau dilema etika (Rest, 1994).

## **2.5 Hubungan Moral, Penaakulan dan Etika Akademik**

Pensyarah merupakan golongan yang sepatutnya memiliki dan menunjukkan tahap moral yang baik, kompeten serta melaksanakan amalan etika akademik yang hebat. Apa yang dimaksudkan dengan moral ialah fokus kepada nilai-nilai baik dan sejagat seperitimana yang sedang diamalkan oleh masyarakat kini. Nilai-nilai baik tersebut seperti berkelakuan sopan dan beradab, bercakap dengan perkataan yang benar, betul dan diserahkan dalam aktiviti sehari-hari perwatakan individu dan perhubungan yang terjalin antara pelbagai kumpulan masyarakat dan moral boleh di istilahkan sebagai nilai (Abdul Rahman Md. Aroff, 1999).

Individu yang sering menjadikan nilai-nilai baik ini sebagai satu penghayatan dalam diri mereka akan menjelaskan kefahaman tersebut melalui percakapan serta kerja buat sehari-hari mereka. Mereka yang mengamalkan fahaman dan pegangan individu akan terus mengekalkan nilai tanggungjawab tersebut dan menyatakan protes individu lain yang bersikap seperti tidak bertanggungjawab. Protes berlaku disebabkan pertembungan di antara nilai baik dan nilai jahat. Satu dari pelbagai fungsi nilai ialah sebagai kayu ukur dan sempadan yang membimbing individu menentukan kedudukannya dalam isu sosial dan moral masyarakat.

Nilai adalah satu sifat yang sepatutnya dijelmakan dalam diri setiap ahli masyarakat tentang tatasusila berkelakuan sesama ahli dan bagaimana menilai diri serta orang lain. Nilai boleh di bahagikan kepada dua iaitu nilai baik dan buruk. Nilai baik ini

adalah suatu yang wajib di kembangkan dalam masyarakat manakala nilai buruk perlu dibendung dan dihapuskan. Nilai juga telah diterima pakai sebagai dasar terhadap apa yang diperjuangkan oleh masyarakat berkenaan. Nilai juga telah dianggap sebagai satu piawai yang tegas dan tekal untuk membantu individu dan masyarakat dalam membentuk pola pemikiran dan perlakuan mereka (Abdul Rahman Md. Aroff, 1999).

Nilai berfungsi sebagai hakim dalam konflik masyarakat serta membimbing individu semasa membuat keputusan. Seseorang akan bertindak menurut nilai yang dipersetujuinya sendiri dan kerap kali bertindak berdasarkan nilai tersebut. Mereka tidak akan bertindak sesuka hati dan tidak akan melakukan sesuatu yang tidak selari dengan nilai yang dipegang. Sebagai rumusan, nilai moral ialah apa-apa nilai yang dianggap baik oleh individu atau masyarakat sebagai sesuatu yang bermanfaat dan baik (Abdul Rahman Md. Aroff, 1999).

Penaakulan moral mengandungi tiga ciri. Ciri pertama ialah pertimbangan tentang nilai-nilai yang diamalkan dalam masyarakat. Ciri kedua pula ialah pertimbangan sosial yang melibatkan manusia dan aspek-aspek kemanusiaan serta ciri yang ketiga ialah pertimbangan normatif atau preskriptif iaitu menyentuh hak dan tanggungjawab. Pertimbangan preskriptif adalah keputusan yang mengarah atau menentukan seseorang untuk mengambil tindakan berasaskan kepada peraturan (Kohlberg, 1987).

Merujuk beberapa pengkaji, penaakulan moral seseorang perlu disokong oleh alasan-alasan yang baik, merujuk fakta dan prinsip dan tidak sekali-kali mengikut perasaan diri sendiri dan membuat pertimbangan terhadap kepentingan setiap individu secara adil dan saksama (Lance, Potrc, & Strahovnik, 2008). Pengkaji yang terlibat

dalam kajian moral mendapati penaakulan moral adalah sesuatu yang berkait dengan teori dan prinsip etika (Timmons, 2002). Teori etika menyediakan norma dalam membuat sesuatu pertimbangan terhadap tindakan dan mencadangkan pilihan justifikasi bagi norma-norma tersebut. Teori etika merupakan sumber atau rujukan asas kepada prinsip moral dan menyediakan peraturan meliputi nilai-nilai yang tertentu. Teori dan prinsip ini boleh dirujuk dalam membuat pilihan ke atas tindakan yang harus dipilih terhadap sesuatu situasi yang wujud. Teori teleologikal, teori deontologikal, teori virtue dan teori kemoralan sosial merupakan beberapa teori yang sering menjadi rujukan dalam membincangkan penaakulan moral.

Penaakulan moral adalah berdasarkan kepada pertimbangan normatif melibatkan domain moral. Penaakulan moral pula seperti yang difahami adalah di jelaskan dari teori-teori etika, prinsip-prinsip moral dan juga di asaskan dari logik dan fakta (Thoma, 1985). Prinsip moral sering di rujuk sebagai panduan dalam membuat penaakulan moral. Peraturan moral dalam masyarakat dan komuniti ditentukan oleh prinsip moral. Prinsip moral pula merupakan prasyarat untuk menerima fakta-fakta yang bersesuaian dikaji sebaiknya sebelum apa-apa keputusan moral di terima dan di guna dalam masyarakat.

Para pengkaji moral pula membahagikan prinsip moral kepada dua aspek iaitu pertamanya adil dan kedua penyayang (Tsui & Windsor, 2001). Adil diterima dengan penjelasan berhubung konsep hak, kesaksamaan dan adil juga melibatkan konsep autonomi (kebebasan). Tindakan yang adil melibatkan proses berfikir yang rasional dengan melibatkan merit, motif dan punca berlakunya sesuatu kes. Tindakan

dikatakan adil jika salah laku diberi hukuman. Prinsip adil dijelaskan sebagai layanan serupa bagi setiap kes yang sama walaupun terhadap pelaku yang berbeza.

Prinsip moral kedua iaitu penyayang dan secara sinonimnya melibatkan hubungan antara individu. Penyayang tertegak oleh konsep saling menghormati, sikap bertanggung jawab dan amalan kasih sayang dalam menyemarakkan hubungan antara ahli-ahli dalam masyarakat. Prinsip ini memberi kefahaman kepada ahli berhubung aspek mengelak diri dari terlibat mencederakan individu tertentu dengan mengambil berat beberapa perkara seperti keperluan, kepentingan dan perasaan orang lain (Thoma, 1985).

Memahami prinsip ini, pensyarah hendaklah melayan pelajar berdasarkan matlamat pendidikan dan tidak sekali-kali sebagai alat dalam alam pekerjaan kerana pelajar berkembang mengikut pandangan, pengalaman dan matlamat yang telah ditentukan oleh mereka sendiri (Abdul Rahman Md. Aroff, 1999). Pengkaji juga melihat aplikasi moral dalam kalangan pensyarah dengan merujuk kepada perkembangan moral yang dilalui oleh mereka.

Perkembangan moral individu memberi makna perhatian terhadap karakter moral, sikap ahli terhadap peraturan moral dan tidak ketinggalan aspek penaakulan moral (J. Smith, Armstrong, & Francis, 2007). Perkembangan moral pula adalah di sandarkan kepada peningkatan tahap perkembangan moral ke arah yang lebih matang dan kompleks. Peningkatan kognitif moral seseorang telah menyumbang kepada perspektif perkembangan moral dalam kajian ini. Teori bagi peningkatan kognitif moral seseorang secara tidak langsung mencatatkan perubahan yang terjadi dalam

peningkatan moral merupakan susunan proses yang berstruktur dengan pemeringkatan yang bersistematik mengikut perkembangan dan kematangan intelek seseorang (Kohlberg, 1987).

Fokus diberikan kepada perbezaan moral, akhlak dan penaakulan moral berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang diterima pakai dalam masyarakat. Peraturan-peraturan masyarakat tersebut hendaklah diterima sebagai fakta dalam kehidupan bersosial masyarakat. Masyarakat bermaksud ahli-ahli dalam komuniti pendidik di Institut Pendidikan Guru (IPG). Moral atau pendidikan moral merupakan satu juzuk ilmu yang mampu menjelaskan sistem tingkah laku yang dipercayai dan menjadi amalan masyarakat. Akhlak pula dirujuk sebagai tingkah laku, perwatakan, mobilisasi seseorang dan berubah berdasarkan suasana dan masa.

Pengkaji bidang moral khususnya menyatakan pendapat bahawa akhlak melibatkan perasaan dan jiwa seseorang sebagai pencetus kepada apa jua perubahan dan tindakan. Tindakan individu yang berdasarkan kepada akhlak di laksanakan menurut motif yang baik, berkekalan dan tidak sesekali berlandaskan kepada desakan dan tuntutan emosi. Terdapat pengkaji pula menjelaskan akhlak sebagai paduan unsur-unsur moral dan etika. Namun bagi masyarakat Islam, akhlak lebih ditumpukan kepada keutamaan wahyu Ilahi di samping anugerah akal yang berfungsi untuk berfikir. Moral dan etika lebih menumpukan kepada taakulan manusia berpandukan kepada ajaran agama(Mohd. Nasir Omar, 2005).

Penaakulan moral adalah lebih relevan terhadap kemampuan seseorang membentuk penaakulan moral yang didasarkan kepada kemampuan kognitif mereka. Kupasan ini

bermaksud, pensyarah atau sesiapa sahaja hendaklah menguasai kemampuan penaakulan moral dengan tujuan mengamalkan disiplin moral yang bertepatan dengan keputusan bermoral yang dibuat (Baxter & Rarick, 1987). Kajian terhadap aspek-aspek seperti nilai, peraturan dan justifikasi mendapati peraturan perlakuan adalah berkait dengan moraliti yang menunjukkan bagaimana individu membuat taksiran terhadap sistem nilai dalam masyarakat(Black, 2011).

Jawapan kepada diskusi moral sentiasa memerlukan justifikasi. Justifikasi perlu disandarkan dengan penaakulan yang paling baik. Seseorang perlu menyediakan justifikasi atas setiap pilihan terbaik yang mereka pilih supaya setiap justifikasi tersebut dapat membimbing apa-apa tindakan serta perlakuannya. Justifikasi dan perlakuan ini amat penting kerana keduanya dapat mengelak dari berlakunya dilema etika dalam kerjaya mahupun kehidupan. Dilema etika pula berlaku disebabkan konflik yang timbul dalam diri disebabkan oleh kepentingan diri dan prinsip moral yang dipegang oleh seseorang. Penyelidik lain menjelaskan bahawa sebarang perlakuan moral seseorang adalah juga bergantung kepada keupayaan individu tertentu mengaplikasi prinsip moral pada apa juga situasi dan bersedia untuk mengorganisasikan peraturan moral dan prinsip moral bagi menangani situasi tersebut(Lind, 1985). Ini membawa maksud untuk menjadi seseorang yang bermoral, tingkah laku dan perlakuan manusia perlu selari dan dipandu oleh prinsip-prinsip moral dan tahap kompeten yang terbaik untuk membuat penaakulan terhadap justifikasi moral.

Rumusan yang dapat dibuat ialah hubungan ketiga-tiga aspek iaitu etika, perlakuan bermoral dan penaakulan moral seseorang dapat dilihat apabila mereka perlu dan

diminta membuat justifikasi terhadap perlakuan bermoral dalam kehidupan seharian. Seseorang yang memiliki penaakulan moral tinggi berupaya membuat penaakulan jitu disertakan keputusan bermoral dan natijah akhirnya perlakuan secara bermoral.

## **2.6 Pelanggaran Norma Dalam Profesional Pensyarah**

Kehidupan manusia dahulu mahupun moden dibimbing oleh norma dan adat yang diterima oleh masyarakat tersebut. Sesetengah pengkaji telah meletakkan norma ini kepada beberapa bahagian antaranya norma agama, norma kesopanan, norma kesusilaan dan norma hukum. Kewujudan norma ini disebabkan oleh manusia hidup berkelompok dan bermasyarakat serta berhasrat untuk hidup dalam suasana harmoni tanpa gangguan dan kekacauan(Zarida Abdullah, 2010).

Kelompok pendidik juga tidak ketinggalan dari memiliki norma tersendiri. Norma masyarakat pendidik adalah satu susunan garis panduan yang membentuk etika akademik. Fungsi norma ini dapat dibahagikan kepada beberapa perspektif antaranya fungsionalisasi, teori kuasa dan profesionalisasi. Perseptif fungsionalisasi bermaksud norma ini mengawasi segala tanggungjawab berbentuk profesional agar keperluan dan kebajikan pelanggan adalah terpelihara (Abbot, 1983). Perspektif teori kuasa pula berfungsi untuk mengawal dan memastikan perkhidmatan yang beretika dapat dikekalkan dengan melunaskan segala tanggungjawab terhadap sesama rakan sekerja dan tugas terhadap pelanggan.

Penyataan-penyataan formal berhubung norma akan mendorong kepada wujudnya etika akademik (Wilensky, 1964). Setiap anggota atau ahli dalam profesi pendidikan perlu mematuhi norma yang telah dipersetujui dan dirangka dalam setiap

gerak geri mereka. Ini di sebabkan norma telah diterima sebagai prasyarat bagi memartabatkan profesi, membantu sekalian ahli mengelak dari melakukan perkara yang memalukan ahli dan profesi. Norma juga merupakan simbol identiti kepada bidang dan profesi (Peslak, 2007).

Norma dikesan berfungsi membentuk keperibadian untuk menjadi seorang pensyarah atau pendidik mengikut peraturan-peraturan yang terdapat dalam profesi berkenaan. Status pensyarah di bentuk melalui beberapa gabungan kaedah seperti kursus induksi bagi pensyarah baharu, siri-siri latihan intensif, pembentukan dan pendaftaran badan-badan profesional, ahli-ahli profesi terlibat dalam kajian pada peringkat profesi dan di luar profesi serta mampu mengeluarkan teori-teori yang relevan serta menggubal tatacara perlakuan ahli dalam profesi (Harris, 1997; Schulman, 2002).

Norma juga adalah pola perlakuan dan tatacara dalam profesi. Oleh itu norma perlu di patuhi dan merupakan satu kemestian kepada pensyarah serta kakitangan awam lain. Merujuk kepada fungsi norma, perlakuan tidak beretika yang diamalkan oleh pensyarah kelihatan lebih ketara dan jelas. Norma dalam erti kata lain adalah perkongsian kepercayaan dalam kalangan ahli profesi dan institusi berhubung kemungkinan perlakuan ahli dalam sesuatu kedudukan dan keadaan (Gibbs, 2003; Rossi & Berk, 1985). Definisi lain yang boleh di berikan terhadap norma ialah susunan dan rangkaian pola perlakuan yang di benar dan di larang (Merton, 1968).

Semasa melaksanakan tugas harian, kadang kala berlaku perkara melibatkan pelanggaran norma oleh pensyarah (Merton, 1973). Ini disebabkan tiada pemantauan terhadap kuasa yang ada pada pensyarah. Pelanggaran norma ini akan memberikan kesan negatif kepada profesi perguruan. Perlakuan melanggar norma yang di

amalkan oleh pensyarah akan membantutkan pembelajaran(Markie, 1994). Amalan pensyarah yang tidak beretika kelak menimbulkan rungutan kerana norma berorientasikan normatif dan mewakili pola perlakuan serta suara hati kumpulan sosial (Durkheim, 1987, 1995).

Merujuk kembali kepada profesion pensyarah, norma dan etika adalah amat sinonim di mana kedua-duanya memandu perlakuan yang dibenar atau dilarang (Goode, 1957). Tanpa bimbingan norma, perlakuan pensyarah adalah bebas tanpa sekatan. Seterusnya, norma berperanan menentukan pola tingkah laku yang bertepatan dan diizinkan (Durkheim, 1995; Merton, 1968). Kes-kes pelanggaran etika pula dalam kalangan pensyarah diberitakan bertambah (Amada, 1994; Schneider, 1998). Pensyarah dilaporkan masuk lewat ke kelas, memendekkan waktu kelas serta menggunakan perkataan kurang sopan. Pensyarah menghina pelajar serta membuat teguran yang seksi dan berkelakuan melanggar etika(Bayer & Braxton, 1998). Pengkajian mendapati pelajar yang berkelakuan buruk merupakan imej kepada tingkah laku tidak beretika oleh pensyarah(Boice, 1996).

Bidang pengajaran dan penyelidikan pula merupakan aktiviti teras dikebanyakan pusat pengajian tinggi (Leonard & Cronan, 2001). Oleh itu, masyarakat memberi fokus utama terhadap apa-apa amalan tidak beretika yang diamalkan oleh pensyarah dalam pengajaran (Braxton, et al., 1996). Sebagaimana dilapor, amalan tidak beretika yang dilakukan oleh pensyarah termasuklah meminda dapatan dari penyelidikan, terlibat dalam gangguan seksual, memanipulasikan geran penyelidikan yang diterima dan semua amalan tidak beretika pensyarah ini merupakan satu realiti dalam bidang pendidikan (Braxton, et al., 1996).

Sebahagian pengkaji menamakan beberapa perlakuan yang tidak menepati amalan beretika pensyarah seperti yang tercatat dalam norma profesion. Perlakuan seperti mengabaikan kebaikan dan keperluan pelajar, masuk ke kelas tanpa persediaan rapi, mengamalkan sikap kasar dan kurang mesra dari segi moral, pemarkahan yang tidak profesional dan menimbulkan pertanyaan dan persoalan oleh pelajar perlu kepada perhatian(Braxton, Bayer, & Finkelstein, 1992). Semua perlakuan yang berlaku seperti yang tersebut adalah di anggap tidak profesional (Callahan, 1982).

Tercatat perlakuan seperti merendahkan kebolehan pelajar adalah melanggar prinsip etika. Perlakuan tersebut juga telah mencemarkan satu nilai norma yang sangat penting iaitu nilai menghormati sesama insan(Nisbert, 1977). Pelajar juga termasuk mereka yang di gelar insan dan perlu dihormati sama seperti menghormati individu lainnya (Reynolds, 1996; Smith, 1996). Tingkah laku tidak beretika lain seperti menegur pelajar dengan tujuan merendahkan keupayaan mereka, menzahirkan sikap kurang sabar terhadap pelajar yang lambat memahami, membuat kritikan terbuka terhadap pelajar serta menasihati pelajar dengan hasrat menjatuhkan air muka mereka (Svinicki, 1994). Pensyarah yang masuk ke kelas tanpa persediaan yang mencukupi dan lengkap di kategorikan sebagai tidak bertanggungjawab (Cahn, 1986). Kegagalan untuk bersedia lebih awal menunjukkan pensyarah telah gagal dalam melaksanakan tanggungjawab merancang. Keperluan untuk merancang disebabkan pelajar perlu kepada maklumat dari sukatan untuk membuat sebarang keputusan di samping memahami topik yang terkandung dalam sukatan tersebut (Steven & Markie, 2011).

Perlakuan lain yang dilaporkan sering berlaku ialah pensyarah melakukan seks rambang dengan pelajar, membuat komen-komen yang berbau lucu serta masuk ke kelas dalam keadaan mereka di pengaruhi alkohol (Cahn, 1986). Perlakuan yang tersebut di anggap tidak bermoral kerana pensyarah berkenaan tidak mampu memberi keputusan dan pertimbangan yang adil, nasihat dan pentaksiran yang tepat. Mabuk kerana minuman keras menyebabkan seseorang pensyarah terdedah kepada pelanggaran prinsip moral iaitu gagal menghormati insan lain.

Penilaian dan pentaksiran dengan tujuan mengenakan hukuman kepada pelajar juga di kenalpasti sebagai perbuatan tidak beretika (Scriven, 1992). Kaedah dan tujuan penilaian beserta pentaksiran dengan tujuan yang tersirat boleh di tafsirkan sebagai satu penodaan terhadap norma keadilan, tujuan dan matlamat penilaian (Smith, 1996). Keadilan dalam apa jua aspek perkembangan dan pembangunan pelajar adalah merupakan prinsip etika (Reynolds, 1996). Sifat pilih kasih sama ada terhadap agama, bangsa dan jantina sudah tentu mengakibatkan pelanggaran etika kerja pensyarah. Perkara ini juga akan merencatkan proses pembelajaran kerana pelajar merasakan tiada peluang yang saksama untuk menunjukkan kebolehan dalam mencapai yang terbaik (Markie, 1994). Tingkah laku tidak beretika tidak terkecuali terhadap penilaian dalam penyelidikan. Penyelidikan perlu dinilai secara merit kerana dapatan kajian akan di guna pakai untuk semua. Penilaian penyelidikan di atas bangsa, agama, status, jantina, kualiti individu mesti di elakkan (Cahn, 1986).

Penilaian yang tersasar dari objektif asal akan meninggalkan kesan tidak baik kepada kemajuan pendidikan dan pembangunan kerjaya seseorang (Merton, 1973). Peraturan menghantar tugas yang tidak di selaraskan kepada semua pelajar menyebabkan

kelewatan menghantar dari tarikh yang di berikan. Pelajar yang di kenali tetapi lewat menghantar tugas di beri peluang untuk menghantar di luar waktu yang telah di tetapkan. Terjadi juga kes di mana, markah peperiksaan akhir telah di ubah (Braxton & Hargens, 1996). Tercatat kes di mana pensyarah tidak melaksanakan tanggung jawab untuk memaklumkan perkara-perkara penting pada pertemuan pertama dalam setiap kelas (Weissbourd, 2003).

Perancangan kursus dan penerangan yang lengkap berhubung sesuatu kursus adalah penting. Tingkah laku lain yang tergolong dalam amalan tidak beretika ialah pensyarah enggan menyumbang idea untuk membantu pihak fakulti, menolak untuk memberi pendapat dalam perancangan kurikulum dan bersikap sambil lewa terhadap proses pengajaran. Di samping itu pensyarah juga di minta membantu pelajar sebagai memenuhi amanah ilmu (Kerr, 1996).

Sifat authoritarian hanya menyebabkan pensyarah bersifat rigid dan kerap kali menolak pandangan serta pendapat pihak lain. Amalan dan tingkah laku yang tidak bersedia menerima pandangan para pelajar adalah tidak dibenarkan kerana mencemari prinsip etika kerana pensyarah perlu mempunyai penaakulan yang tinggi dalam bidang yang diajar. Prinsip penaakulan bermakna pensyarah mampu menguasai perbincangan terhadap tajuk-tajuk yang diajar dengan cekap dan mampu mentafsirkan pelbagai pandangan pelajar. Etika pengetahuan bermaksud pensyarah mampu mengemukakan pandangan alternatif bersumberkan pandangan sarjana lain berhubung topik perbincangan. Pensyarah perlu mengamalkan sikap toleransi bagi setiap pandangan pelajar (Kerr, 1996).

Menjelaskan konsep *neutrality* sebagai satu konsep yang mengamalkan sikap moral yang baik terhadap etika(Baumgarten, 1982). Tanggapan sebahagian pensyarah ke atas kumpulan pelajar yang di sifatkan autoritarian merupakan satu bentuk perilaku yang tidak beretika (Churchill, 1982). Sebahagian tingkah laku tidak beretika bila mana pandangan sarjana minoriti tidak di libatkan dalam pengajaran, memaksa pelajar berpegang kepada satu fahaman dan perspektif sahaja serta tidak melarang komen yang bersifat rasis yang di cadangkan oleh pelajar (Nisbert, 1977).

Tercatat kes-kes di mana pensyarah gagal menyampaikan maklumat lengkap seperti tidak memperkenalkan dirinya kepada pelajar dan tidak memohon peralatan yang mencukupi untuk mengendalikan kelas. Pensyarah tidak bekerjasama dengan pihak perpustakaan untuk menyediakan sumber rujukan yang terbaik serta tidak peduli tentang kefahaman pelajar (Svinicki, 1994). Membuat persediaan awal sebelum sesuatu program atau kelas adalah perkara yang menepati etika. Pensyarah yang tidak bersedia secukupnya adalah tidak menepati amalan etika akademik. Membuat persediaan awal dan rapi melambangkan kesungguhan pensyarah untuk masuk ke kelas tanpa pelanggaran amalan etika akademik (Cahn, 1986). Terdapat kes-kes lain yang melanggar etika seperti meminta pelajar menyediakan bahan rujukan yang tidak mampu di sediakan oleh mereka. Penyediaan kursus-kursus tanpa mengambil kira kemampuan pelajar juga melanggar amalan etika akademik (Murray, et al., 1996).

Peperiksaan dan ujian adalah amalan biasa dalam bidang pendidikan. Kedapatan pensyarah yang menjadikan kertas ujian sebagai tidak sulit dan meletakkan kertas tersebut pada tempat yang mudah dicapai. Peperiksaan akhir di adakan dalam kelas, pensyarah menyampaikan kuliah yang selari dengan pendapatnya terutama yang

menyentuh bidang-bidang seperti agama, politik, isu-isu sosial dan pensyarah seringkali melewati waktu tamat kelasnya (Markie, 1994). Pensyarah yang terlibat mengizinkan pelajar menyemak markah tugas dan ujian telah mendedahkan kebocoran markah pelajar-pelajar lain dan ini merupakan tindakan tidak amanah (Murray, et al., 1996).

Di samping mengajar, pensyarah juga perlu sentiasa peka dan proaktif untuk mengetahui serta mempelajari sesuatu yang baharu mengenai alam pendidikan. Menjauhkan diri dari maklumat dan kaedah baharu mengajar adalah perbuatan tidak profesional. Informasi baharu merupakan satu keperluan dan prasyarat ke arah peningkatan tahap profesional (Scriven, 1992). Penaakulan pedagogi menyumbang terhadap kemajuan pelajar, pensyarah pula perlu ada rasa tanggungjawab untuk mendapat dan membaca artikel dan jurnal untuk sama-sama berkongsi pengetahuan baharu berhubung pelbagai strategi, kaedah dan pendekatan dalam pengajaran. Kerahsiaan dalam pengajaran menyebabkan pensyarah tidak mahu berkongsi bahan pengajaran. Perlakuan sebegini di dapati melanggar norma etika kerana hasil kajian perlu di sebarkan kepada ahli-ahli lain kerana hasil kajian merupakan pemilikan bersama komuniti penyelidik. Aspek pengajaran juga meminta para pensyarah berkongsi dan berbincang demi kemajuan pendidikan serta bersedia membantu satu sama lain (Callahan, 1982).

Tingkah laku yang terlalu berahsia dalam pengajaran akan menghapuskan tanggungjawab bersama dalam pendidikan (Hook, 1994). Sebarang perselisihan faham seperti yang tersebut hendaklah di selesaikan secara tertutup(Murray, et al., 1996). Para pensyarah tidak wajar mengkritik secara terang-terangan. Kritikan yang

di maksudkan tersebut seperti komen negatif terhadap kursus anjuran rakan sejawat di dalam perjumpaan atau mesyuarat(Freidson, 1975).

Lain-lain contoh kritikan ialah promosi keterlaluan terhadap kursus yang di kendalikannya dan dalam masa yang sama memperlekehkan kursus tawaran pensyarah lain. Sehubungan itu, catatan kes-kes salah laku yang terjadi telah mengesahkan terdapatnya pelanggaran etika dalam profesi pendidikan dan cadangan kepada mengurangkan amalan tidak beretika ini ialah mempergiatkan kursus, latihan dan dialog yang bersifat membina. Sikap yang terbuka dan bersedia untuk menerima teguran serta iltizam yang kuat untuk berubah berupaya mengembalikan keadaan kepada lebih kondusif.

Justeru, pengkaji berpendapat bahawa isu pelanggaran etika akademik dalam kalangan pensyarah disebabkan terdapatnya kelompongan di mana pembolehubah penaakulan moral, nilai profesional dan membuat keputusan mempunyai pengaruh dalam menentukan amalan etika akademik. Kajian literatur mendapati tiada atau kurangnya pengkajian yang meneliti perkaitan atau pengaruh membuat keputusan antara hubungan penaakulan moral dan nilai profesional dengan amalan etika akademik.

## 2.7 Teori Penaakulan Moral

Perkataan falsafah berasal daripada istilah Yunani, philo(cinta) dan sophos (hikmat, kebijaksanaan) yang bermakna cinta kepada kebijaksanaan atau pengetahuan (*love of wisdom*), kebenaran atau keutamaan. Bagaimana pun, pengertian falsafah secara popular ialah berfikir (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2002). Falsafah di definisikan

sebagai sistem nilai dalam kehidupan manusia(Ferrell, Fraedrick, & Ferrell, 2002).

Falsafah moral pula merujuk kepada prinsip atau peraturan yang digunakan oleh manusia untuk menentukan apa yang betul dan apa yang salah, iaitu penaakulan tentang sifat dan justifikasi kepada sesuatu tindakan (Beauchamp & Bowie, 2001).

Oleh kerana istilah etika juga dikenali sebagai falsafah moral, maka teori-teori etika juga umumnya adalah berasaskan teori-teori falsafah moral (Bartlett, 2003). Teori etika boleh diklasifikasikan kepada dua pecahan utama iaitu alam deontologi yang menekankan pertimbangan betul atau salah berdasarkan tindakan itu sendiri dan alam teleologi yang menekankan penilaian salah atau betul berdasarkan kepada kesan atau akibat daripada sesuatu tindakan itu (Shaw & Barry, 2000).

Ramai pengkaji moral dan etika telah menghasilkan teori dan model mereka masing-masing hasil kajian dan pemerhatian yang mereka lakukan. Seorang dari pengkaji tersebut telah membangunkan teori kognitif berkaitan pembangunan moral di kenali sebagai Perkembangan Penaakulan Moral (PPM) (Kohlberg, 1969). Teori ini telah digunakan untuk memahami karekter manusia tentang bagaimana mereka membuat penaakulan terhadap dilema moral. PPM adalah topik yang menerangkan struktur kognitif moral manusia yang di gunakan membuat penaakulan. Penaakulan ini terkandung dalam enam tahap perkembangan moral manusia melibatkan kognitif yang dikira kompleks.

PPM telah dibahagikan kepada tiga peringkat, pertama ialah peringkat pre-konvensional (tahap 1 dan 2), kedua ialah peringkat konvensional (tahap 3 dan 4) dan ketiga ialah peringkat pasca- konvensional (tahap 5 dan 6). Peringkat pertama iaitu

peringkat prekonvensional meletakkan akibat dari keputusan yang diambil ke atas diri sendiri dan peringkat ini menjelaskan bahawa keputusan moral yang dibuat adalah berasaskan kepada ganjaran dan hukuman. Seseorang yang memiliki lebih kuasa memberi kesan terhadap keputusan moral yang dihasilkan orang lain.

Peringkat kedua iaitu peringkat konvensional pula memberi fokus kepada kaum keluarga, kawan dan rakan. Pada peringkat ini, norma masyarakat telah dibentuk dan dilengkapkan rakan sebaya dan ahli dalam masyarakat. Norma yang telah dibentuk kemudiannya menghasilkan ciri-ciri moral untuk diguna pakai oleh masyarakat tersebut. Nilai yang ditetapkan pada peringkat ini meletakkan kepentingan menjaga kebijakan pihak lain adalah lebih utama tetapi pada masa yang sama tetap memberi kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan (Kohlberg, 1969).

Peringkat seterusnya ialah peringkat ketiga di mana lebih fokus diberikan kepada prinsip umum kemanusiaan. Ahli-ahli dalam masyarakat pada peringkat ini membenarkan komitmen individu untuk membuat penaakulan moral merujuk etika ideal sejagat melebihi norma-norma yang telah dibentuk dalam kumpulan (Desplaces, Melchar, Beauvais, & Bosco, 2007). Menghadapi pelbagai isu etika, seseorang akan memberikan respon yang berbeza berdasarkan tahap PPM mereka masing-masing. Kajian yang dijalankan mendapati seseorang yang berupaya berkelakuan lebih beretika pada kebiasaannya berada pada tahap pembangunan moral yang lebih tinggi.

Terdapat hubungan yang signifikan di antara PPM dan perlakuan bermoral dalam kalangan masyarakat (Blasi, 1980). Tahap perkembangan moral Kohlberg yang tertinggi ialah pasca-konvensional. Seseorang yang telah berada pada tahap ini juga

kadangkala melakukan amalan tidak beretika serta tidak memenuhi norma sosial masyarakat. Apa yang dinyatakan melalui teori perkembangan moral ialah mereka yang berada pada tahap tertinggi akan mengalami kesempurnaan moral. Setiap individu perlu mencapai PPM yang tertinggi tetapi ini bukanlah semestinya satu syarat yang lengkap untuk menunjukkan tingkah laku bermoral seperti bertolak ansur, amanah serta mengawal nafsu yang tidak baik (Trevino, 1986).

Penaakulan moral, menerangkan bahawa keupayaan menetapkan sebarang keputusan bermoral sering kali bersesuaian dengan tingkat penaakulan moral seseorang (Kohlberg, 1964). Merujuk pemikiran Kohlberg, menerusi Teori Perkembangan Moral, beliau menjelaskan bahawa aspek kognitif memainkan peranan amat penting membentuk penaakulan moral individu dan seterusnya mengarah seseorang kepada perlakuan bermoral. Teori tersebut digunakan dalam mempertahankan hujahan di mana perlakuan tidak bermoral di lakukan oleh seseorang dengan tahap penaakulan yang rendah. Tahap penaakulan rendah menjurus kepada pembentukan prinsip-prinsip moral yang juga rendah, selari dengan penaakulan moral individu yang tidak jitu (Baxter & Rarick, 1987).

Peningkatan tahap moral dalam diri seseorang adalah berdasarkan kepada proses penaakulan yang dilalui oleh mereka sepanjang kehidupan (Green, 1997). Hasil kajian menjelaskan bahawa tingkatan penaakulan moral seseorang mewujudkan hubungan yang positif terhadap tingkah laku beretika mereka(Kohlberg, 1964; Rest, 1979). Pendapat ini turut dibenarkan melalui kajian yang dijalankan yang kemudiannya mengesahkan tingkah laku beretika turut dipengaruhi oleh penaakulan

moral seseorang. Tingkah laku beretika juga turut dipengaruhi oleh tahap pendidikan seseorang(Colby & Kohlberg, 1987).

Penaakulan moral bermaksud penaakulan dalam bentuk individu atau kolektif yang lebih praktikal (Richardson, 2003). Kajian yang telah dibuat mendapati, penaakulan moral berfungsi sebagai petunjuk tahap sensitiviti sampel kajian terhadap etika akademik. Seseorang dengan kapasiti penaakulan moral yang tinggi didapati memiliki sikap sensitif terhadap etika (Thorne, 2000). Penaakulan moral merupakan kemampuan untuk memilih dan membuat keputusan beretika (Lind, 2002). Manakala konsep penaakulan moral adalah berdasarkan kemampuan seseorang menggunakan pengetahuan dan kepakaran yang dikuasai untuk memilih penilaian yang sesuai dan bertindak balas untuk menghasilkan keputusan bermoral terhadap sesuatu situasi(Catalano, Berglund, Ryan, Lonezak, & Hawkins, 1999).

Konsep ini dipersetujui dan diterangkan sebagai keupayaan seseorang untuk memahami ciri-ciri situasi moral, membuat analisa dan mencadangkan perlakuan yang sesuai untuk situasi tersebut(Podolskiv, 2005). Situasi ini juga tidak berlaku secara kebetulan malah berdasarkan penaakulan moral yang dimiliki oleh seseorang. Adalah didapati, seseorang dengan penaakulan moral tinggi lebih berkecenderungan untuk melaksanakan perlakuan lebih beretika. Ke arah lebih beretika, perlakuan seseorang hendaklah dipandu moral atau prinsip yang sempurna(Lind, 2002). Seseorang dengan penaakulan yang baik mampu untuk merencana dan melaksanakan perlakuan lebih beretika.

Kemampuan seseorang untuk lebih bermoral didapati bergantung kepada kemampuan membuat penaakulan terhadap prinsip-prinsip moral dan penaakulan dalam memilih perlakuan lebih beretika. Oleh yang demikian, pengkaji dapat merumuskan bahawa, penaakulan moral bermaksud keupayaan seseorang memilih perlakuan atau tingkah laku beretika setelah terlebih dahulu membuat penilaian terhadap situasi dan batasan moral semasa.

Sarjana etika sebahagiannya membincangkan teori-teori falsafah moral daripada perspektif yang berbeza-beza. Kenyataan oleh Frankena sebagai contoh, telah membahagikannya kepada dua perspektif iaitu pertimbangan kepada obligasi moral atau deontik dan pertimbangan kepada nilai moral atau pertimbangan aretaic(Frankena, 1973). Kedapatan pengkaji yang telah membahagikan teori-teori moral normatif kepada empat kategori iaitu konsekuansialisme, deontologi, relativisme normatif dan teori nilai(Miner & Petocz, 2003).

Sementara itu, penilaian etika dibahagikan kepada empat domain iaitu: (1) domain tindakan yang dinilai menggunakan terma betul atau salah dan baik atau buruk; (2) domain akibat yang dinilai menggunakan terma baik, buruk dan ketidakbezaan; (3) domain sifat yang dinilai menggunakan terma budi (*virtuous*), kekejaman (*vicious*) dan ketidakbezaan dan; (4) domain motif yang dinilai menggunakan terma niat baik, niat jahat dan neutral(Pojman, 1998). Beberapa orang penulis lain pula tidak mengklasifikasikan teori-teori falsafah moral kepada kategori tertentu sebaliknya membincangkan teori deontologi, teleologi dan teori-teori etika yang lain secara berasingan (Desjardins, 2003).

Standard yang digunakan untuk mempertahankan etika peribadi lazimnya adalah berasaskan falsafah moral deontologi yang menggunakan prinsip keadilan dan hak (Ferrell & Gresham, 1985). Perkara dan idea yang sama diringkaskan sebagai prinsip hak dan prinsip keadilan(Velasquez, 2006).

Prinsip Keadilan – Prinsip ini dibangunkan untuk melindungi kepentingan semua pihak berasaskan tiga kategori keadilan iaitu keadilan distributif, keadilan retributif dan keadilan pampasan (*compensatory*). Prinsip keadilan distributif pada asasnya berpegang kepada sama harus dilayan (*treated*) sebagai sama dan tidak sama harus dilayan sebagai tidak sama. Keadilan retributif memberi tumpuan kepada pembuktian kesalahan dan hukuman. Mengikut prinsip ini, seorang itu mestilah telah melakukan tindakan tersebut berdasarkan pilihan bebas dan dengan pengetahuan akan akibatnya, dan hukuman mestilah konsisten atau sepadan dengan kesalahan yang dilakukan. Keadilan pampasan menumpukan kepada pembayaran ganjaran kepada pihak yang menerima akibat/mudarat daripada sesuatu tindakan. Ganjaran seharusnya dapat mengembalikan pihak yang menerima mudarat kepada kedudukan asalnya.

Prinsip Hak –Prinsip ini menetapkan tahap minimum kepuasan dan standard adalah tidak bersandar kepada akibat. Walaupun hak moral selalunya dilihat sebagai sejagat tetapi hak moral tidak sama dengan hak perundangan. Prinsip hak adalah berasaskan konsep “*categorical imperative*” yang dipelopori Kant yang pada asasnya mempunyai dua kriteria dalam menilai sesuatu tindakan iaitu: 1)setiap tindakan harus berasaskan pertimbangan bahawa setiap orang boleh melakukan tindakan tersebut dan 2) tindakan itu mesti berasaskan pertimbangan bahawa pelakunya mestilah sanggup menerima

tindakan yang sama dilakukan oleh orang lain, sekalipun tindakan itu dilakukan terhadap mereka (*reversible*).

Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan teori dan model beberapa pengkaji terpilih bagi di guna pakai dalam kajian ini. Teori dan model-model ini membantu menerang dan menjelaskan segala yang berkaitan topik yang telah dibincangkan. Segala teori tersebut menjadi asas kepada kajian ini dalam usaha melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan.

## 2.8 Teori dan Model Kajian

Teori dan model yang di gunakan dalam sebarang kajian berperanan sebagai alat untuk memberi penjelasan, membuat ramalan dan boleh menjadi satu panduan(Lind, 2002; Lund, 2008). Sehubungan itu, pengkaji telah menetapkan kerangka teoritikal utama kajian dengan merujuk kepada Teori Dua Aspek Lind, Model Pembangunan Moral Kohlberg, Model membuat keputusan beretika dan Model amalan nilai profesional.

### 2.8.1 Teori Dua Aspek

Teori Dua Aspek (*Dual aspect Theory*) menjelaskan bahawa tingkah laku moral seseorang boleh ditentukan merujuk kepada ideal moral dan prinsip moral seseorang. Teori Dua Aspek telah diperincikan sebagai mengukur dan menstimulasikan pembangunan moral berdasarkan kognitif(Lind, 2000). Teori ini juga menjelaskan bahawa aspek kognitif dan afektif akan sentiasa berpadu ketika seseorang ingin menentukan perlakuan moral. Kedua-dua aspek ini menentukan tingkah laku dan

kemampuan kognitif yang kelak akan digembleng semasa seseorang melalui proses membuat keputusan.

Kajian lalu mendapati aspek afektif memandu kepada orientasi perlakuan moral individu. Aspek kognitif pula menjelaskan organisasi struktur perlakuan moral tersebut. Kajian terdahulu menjelaskan, tahap penaakulan moral dan perlakuan bermoral menunjukkan terdapat hubungan yang sedikit tetapi penaakulan moral menunjukkan hubungan yang konsisten terhadap tingkah laku bermoral (Lind, 1985). Tingkah laku bermoral yang dimaksudkan adalah sifat bersyukur, amanah dan penyayang.

Sehubungan itu, kajian menetapkan bahawa penaakulan moral dan nilai profesional sebagai pembolehubah tidak bersandar dan kedua-duanya adalah mewakili aspek kognitif dan afektif dalam diri seseorang. Kohlberg menyatakan bahawa pembangunan penaakulan moral merupakan peningkatan dari sudut kognitif seseorang manakala nilai profesional pula melibatkan nilai, norma serta perlakuan yang diterima oleh sesuatu komuniti. Justeru, kedua-dua aspek (penaakulan moral dan nilai profesional) digembleng bersama-sama untuk mencapai keputusan yang terbaik(membuat keputusan) bagi melahirkan perlakuan beretika menepati kehendak profesi. Oleh itu pengkaji merasakan bahawa teori yang dipilih telah mewakili idea kajian ini dengan baik dan menepati keperluan kajian.

### **2.8.2 Teori Pembangunan Moral Kohlberg**

Model Pembangunan Moral menjelaskan bahawa perubahan tahap perkembangan moral seseorang adalah bergantung kepada proses perkembangan kognitif yang

dibangunkan(Kohlberg, 1981). Penaakulan moral pula melambangkan konstruk psikologi seseorang yang selari dengan set kemahiran kognitif yang sering digunakan dalam usaha menyelesaikan dilema etika (Elm, et al., 2001). Piaget menjelaskan dari hasil kajian dan pemerhatian, bahawa tindakan logik seseorang akan membawa perubahan moraliti dan ini sebenarnya adalah keputusan tingkah laku dibuat manusia ke atas dirinya, begitu juga terhadap insan lain (Piaget, 1932).

Teori pembangunan moral Kohlberg menerangkan peringkat kehidupan manusia yang bermula sebaik sahaja bayi dilahirkan, mereka tidak mengerti apa-apa. Bayi membesar dalam kalangan keluarga dan menjadikan mereka serta keluarga besar iaitu masyarakat sebagai sumber pengajaran dan nilai dalam pembangunan moral. Kajian oleh Kohlberg kemudiannya menyumbang kepada penemuan tiga peringkat perkembangan moral dan setiap satu peringkat terbahagi kepada dua tahap dan diterima sebagai asas orientasi moral. Peringkat-peringkat moral tersebut dikenali sebagai pra-konvensional, konvensional dan pasca-konvensional. Merujuk kepada teori tersebut, manusia akan melalui kesemua peringkat perkembangan moral tersebut bermula dari awal kehidupan sehingga akhir hayat (Kohlberg, 1981).

Hidup manusia bermula dari tidak tahu kepada perkembangan moral peringkat pertama. Perlakuan individu tersebut diasaskan kepada norma masyarakat yang dipersetujui kerana masyarakat lebih dewasa menegaskan mereka sepatutnya berkelakuan mengikut norma. Masyarakat yang dimaksudkan seperti ibubapa, penjaga atau guru mereka. Kepatuhan seseorang kepada norma bertujuan mengelak dari ancaman hukuman. Perkara baik atau buruk yang dilakukan oleh seseorang dapat ditentukan melalui kesan hukuman atau penerimaan masyarakat. Tingkah laku baik

yang terdapat dalam peringkat kedua adalah berdasarkan kerjasama dan persetujuan memenuhi kepentingan dan keutamaan diri (Kohlberg, 1981).

Pengkaji seperti Kohlberg menjelaskan bahawa peringkat kedua adalah peringkat konvensional yang terdiri dari tahap ketiga iaitu tingkah laku dari seseorang berasaskan perlakuan yang pelbagai tetapi masyarakat boleh menerimanya sebagai suatu perlakuan baik dan berfaedah(Kohlberg, 1981). Tahap keempat yang menerangkan bahawa perlakuan seseorang dalam komuniti tersebut pada perkara yang baik perlu dirujuk sebagai mematuhi undang-undang dan norma yang diterima masyarakat supaya tiada pertentangan terhadap peraturan sedia ada. Peringkat tertinggi iaitu pasca-konvensional juga terbahagi kepada dua tahap iaitu tahap lima dan enam(Kohlberg, 1981). Pada tahap kelima, sebarang perlakuan yang ditimbulkan oleh ahli perlu berasaskan persetujuan sosial dan bertepatan dengan hak individu. Pada tahap ini seseorang percaya bahawa setiap ahli dalam masyarakat atau masyarakat itu sendiri berbeza pandangan secara relatif terhadap sesuatu perkara sama ada betul atau salah(Kohlberg, 1981) .

Oleh yang demikian, peraturan yang dicadang dan dipatuhi perlu mendapat kata putus dari masyarakat kerana apa yang telah diputuskan itu secara tidak langsung merupakan kontrak sosial. Walaupun perlakuan yang diterima masyarakat dipersetujui majoriti tetapi pandangan minoriti masyarakat juga boleh diterima pakai. Tahap keenam dalam peringkat ketiga menunjukkan perlakuan yang memberi penghormatan kepada prinsip-prinsip moral dan kebaikan seluruhnya. Tingkah laku masyarakat pada tahap ini menjurus kepada konsep abstrak seperti keadilan, simpati,

maruah dan sebagainya. Masyarakat mampu untuk memberi sepenuh keyakinan pada nilai-nilai umum yang diterima masyarakat sejagat (Kohlberg, 1981).

Model Perkembangan Moral boleh dikaitkan dengan rapat terhadap amalan etika. Individu yang berada dalam peringkat pertama sentiasa peka dan berusaha mematuhi kod etika profesion dengan memberi penekanan terhadap kesan perlakuan. Perbuatan yang boleh diambil sebagai contoh ialah seseorang yang berkelakuan baik tidak dibalas dengan perbuatan yang jahat. Peringkat kedua iaitu peringkat konvensional mendedahkan perlakuan individu adalah peka terhadap mematuhi peraturan dan bertanggungjawab bagi kepentingan peribadi disamping memastikan sistem perundangan berfungsi dengan baik.

Seseorang juga cuba sebaiknya untuk tidak melanggar dan menodai sistem perundangan yang telah terbentuk dalam masyarakat. Peringkat ketiga iaitu peringkat pasca-konvensional, individu pada tahap ini memiliki penaakulan moral yang tertinggi serta memastikan prinsip-prinsip etika sesuai dan bertepatan dengan tuntutan dan undang-undang khusus yang diterima serta selari dengan nilai-nilai sejagat (Panemon, 1990).

Sebagai rumusan, penekanan yang jelas dalam teori perkembangan moral Kohlberg ialah andaian bahawa individu membuat penaakulan dan pertimbangan moral berdasarkan pertimbangan kognitifnya sendiri. Menurut Kohlberg, oleh kerana nilai adalah berbeza-beza mengikut tempat dan budaya, penyelidikan nilai budaya tidak dapat menjelaskan bagaimana individu berinteraksi dengan persekitaran budayanya atau bagaimana seseorang menyelesaikan masalah berkaitan dunia sosialnya. Ini

kerana penjelasan tersebut memerlukan analisis terhadap pembangunan struktur pertimbangan moral yang universal dalam pelbagai budaya yang tidak dapat dicapai. Kepatuhan kepada norma-norma sosial dalam masyarakat juga tidak semestinya menjurus kepada tingkah laku beretika, malahan kadang kala menyumbang kepada pelanggaran etika. Teori juga menyebut bahawa struktur perkembangan kognitif individu itu sendirilah yang membezakan antara salah dan betul melalui proses membuat pertimbangan moral dan bukannya masyarakat.

Merujuk kepada teori tersebut, para pensyarah sepatutnya berada pada peringkat pascakonvensional dalam tahap 5 dan 6. Ini berdasarkan kepada input yang mereka terima sebelum dan semasa berada dalam profesion sebenar. Tempoh perkhidmatan dan umur turut meletakkan mereka pada tahap tersebut. Justeru, tingkah laku pensyarah amat perlu selari dengan perkembangan moral mereka berdasarkan budaya setempat yang sama. Perkembangan moral yang baik tersebut seterusnya dapat menyumbang kepada amalan etika akademik yang baik dan diterima.

### **2.8.3 Model-Model Membuat Keputusan Beretika**

Satu kajian menegaskan bagaimana seorang pengurus jualan menggunakan elemen rasuah sebagai perantara bagi mendapatkan sesuatu produk dari seorang pengurus organisasi. Suasana yang dicetuskan telah mengundang pelbagai senario berhubung pertimbangan yang dibuat terhadap dilema. Keputusan yang diambil terhadap dilema etika tersebut sudah pasti berasaskan penaakulan moral seseorang. Kes ini menunjukkan bahawa proses membuat sesuatu keputusan adalah sesuatu yang boleh dikenalpasti(Vitell, 1986). Sehubungan kes tersebut, terdapat beberapa penyelidik


atau kumpulan penyelidik muncul dengan model-model baharu membuat keputusan beretika seperti (Ferrell & Gresham, 1985; Hunt & Vitell, 1986; Trevino, 1986).

Model Interaksi Individu-Situasi (*Person-Situation Interactionist Model*) yang dibangunkan oleh Trevino ialah model pembuatan etika yang paling banyak dirujuk dalam literatur pembuatan keputusan etika (Bartlett, 2003). (Trevino, 1986) membangunkan model ini kerana ia percaya hasil kerja Kohlberg terlalu menekankan aspek kognitif (cara seseorang berfikir berkaitan pilihan moral) dan mengabaikan tingkah laku sebenar (Christensen, 2008). Teori Kohlberg adalah terbatas kepada kognitif sahaja iaitu bagaimana individu berfikir dalam sesuatu situasi dilema etika, bukan menjelaskan tingkah laku atau apa yang sebenar akan dilakukan dalam situasi tertentu(Trevino, 1986).

Oleh yang demikian, hubungan antara penaakulan moral dengan tindakan tidak didefinisikan dengan jelas oleh teori moral Kohlberg. Pandangan menyatakan bahawa proses kognisi dan tindakan adalah berhubungan disebabkan kecenderungan individu untuk mencapai konsistensi antara fikiran dan tindakan(Trevino, 1986). Walaupun bersetuju dengan teori Kohlberg bahawa individu bertindak balas kepada dilema etika berdasarkan tahap pembangunan moral kognitif, namun Trevino menyatakan tahap pembangunan kognitif moral semata-mata tidak mencukupi untuk menjelaskan pembuatan keputusan etika.

Maka ia mengusulkan bahawa pembuatan keputusan etika dalam organisasi dapat dijelaskan melalui interaksi antara komponen individu dan situasi dengan tahap pembangunan moral individu. Dengan kata lain faktor-faktor individu dan situasi

mempengaruhi hubungan antara penaakulan moral dengan tingkah laku etika. Model *Interactionist Model of Ethical Decision Making* seperti dalam Rajah 2.1 telah diperkenalkan berdasarkan kajian (Trevino, 1986). Model membuat keputusan oleh Trevino menjelaskan tingkah laku seseorang yang akan bertindak balas terhadap suasana dilema etika berdasarkan kepada perbezaan tahap kognitif. Hipotesis yang telah dibuat bahawa komponen kognitif seseorang adalah dipengaruhi tahap pembangunan moral mereka(Trevino, 1986). Lihat Rajah 2.1 di bawah:




Rajah 2.1: Model Interaksi Membuat Keputusan Beretika oleh Trevino (1986).

Model Trevino telah menyumbang kepada sokongan empirikal terhadap Teori Struktur Perkembangan Moral Kognitif yang bertindak sebagai pemboleh ubah bagi menjelaskan pertimbangan etika. Pengasas kepada Model membuat keputusan yang kedua dikenalpasti melalui Model Kontigensi Membuat Keputusan Beretika

*(Contingency Model of Ethical Decision Making In A Marketing Organization)* (Ferrell & Gresham, 1985).

Menggunakan kerangka kontigensi dalam organisasi pemasaran untuk menjelaskan faktor-faktor menyebabkan seseorang bertingkah laku secara beretika. Perlakuan individu adalah merujuk kepada penyelesaian semasa menghadapi dilema etika yang banyak merujuk kepada dua faktor utama iaitu individu dan peluang. Penerangan terhadap faktor individu memberi maksud bahawa sesuatu keputusan yang telah diambil turut dipengaruhi oleh seseorang yang mengetuai sesuatu organisasi tertentu(Ferrell & Gresham, 1985).

Peluang pula adalah merujuk kepada polisi secara rasmi atau tidak rasmi yang menyatakan bentuk hukuman atau ganjaran bagi setiap perlakuan yang tidak beretika. Ferrel dan Greesham telah menyumbang model-model membuat keputusan iaitu: (i) konseptual literatur membuat keputusan khusus dalam pemasaran (ii) model menyediakan struktur multi dimensional yang sistematik (iii) penelitian empirikal yang sistematik terhadap kerangka membuat keputusan tersebut adalah seperti dalam Rajah 2.2 di bawah(Ferrell & Gresham, 1985):



Rajah 2.2. Model Kontigensi Membuat Keputusan oleh Ferrel dan Gresham (1985)

Ferrel dan Gresham tidak menetapkan apa yang beretika atau tidak beretika tetapi cuba mengenal pasti penentu tingkah laku. Sama ada tingkah laku tertentu dinilai sebagai beretika atau tidak beretika didefinisikan oleh pemerhati atau peserta. Dengan kata lain, model ini tidak membincangkan doktrin moral tertentu, sebaliknya mengkaji konteks dan bolehubah penentu keputusan etika dalam proses pengurusan.

Model ini adalah berbentuk multidimensi, berorientasikan proses dan bersifat kontingen. Pembolehubah-pembolehubah dalam model ini dikategorikan kepada pembolehubah kontigensi individu iaitu latar belakang peribadi dan ciri-ciri sosialisasi seperti pendidikan dan pengalaman perniagaan dan kontigensi organisasi yang merangkumi kesan luaran organisasi kepada pekerja atau organisasi (misalnya, pelanggan dan firma-firma lain) dan kesan intraorganisasii (misalnya, rakan sekerja dan

penyelia). Pembolehubah-pembolehubah ini adalah saling bergantungan dan pada dasarnya memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada pembolehubah bersandar iaitu tingkah laku.

Terdapat variasi yang luas dalam pembuatan keputusan etika, namun variasi ini bukanlah bersifat rawak. Faktor-faktor individu dipostulatkan berinteraksi dengan faktor-faktor organisasi dalam mempengaruhi pembuatan keputusan individu yang berdepan dengan dilema etika iaitu niat moral individu disederhanakan oleh orang terdekat (*significant others*), penyederhana individu dan peluang(Ferrell & Gresham, 1985). Faktor orang terdekat dikaitkan sebagai penyederhana berasaskan andaian Teori Diferensi Sekutuan (*differential association theory*) dan Teori Konfigurasi Set Peranan (*role set theory*).

Model seterusnya ialah Teori Umum Etika Pemasaran oleh (Hunt & Vitell, 1986).

Model Hunt dan Vitell berkaitan membuat keputusan dalam situasi pemasaran bertujuan mengenalpasti proses membuat keputusan sewaktu menghadapi dilema etika. Keterangan terhadap model akan menggunakan kaedah etika deontologikal serta teleologikal di mana individu yang berhadapan dengan dilema etika akan membuat pertimbangan etika berasaskan kepada penilaian. Berasaskan kepada pertimbangan etika tersebut, individu akan memastikan niat yang tepat dan dimoderasikan oleh kekangan situasi semasa yang boleh mencorak bentuk dan mendatangkan kesan kepada perlakuan.

Semasa membuat penilaian, akan berlaku proses pembelajaran kerana individu perlu membuat penilaian terhadap beberapa alternatif penyelesaian sebelum menyatakan

maklumbalas terhadap situasi yang berlaku dan proses ini telah membentuk pengalaman individu. Pendekatan deontogikal yang digunakan adalah penilaian berdasarkan kepada betul atau salah dan penilaian ini adalah berasaskan sistem nilai dan norma perlakuan individu dalam masyarakat (Hunt & Vitell, 1986).

Kaedah teleologikal yang biasa digunakan untuk membuat penilaian adalah berdasarkan nilai-nilai baik dan buruk(Hunt & Vitell, 1986). Penilaian yang dibuat kerap berdasarkan kesan dari tingkah laku individu. Kesan tingkah laku yang sering dinilai ialah persepsi ke atas akibat, kebarangkalian akan terjadi akibat dan kepentingan pihak-pihak terlibat. Tujuan utama penilaian teleologikal adalah selaras dengan tujuan wujudnya sistem penilaian individu dan norma-norma perlakuan dalam masyarakat melibatkan aspek persepsi. Persepsi ini timbul akibat situasi dan intepretasi terhadap kesan dari keputusan yang dibuat. Berasaskan kepada kedua-dua kaedah dan pendekatan di atas, pelbagai pilihan boleh digunakan bagi membuat pertimbangan etika. Pertimbangan etika dan perlakuan dilihat mempunyai perkaitan dan kedua-duanya ditambah murnikan melalui niat seseorang.

Model tidak memberi tumpuan penuh kepada niat tetapi lebih memberi tumpuan kepada pembolehubah moderasi seperti nilai, personaliti, kekangan persekitaran serta situasi. Perlakuan seseorang dalam kehidupan seharian adalah tertakluk secara langsung dengan pertimbangan etika. Perlakuan dengan kesesuaian pertimbangan etika juga didasarkan kepada alternatif etika. Sehubungan itu, berdasarkan ketiga-tiga model tersebut pengkaji akan mengadaptasikan Model Interaksi Membuat Keputusan Beretika oleh (Trevino, 1986) sebagai pilihan berdasarkan kepada aspek perkembangan kognitif yang digunakan bagi menentukan perlakuan beretika. Kajian

ini hanya fokus kepada tahap kognitif pensyarah semasa membuat keputusan dengan mengabaikan faktor-faktor lain (Hunt & Vitell, 1986).

#### **2.8.4 Nilai profesional**

Profesionalisme pensyarah dikaitkan dengan ciri profesional seperti kelayakan menjadi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, etika profesional dan diiktiraf oleh badan profesional. Oleh itu, dalam memastikan kejayaan perancangan dasar pendidikan, profesionalisme Pegawai Perkhidmatan Pendidikan pada setiap peringkat perlu sentiasa ditingkatkan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan profesionalisme keguruan seperti memperkemas laluan kerjaya Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, membangunkan konsep Guru Malaysia dan Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) serta Pembangunan Profesional Berterusan. Kerangka ini menerangkan konsep pembangunan profesionalisme keguruan KPM bermula dari fasa praperkhidmatan, awal perkhidmatan dan pemantapan kerjaya Pegawai Perkhidmatan Pendidikan ("Dokumen Awal Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan," 2016)

##### **1. Fasa Praperkhidmatan**

Fasa ini bermula daripada pemilihan calon yang menepati kriteria untuk mengikuti latihan keguruan pada peringkat pengajian tinggi. Calon-calon yang terpilih perlu lulus program pengajian dan memperoleh kelayakan ikhtisas. Dalam fasa ini juga, calon perlu memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh KPM. Sekiranya tidak melepassi penilaian, calon tidak layak dipertimbangkan memasuki perkhidmatan PPP.

## 2. Fasa Awal Perkhidmatan

Pada fasa ini, PPP dilantik ke jawatan tetap DG41 dan didaftarkan menjadi Guru Malaysia. PPP melaksanakan PdP dalam tempoh permulaan perkhidmatan dan menjalani program induksi serta pementoran dengan sokongan sumber-sumber organisasi. Dalam tempoh ini, pembangunan profesionalisme PPP perlu ditingkatkan untuk memenuhi kompetensi dan prestasi yang dinilai dengan PBPPP.

## 3. Fasa Pemantapan Kerjaya

Pada fasa ini, PPP yang kompeten dan mencapai tahap prestasi yang ditetapkan boleh memilih antara tiga laluan kerjaya iaitu PdP, Kepimpinan dan Kepakaran Pendidikan. Perkembangan dan pemantapan kerjaya PPP disokong melalui pembangunan kompetensi dengan menjalani aktiviti PPB secara kendiri atau anjuran organisasi. Bagi mengekalkan kualiti PPP sentiasa pada tahap yang optimum, satu dasar baharu telah diperkenalkan iaitu pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy).

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015 telah menjelaskan bahawa Dasar Pemisah merupakan satu dasar untuk menamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dan dibersaraskan bagi pegawai bertaraf pencen atau pegawai yang memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berprestasi rendah. PPP yang mendapat markah kurang daripada 60% bagi satu tahun penilaian berdasarkan PBPPP akan melalui tempoh pemerhatian selama setahun. Sekiranya selepas tempoh pemerhatian prestasi PPP masih berada di bawah 60%, perkhidmatan PPP tersebut boleh ditamatkan melalui penamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam berdasarkan Peraturan 49, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993], tertakluk kepada fakta bagi setiap kes. PPP

perlu memastikan prestasi mereka ("Dokumen Awal Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan," 2016).


Profesionalisme juga membawa maksud sifat-sifat kemampuan, kemahiran dan cara pelaksanaan sesuatu perkara yang dilakukan oleh seorang profesional. Apabila ia merujuk kepada profesi, ia adalah kategori klasifikasi pekerjaan dan apabila ia merujuk kepada nilai-nilai profesional, profesionalisme adalah standard etika dan teknikal dalam pekerjaan(Gewirtz, Mahony, Hextall, & Cribb, 2009)

Aspek profesionalisme adalah berkait rapat dengan amalan kerja yang bermutu, bermoral dan beretika. Amalan kerja profesional meliputi tingkahlaku yang profesional iaitu patuh kepada keperluan etika, membuat refleksi tentang tugas pengajaran serta kesungguhan untuk sentiasa belajar dan berkembang. Ia juga meliputi penglibatan aktif dalam meningkatkan profesionalisme keguruan iaitu terlibat dalam usaha menjalankan reformasi pendidikan, pensijilan, pengiktirafan guru, pengurusan serta pengendalian hal-hal profesional seperti terlibat sama dalam membuat keputusan syarat-syarat bekerja di bidang perguruan (Robiah Sidin, 2002).

Nilai adalah kepercayaan berkekalan yang menjadi pilihan individu berhubung apa yang baik, berbaloi atau sesuatu yang wajar (Butts & Rich, 2005). Individu pula membentuk nilai kendiri melalui pengaruh keluarga, budaya, masyarakat, persekitaran, agama atau kepercayaan serta fahaman etnik. Proses pembentukan nilai ini adalah beransur-ansur dan berkembang sepanjang hayat dalam kehidupan individu. Nilai yang dipelajari boleh dicapai melalui pemerhatian atau penyampaian secara terangan (Leners, Roehrs, & Piccone, 2006).

Apabila telah terbentuk, nilai adalah terdiri dari cita-cita dan kepercayaan yang memimpin tingkah laku seseorang juga merupakan asas kepada membuat keputusan dan mengambil sebarang tindakan (Chitty, 2005). Apabila seseorang perlu membuat keputusan berhubung tindakan yang perlu diambil, mereka akan merujuk kepada pengalaman yang telah mereka pelajari dan apa yang mereka percaya akan kebenarannya. Oleh itu, nilai berperanan memimpin tingkah laku dan menjadi suatu kesimpulan tingkah laku (Leners, et al., 2006).

Kajian yang dijalankan mendapati terdapatnya pengaruh pendidikan, profesi dan amalan serta nilai-nilai murni dalam pembangunan nilai profesional. Terdapat ungkapan berkaitan beberapa formasi nilai yang perlu kepada perhatian pendidikan, amalan dan profesi(Weis & Schank, 2000). Weis dan Schank menggambarkan nilai dan nilai profesional seperti Rajah 2.3 di bawah.



*Rajah 2.3. Model faktor dan nilai sejahtera Weis dan Shank (2000)*

Kajian terhadap nilai profesional dalam kalangan pengamal akaun di Malaysia mendapati tahap profesional yang ada dalam kalangan pengamal akaun tersebut adalah paling tinggi dalam tempoh perkhidmatan antara 1 – 3 tahun bekerja (63.2peratus) (Mohd Helmi Abd Rahim & Yee, 1992). Apa yang lebih mengejutkan ialah semakin lama kumpulan pengamal akaun ini bertugas, nilai/tahap profesional mereka didapati semakin menurun. Kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan diantara nilai/tahap profesional dengan tempoh pekerjaan seseorang. Apa yang nyata ialah hubungan antara kedua-dua pembolehubah adalah songsang serta dalam masa sama mempunyai hubungan korelasi yang rendah.

Kajian lanjut yang dijalankan, mendapati wujud perbezaan yang signifikan berdasarkan nilai profesional dalam perbandingan di antara eksekutif akaun yang berkhidmat dengan syarikat tempatan dan antarabangsa(Mohd Helmi Abd Rahim & Yee, 1992). Apa yang dapat dirumuskan oleh pengkaji di atas dari taburan silang yang dibuat ialah tahap profesional agensi pengiklanan tempatan adalah jauh lebih rendah berbanding syarikat pengiklanan antarabangsa. Kesimpulan yang dapat dibuat oleh pengkaji tersebut iaitu sebanyak 50.5 peratus pengamal akaun memiliki nilai profesional yang rendah manakala bakinya tahap tinggi.

Aristotle menekankan sifat-sifat murni (*virtue*) sebagai kualiti yang perlu dimiliki setiap individu untuk mencapai kesejahteraan hidup (Boylan, 2000; Rachels, 2007). Aristotle berpandangan bahawa dalam kajian dan pemerhatiannya mendapati sifat-sifat murni yang merangkumi keberanian (*courage*), kebijaksanaan/kecermatan (*prudence*), kejujuran (*honesty*) dan pemurah/dermawan (*generosity*) adalah perlu untuk mencapai kegembiraan (*happiness*) (Aristotle, 1925; Rachels, 2007).

Sebaliknya, asas penting dalam etika nilai murni ialah satu set nilai yang dianggap bermoral tanpa mengambil kira akibat sesuatu tindakan (Maitland, 1997).

Nilai-nilai yang merangkumi nilai-nilai amanah, kawalan diri, empati, keadilan dan kebolehpercayaan telah diambil sebagai standard moral dalam memastikan sama ada tingkah laku seseorang itu beretika atau tidak beretika (Robertson & Crittenden, 2003). Menurut pengkaji, apa jua nilai murni hendaklah dibezaikan dengan prinsip tanggungjawab kerana nilai murni itu sendiri bukanlah prinsip yang berkaitan dengan tanggungjawab seseorang tetapi turut juga merangkumi ciri-ciri tabiat, kualiti atau perwatakan yang wujud atau perlu diwujudkan dalam diri atau jiwa seseorang(Frankena, 1973).

Etika nilai pula ialah pendekatan yang menekankan ciri-ciri peribadi bagi membentuk kehidupan yang baik. Etika nilai murni kadang kala dirujuk sebagai etika berteraskan agen yang berpegang kepada falsafah bahawa dalam kehidupan mereka setiap manusia harus berusaha memupuk kecemerlangan dalam setiap perkara yang dilakukan oleh mereka dan orang lain (Boylan, 2000).

## **2.9 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Tingkah Laku Etika**

Secara umumnya, tumpuan penyelidikan etika boleh dikelaskan ke dalam empat kategori berdasarkan model empat peringkat Rest iaitu:1) kesedaran moral; 2) penaakulan moral; 3) niat moral; dan 4)tingkah laku moral. Tinjauan literatur mendapati majoriti penyelidikan empirikal meletakkan komponen penaakulan moral, niat dan tingkah laku moral atau etika sebagai pembolehubah bersandar (O'Fallen & Butterfield, 2005).

Semasa era 80an, penyelidikan etika memberi fokus kepada pembolehubah individu sebagai penentu kepada tindakan moral dan secara relatifnya mengabaikan faktor-faktor kontekstual atau situasi (Mc Mahon & Harvey, 2007). Penyelidikan dalam era ini didominasi tiga perspektif teori iaitu pendekatan pembangunan kognitif moral (Kohlberg & Candee, 1984; Piaget, 1965). Pendekatan perbezaan kecenderungan (*trait*) individu dan pendekatan tingkah laku dan pembelajaran (Hogan, 1973). Namun majoriti penyelidikan menggunakan konstruk pembangunan kognitif moral Kohlberg sebagai asas bagi menjelaskan fenomena kenapa sebilangan individu bertingkah laku beretika manakala sebahagian lagi tidak (Fraedrich & Iyer, 2008).

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada penyelidikan tentang peranan faktor-faktor individu terhadap tingkah laku tidak beretika adalah tidak jelas dan persoalan sama ada pembolehubah situasi atau pembolehubah individu yang menentukan tingkah laku (Stead, Worrell, Spalding, & Stead, 1987). Isu ini telah menjadi bahan hujahan melalui perdebatan panjang dalam bidang psikologi sosial. Penyelidikan-penyalidikan dalam era awal 1980an kebanyakannya menjurus kepada sesi perdebatan sama ada tingkah laku tidak beretika merupakan natijah atau akibat langsung daripada faktor individu atau faktor situasi (Trevino & Youngblood, 1990). Perkara ini dilihat sedemikian kerana kemungkinan kedua-dua faktor berkenaan mempengaruhi tingkah laku seseorang adalah munasabah. Dapatkan ini adalah penting kerana untuk menangani sesuatu masalah perlu kepada pengetahuan terhadap punca yang menyebabkan sesuatu itu berlaku. Rasionalnya ialah sekiranya punca masalah dapat diselesaikan, tidak akan berlaku lagi perkara yang sama di masa hadapan.

Merujuk kepada era sebelum tahun 1990, telah berlaku transformasi dalam penyelidikan etika di mana pendekatan teori tradisi mengalami perubahan dengan kemunculan perspektif baharu (Kurtines & Gewirtz, 1995). Dua aliran utama yang mendominasi penyelidikan dalam era ini ialah a) pembolehubah individu dan situasi berinteraksi untuk menentukan tingkah laku etika seseorang dan b) tingkah laku tersebut bukanlah disebabkan oleh perbezaan individu tetapi adalah dipelajari secara sosial melalui tiga pembolehubah situasi (Stead, et al., 1987). Ketiga-tiga variable situasi tersebut adalah kontingensi pengukuhan, sejarah pembelajaran dan pengaruh pelaziman dengan orang-orang terdekat (Jones, 1991).

Kemajuan dalam penyelidikan sebegini meningkatkan tekanan kepada perlunya model-model teoretikal yang lebih bersepada dibangunkan dan sarjana-sarjana etika mula memberi perhatian secara eksplisit kepada pembolehubah-pembolehubah kontekstual atau situasi (Kurtines, 1986). Model-model pembuatan keputusan etika yang dibangunkan dalam tahun-tahun semasa umumnya mengintegrasikan pembolehubah individu dan situasi dalam proses pembuatan keputusan etika individu (Bommer, Gratto, Gravander, & Tuttle, 1987; Hunt & Vasquez-Perraga, 1993). Pada tahun-tahun selepas 1990, ulasan literatur etika umumnya terus berpegang kepada pandangan bahawa keputusan etika individu ialah hasil daripada kombinasi kedua-dua faktor iaitu individu dan situasi (Bartlett, 2003; G. E. Jones & Kavanagh, 1996; Whittier, Williams, & Dewett, 2006).

Kebanyakan objektif penyelidikan yang dijalankan adalah untuk menyiasat pembolehubah individu dan situasi yang berpotensi mempengaruhi tingkah laku etika, oleh yang demikian tumpuan diberikan kepada literatur yang meletakkan tingkah laku

etika sebagai pemboleh ubah bersandar. Kajian-kajian berikutnya juga turut mengenal pasti faktor-faktor yang diteorikan mempengaruhi tingkah laku etika sama ada secara langsung maupun secara interaksi.

Merujuk kepada kajian ini, istilah moral dan etika akan ditakrif sebagai membawa maksud umum yang sama dan akan digunakan secara silih berganti disebabkan sebahagian literatur yang ditinjau menggunakan istilah moral bagi merujuk kepada etika dan sebaliknya (Curzer, 1999; Pojman, 1998). Kedua-dua istilah yang digunakan dilihat sangat rapat dan saling bertindih dalam fungsi dan peranan masing-masing. Tambahan pula, walaupun terdapat banyak pihak yang membezakan terma moral dan etika, namun ahli-ahli falsafah cenderung untuk menggunakan terma etika sebagai terma umum yang merujuk kepada kepercayaan moral dan teori etika (Reynolds & Ceranic, 2007).

### **2.9.1 Hubungan Antara Faktor Demografi Dengan Tingkah Laku Etika**

Faktor individu yang paling konsisten menunjukkan kesan langsung dalam penyelidikan etika ialah penaakulan moral, lokus kawalan dan tahap Machiavellianisme (O'Fallen & Butterfield, 2005). Namun begitu fokus penyelidikan ini ialah memberi tumpuan kepada beberapa faktor demografi seperti jantina, umur, tempoh perkhidmatan seseorang. Kesemua faktor yang terdapat pada para pensyarah atau responden dijangka menyumbang kepada dapatan kajian

Berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan oleh beberapa orang sarjana mendapati tempoh perkhidmatan berbanding amalan etika menunjukkan keputusan yang pelbagai. Kajian yang dijalankan mendapati pekerja dengan status tetap (tempoh

perkhidmatan yang panjang) kurang amalan etikanya berbanding pekerja sementara (tempoh perkhidmatan lebih pendek) (Tang & Tzeng, 1992). Keputusan kajian yang berbeza dinyatakan oleh pengkaji lain di mana lebih lama seseorang itu bekerja maka etika kerja atau amalan etika yang ditunjukannya adalah lebih baik (Mahmood, et al., 1997).

Berhubung jantina, hasil kajian menunjukkan responden lelaki memiliki tahap amalan etika yang lebih tinggi berbanding responden wanita setelah ujian ke atas 104 orang pelajar sebuah sekolah tinggi dijalankan (Stones & Philbrick, 1992). Walau bagaimanapun, dalam kajian ke atas anggota imegresen mendapati tiada hubungan yang signifikan di antara lelaki atau wanita terhadap amalan etika kerja (Ali, 2002). Kajian ke atas anggota Bahagian Audit Dalaman Sekolah menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara lelaki atau wanita terhadap amalan etika kerja mereka (Zunaini Alias, 2004). Ali dan Zunaini mendapati faktor jantina tidak menggambarkan amalan etika mereka. Selanjutnya, kajian yang telah dijalankan berdasarkan umur seseorang, mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan antara umur berbanding amalan etika akademik seseorang (Syaifulradzman Shaifuddin, 2012). Hasil kajian tersebut sesuai dengan kajian oleh Mohd. Hatta Sulaiman apabila beliau juga mendapati tiada perbezaan yang jelas di antara umur dan etika. Beliau mendapati kajian ke atas responden dalam Kementerian Belia dan Sukan juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan (Mohd. Hatta Sulaiman, 2001).

Justeru, berdasarkan kepada beberapa kajian lalu mendapati faktor demografi yang dipilih dalam kajian ini menunjukkan dapatan yang pelbagai. Keputusan yang pelbagai ini didasari oleh latar belakang responden yang berbeza, oleh yang demikian

perkaitan faktor demografi tersebut dengan amalan etika seseorang menjadi sesuatu yang menarik untuk dibuat kajian.

### **2.9.1.1 Moral**

Merujuk kepada aspek teori dan empirikal, penaakulan moral adalah peringkat yang sangat kritikal dalam proses pembuatan keputusan etika. Justeru, hasil pembacaan dan tinjauan literatur berkaitan faktor penaakulan moral dibentang dan dicerakinkan kepada dua bahagian utama iaitu: (1) proses penaakulan moral; dan (2) hubungan antara penaakulan moral dengan tingkah laku etika. Penjelasan yang lengkap dan menyeluruh memungkinkan kajian ini lebih mudah difahami dan dimengertikan.

#### **2.9.1.1.1 Proses Penaakulan moral**

Kajian berhubung penaakulan moral menyatakan bahawa penaakulan moral merujuk kepada proses menilai betul atau salah dan baik atau buruk sesuatu tindakan (Harrington, 1997). Sebahagian pengkaji mendefinisikan penaakulan moral sebagai proses kognitif (melibatkan pemikiran) yang digunakan dalam pembuatan keputusan yang mempunyai implikasi moral (Waterman, 1988). Pengkaji seperti Hunt dan Vitell pula berpendapat bahawa penaakulan moral merujuk kepada proses seseorang individu menentukan standard moral mereka, membentuk niat moral dan pilihan keputusan untuk melakukan tindakan beretika atau tidak beretika (Hunt & Vitell, 1986). Berdasarkan kepada beberapa definisi yang diberikan oleh sarjana-sarjana moral ini, penaakulan moral dalam penyelidikan ini dapat didefinisikan sebagai proses individu menilai sama ada sesuatu tindakan, tingkah laku yang mempunyai implikasi moral sebagai beretika atau tidak beretika.

Falsafah moral memberikan asas penting kepada penyelidikan etika (Fraedrich & Iyer, 2008). Setiap satu daripada pelbagai cabang falsafah moral mengenal pasti asas yang berbeza dalam merasionalkan keputusan etika (Robertson & Crittenden, 2003).

Falsafah moral dikaitkan dengan pembuatan keputusan etika melalui peranannya dalam menentukan standard yang digunakan oleh individu dalam penaakulan moral, pembentukan niat dan penilaian akibat sesuatu tindakan (Kleiser, Sivadas, Kellaris, & Dahlstrom, 2003; Singhapakdi, Marta, Rallapalli, & Rao, 2000).

Teori-teori etika dalam bidang perniagaan moden juga umumnya mengandaikan kebanyakan individu menggunakan panduan atau peraturan yang berdasarkan falsafah moral yang berbeza apabila berdepan dengan situasi etika (Lu & Lu, 2010).

Penyelidik-penyelidik di masa-masa yang lampau juga menegaskan bahawa memahami perbezaan dalam pertimbangan etika individu adalah amat kritikal disebabkan individu yang mendukung ideologi etika yang berbeza dijangka menilai dan membuat kesimpulan yang berbeza tentang sesuatu isu etika (Barnett, Bass, & Brown, 1994; Ramsey, Marshall, Johnston, & Deeter-Schmelz, 2007). Perkara ini menyebabkan seseorang boleh membuat keputusan yang berbeza terhadap sesuatu isu atau masalah yang sama dalam masa yang berbeza dan situasi yang berbeza.

Standard moral memainkan peranan penting dalam mensosialisasikan individu supaya berfikir dan bertindak secara beretika walaupun individu tersebut mungkin tidak menyedari bahawa standard ini telah mereka pelajari sama ada dalam lingkungan keluarga, kumpulan kerja atau melalui pendidikan formal (Ferrell, et al., 2002). Sebahagian pengkaji pula mengenal pasti empat sumber perbezaan pertimbangan etika iaitu latar belakang, tahap kognitif moral, pertimbangan yang berat sebelah dan

standard moral yang digunakan (Kleiser, et al., 2003). Secara umumnya dua asas teori yang berbeza digunakan oleh penyelidikan untuk menjelaskan proses penaakulan moral individu. Pendekatan pertama menggunakan teori falsafah moral dan pendekatan kedua menggunakan teori psikologi yang di dominasi oleh teori pembangunan kognitif moral Kohlberg. Walau bagaimana pun, pendekatan yang lebih popular dan digunakan secara meluas ialah pendekatan kedua.

Terdapat laporan yang menyatakan perhubungan negatif antara pembangunan moral kognitif dengan penaakulan moral (Au Alan, Wong, & Danny, 2000). Namun begitu, penyelidikan lain umumnya menyokong teori Kohlberg yang mempostulatkan hubungan positif antara tahap pembangunan moral dengan pertimbangan atau niat moral individu (Rallapalli, Vitell, & Barnes, 1998 ; Wagner & Sanders, 2001). Penyelidikan yang meletakkan teori-teori falsafah moral sebagai teori asas bagi menjelaskan proses pertimbangan etika pula boleh dibahagikan kepada dua pendekatan. Pertama, pendekatan yang menggunakan teori-teori falsafah moral deontologi dan teleologi secara langsung (Shapeero, Koh, & Killough, 2003). Pendekatan kedua menggunakan konsep etika ideologi (Forsyth, 1980).

Kebanyakan individu dipandu oleh falsafah moral dalam pembuatan keputusan etika mereka di mana falsafah moral utilitarian adalah yang paling dominan dalam kalangan pengurus-pengurus perniagaan(Fritzsche & Becker, 1984). Menurut pengkaji, apabila individu-individu bertindak mengikut cara tertentu dalam sesuatu situasi etika, mereka boleh menjelaskan tindakan mereka tersebut berasaskan falsafah moral peribadi mereka(Fraedrich & Ferrell, 1992a). Pandangan ini disokong dengan

menyatakan penyelidikan-penyalidikan merumuskan falsafah moral mewakili dengan tepat struktur etika normatif individu(Wiley, 1995).

Terlalu banyak teori dan model yang telah dibangunkan oleh pengkaji moral dan etika dan di antara pelbagai teori dan model pembuatan keputusan etika yang terdapat dalam literatur dan adalah yang paling eksplisit menekankan peranan falsafah moral dalam proses pertimbangan individu(Hunt & Vitell, 1986). Berdasarkan kepada teori ini, individu membuat penaakulan moral dengan menilai baik atau buruk, betul atau salah sesuatu tindakan (deontologi) dan kesan yang dihasilkan oleh sesuatu tindakan tersebut (teleologi).

Dengan kata lain, penaakulan moral ialah fungsi kepada kedua-dua falsafah moral, deontologi dan teleologi (De Coninck & Lewis, 1997). Kekuatan pegangan falsafah moral ini adalah berbeza antara individu dan isu etika (Hunt & Vasquez-Perraga, 1993). Merujuk kepada teorinya, kecenderungan pegangan falsafah moral individu merupakan elemen penting dalam proses pertimbangan etika individu, namun bilangan penyelidikan empirikal yang meletakkan teori falsafah moral sebagai asas bagi menjelaskan tingkah laku etika adalah amat terbatas. Kebanyakan penyelidikan adalah bersifat preskriptif atau normatif iaitu membincangkan tingkah laku atau tindakan “yang harus” bukan “yang sebenar” dilakukan. Pada kebiasaannya, penyelidikan yang dijalankan mendapati hubungan antara falsafah moral dengan tingkah laku etika adalah saling menyokong antara satu sama lain. Apa yang boleh dijadikan contoh ialah penyelidikan tinjauan dan penyelidikan makmal merumuskan falsafah moral mempengaruhi dengan kuat keputusan etika (Stead, et al., 1987).

Meski pun dengan bilangan yang agak terbatas, penyelidikan empirikal yang ditemui secara umumnya menyokong teori yang mengaitkan pegangan falsafah moral yang berbeza membawa kepada kesimpulan yang berbeza yang seterusnya membentuk tingkah laku moral (Reynolds & Ceranic, 2007). Penyelidikan empirikal ini juga secara konsisten menyokong teori Hunt dan Vitell yang mempostulatkan bahawa penaakulan moral ialah fungsi kepada falsafah deontologi dan teleologi (Hunt & Vitell, 1986).

Pengkaji seperti De Coninck dan Lewis melalui kajian mereka merumuskan bahawa kedua-dua pendekatan falsafah moral deontologi dan teleologi meramalkan penaakulan moral pengurus-pengurus jualan yang mana pendekatan falsafah deontologi lebih mempengaruhi peramalan penaakulan moral berbanding pendekatan teleologi (De Coninck & Lewis, 1997). Mereka juga melaporkan, falsafah moral deontologi dan teleologi mempengaruhi secara signifikan penaakulan moral. Shapeero pula mendapati pegangan individu falsafah deontologi dan teleologi ialah peramal niat tingkah laku etika yang signifikan di mana kebarangkalian individu yang berpegang kepada falsafah deontologi untuk berniat melakukan tingkah laku tidak beretika adalah lebih kecil berbanding individu yang kuat berpegang kepada falsafah teleologi (Shapeero, et al., 2003). Ini bermakna mereka yang menganggap atau berfikir benar atau salah sesuatu tingkah laku itu sebelum mereka melakukannya adalah lebih popular dan diterima pakai oleh komuniti. Kenyataan ini boleh dianggap sebagai tidak membenarkan kenyataan bahawa ‘tujuan menghalalkan cara’ yang mana diamalkan oleh sebahagian masyarakat dalam tindakan mereka.

Pengkaji seperti Rallapalli pula menguji model konsepsi yang menggabungkan norma-norma deontologi, penilaian teleologi, pertimbangan dan niat etika. Menggunakan sampel bersaiz 249, kajian mereka mendapati pertimbangan dan niat etika pegawai-pegawai pemasaran adalah dipengaruhi secara bersama oleh norma-norma deontologi dan penilaian teleologi mereka. Responden yang digunakan dalam kajian tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai pemasaran profesional, kajian mereka juga mendapati faktor situasi, iklim etika organisasi dan iklim etika profesional memberi kesan penyederhana kepada proses pembuatan keputusan etika. Kesan ini bergantung kepada bentuk dilema etika yang terlibat secara khusus (Rallapalli, et al., 1998 ).

Hasil penyelidikan menyarankan bahawa hanya bilangan kecil individu adalah teleologis atau deontologis sepenuhnya (Reidenbach & Robin, 1988). Seterusnya menyokong pendekatan falsafah campuran dalam teori Hunt dan Vitell (Barnett, et al., 1994). Sekumpulan penyelidik turut membangkitkan isu kesukaran untuk mengaplikasikan teori falsafah moral tradisional ke dalam situasi dilema etika sebenar (Ferrell & Gresham, 1985; Mayo & Marks, 1990). Ketidakpuasan hati terhadap pendekatan deontologi dan teleologi telah membawa kepada pertimbangan kepada cabang falsafah yang lain seperti skeptisme etika yang mengandaikan bahawa adalah mustahil untuk membangunkan atau mematuhi prinsip moral sejagat berdasarkan pendekatan deontologi atau teleologi semasa membuat penaakulan moral (Barnett, et al., 1994). Memberikan mudarat kepada orang lain masih boleh dianggap sebagai beretika jika kesan positif yang dihasilkan mengatasi kesan negatif.

Sebahagian pengkaji memperkenalkan konsep falsafah moral peribadi atau ideologi etika yang berteraskan teori deontologi, teleologi dan skeptisisme moral (Bass, Barnett, & Brown, 1999; Schlenker & Forsyth, 1977). Perbezaan cabang falsafah moral ini pada asasnya terletak pada tahap kecenderungan individu untuk menerima atau menolak konsep falsafah moral sejagat dan tahap idealistik atau pragmatik individu terhadap akibat sesuatu tindakan. Forsyth pula mengusulkan bahawa falsafah moral peribadi individu boleh dijelaskan secara parsimony dengan mengambil kira dua faktor iaitu tahap relativistik dan idealistik individu. Berikut diberikan ringkasan dimensi idealisme dan relativisme yang menjadi asas kepada konsep ideologi etika (Forsyth, 1980).

*Idealisme* di definisikan sebagai tahap kepercayaan individu bahawa tindakan yang betul dari segi etika secara konsisten akan membawakan hasil yang diinginkan. Prinsip utama idealisme ialah pertimbangan kepada kebajikan orang lain (Barnett, Bass, Brown, & Hebert, 1998). Individu yang memiliki tahap idealisme tinggi percaya tindakan yang boleh memudaratkan orang lain selalunya boleh dielakkan. Individu yang memiliki tahap idealisme rendah pula berpandangan bahawa kemoralan menuntut tindakan yang konsisten dengan prinsip, norma-norma atau peraturan, tidak menekankan pencapaian sesuatu yang ideal tetapi mengandaikan mudarat perlu untuk menghasilkan kebaikan (Forsyth, 1992).

*Relativisme* mewakili dimensi peraturan sejagat dan didefinisikan sebagai tahap individu secara kognitif menerima atau menolak prinsip-prinsip moral sejagat sebagai asas dalam pembuatan keputusan etika mereka (Forsyth, 1980). Individu relativistik mendukung falsafah moral peribadi berdasarkan waham (keyakinan yang kukuh tetapi

salah atau tiada dasar) yang menolak penggunaan peraturan atau standard moral sejagat dan lebih menekankan aspek situasi berbanding prinsip etika dalam menilai sesuatu tindakan moral. Sebaliknya individu nonrelativistik berpegang kuat kepada kepercayaan bahawa peraturan moral mutlak adalah panduan yang boleh digunakan bagi menentukan kemoralan sesuatu tindakan (Barnett, et al., 1998).

Dapatan kajian oleh Forsyth kemudiannya membangunkan taksonomi falsafah moral peribadi atau ideologi etika individu. Menurutnya, ideologi etika individu boleh diklasifikasikan kepada empat kategori berasaskan dua dimensi utama iaitu pertimbangan kepada prinsip (relativisme) dan pertimbangan kepada kebijakan manusia (idealisme)(Forsyth, 1980). Empat kategori tersebut ialah situasionis,subjektivis, absolutis dan eksepsionis yang diringkaskan dalam taksonomi falsafah moral peribadi seperti dalam Jadual 2.2 di bawah.

## Jadual 2.2

*Taksonomi Falsafah Moral Peribadi oleh Forsyth (1980)*

	Relativisme tinggi	Relativisme rendah
<b>Idealisme tinggi</b>	<b>Situasionis</b> Penolakan peraturan moral Membela analisis individual atas setiap tindakan dalam setiap situasi  <b>Relativistik</b> <b>Idealistik skeptik</b>	<b>Absolutis</b> Menganggap bahawa hasil terbaik boleh dicapai dengan mengikuti peraturan moral sejagat  <b>Ahli Deontologi</b>
<b>Idealisme Rendah</b>	<b>Subjektivis</b> Penghargaan lebih didasarkan pada nilai personal dibandingkan prinsip moral secara universal  <b>Etika egoistik</b>	<b>Eksepsionis</b> Moral absolutes guide judgement but pragmatically open to exceptions to these standard  <b>Ahli Teleologis; utilitarian</b>

Sumber: Forsyth (1980) dalam Tansey, Brown, Hyman dan Dowson (1994)

Forsyth menyatakan dua kategori yang termasuk dalam golongan tahap relativisme tinggi adalah situasionis dan subjektivis yang dikaitkan dengan falsafah etika skeptisisme iaitu mengakui bahawa terdapat beberapa cara yang berbeza untuk menilai kemoralan dan skeptis terhadap penggunaan prinsip-prinsip etika tertentu. Tipologi kecenderungan etika ini juga mengusulkan bahawa individu relativis boleh menunjukkan tahap idealisme tinggi atau rendah yang menjadi ciri yang membezakan antara individu situasionis dan subjektivis (Forsyth, 1980).

Situasionis ialah individu yang mengelak penggunaan prinsip moral sejagat (relativisme tinggi) tetapi masih menekankan bahawa akibat positif yang memberi

manfaat kepada semua pihak masih dapat dicapai melalui tindakan yang betul tanpa mengambil kira maxim moral (idealisme tinggi). Pendekatan yang digunakan oleh individu situasionis adalah mirip kepada pendekatan falsafah skeptisme, utilitarian peraturan dan pluralisme nilai (Forsyth, 1980).

Forsyth seterusnya menjelaskan bahawa subjektivis seperti juga situasionis menolak prinsip moral (relativisme tinggi) tetapi tidak bersikap positif kepada pencapaian hasil positif kepada semua orang yang terlibat (idealisme rendah). Individu situasionis melihat sesuatu keputusan moral mereka adalah bersifat subjektif dan meletakkan atas pertimbangan kepada nilai-nilai peribadi dan praktikal. Oleh itu, penilaian terhadap seseorang individu tidak boleh dibuat berdasarkan suatu prinsip moral yang mutlak dan sesuatu penilaian moral itu tidak sah kecuali sebagai rujukan kepada tindakan individu tertentu sahaja. Subjektivis melihat kesan tindakan kepada orang lain selari dengan pandangan falsafah moral egoisme iaitu setiap orang harus melakukan tindakan yang boleh meningkatkan kepentingan diri mereka sendiri, bukannya untuk menghasilkan kebaikan kepada orang lain (Forsyth, 1980).

Dua kategori pegangan etika dalam kategori ini ialah absolutis dan eksepsionis. Absolutis merujuk kepada individu yang percaya bahawa seseorang harus berusaha untuk mencapai hasil positif (idealisme tinggi) tetapi pada masa yang sama mengekalkan pegangan kuat kepada prinsip moral umum (relativisme rendah). Oleh yang demikian, absolutis menunjukkan kecenderungan mendukung falsafah moral deontologi yang menolak penggunaan akibat sesuatu tindakan sebagai asas bagi menilai kemoralan sebaliknya membuat penaakulan moral bersandarkan peraturan moral sejagat yang mutlak (Forsyth, 1980).

Eksepsionis berkongsi pandangan dengan absolutis dari segi penilaian tinggi kepada prinsip moral mutlak, tetapi mereka tidak bersikap idealistik. Eksepsionis tidak percaya bahawa sesuatu mudarat dapat dielakkan iaitu orang yang tidak bersalah selalu dilindungi atau memberikan risiko kepada kebajikan orang lain adalah salah. Dengan kata lain, walaupun mengutamakan ketetapan moral tetapi mereka membenarkan pengecualian pemakaianya atas sebab-sebab praktikal. Menurut Forsyth lagi, eksepsionis adalah sepadan dengan falsafah moral teleologi disebabkan mereka menekankan kemoralan sesuatu tindakan bergantung kepada akibat tindakan tersebut. Beliau seterusnya mengusulkan bahawa eksepsionis ialah pendukung falsafah utilitarian peraturan yang percaya bahawa prinsip moral mutlak adalah penting tetapi mesti di gunakan secara pragmatik (Forsyth, 1980).

Penyelidikan yang telah dijalankan secara berterusan dan komited menerbitkan dapatan yang menyokong hubungan positif antara tahap idealisme dengan penaakulan moral individu. Forsyth juga mendapati individu yang menunjukkan skor idealisme yang tinggi membuat penilaian lebih tegas terhadap tingkah laku tidak beretika (Forsyth, 1980). Individu yang memiliki tahap idealisme tinggi atau kurang relativis cenderung untuk membuat penaakulan moral yang lebih tegas (Yungwook, 2003). Pengurus yang memiliki tahap idealisme tinggi melihat tindakan yang dipersoalkan sebagai lebih tidak beretika (Bass, et al., 1999).

Merujuk kepada kajian terhadap pelaporan tingkah laku etika di kalangan rakan sebaya (*peer reporting*), mendapati idealisme dikaitkan secara positif dengan penilaian bahawa tindakan melaporkan salah laku rakan adalah beretika. Individu yang memiliki tahap idealisme tinggi menilai tindakan melaporkan salah laku rakan

sebaya adalah beretika disebabkan individu yang idealistik percaya bahawa penipuan pelajar akan memberi akibat buruk kepada orang lain dan memberikan kelebihan secara tidak adil kepada individu yang melakukan penipuan. Oleh yang demikian, idealis melihat tindakan melaporkan salah laku sebagai suatu cara mencapai hasil positif kepada kumpulan individu yang lebih besar (Barnett, et al., 1998).

Kajian oleh beberapa orang pengkaji pula dalam kajian mereka mendapati pertimbangan etika individu berkaitan pelbagai isu perniagaan ialah fungsi kepada ideologi etika di mana idealisme dikaitkan secara signifikan dengan 20 daripada 26 scenario yang digunakan dalam penyelidikan mereka, sementara relativisme pula tidak dapat dikaitkan dengan mana-mana scenario. Bagaimanapun, dalam analisis yang menggunakan empat kategori ideologi etika sebagai pembolehubah tidak bersandar, mereka mendapati perbezaan signifikan ditunjukkan oleh tahap relativisme. Perbandingan yang di buat melibatkan ke empat-empat jenis pegangan etika, individu absolutis di dapati menilai kebanyakannya kes yang diuji sebagai lebih tidak beretika berbanding individu situasionis, subjektivis dan eksepsionis (Barnett, et al., 1994).

Hasil kajian dalam bidang pemasaran mendapati penaakulan moral pegawai-pegawai pemasaran berkaitan sesuatu situasi dapat dibezakan berdasarkan ideologi etika mereka (Barnett, et al., 1998). Kajian yang dijalankan oleh mereka menunjukkan individu absolutis menilai tiga situasi yang samar dari segi etika sebagai paling tidak beretika, terdapat perbezaan signifikan antara absolutis dengan subjektivis bagi ketiga-tiga situasi dan terdapat perbezaan signifikan antara absolutis dengan eksepsionis dalam dua situasi. Menggunakan analisis lanjutan yang dikendalikan bagi menguji kesan tahap idealisme dan relativisme, mereka merumuskan bahawa faktor

idealisme adalah dimensi utama falsafah moral yang menjelaskan perbezaan penaakulan moral di kalangan subjek penyelidikan mereka, bukan dimensi relativisme.

Suatu sudut yang lain pula, gabungan beberapa penyelidik menghubungkan beberapa faktor individu dan demografi lain dengan tahap idealisme dan relativisme. Umumnya, penyelidikan menunjukkan korelasi yang kuat antara relativisme dan tahap Machiavellianisme (Ho, Vitell, Barnes, & Desborde, 1997). Adalah didapati, responden yang lebih tua menunjukkan skor yang tinggi bagi kedua-dua dimensi, idealisme dan relativisme (Ramsey, et al., 2007). Walaupun idealisme adalah dimensi yang menjelaskan penaakulan moral individu, namun beberapa penyelidikan menunjukkan corak dapatan yang agak berbeza (Barnett, et al., 1998). Sebagai contoh, kajian mendapati relativisme mempengaruhi penaakulan moral, sementara idealisme tidak memainkan peranan dalam penaakulan moral para pengurus (Sivadas, Kleiser, Kellaris, & Dahlstrom, 2003).

Kajian yang telah dijalankan mendapati kedua-dua tahap idealisme dan relativisme dapat dikaitkan secara signifikan dengan pilihan etika dengan tahap relativisme menunjukkan korelasi yang lebih kuat (Callanan, Rotenberry, Perri, & Oehlers, 2010; Marques & Azevedo-Pereira, 2009). Disamping itu, kajian mendapati tahap idealisme dan relativisme tidak dapat dikaitkan sebagai peramal niat etika (Marta, Singhapakdi, & Kraft, 2008). Kajian lain pula mendapati idealisme secara positif dan relativisme secara negatif mempengaruhi pertimbangan etika (Singhapakdi, et al., 2000).

Merujuk kepada bidang kajian yang sama, adalah didapati falsafah moral individu sama ada relativisme atau idealisme tidak mempengaruhi sikap individu terhadap amalan pemberian hadiah di kalangan pengurus-pengurus perniagaan di China (Tian, 2008). Beliau mendapati pengaruh budaya yang kuat mengatasi pengaruh falsafah moral, di mana pemberian hadiah tidak dilihat sebagai amalan yang salah dari segi moral tetapi dilihat sebagai aspek positif dan ciri dinamik jalinan hubungan sosial atau *Guanxi* dalam konteks budaya masyarakat di China. Bagaimanapun, kajian ini terbatas kepada satu dimensi tingkah laku tidak beretika sahaja iaitu pemberian hadiah yang sememangnya satu bentuk tingkah laku subjektif yang mendukung masalah relativisme budaya.

Kebenaran dapatan dan fakta ini diakui sendiri oleh (Tian, 2008). Tian menyatakan garis pemisah antara pemberian hadiah dengan rasuah selalunya kabur dan pemberian hadiah diterima secara meluas sebagai amalan sah dalam budaya masyarakat di China. Dapatan ini menyokong pandangan Kohlberg dan Hersh yang menyatakan bahawa kepelbagaian budaya menyebabkan kepatuhan kepada norma-norma sosial tidak semestinya membawa kepada tingkah laku bermoral malahan kadang kala memandu kepada tingkah laku tidak bermoral (Kohlberg & Hersh, 1977).

Berdasarkan kepada tinjauan literatur di atas, dapat dirumuskan bahawa penyelidikan-penyelidikan terdahulu secara umumnya menunjukkan bahawa pegangan falsafah moral secara signifikan mempengaruhi penaakulan moral seseorang individu. Individu yang berpegang kepada falsafah moral deontologi didapati lebih tegas dalam pertimbangan etika berbanding individu yang mendukung falsafah moral teleologi. Sementara itu, bagi penyelidikan yang menggunakan konsep falsafah moral peribadi

yang diperkenalkan oleh (Forsyth, 1980). Secara umumnya penyelidikan menunjukkan tahap idealis melebih mempengaruhi secara positif sementara relativisme mempengaruhi secara negatif pertimbangan etika individu .

#### **2.9.1.1.2 Hubungan Penaakulan Moral dengan Tingkah Laku Beretika**

Teori Etika secara eksplisit mengaitkan pertimbangan etika sebagai penentu kepada sama ada niat atau tingkah laku etika individu (Hunt & Vasquez-Perraga, 1993). Namun beberapa model pembuatan keputusan etika yang dominan juga mengaitkan pertimbangan etika sebagai penentu kepada sama ada niat atau tingkah laku etika individu (Jones, 1991; Trevino, 1986). Pandangan ini adalah selaras dengan postulat teori-teori konsistensi kognitif yang meletakkan premis bahawa manusia berusaha untuk berkelakuan dengan cara yang konsisten dengan buah fikiran mereka bagi mencapai keselesaan dan ketenangan psikologi (Buckley, Wiese, & Harvey, 1998).

Walau bagaimana pun, sokongan empirikal kepada apa yang diteorikan adalah terbatas. Penyelidikan-penyelidikan yang ada pula menunjukkan dapatan yang tidak konsisten antara penaakulan moral dengan tingkah laku moral. Penyelidikan yang cuba menghubungkan tahap pembangunan moral kognitif dengan tingkah laku sebenar menunjukkan hubungan antara dua pembolehubah ini tidak begitu kukuh (Jones & Ryan, 1997). Sebahagian penyelidikan menunjukkan pembangunan kognitif moral berhubung secara positif dengan tingkah laku etika (Abdolmohammadi, Mohammad, Sultan, & Jahangir, 2002; Greenberg, 2002).

Manakala sebahagian penyelidik yang lain pula mendapati hubungan yang lemah dan kadang kala tidak wujud antara tahap pembangunan moral kognitif dengan tingkah

laku etika (Bartlett, 2003; Marnburg, 2001; Valentine & Fleischman, 2004). Dapatan kajian-kajian yang lebih awal juga menunjukkan apa yang dipercayai individu adalah tidak konsisten dengan apa yang dilakukan (Ferrell & Weaver, 1978; Izraeli, 1988). Kebanyakan responden didapati menunjukkan tingkah laku yang lebih tidak beretika berbanding kepercayaan etika mereka terhadap tingkah laku tersebut. Kegagalan penyelidik mengaitkan faktor pembangunan kognitif moral secara konkrit dengan tingkah laku etika mengakibatkan beberapa orang penyelidik meragui kesesuaian teori pembangunan kognitif moral Kohlberg untuk menjelaskan fenomena tingkah laku etika terutama dalam konteks organisasi.

Kajian mengusulkan bahawa tahap pembangunan moral individu bukanlah peramal yang baik bagi keputusan etika dalam konteks kerja (Fraedrich, Thorne, & Ferrell, 1994). Marnberg pula menegaskan bahawa penyelidikan-penyelidikan memberi sedikit penjelasan kepada perbezaan penaakulan moral dalam kalangan mereka yang terlibat dalam perniagaan tetapi bukan menjelaskan apakah bentuk kesan tingkah laku (*behavioral effects*) yang di hasilkan oleh perbezaan-perbezaan ini (Marnburg, 2001).

Walaupun Kohlberg tidak membangunkan teori pembangunan kognitif moralnya bagi meramalkan tingkah laku tetapi beliau berpandangan bahawa kematangan moral yang lebih tinggi membawa kepada tingkah laku moral yang lebih baik (Colby & Kohlberg, 1984). Kajian turut menyatakan secara teorinya adalah mungkin dan logik untuk mengenal pasti tindakan mana yang dipilih oleh individu berdasarkan tahap pembangunan moral kognitif mereka tetapi ujian empirikal mereka menunjukkan responden-responden tidak mengikut logik ini(Rest, 1979).

Hasil kajian beberapa pengkaji kemudiannya cuba menjelaskan fenomena ini dengan memasukkan konstruk “*utilizer*” iaitu tahap kekuatan pegangan individu kepada prinsip keadilan sebagai penyederhana bagi hubungan antara penaakulan moral dengan tingkah laku moral (Thoma, Rest, & Davison, 1991). Ujian empirikal mereka menunjukkan hubungan antara penaakulan moral berteraskan keadilan dengan tindakan dilemahkan oleh perbezaan tahap pertimbangan berteraskan keadilan. Namun penjelasan yang memuaskan tidak diberikan berkaitan apakah faktor yang mengukuhkan atau melemahkan tahap pertimbangan berteraskan prinsip keadilan tersebut (Marnburg, 2001). Penyelidikan yang menggunakan teori falsafah moral sebagai teras bagi menjelaskan tingkah laku etika walaupun bilangannya agak terbatas, secara umumnya sepakat mengaitkan falsafah moral atau ideologi etika sebagai faktor yang menjelaskan varians tingkah laku etika.

Sebagai contoh, dalam satu kajian adalah didapati individu yang berpegang kepada falsafah moral deontologi, peraturan menunjukkan skor tingkah laku etika yang lebih tinggi berbanding falsafah moral lain(Fraedrich, 1993). Namun demikian, secara keseluruhannya bukti-bukti menunjukkan bahawa perbezaan ideologi etika dapat dikaitkan dengan pertimbangan etika, peramalan impak ideologi etika terhadap tingkah laku moral gagal dibuat tanpa mengambil kira ciri-ciri situasi secara khusus(Forsyth & Nye, 1990).

Hasil penyelidikan empirikal mengusulkan bahawa falsafah moral peribadi hanya dapat dikaitkan dengan keputusan moral apabila norma-norma yang dilanggar adalah ketara, tersedia secara kognitif dan secara tingkah laku(Forsyth, 1992). Berdasarkan dapatan, pengkaji-pengkaji ini telah bersetuju merumuskan “falsafah moral peribadi

mempengaruhi tindakan hanya apabila nilai-nilai ini sesuai digunakan sebagai panduan kognitif dan tingkah laku". Menurut pandangan mereka, falsafah peribadi seseorang menjadi tersedia secara kognitif dan tingkah laku apabila nilai-nilai moral mereka adalah jelas, kukuh dan di internalisasikan dengan kuat(Forsyth & Nye, 1990).

Berdasarkan kepada tinjauan literatur di atas, dapat dirumuskan bahawa konstruk pembangunan kognitif moral dan falsafah moral secara konsensus diterima sebagai penentu penting penaakulan moral atau etika individu. Oleh yang demikian, pembangunan kedua- dua aspek ini iaitu kognitif moral dan falsafah moral perlu dilihat semula dalam konteks pendidikan kerana melahirkan pertimbangan etika atau moral yang baik amat dituntut.

Namun demikian hasil penyelidikan tidak memberikan sokongan empirikal yang cukup kuat bagi mengaitkan penaakulan moral dengan tingkah laku etika individu. Ini memberi gambaran bahawa penaakulan moral bukanlah faktor tunggal yang cukup kuat untuk menjelaskan semua varians dalam tingkah laku moral secara sendirian (Reynolds & Ceranic, 2007). Adalah dianggarkan terdapat banyak faktor lain yang mempengaruhi tingkah laku etika individu dan faktor yang menyederhanakan hubungan ini (O'Fallen & Butterfield, 2005).

### **2.9.1.2 Pelbagai Faktor Individu dan Demografi**

Penyelidikan yang mempertimbangkan faktor demografi pula memberi tumpuan yang signifikan kepada pengaruh jantina terhadap penaakulan moral (Bampton & Maclagan, 2009; Glover, Bumpus, Sharp, & Munchus, 2002; Mc Cabe, Ingram, &

Dato-on, 2006; Perryer & Jordan, 2002). Secara umumnya dapatan penyelidikan yang lebih awal adalah agak konsisten di mana kebanyakannya penyelidikan tidak menunjukkan perbezaan antara lelaki dan perempuan tetapi apabila perbezaan signifikan ditemui, kebanyakannya menunjukkan perempuan lebih beretika berbanding lelaki. Namun demikian, dapatan penyelidikan-penyelidikan terkini menyokong pandangan bahawa wanita dan lelaki menggunakan gaya kognitif atau orientasi moral yang berbeza untuk menyelesaikan dilema etika mereka(Gilligan, 1982).

Ciri demografi lain yang mendapat perhatian penyelidik ialah umur yang tidak dapat dikaitkan dengan tingkah laku etika disebabkan dapatan kajian yang bercampur-campur dan tidak konsisten. Majoriti penyelidikan menunjukkan perhubungan tidak signifikan (Ross & Robertson, 2003). Hasil kajian beberapa penyelidik lain menunjukkan perhubungan positif (Lund, 2000; Ramsey, et al., 2007). Namun kajian umur dengan tingkah laku mendapati hubungan yang negatif (Sankaran, Siva, Bui, & Tung, 2003).

Kriteria yang tidak dapat dipisahkan bagi diri seseorang ialah pengalaman bekerja. Pengalaman boleh difahami sebagai pendedahan seseorang terhadap suasana, tempat dan mungkin tempoh masa mereka bekerja. Pengkaji-pengkaji yang berpengalaman dalam bidang etika dan moral juga menunjukkan tempoh perkhidmatan berhubung secara negatif dengan tingkah laku etika dan dapatan beliau menunjukkan semakin lama seseorang memberikan perkhidmatan semakin kurang baik etika yang mereka tunjukkan(Chavez, Wiggins III, & Yolas, 2001). Pengkaji lain pula menunjukkan dapatan yang bertentangan iaitu dengan menunjukkan hubungan yang positif(Weeks,

Moore, McKinney, & Longenecker, 1999). Tempoh perkhidmatan seseorang sama ada lama atau sekejap tidak dapat dikaitkan dengan nilai etika seseorang individu(Callahan, 1982). Suatu sudut yang lain pula, Callahan telah mengumpulkan beberapa kriteria seperti pendapatan, kepuasan kerja dan bilangan pertukaran kerja dan tempat kerja tidak dapat dikaitkan dengan tingkah laku tidak beretika.

Secara umum, dapat dibuat rumusan bahawa faktor individu dan demografi seseorang tidak dapat dikaitkan secara konkrit dengan tingkah laku etika. Faktor-faktor individu dan demografi seseorang telah menunjukkan dapatan penyelidikan tidak menjurus kepada suatu dapatan yang konklusif. Ini membawa maksud bahawa faktor individu tidak dapat menjelaskan varians tingkah laku etika dengan memuaskan. Ringkasan dapatan juga dapat menggambarkan bahawa tingkah laku etika dalam organisasi juga dipengaruhi oleh faktor situasi seperti yang diusulkan oleh teori etika (Hunt & Vitell, 1986). Dapatan yang sama ditunjukkan oleh model-model pembuat keputusan etika seperti yang telah di temui dan di nyatakan sebelumnya.


## **2.10 Kerangka Teoritikal Kajian**

Merujuk kepada keterangan teori dan model yang tersebut di atas, pengkaji mendapati setiap teori dan model menyumbang dalam membentuk kerangka teori bagi kajian ini. Teori penaakulan moral adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek penaakulan moral (Kohlberg, 1984). Manakala teori Lind menjelaskan tentang aspek afektif dan kognitif dalam melakukan tindakan moral. Model membuat keputusan oleh Trevino serta Ferrel and Greesham pula menjelaskan aspek membuat keputusan yang beretika berdasarkan kepada ciri-ciri yang ada pada individu tersebut. Pengkaji nilai profesional menegaskan pengaruh pendidikan, profesion dan amalan serta nilai-

nilai murni dalam pembangunan nilai profesional(Weis & Schank, 2000). Terbit beberapa ungkapan berkaitan beberapa formasi nilai yang perlu kepada perhatian pendidikan, amalan dan profesi.

Oleh yang demikian, kesemua teori dan model yang disumbang oleh pengkaji-pengkaji yang tersebut merupakan rujukan kepada kerangka teori kajian ini. Etika akademik atau amalan etika akademik dilihat mempunyai hubungan dengan penaakulan moral seseorang. Perkara ini dijelaskan Kohlberg dalam teori moral beliau manakala amalan nilai merupakan asas untuk membuat keputusan dan mengambil sebarang tindakan. Penaakulan moral seseorang juga menjadi nadi kepada membuat keputusan dan seterusnya menghasilkan amalan sama ada baik atau sebaliknya. Model-model membuat keputusan oleh Trevino dan Ferrel and Greesham pula menyatakan ciri dan proses membuat keputusan yang beretika untuk menghasil suatu tindakan yang tepat dan bersesuaian dengan penerimaan masyarakat.

Setiap teori dan model berkait antara satu dengan lain dan setiap satu merupakan penyumbang kepada amalan tingkah laku yang beretika dan sebaliknya untuk menghasilkan amalan yang beretika maka keperluan-keperluan seperti yang dinyatakan tersebut perlulah diperolehi dan dipenuhi. Teori dan model ini digunakan oleh pengkaji kerana pada pendapat pengkaji wujud hubungan antara penaakulan moral dan nilai profesional bagi menghasilkan amalan etika akademik manakala aspek membuat keputusan pula dijangka memainkan peranan dalam menentukan perlakuan seseorang samada beretika atau sebaliknya. Berdasarkan kepada semua teori dan model yang telah diperbincangkan, pengkaji merumuskan satu kerangka teoritikal kajian seperti Rajah 2.4 berikut:



*Rajah 2.4. Kerangka Teoritikal Kajian*

## 2.11 Kerangka Konseptual Kajian


Kerangka konsep kajian (Rajah 2.5) di bawah menunjukkan perkaitan antara penaakulan moral, nilai profesional, membuat keputusan dan etika akademik. Aspek pertama yang perlu dilihat demi menangani dilema etika ialah penaakulan moral. Keupayaan penaakulan moral dan nilai profesional yang berbeza akan menjelaskan hubungan terhadap membuat keputusan dan akhirnya bagaimana seseorang mampu memiliki etika akademik yang sangat baik atau sebaliknya. Membuat keputusan pula diletakkan sebagai pembolehubah moderator di mana pembolehubah ini bersifat mengubah hubungan antara dua atau lebih pembolehubah yang digunakan dalam kajian. Pemboleh ubah ini adalah tidak bersandar tetapi disedari dalam penyelidikan.

Pembolehubah adalah satu simbol yang berdasarkan kepada ciri-ciri yang ada pada pemboleh ubah tersebut (Sabitah Marican, 2006). Pembolehubah tidak bersandar (bebas) dalam kajian ini ialah penaakulan moral dan nilai profesional. Ia adalah

pembolehubah yang di andaikan akan membawa perubahan kepada pembolehubah bersandar. Penyelidikan tentang hubung kait antara pembolehubah sering kali melibatkan sekurang-kurangnya satu pembolehubah tidak bersandar dan satu bersandar(Noraini Idris, 2010). Pembolehubah bersandar ialah pembolehubah yang perlu diterangkan (Bailey & Kenneth, 1982). Pembolehubah bersandar juga merupakan pembolehubah yang hendak dijangkakan oleh penyelidik (Hagan, 1993). Pemboleh ubah bersandar (DV) pula ialah etika akademik.

Keupayaan penaakulan moral terjadi kerana pensyarah mempunyai peringkat-peringkat orientasi moral yang berbeza seperti yang dinyatakan oleh (Kohlberg, 1969). Kohlberg menyatakan bahawa keputusan beretika berkait rapat dengan kepatuhan kepada peraturan, perlakuan bersifat adil dan merangkumi kepentingan diri sendiri dan orang lain. Keputusan beretika dibuat merujuk kepada asas-asas nilai yang dipersetujui oleh kumpulan, undang-undang sedia ada, kontrak sosial yang sedia terjalin dan kebaikan dari peraturan dan undang-undang. Keputusan memenuhi maksud beretika yang dibuat adalah diasaskan atas prinsip etika sejagat yang saksama untuk semua (Kohlberg, 1969).

Para pensyarah yang memiliki penaakulan moral tinggi sering bersangka baik kepada etika akademik profesion mereka, tingkah laku yang lebih terkawal dan beretika serta terdapat rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap pekerjaan. Pengkaji juga berminat untuk menetapkan faktor-faktor demografi berikut seperti umur, jantina dan tempoh perkhidmatan kerana faktor demografi tersebut dijangka meramal penaakulan moral dalam kalangan pensyarah (Mc Devitt, 2002).



*Rajah 2.5. Kerangka konseptual kajian*

Kajian meletakkan aspek membuat keputusan sebagai pembolehubah moderator kerana pembolehubah tidak bersandar dijangka memberi kesan kepada pembolehubah bersandar dan pemboleh ubah moderator menghubungkan antara keduanya. Maksud yang sama ialah pemboleh ubah moderator mewujudkan dan mempengaruhi hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar. Rumusan dari kerangka konsep kajian ini ialah pengkaji cuba untuk mengenalpasti hubungan penaakulan moral dan nilai profesional terhadap membuat keputusan beretika dan amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah. Kedua-dua pembolehubah tidak bersandar sepatutnya menyumbang kepada etika akademik terbaik atau sebaliknya.

Setiap responden memiliki penaakulan moral yang berbeza. Penaakulan tersebut adalah berdasarkan kepada dapatan Kohlberg yang membahagikan penaakulan kepada tiga peringkat dan setiap satu peringkat pula dibahagikan kepada dua tahap. Peringkat yang paling asas adalah pre-konvensional manakala tertinggi adalah pasca konvensional. Berbantuan nilai-nilai profesional, seseorang akan menggunakan keupayaan penaakulannya untuk membuat suatu keputusan yang beretika atau

diterima oleh komuniti guru juga masyarakat. Nilai-nilai profesional sudah wujud dalam diri pensyarah kerana mereka telah dibimbing melalui Kod Etika Keguruan serta satu senarai nilai-nilai murni yang perlu diterapkan kepada semua pelajar. Hasil dari keputusan yang dibuat, maka kita akan dapat melihat tingkah laku yang wujud selari dengan keputusan yang telah diambil.

Pada peringkat membuat keputusan, seseorang boleh kekal dengan keputusan yang diambil atau mengkaji semula keputusan yang telah dibuat berdasarkan penaakulan moral yang mereka miliki. Sekiranya penaakulan moral dijadikan panduan, keputusan tersebut boleh jadi kekal atau sebaliknya. Namun begitu, merujuk kepada kerangka di atas, seseorang dengan penaakulan moral yang tinggi sentiasa mengamalkan tingkah laku yang beretika kerana penaakulan yang berkenaan kerap pendorong dan melatih seseorang untuk menunjukkan tingkah laku yang baik dan selaras dengan norma yang telah di terima masyarakat.

Tingkah laku beretika datangnya dari penaakulan moral yang tinggi dan sebaliknya berlaku sekiranya penaakulan moral seseorang berada pada tahap sederhana atau rendah. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengenal pasti hubungan yang wujud diantara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini.

## **2.12 Kesimpulan**

Bab ini telah menjelaskan ulasan berkaitan kajian yang meneliti hubungan penaakulan moral terhadap proses membuat keputusan yang beretika serta amalan etika akademik. Individu yang berkeupayaan membuat keputusan yang beretika lebih peka ketika mengamalkan etika akademik dan sangat berhati-hati untuk melanggar

etika dalam pengajaran. Individu terbabit juga bersedia untuk menjadi pensyarah atau tenaga pengajar yang berakhhlak baik, dedikasi dan bertanggungjawab.

Pengenalpastian hubungan penaakulan moral, faktor demografi terhadap salah laku etika juga telah diperjelaskan. Seterusnya, hubungan antara penaakulan moral dengan etika akademik dan membuat keputusan turut dibincangkan. Kajian lalu telah menyatakan bahawa terdapat hubungan antara penaakulan moral, etika akademik serta membuat keputusan. Mereka yang mempunyai penaakulan moral yang tinggi kerap kali melakukan tindakan yang betul dan berhemah.

Kohlberg (1984) dalam teori perkembangan moralnya menjelaskan bahawa perkembangan moral individu adalah hasil sumbangan pengalaman yang dilalui dalam kehidupan. Hubung kait pelbagai komponen dalam model akan mengarah kepada perlakuan seseorang. Model oleh Trevino telah menyumbang dalam bentuk sokongan empirikal terhadap Teori Struktur Perkembangan Moral Kognitif yang merupakan pemboleh ubah untuk mengetahui dan menjelaskan pertimbangan etika dengan lebih lengkap dan menyeluruh(Trevino, 1986).

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Pengkaji menggunakan bab ini untuk membincangkan secara menyeluruh tentang kaedah-kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian dengan memberi fokus kepada mengenalpasti hubungan penaakulan moral, nilai profesional dan membuat keputusan terhadap amalan etika akademik. Metodologi yang diaplikasikan melangkaui aspek reka bentuk kajian yang melibatkan pembolehubah kajian. Perbincangan juga melibatkan kajian rintis, pengendalian kajian, proses mengumpul dan menganalisa data serta instrumen-instrumen yang digunakan dalam kajian. Perbincangan dalam bab ini lebih tertumpu kepada mengenalpasti penaakulan moral seseorang dan bagaimana penaakulan moral, nilai profesional dan membuat keputusan dilihat mempunyai hubungan terhadap amalan etika akademik.


#### **3.2 Rekabentuk Kajian**

Pengkaji menggunakan kaedah *sequential explanatory strategy* di mana data kuantitatif dikumpul dan dianalisa malah penjelasan menggunakan data kualitatif juga akan dibuat(Creswell, 2003). Penggunaan kaedah *sequential explanatory strategy* melengkapkan penjelasan data kuantitatif berbantu penjelasan analisa data kualitatif. Perkataan *explanatory* sendiri membawa maksud kaedah kuantitatif digunakan secara meluas manakala kaedah kualitatif dianggapkan sebagai pelengkap kajian. Kaedah ini juga telah dijelaskan dengan menyatakan bahawa soal selidik dan temubual berprotokol kerap digunakan dalam menjalankan kajian dengan tujuan melengkapkan maklumat(Johnson & Cristensen, 2005).

Kajian ini mengutip sebahagian data menggunakan set soal selidik dan pengkaji melibatkan ramai responden (Cohen, 2000). Kelebihan kaedah ini membenarkan lebih banyak maklumat dipungut dalam satu-satu masa, kos yang lebih efektif dan mudah untuk pengendalian (Creswell, 1997; Hofstede, Neujin, Ohayv, & Sanders, 1990). Penggunaan instrumen soal selidik dalam kajian ini juga menjadikan kajian lebih berfokus dan mendalam serta mampu mencapai objektif kajian dengan lebih baik (Sachman, 1991).

Namun begitu, data kualitatif pula dikutip menggunakan kaedah temu bual dan soal jawab. Data tersebut direkodkan dan diproses untuk tujuan memenuhi matlamat kajian. Pengkaji melaksanakan kajian ini bagi mengenal pasti hubungan antara penaakulan moral, nilai profesional dan membuat keputusan terhadap etika akademik dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG).

Penyelidikan ini berbentuk kajian tinjauan dan kaedah tinjauan memerlukan pengkaji mengumpulkan data bagi maksud menguji hipoteis kajian, penerokaan, menguji hubungan yang wujud antara pembolehubah dan menyediakan jawapan kepada persoalan kajian (Hair, Anderson, Tatham, & Black, 1998). Walaupun sesuatu amalan menggunakan sampel dengan saiz yang besar, perlu dipastikan semua data dari responden dapat dikutip secara langsung dalam masa yang singkat (Chua Yan Piau, 2006). Kajian tinjauan tidak memerlukan penyelidik untuk sentiasa berada di kawasan lapangan dan ini memudahkan pengkaji.



Rajah 3.1. Kaedah *sequential explanatory strategy* Creswell, (2003).

Sebagai penjelasan, mana-mana ulasan dari interpretasi data sumber kuantitatif yang tidak dapat menjelaskan selengkapnya, pendekatan kualitatif yang mengulas lebih mendalam akan digunakan. Motif kaedah ini ialah mendapat kesempurnaan jawapan dari soalan dan isu yang timbul dari kajian. Kaedah ini juga memudahkan penyelidik untuk melaporkan dapatan kajian dan pembaca lebih memahami penjelasan yang dibuat oleh penyelidik (Creswell, 2003). Kaedah *sequential explanatory strategy* dapat dirujuk dari Rajah 3.1 di atas. Secara keseluruhannya, kajian ini dimulakan pada tahun 2013 dan telah dapat dilengkarkan sepenuhnya pada tahun 2017. Setiap langkah perlu untuk sebuah kajian diaplikasikan dalam kajian ini.

### 3.3 Populasi Kajian

Populasi boleh dimaksudkan sebagai satu kumpulan individu, keluarga dalam masyarakat, kumpulan-kumpulan masyarakat tertentu, organisasi atau mungkin apa sahaja yang hendak dikaji. Populasi merupakan satu agregat elemen yang boleh di perjelaskan mengikut teori. Populasi bermaksud semua individu dalam lingkungan kumpulan kajian. Populasi juga boleh di nyatakan sebagai sekumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Kesemua individu yang menganggotai sesebuah populasi tertentu dikenalpasti sebagai elemen (Sabitha Marican, 2006).

Populasi dan saiz sampel pula ditentukan oleh kaedah dan jenis kajian yang dipilih oleh pengkaji. Populasi sasaran atau dikenali sebagai populasi yang hendak dikaji serta diambil sebagai asas untuk membuat generalisasi dalam kajian jarang diperolehi (Fraenkel & Wallen, 2006). Populasi sasaran merupakan pilihan ideal sedangkan populasi capaian merupakan pilihan realistik yang terbaik. Kajian kerap menggunakan populasi capaian manakala sebahagian daripada populasi capaian pula dinamakan sampel. Kesemua pensyarah dalam populasi ini berjumlah 3,041 orang dan terdiri dari pelbagai bangsa, jantina dan umur yang berbeza.

Jadual 3.1 di bawah menunjukkan bilangan pensyarah melibatkan kampus masing-masing. Gred perjawatan mereka pula bergantung kepada tempoh perkhidmatan yang telah mereka lalui atau melalui kenaikan khas mengikut prestasi kerja masing-masing. Pensyarah tersebut juga mewakili jabatan yang pelbagai.

**Jadual 3.1**

*Bilangan pensyarah mengikut kampus*

<b>Bil</b>	<b>Senarai IPG Kampus</b>	<b>Bilangan pensyarah (orang)</b>
01.	Perlis	209
02.	Darul Aman	163
03.	Sultan Abdul Halim	172
04.	Tuanku Bainun	189
05.	Pulau Pinang	187
06.	Ipoh	158
07.	Pendidikan Islam	135
08.	Bahasa Antarabangsa	129
09.	Ilmu Khas	132
10.	Temenggung Ibrahim	216
11.	Pendidikan Teknik	134

---

12.	Raja Melewar	157
13.	Dato Rozali Ismail	124
14.	Tengku Ampuan Afzan	133
15.	Bahasa Melayu Antarabangsa	129
16.	Sultan Mizan	138
17.	Perempuan Melayu	203
18.	Tun Hussein Onn	154
19.	Kota Bharu	179
	Jumlah	3041

---

Sumber: Bahagian sumber manusia KPM (2013)

### **3.4 Persampelan**

Sampel dan populasi merupakan komponen dalam kajian. Sampel merupakan satu kumpulan kecil daripada populasi yang menjadi sasaran penyelidik untuk melakukan penyelidikan. Sampel adalah anggaran. Perbezaan antara anggaran sampel dengan populasi sebenar adalah ‘ralat persampelan’. Persampelan merupakan satu strategi mendapatkan maklumat tentang sesuatu populasi daripada sampel yang mewakili populasi tersebut. Merupakan kaedah statistik untuk mendapatkan maklumat bagi menyelesaikan masalah tanpa menggunakan seluruh ahli populasi. Prinsip utama persampelan adalah memperolehi sampel yang benar-benar mewakili populasi yang dikaji dan memastikan sampel yang diambil melalui persampelan tidak pincang. Ujian statistik akan dilakukan ke atas sampel dan nilai ujian statistik ini akan digeneralisasikan kepada nilai populasi kajian, yang dinamakan sebagai parameter.

#### **3.4.1 Kaedah Persampelan**

Persampelan adalah satu proses pemilihan sejumlah peserta bagi sesuatu kajian dengan suatu kaedah yang mana mereka ini mewakili kumpulan yang lebih besar dari

mana mereka dipilih (Gay, Mills, & Airasian, 2006). Aspek pemilihan terhadap rekabentuk persampelan sama ada berbentuk kebarangkalian atau tidak sebenarnya bergantung rapat dengan beberapa faktor seperti tujuan sebenar kajian, kerangka penentuan persampelan, saiz dan bilangan sampel yang sesuai, tenaga mahir tersedia, kewangan dan jangka waktu yang boleh diperuntukkan oleh penyelidik (Sabitah Marican, 2006).

Pengkaji telah bersetuju untuk menggunakan Kaedah Persampelan Berstrata Tidak Berkadar bagi tujuan menentukan sampel yang dipilih. Pengambilan sampel berstrata tidak berkadar merupakan teknik pengambilan sampel di mana populasi dikelompokan mengikut kampus dalam empat zon (Utara, Selatan, Timur dan Tengah). Setiap zon akan membekalkan 100 orang responden dan jumlah responden bagi kesemua zon ialah seramai 400 orang. Sampel diambil secara random dengan nisbah yang seimbang sesuai dengan posisi dalam populasi.

### **3.4.2 Kaedah Pemilihan IPG**


IPGK merupakan pusat melatih guru untuk persediaan berkhidmat di sekolah-sekolah seluruh negara. Bilangan IPGK yang ada di semenanjung berjumlah 19 buah dan kesemua IPGK ini di tadbir oleh IPGM iaitu sebuah badan induk. Sehubungan itu, kajian ini telah membahagikan IPG yang terdapat di semenanjung kepada beberapa zon iaitu Utara, Selatan, Tengah dan Timur. Setiap zon hanya diwakili oleh Dua (2) buah IPG sahaja dan ini bermakna hanya 8 buah IPG yang terlibat. Pemilihan 2 buah IPG dari setiap zon adalah berdasarkan kepada Kaedah Persampelan Berstrata Tidak Berkadar yang menetapkan bilangan IPG tersebut.

### **3.4.3 Pemilihan dan Saiz Sampel**

Pemilihan sampel adalah aspek yang sangat penting dalam sesebuah penyelidikan terutamanya penyelidikan berbentuk kuantitatif (Gay, et al., 2006). Sampel yang baik adalah yang mewakili populasi dari mana ianya dipilih. Kriteria pemilihan sampel dalam kajian ini melibatkan mereka yang sedang berkhidmat di IPG. Sampel yang terpilih merupakan pensyarah yang telah lama mengajar di IPG serta mereka yang baharu menjadi warga IPG walaupun telah lama berkhidmat ditempat-tempat yang lain. Namun kesemua mereka mempunyai latar belakang sebagai seorang pendidik. Pemilihan sampel ini adalah menyeluruh dan tidak terhad kepada gred perjawatan tertentu pensyarah berkenaan.

Kajian menentukan responden dengan menggunakan kaedah Persampelan Berstrata. Persampelan ini melibatkan responden dari hanya 8 buah IPG dalam Semenanjung Malaysia. 8 buah IPG tersebut dipilih dari 4 zon yang telah ditentukan ( utara, tengah, selatan dan timur) dan setiap zon diwakili oleh 2 buah IPG. IPG yang mewakili setiap zon akan dipilih oleh pengkaji berdasarkan kesesuaian kajian. Kesemua pensyarah yang terdapat dalam IPG di semenanjung berjumlah 3,042 orang. Berdasarkan angka tersebut, kajian ini memerlukan responden seramai 341 orang merujuk kepada jadual yang telah dibangunkan oleh (Krejcie & Morgan, 1970). Para pengkaji tersebut telah membentuk satu jadual bagi dijadikan rujukan dalam menentukan saiz sampel bagi satu-satu kajian. Namun pengkaji telah menetapkan seramai 400 orang responden dalam kajian ini kerana jumlah ini dapat mengurangkan ralat persampelan dan menjadikan dapatan lebih sah.

Lantaran itu, pengkaji mengutip data dari 50 orang pensyarah mewakili setiap IPG yang terpilih. Pemilihan ini akan menjadikan jumlah responden yang terlibat dalam kajian seramai 400 orang ( $8 \text{ IPGK} \times 50 \text{ orang}$ ). Tindakan menetapkan bilangan responden seramai 400 orang akan menjadikan dapatan kajian lebih valid kerana responden yang lebih ramai berbanding angka yang disyorkan menyebabkan kurangnya ralat persampelan. Rajah 3.2 di bawah memaparkan kaedah pemilihan responden. Keterangan terhadap rajah tersebut adalah dimulakan dengan pembahagian zon, pemilihan IPG seterusnya pemilihan responden.



*Rajah 3.2. Kaedah pemilihan IPGK dan responden*

### **3.4.4 Sampel Temubual**

Adalah di dapati dalam suatu kajian berbentuk kualitatif penglibatan sampel sekecil seorang sehingga mencapai jumlah 60 hingga 70 orang mengikut konteks yang berbeza sudah boleh diterima(Gay, et al., 2006). Bagaimana pun, dalam kajian kualitatif, penglibatan lebih dari 20 orang adalah jarang berlaku dan kerap kali pengkaji memilih kurang dari jumlah tersebut. Faktor-faktor pengkaji kualitatif seperti masa, wang, keupayaan pengkaji, minat responden serta pelbagai faktor lain amat mempengaruhi jumlah responden yang terlibat.

Pemilihan sampel kualitatif untuk temu bual hanya melibatkan empat (4) orang pensyarah yang dianggap mewakili keseluruhan zon bagi IPG yang terlibat. Jumlah empat (4) orang pensyarah sebagai sampel berdasarkan cadangan 1 atau 2 sehingga 30 atau 40 sampel bergantung kepada keperluan untuk sampel temubual yang bersifat data kualitatif (Creswell, 2008). Berdasarkan dapatan data kuantitatif, pemilihan 4 orang responden untuk di temubual adalah merujuk kepada spesifikasi dapatan kuantitatif. Sebagai contoh, dapatan kuantitatif menunjukkan membuat keputusan tidak signifikan sebagai moderator terhadap hubungan nilai profesional dan penaakulan moral dengan amalan etika akademik. Merujuk kepada dapatan tersebut, penyelidik memilih seorang responden untuk ditemuduga mengikut pembahagian lokasi data yang dikutip.

### **3.5 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian merupakan satu set soalan atau item yang disediakan dalam bentuk tulisan. Instrumen dibentuk secara khusus bagi mengumpulkan data atau maklumat dengan tujuan untuk dianalisa bagi menjawab segala persoalan kajian (Sabitha

Marican, 2006). Untuk kajian ini, instrumen yang digunakan telah diterima pakai oleh beberapa buah negara dan diasingkan mengikut bahagian-bahagian tertentu.

Terdapat lima bahagian yang telah disusun dengan baik iaitu bahagian pertama berkaitan maklumat demografi responden. Bahagian kedua instrumen mengandungi 8 item untuk bahagian membuat keputusan beretika diadaptasi daripada kajian oleh (Assadullah Shahand, 2010). Bahagian ketiga terdiri dari 9 item untuk tajuk nilai-nilai profesional yang diadaptasi daripada kajian oleh(V. B. Wilson, 2010). Bahagian keempat pula terdiri dari instrumen berkaitan *Moral Judgment Test* (MJT) sebanyak 13 item yang telah di buat pengubahsuai(Lind, 2000). Bahagian terakhir mengandungi instrumen untuk penentuan amalan etika akademik dengan 55 item yang telah diubahsuai dari Inventori Gelagat Pengajaran iaitu soal selidik *College Teaching Behaviors Inventory* (CTBI), (Braxton & Bayer, 2003).

Instrumen pertama berkaitan demografi responden. Bahagian kedua berkaitan membuat keputusan mengandungi 8 item di ukur menggunakan nilai min. Bahagian ketiga berhubung nilai profesional dengan 9 item juga menggunakan nilai min. Bahagian keempat iaitu penaakulan moral juga menggunakan nilai min dan bahagian kelima diukur menggunakan nilai min.

Instrumen ditadbir secara terus oleh pengkaji dengan mengedarkan sendiri kepada responden dari IPG yang terpilih. Instrumen yang telah lengkap diisi akan diserahkan kepada wakil IPG yang dipilih oleh Pengarah IPG untuk dihantar balik kepada pengkaji menggunakan khidmat Pos Malaysia. Penerangan terhadap instrumen telah diberikan oleh pengkaji kepada wakil dan Pengarah IPG.

Usaha melengkapkan ulasan kajian yang lebih mendalam, pengkaji akan mengutip data kajian menggunakan kaedah kualitatif. Temubual secara separa berstruktur akan digunakan bagi tujuan ini untuk mendapatkan data sebagai satu bandingan (Bogdan & Biklen, 2003). Jumlah responden yang tertentu dipilih untuk ditemubual berdasarkan asas dan matlamat yang sama bertujuan memudahkan kerja-kerja membanding, mengecilkan kadar bias dan seterusnya memastikan analisa data adalah lengkap dan tepat (Johnson & Cristensen, 2005).

Untuk mengutip data berbentuk kualitatif, pengkaji telah merangka soalan-soalan yang relevan dengan kajian kerana data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor & Bogdan, 1984). Data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data iaitu pertama hasil pemerhatian perlu kepada huraian terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati di lapangan. Kedua ialah hasil pembicaraan yang perlu dikutip langsung dari pernyataan orang-orang tentang pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikiran mereka dalam kesempatan temubual mendalam. Ketiga adalah bahan tertulis seperti petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menjurat, rakaman dan kes sejarah (M. Q. Patton, 1990).

Cadangan kedua pengumpulan data kualitatif menjadi pilihan kajian ini. Pengkaji telah menghubungi kesemua responden kualitatif terlebih dahulu sebelum berurusani. Terdapat responden yang ditemubual secara langsung manakala sebahagian melalui telefon. Soalan yang digunakan adalah berstruktur di samping persoalan berkaitan skop kajian. Secara ringkasnya, satu set soalan interview digunakan untuk interview responden. Segala butiran perbincangan dicatat sebaiknya untuk dianalisa dan

dilaporkan. Sila rujuk,lampiran 3. Berikut adalah soalan-soalan yang digunakan dalam temu bual bersama responden merujuk kepada tarikh yang telah dipersetujui:

<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>
S1	Apakah pandangan tuan terhadap penaakulan moral?
S2	Bagaimana kefahaman tuan terhadap nilai profesional?
S3	Bagaimana pandangan tuan terhadap aspek membuat keputusan?
S4	Apakah pula pendapat anda tentang etika akademik?
S5	Adakah hubungan antara keempat-empat konstruk dan latar belakang demografi seseorang seperti tempoh perkhidmatan, jantina dan umur mempunyai hubungan dengan etika akademik?
S6	Mungkinkah aspek membuat keputusan mempengaruhi hubungan antara pembolehubah-pembolehubah tersebut ?
S7	Pada pendapat tuan, apakah faktor yang menentukan kedudukan etika seseorang pensyarah berdasarkan pembolehubah yang telah dibincangkan sebentar tadi.
S8	Kenapa puan berpendapat begitu
S9	Kenapa mereka tidak mampu membuat keputusan yang tepat?
S10	Dapatkan kajian tiada pengaruh membuat keputusan, bagaimana?
S11	Kesedaran tentang nilai dalam profesi dah tinggi, jadi apa lagi?

Instrument tersebut yang digunakan dalam kajian ini telah digunakan oleh pengkaji terdahulu dan bagi setiap satunya telah diperolehi kebenaran untuk digunakan. Oleh yang demikian, penyelidik hanya menggunakan instrument tersebut berdasarkan kepada kebenaran yang piperolehi oleh penyelidik terdahulu.

### **3.6 Terjemahan Instrumen**

Komponen kedua soal selidik terdiri dari item membuat keputusan etika dan kompenen ketiga soal selidik terdiri dari item nilai-nilai profesional. Kedua-dua kompenen ini telah dibuat terjemahan berbalik (*back translation*) menggunakan pensyarah-pensyarah kanan Jabatan Bahasa Inggeris IPG. Pengkaji berpuas hati dengan kaedah terjemahan berbalik yang telah dilakukan oleh mereka yang layak. Soalselidik membuat keputusan dan nilai profesional telah diterjemah ke dalam Bahasa Malaysia dan di terjemahkan semula ke dalam Bahasa Inggeris dan di dapati kualiti serta ketepatan terjemahan amat memuaskan. Terjemahan soal selidik secara tepat adalah perlu dilakukan untuk menghindarkan rentasan budaya dan kefahaman responden terhadap instrumen.

Manakala untuk soal selidik MCT dan CTBI, pengkaji lain telah menggunakan soal selidik yang sama dalam satu kajian di sebuah universiti tempatan dengan nilai kesahan yang tinggi. Oleh yang demikian, berdasarkan rekod tersebut, pengkaji membuat keputusan untuk menggunakan soal selidik yang sama dengan sedikit pengubahsuaian dalam kajian ini. Semua soal selidik tersebut menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

### **3.7 Kesahan Instrumen Kajian**

Istilah kesahan berasal dari perkataan Latin `validus`. Di dalam konteks penyelidikan, kesahan merujuk kepada mengukur apa yang sepatutnya diukur (Kerlinger, 1986). Kesahan telah digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran. Ini bermaksud memastikan sama ada ukuran yang digunakan itu mempunyai segala ciri-ciri yang menepati konsep yang hendak diukur. Soal selidik

yang digunakan dalam kajian ini merupakan adaptasi dari kajian-kajian lalu dan setelah dibuat terjemahan berbalik, soal selidik ini dihantar kepada dalam bidang berkenaan untuk dinilai akan kesahan kandungannya (Fraenkel & Wallen, 2006). Proses terjemahan menggunakan individu yang mahir dalam bidang masing-masing (rujuk Lampiran 6). Kajian rintis pula dijalankan dengan matlamat meliputi ujian kebolehpercayaan dan kesahan dalam kajian ini. Instrumen diukur kebolehpercayaannya menggunakan kaedah alpha (Patten, 1997; Sekaran, 2000).

Kesahan instrumen pula diukur berasaskan kepada kesahan konstruk (*construct validity*) dan kesahan kandungan (Rubin, Palmgreen, & Sypher, 1994). Mereka turut menegaskan peri pentingnya setiap penyelidik mendapat dan menunjukkan nilai konstruk bersesuaian dan memuaskan bagi mana-mana instrumen yang digunakan dalam kajian. Kesahan dalam membuat ujian pengukuran terbahagi kepada empat jenis (Azizi Yahaya, et al., 2009). Pertama, kesahan dalaman bertujuan mengenalpasti perkaitan antara pembolehubah, kedua ialah kesahan luaran bertujuan mengenalpasti sejauh manakah data dapat dipanjangkan pada populasi, ketiga ialah kesahan gagasan bertujuan mengenalpasti sejauh mana setiap konstruk yang membina kerangka konsep dapat digerak atau diukur.

Kesahan gagasan juga mengenalpasti kesahan kesimpulan statistik iaitu bagaimana pengkaji telah memilih dan menggunakan rekabentuk dan kaedah analisis yang bersesuaian dalam mengesan hasil kajian yang diperolehi. Kesahan kandungan berfungsi menentukan set instrumen yang digunakan mampu untuk membaca semua yang tersirat dari konsep MCT dan CTBI. Soalan-soalan berhubung penaakulan moral dalam kajian ini adalah berdasarkan soalan yang telah di ubah suai dari soal selidik

Moral Competency Test (MCT) manakala soalan-soalan kajian berhubung amalan etika akademik adalah ubah suai dari soal selidik College Teaching Behavior Inventory (CTBI). Oleh yang demikian, soal selidik Penaakulan Moral (SPM) dan soal selidik Amalan Etika Akademik (SAEA) telah digunakan sepenuhnya dalam mengumpul maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Set instrumen dengan kesahan kandungan yang baik akan mewakili konstruk kajian seperti penaakulan moral, nilai-nilai profesional, membuat keputusan dan amalan etika akademik.

Kesahan gagasan pula mengukur perbezaan individu terhadap ciri-ciri yang digunakan dalam kajian. Kesahan gagasan yang digunakan ialah analisis faktor yang bertujuan mengumpulkan item yang terdapat perkaitan statistik kedalam kumpulan kecil tertentu. Ujian analisis faktor akan mengumpulkan item salah laku etika akademik kepada serius dan kurang serius (Azizi Yahaya, et al., 2009). Alat ukuran yang digunakan perlu melalui ujian kebolehpercayaan. Kebolehpercayaan bermaksud alat ukur mesti tekal dan stabil dalam merentasi masa kajian. Instrumen dan soal selidik yang digunakan perlu mampu mengukur populasi dan sampel menggunakan konsep yang sama.

Kebolehpercayaan terhadap ketekalan antara item diukur menggunakan *Cronbach Alpha*. Melalui satu ujian rintis, adalah dicatatkan nilai *Cronbach* instrumen ini ialah 0.917. Bacaan ini adalah baik dan pengkaji beranggapan soal selidik ini sesuai digunakan. Nilai pekali Cronbach yang boleh diterima perlu berada pada bacaan sekurang-kurangnya 0.7 kerana nilai ini melambangkan kebolehpercayaan alat ukur kajian, (Aron, Aron, Elliot, & Coups, 2007).

### **3.8 Ujian Rintis**


Pengkaji telah menetapkan sebuah IPG untuk dijalankan kajian rintis. Justifikasi pemilihan IPTA berkenaan adalah didasarkan kepada kemudahan pergerakan dan mobiliti pengkaji dan kelebihan berkomunikasi bersama pihak yang terlibat. Justifikasi ini disokong oleh Sabitha dengan menyatakan responden untuk Ujian Rintis perlu berada pada asas yang sama atau hampir sama dengan responden sebenar kajian (Sabitha Marican, 2006). Faktor yang dinyatakan di atas adalah amat penting kerana data dalam kajian ini bersifat fleksibel dan sebarang perubahan mungkin berlaku dari masa ke semasa. Sebarang kelemahan yang ditemui dari kajian rintis tersebut dapat dibaiki bagi memantapkan alat ukur yang digunakan dalam kajian sebenar. Kajian rintis pula ialah cubaan kajian yang dibuat secara kecilan dengan tujuan mengenal pasti kelemahan instrumen kajian dan tatacara kajian (Fraenkel & Wallen, 2006).

Oleh sebab instrumen soal selidik telah diubah suai daripada soal selidik yang asal, satu ujian rintis telah ditadbir oleh penyelidik untuk menguji kefahaman responden terhadap item-item yang dikemukakan dan memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen berkenaan. Kajian rintis pula dijalankan dengan matlamat meliputi ujian kebolehpercayaan dan kesahan dalam kajian ini. Instrumen diukur kebolehpercayaannya menggunakan kaedah alpha (Patten, 1997; Sekaran, 2000).

Kajian rintis ini melibatkan pemilihan bilangan sampel seramai 170 orang. Responden yang terlibat dalam menjawab soal selidik adalah mereka yang tidak terlibat dalam kajian sebenar. Terdapat dua faktor yang perlu diberikan perhatian ketika pelaksanaan

ujian rintis iaitu individu yang terlibat mempunyai ciri-ciri dalam populasi yang hendak dikaji dan memiliki kebarangkalian yang rendah untuk berinteraksi dengan individu yang akan terlibat dengan kajian sebenar. Ini bertujuan untuk mengurangkan kesan awal (Sabitha Marican, 2006). Hasil analisa nilai Cronbach dalam ujian ini ialah 0.92 dan nilai ini boleh diterima memandangkan angka ini melebihi 0.7 sebagaimana dijelaskan oleh (Aron, et al., 2007).

Ujian rintis melibatkan sekumpulan responden untuk menguji kesesuaian item dan kefahaman dalam kalangan mereka. Ujian rintis juga dijalankan bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrument yang dibentuk, kelancaran pentadbiran soal selidik dan pengubah suaian yang perlu bagi instrumen kajian. Ujian ini juga dilaksanakan bagi mengetahui reaksi responden, menentukan maksud item dalam alat kajian dan mengukur tempoh masa yang diperlukan oleh responden untuk melengkapkan soal selidik yang akan digunakan (Sabitha Marican, 2006) . Langkah –langkah untuk menjalankan kajian rintis adalah seperti Rajah 3.3 di bawah.



Rajah 3.3. Proses menjalankan Kajian Rintis

### 3.9 Prosedur Analisis Data Kualitatif

Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dan proses pengutipan data dilakukan melalui teknik temu bual. Temubual bertujuan untuk mendapatkan maklumat latar belakang peserta serta pemahaman mereka tentang kajian yang dijalankan. Perbincangan tentang segala aspek berhubung kajian juga dilakukan untuk mendapatkan pandangan peribadi peserta. Seterusnya pengkaji membuat temu bual berhubung permasalahan kajian dan mencungkil pandangan serta pendapat responden secara lebih mendalam. Proses temubual dimulai dengan menetapkan tarikh, masa dan tempat untuk bertemu. Pengkaji memastikan responden dalam keadaan selesa dan tidak tertekan oleh perjumpaan tersebut. Penentuan tarikh, masa dan tempat dibuat melalui panggilan telefon terlebih dahulu.

Pengkaji hadir mengikut ketetapan yang telah dibuat, bersedia dengan soalan dan buku catatan serta alat tulis yang diperlukan. Soalan yang digunakan telah distrukturkan terlebih dahulu supaya perbualan mengikut urutan seperti yang dirancangkan. Persoalan berkisar tentang pembolehubah kajian, objektif kajian, persoalan kajian serta apa jua yang perlu diketahui sepanjang tempoh kajian dijalankan. Pengkaji membuat catatan sepanjang tempoh temu bual dan membuat kemas kini pada catatan kemudian.

Sesi temubual menyumbang kepada data kualitatif dalam kajian ini. Data temu bual dikutip berdasarkan kepada pengalaman, pendapat dan reaksi seseorang (Merriam, 2001; Mohd. Majid Konting, 1998). Pada kebiasaannya data temubual atau data kualitatif membekalkan input yang lebih mendalam serta memberikan gambaran sebenar dan jelas. Kaedah ini berjaya mencungkil maklumat lebih mendalam berbanding kaedah-kaedah lain. Perasaan dan minat seseorang hanya dapat difahami melalui maklumbalas responden terhadap set-set item yang digunakan dalam kajian (Aziah Ismail, 2007).

Kajian ini melibatkan bidang pendidikan, oleh itu penyelidik akan menganalisis data kualitatif berpandukan teknik kerangka analitik. Analisa ini melibatkan penyediaan kerangka lebih awal sebelum analisis terperinci dibuat. Kaedah ini dibina berdasarkan teori, pengetahuan atau rumusan dari teks yang dikumpul dan dibaca. Data-data diasangkan berdasarkan unit yang bermakna atau tema tertentu.

Teknik temu bual adalah merupakan cara yang lazim digunakan untuk mengutip data deskriptif. Tambahan pula, teknik temu bual sering digunakan untuk mendapatkan

maklumat lebih lanjut, lebih jelas dan lebih mendalam . Temu bual ini bertujuan untuk mengenal pasti orientasi moral peserta kajian. Kajian kualitatif dengan teknik temubual mampu memberikan satu kerangka kerja di mana responden dapat meluahkan pemahaman serta pengetahuan mereka mengikut cara mereka sendiri(Patton, 1987). Kaedah kualitatif juga membantu peserta kajian menjelaskan sesuatu perkara dari sudut pandangan mereka sendiri (Colby & Kohlberg, 1987).

Tambahan pula, pengkaji kualitatif lebih berminat dalam memahami makna yang ingin disampaikan oleh peserta dan menjelaskan hasil dapatan kajian kualitatif adalah sangat kaya dengan maklumat diskriptif (Merriam, 1998). Maklumat yang diperoleh melalui kaedah temu bual telah direkod, ditranskripsikan dan diserah kepada peserta kajian yang bertindak sebagai ‘*second rater*’ bagi tujuan pengesahan. “*Interrater reliability*” juga dilakukan terhadap kategori orientasi moral yang telah ditentukan. Langkah ini dilakukan dengan penyemakan semula protokol temu bual oleh penyelia dan pensyarah yang pakar dalam bidang pengkategorian orientasi moral.

Data kualitatif adalah merujuk kepada maklumat, data berbentuk teks atau ayat yang tidak mempunyai struktur tertentu dan tidak mungkin dapat diuruskan dalam bentuk nombor atau statistik seperti data kuantitatif . Data kualitatif ini juga tidak semestinya datang dari kajian berbentuk kualitatif sahaja. Sumber kepada data kualitatif adalah pelbagai antaranya pemerhatian (nota lapangan), temu bual (transkrip, catatan), soal selidik , artifak dan kajian dokumen.

Data kualitatif dikutip setelah dapatan data kuantitatif dibuat. Pengkaji memilih empat orang responden untuk ditemu bual merujuk secara spesifik dapatan data kuantitatif.

Merujuk kepada apa jua dapatan kuantitatif yang memerlukan penjelasan lebih mendalam, penyelidik memilih seorang responden untuk ditemui bual dan secara relevan adalah mengikut pembahagian lokasi data yang dikutip. Oleh itu, fokus data kualitatif dapat dibuat berdasarkan apa jua respon yang diberikan oleh data kuantitatif. Fokus bermaksud, penjelasan, perkongsian, penafian dan sebagainya bagi mengukuh dapatan kuantitatif.

### **3.10 Rumusan Analisis Data**

Analisis data kuantitatif dalam kajian ini melibatkan dua kaedah. Pertama adalah analisis statistik deskriptif diguna bagi memerihal data yang dikutip dari responden kajian. Analisis ini bertujuan membantu penyelidik membuat ringkasan data supaya lebih mudah difahami (Anderson, 1959). Hasil analisis akan dipamerkan dalam bentuk peratusan, jadual kekerapan dan sebagainya. Di samping itu, ukuran kecenderungan memusat seperti mod, median dan min memberi gambaran tentang ciri-ciri responden manakala ukuran serakan seperti julat dan sisihan piawai memberi gambaran bagaimana data berserakan antara satu sama lain. Ujian ini menganalisis sebahagian besar maklumat responden melalui soal selidik kajian. Di samping itu, analisis deskriptif di guna untuk menghurai data demografi responden (Sabitah Marican, 2006).

Kedua, menganalisis data statistik menggunakan analisis statistik inferensi. Kajian ini menggariskan 2 objektif yang perlu kepada penjelasan. Objektif kajian yang berkait dengan hubungan akan dianalisa menggunakan kaedah analisis Korelasi Pearson manakala objektif yang berkait dengan perbezaan akan menggunakan kaedah analisis ANOVA Satu Hala, Ujian-T Sampel Bebas dan Ujian Regresi Linear Berganda.

Secara keseluruhannya, semua analisis data kuantitatif dalam kajian ini sama ada berbentuk deskriptif atau inferensi akan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science*. Perkara ini dapat diringkas dalam Jadual 3.2 di bawah:

Jadual 3.2

*Rumusan Penggunaan Statistik Bagi setiap hipotesis kajian*

Hipotesis kajian	Analisis Statistik
H <sub>01</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan etika akademik berdasarkan tempoh perkhidmatan.	ANOVA Satu Hala
H <sub>02</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan etika akademik berdasarkan jantina.	UJIAN T Sampel Bebas
H <sub>03</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan etika akademik berdasarkan umur.	ANOVA Satu Hala
H <sub>04</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penaakulan moral berdasarkan tempoh perkhidmatan.	ANOVA Satu Hala
H <sub>05</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penaakulan moral berdasarkan jantina.	UJIAN T Sampel Bebas
H <sub>06</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penaakulan moral berdasarkan umur.	ANOVA Satu Hala
H <sub>07</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional berdasarkan tempoh perkhidmatan.	ANOVA satu Hala
H <sub>08</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional berdasarkan jantina	UJIAN T Sampel Bebas
H <sub>09</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional berdasarkan umur	ANOVA Satu Hala
H <sub>010</sub> : Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara Penaakulan Moral dengan Etika Akademik	KORELASI Pearson
H <sub>011</sub> : Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara Nilai Profesional dengan Etika Akademik	KORELASI Pearson

H <sub>012</sub> : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan pembolehubah moderator membuat keputusan terhadap hubungan di antara penaakulan moral, nilai profesional dan etika akademik	REGRESI Linear Berganda
--	-------------------------

Setiap analisis yang dipilih adalah merujuk kepada kesesuaian hipotesis. ANOVA Satu Hala digunakan bagi menilai perbezaan min pembolehubah bersandar kuantitatif antara tiga atau lebih kumpulan. Ujian T Sampel Bebas pula digunakan untuk membandingkan min dua sampel bebas dan menguji sama ada dua sampel itu berasal daripada populasi yang berbeza nilai min. Korelasi Pearson digunakan untuk menghuraikan kekuatan dan arah hubungan antara dua pembolehubah yang selanjar. Pembolehubah dikatakan berkorelasi apabila perubahan salah satu pembolehubah disertai dengan perubahan pembolehubah lainnya, baik dalam arah yang sama ataupun arah yang sebaliknya. Analisis Regresi Linear Berganda digunakan untuk mengukur pengaruh antara lebih dari satu pembolehubah prediktor (pembolehubah bebas ) terhadap pembolehubah terikat.

### 3.11 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan topik-topik kajian berkaitan rekabentuk, populasi, persampelan, instrumen dan cara permarkatan, ujian rintis dan bagaimana menganalisa data kuantitatif dan kualitatif yang telah dikumpulkan. Kerangka konsep kajian dengan jelas menunjukkan tiga pembolehubah bebas (IV) serta satu pembolehubah bersandar (DV). Pembolehubah bebas yang digunakan ialah penaakulan moral, nilai profesional, pembolehubah moderator ialah membuat keputusan dalam kalangan pensyarah. Pemboleh ubah bersandar pula adalah etika akademik. Kajian ini ingin menjelaskan hubungan antara pembolehubah-

pembolehubah tersebut serta beberapa aspek demografi responden yang digunakan dalam mengesan perbezaan perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah tersebut.



## **BAB EMPAT**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan dapatan kajian melalui analisa yang dibuat menggunakan program SPSS terhadap data yang dikumpulkan. Analisa ini memberi penjelasan terhadap 5 persoalan kajian dan 12 hipotesis kajian seperti yang telah dirangka. Seterusnya bab ini menjelaskan hubungan, perkaitan serta pengaruh diantara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan. Analisa yang dibuat adalah ke atas data yang telah dikumpulkan melalui edaran soalselidik kepada responden bergantung kepada lokasi yang telah dikenalpasti. Hasil analisa menjelaskan data deskriptif berhubung faktor-faktor demografi manakala analisa inferensi melibatkan pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini.

Perbincangan terhadap dapatan kajian seterusnya, menjurus kepada objektif yang hendak dicapai iaitu (a) mengenal pasti hubungan yang signifikan antara penaakulan moral, nilai profesional dan membuat keputusan beretika dengan amalan etika akademik dan (b) mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara faktor demografi (tempoh perkhidmatan, umur dan jantina) terhadap penaakulan moral, nilai profesional, membuat keputusan dan etika akademik. Hasil analisa memberikan jawapan kepada persoalan kajian berkaitan penaakulan moral, nilai profesional dan membuat keputusan dan hubungannya dengan etika akademik dalam kalangan pensyarah IPG di Malaysia.

## **4.2 Ujian Reliabiliti**

Ujian Reliabiliti untuk kesemua pembolehubah iaitu membuat keputusan, nilai profesional, penaakulan moral dan etika akademik dan kesemuanya berjumlah 85 item seperti yang terdapat dalam Jadual 4.1 di bawah.

Kebolehpercayaan terhadap sesuatu soal selidik diwakili oleh kestabilan dan ketekalan dalaman. Nilai *Cronbach Alpha* pula selalu dirujuk bagi menetapkan pengukuran ketekalan dalaman terhadap apa-apa konstruk (Cronbach, 1946; Norusis, 1977). Kerap kali nilai melebihi 0.60 diterima sebagai indeks kebolehpercayaan instrumen (Mohd. Majid Konting, 1990, 1998; Siti Rahayah Ariffin, 2003). Nilai kebolehpercayaan kurang daripada 0.60 ditolak dan tidak boleh diterima manakala nilai *Cronbach Alpha* antara 0.60 hingga 0.80 adalah diterima. Nilai Alfa yang melebihi 0.80 pula amat sesuai dan dianggap baik (Sekaran, 1992).

Namun begitu, berdasarkan kepada Nunally yang menyatakan bahawa nilai alpha melebihi .70 adalah memadai(Nunally, 1978). Berdasarkan penerangan di atas, penulis telah menggunakan nilai *Cronbach Alpha* bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji telah menentukan untuk menggunakan pandangan Mohd. Majid Konting dalam menentukan indeks kebolehpercayaan soal selidik kajian ini(Mohd. Majid Konting, 1990). Ujian Reliabiliti yang di buat terhadap kesemua pembolehubah menunjukkan skor melebihi .70 (*Cronbach's Alpha*) dengan masing-masing menunjukkan nilai seperti berikut iaitu membuat keputusan (.74), nilai profesional (.73), penaakulan moral (.70) dan etika akademik (.96). Kajian ini melibatkan empat pembolehubah (dua pembolehubah bebas, satu pembolehubah bersandar dan satu pembolehubah moderator).

Jadual 4.1

*Ujian Reliabiliti keseluruhan item*

	Cronbach Alpha	Bilangan item
Soal selidik Membuat Keputusan (SMK)	.74	8
Soal selidik Nilai Profesional (SNP)	.73	9
Soal selidik Penaakulan Moral (SPM)	.70	13
Soal selidik Amalan Etika Akademik (SAEA)	.96	55

### 4.3 Ujian Normaliti

Pengkaji juga telah menjalankan satu lagi ujian penting iaitu Ujian Normaliti terhadap data setelah mengutip kesemua soal selidik daripada responden. Ujian ini bagi menentu dan memastikan data berada dalam taburan normal. Analisa normaliti menggunakan Ujian Kolmogorov-Smirnov menunjukkan hanya pembolehubah amalan etika akademik yang tertabur secara normal iaitu  $p>0.05$ , rujuk Jadual 4.2 di atas. Walaupun ujian Kolmogorov-Smirnov menunjukkan nilai profesional, penaakulan moral dan amalan etika tidak signifikan namun begitu taburan data tersebut diterima sebagai bertaburan normal dalam kajian Sains Sosial (Julie, 2013).

Jadual 4.2

*Ujian Normaliti untuk setiap pembolehubah*

Pembolehubah	Kolmogorov-Smirnov			Shapiro-Wilk		
	Statistik	df	signifikan	Statistik	df	Signifikan
Min Membuat Keputusan	.08	400	.00	.97	400	.00
Min Nilai Profesional	.12	400	.00	.97	400	.00
Min Penaakulan Moral	.09	400	.00	.96	400	.00
Min Amalan Etika	.04	400	.20	.98	400	.00
Akademik						

#### **4.4 Analisa deskriptif responden**

Interpretasi ini dilakukan bertujuan menjelaskan kedudukan responden terhadap beberapa ciri mereka antaranya jantina, umur, tempoh mengajar, organisasi wujud Kod Etika Kerja Guru (KEG), tahu Kod Etika Kerja Guru (KEG), kursus berkaitan etika dan pelbagai kursus. Pengkaji memasukkan dan mengekalkan beberapa elemen seperti organisasi wujud Kod Etika Kerja Guru (KEG), tahu Kod Etika Kerja Guru (KEG), kursus berkaitan etika dan pelbagai kursus kerana setiap elemen tersebut adalah relevan dengan kajian yang dijalankan. Selanjutnya, kajian mengenali responden melalui ujian deskriptif dijalankan seperti jadual yang terdapat di bawah.

##### **4.4.1 Jantina**

Soal selidik diedarkan kepada semua responden yang selayaknya dan tidak terhad kepada jantina tertentu sahaja. Bidang pendidikan memerlukan pelbagai jantina terlibat kerana pelanggan bidang ini juga terdiri dari mereka dari pelbagai latar belakang, jantina serta kaum. Respondan yang terlibat dalam kajian ini di gambarkan oleh Jadual 4.3 di mana terdiri dari 182 orang lelaki mewakili 45.5 peratus responden manakala 218 orang lagi adalah perempuan mewakili 54.5 peratus. Kesemua responden berjumlah 400 orang. Hasil analisis yang telah dibuat terhadap bilangan dan peratusan jantina dapat ditunjukkan dalam Jadual 4.3 di bawah:

Jadual 4.3

*Taburan Jantina Responden Kajian*

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	182	45.5
Perempuan	218	54.5
Jumlah	400	100.0

#### **4.4.2 Umur Responden**

Pensyarah yang terlibat dalam kajian ini terdiri dari pelbagai peringkat umur. Mereka yang berada pada peringkat veteran dan umur yang telah meningkat, memiliki kepakaran mengajar dan pengalaman yang tinggi. Mereka ini mewarnai kehidupan di IPG manakala pensyarah muda cekal mengajar dengan berkongsi pengalaman dengan mereka yang lebih mahir.

Responden kajian telah dibahagikan kepada empat kumpulan umur di mana mereka yang berumur di antara 38 hingga 42 yang mewakili 15.8 peratus responden bersamaan 63 orang dan mereka yang berada dalam umur di antara 43 – 47 adalah mewakili 37 peratus responden bersamaan 148 orang. Selain itu, mereka yang berada dalam lingkungan 48 hingga 52 tahun mewakili 22.2 peratus responden bersamaan 89 orang dan mereka yang berumur di antara 53 hingga 57 tahun mewakili 25 peratus bersamaan 100 orang responden. Kebanyakan responden tergolong dari mereka yang berumur di antara 43 hingga 47 tahun.

Berdasarkan kepada umur responden, pengkaji mendapati kebanyakan responden adalah terdiri dari mereka yang telah berpengalaman dalam bidang pendidikan. Ini berdasarkan kepada tahap umur yang melebihi umur 40 tahun. Umur minima untuk berkhidmat di IPG adalah sekitar 35 tahun atau mereka yang telah menjawat gred DG 44 di mana-mana tempat mereka mengajar. Mereka dalam lingkungan umur 43 – 52 tahun adalah paling ramai dengan bilangan 237 orang. Umur persaraan wajib pensyarah ialah 60 tahun. Dapatan analisis yang telah di buat terhadap bilangan dan peratusan mengikut umur dapat ditunjukkan dalam Rajah 4.4 di bawah:

Jadual 4.4

*Taburan Umur Responden Kajian*

Umur	Kekerapan	Peratus
38 hingga 42	63	15.8
43 hingga 47	148	37.0
48 hingga 52	89	22.2
53 hingga 57	100	25.0
Jumlah	400	100.0

#### **4.4.3 Tempoh mengajar**

Satu aspek yang dilihat dari sudut demografi ialah tempoh mengajar. Jadual 4.5 di atas menunjukkan seramai 123 orang responden telah berkhidmat dalam tempoh 5 tahun manakala 47.2 peratus bersamaan 189 orang responden telah memberi khidmat selama 6 hingga 10 tahun. Seramai 64 orang responden pula telah berkhidmat selama 16 hingga 20 tahun yang mewakili seramai 20 dan selebihnya telah berkhidmat melebihi 20 tahun. Walaupun terdapat responden yang berkhidmat dalam tempoh yang singkat iaitu 1 hingga 5 tahun tetapi mereka sebenarnya telah berada dalam profesi pendidikan sejak sekian lama tetapi di institusi pendidikan yang lain. Oleh yang demikian, kepelbagaiannya tempoh mengajar ini memberi peluang kepada pengkaji untuk melihat persamaan atau perbezaan yang wujud dalam kalangan mereka.

Dapatkan analisis terhadap bilangan dan peratusan responden mengikut tempoh mengajar dapat ditunjukkan dalam Rajah 4.5 di bawah:

Jadual 4.5

*Tempoh mengajar responden*

<b>Tempoh</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1 hingga 5	123	30.8
6 hingga 10	189	47.2
11 hingga 15	64	16.0
16 hingga 20	20	5.0
21 dan ke atas	4	1.0
Jumlah	400	100.0

#### **4.4.4 Organisasi wujud Kod Etika Kerja Guru (KEG)**

Kod Etika Kerja Guru adalah satu peraturan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memberi panduan kepada mereka yang terlibat dengan bidang pendidikan supaya segala tingkah laku merujuk kepada peraturan yang telah digariskan. Analisis menunjukkan bahawa seramai 379 orang responden telah mengakui akan wujudnya Kod Etika Kerja Guru (KEG) dalam organisasi yang mereka anggotai. Jumlah ini bersamaan dengan 94.8 peratus responden yang terlibat manakala hanya 21 orang yang menyatakan bahawa institusi mereka tidak memiliki kod berkenaan. Jumlah ini bersamaan 5.2 peratus. Sila rujuk Jadual 4.6 di bawah:

Jadual 4.6

*Organisasi terdapat Kod Etika Kerja Guru*

<b>KEG KPM</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Ya	379	94.8
Tidak	21	5.2
Jumlah	400	100.0

#### **4.4.5 Tahu Kod Etika Kerja Guru (KEG)**

Kod Etika Kerja Guru adalah panduan yang perlu dipatuhi dan dijadikan panduan. Instrumen ini juga menganalisa setakat mana responden sedar dan faham akan kod berkenaan. Analisis mendapati bahawa seramai 384 orang responden bersamaan 96.0 peratus telah mengetahui tentang kewujudan kod berkenaan dalam profesi mereka manakala hanya 16 orang bersamaan 4.0 peratus responden menyatakan tidak tahu tentang kod berkenaan. Ini bermakna liputan mereka yang tahu adalah sangat besar dan sudah semestinya tindakan dan amalan mereka menjurus kepada mengamalkan kod ini. Rujuk Jadual 4.7 di bawah:

Jadual 4.7

*Bilangan tahu kewujudan Kod Etika Kerja Guru*

Tahu	Kekerapan	Peratus
Ya	384	96.0
Tidak	16	4.0
Jumlah	400	100.0

#### **4.4.6 Kursus berkaitan etika**

Membaca dan memahami tuntutan kod adalah dua perkara yang berbeza. Oleh yang demikian, pihak kementerian meminta kepada semua kakitangan menghadiri kursus-kursus berkaitan kod ini dengan tujuan supaya semua dapat memahami dan mengamalkan sebagaimana tuntutan sebenarnya. Analisis yang dilakukan terhadap data yang dikumpul menunjukkan bahawa seramai 298 orang responden telah menghadiri kursus-kursus berkaitan Kod Etika Kerja Guru dan ini bermakna 74.5 peratus atau tiga perempat dari responden telah didedahkan bagi memahи kod ini. Responden yang tidak didedahkan hanya melibatkan 102 orang sahaja dengan

peratusan 25.5. Pelbagai kursus berkaitan etika telah dijalankan oleh kementerian sepanjang tempoh pekerjaan mereka. Rujuk Jadual 4.8 di bawah:

Jadual 4.8

*Bilangan responden mengikuti Kursus Kod Etika KerjaGuru*

Kehadiran	Kekerapan	Peratus
Ya	298	74.5
Tidak	102	25.5
Jumlah	400	100.0

#### **4.4.7 Pelbagai kursus**

Pihak kementerian serta pelbagai pihak yang lain telah menganjurkan pelbagai kursus berkaitan kod bagi setiap kakitangan. Instrumen yang diedarkan meminta responden mencatatkan nama-nama kursus etika yang telah mereka lalui. Analisis menunjukkan bahawa seramai 120 orang responden tidak pernah menghadiri apa-apa kursus berkaitan etika. Seramai 24 orang responden atau 6.0 peratus mendalamai etika melalui kursus-kursus etika manakala 60 orang responden atau 15.0 peratus mendapat maklumat dan pengetahuan tentang etika melalui kursus induksi.

Untuk kursus pensyarah baharu, seramai 157 orang responden telah terlibat mewakili 39.3 peratus manakala penerapan nilai telah melibatkan responden seramai 39 orang atau mewakili 9.8 peratus. Tidak menghadiri sebarang kursus merupakan satu kerugian buat pensyarah berkenaan dan warga KPM sekaliannya. Taburan kursus ini dapat dirujuk dari Jadual 4.9 di bawah.

#### Jadual 4.9

*Jenis kursus dihadiri responden*

Jenis Kursus	Kekerapan	Peratus
Tiada Kursus	120	30.0
Kursus Etika	24	6.0
Kursus Induksi	60	15.0
Kursus Pensyarah Baharu	157	39.3
Kursus Penerapan Nilai	39	9.8
Jumlah	400	100.0

#### 4.5 Analisa Data Inferensi

Pengkaji mengumpulkan data daripada responden dengan menggunakan set soal selidik yang diedarkan kepada responden. Data yang terkumpul diproses menggunakan perisian SPSS dan setiap soalan dan hipotesis kajian menggunakan pengujian yang sesuai agar dapatkan menunjukkan keputusan yang terbaik. Kajian ini menggunakan pengujian berbentuk Ujian T Sampel Bebas, ANOVA Satu Hala, Korelasi Pearson dan Regresi Linear Berganda. Berikut adalah dapatan dari pengujian yang telah dijalankan. Setiap jadual berdasarkan kepada petunjuk nilai analisa tersebut, sebagai contoh ( $p<0.05$  bermaksud dapatan adalah signifikan)

#### Hipotesis 1

$H_01$  :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan etika akademik berdasarkan aspek tempoh perkhidmatan.

#### Soalan kajian 1

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan amalan etika akademik berdasarkan aspek tempoh perkhidmatan?

Berdasarkan Jadual 4.10 di bawah, adalah didapati tiada perbezaan yang signifikan amalan etika akademik responden berdasarkan tempoh perkhidmatan ( $F(4, 395) = 1.458$ )  $p>.05$ . Dapatan adalah tidak signifikan. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan etika akademik berdasarkan tempoh perkhidmatan.

Jadual 4.10

*Ujian ANOVA Satu Hala Amalan Etika Akademik Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan*

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	1.754	4	.438	1.458	.21
Dalam Kumpulan	118.801	395	.301		
Jumlah keseluruhan	120.555	399			

$p<0.05$

### Hipotesis 2

$H_02$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan etika akademik berdasarkan jantina

### Soalan kajian 2

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan amalan etika akademik berdasarkan jantina?

Berdasarkan Jadual 4.11 di bawah, keputusan analisa Ujian T sampel bebas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan etika akademik responden berdasarkan jantina ( $t=0.698$ )  $p>.05$ . Amalan etika akademik responden lelaki ( $\text{min}=3.965$ ) adalah sama dengan amalan etika akademik responden perempuan ( $\text{min}=3.926$ ) walaupun terdapat perbezaan min terhadap amalan etika.

Jadual 4.11

*Ujian T Etika Akademik Berdasarkan Jantina*

Pembolehubah	Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Tahap signifikan
Etika akademik	Lelaki	182	3.965	0.486	0.698	0.48
	Perempuan	218	3.926	0.598		

p<0.05

### Hipotesis 3

$H_{03}$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan etika akademik berdasarkan umur.

#### Soalan kajian 3

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan amalan etika akademik berdasarkan umur?

Berdasarkan Jadual 4.12, dapatan dari Ujian ANOVA satu hala menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min amalan etika akademik responden berdasarkan umur ( $F(3, 396)=.627$ )  $p>.05$ . Amalan etika akademik tidak berbeza berdasarkan umur responden. Untuk hipotesis dan soalan ke 3, umur responden dikutip sebagai data nisbah dan data ini di rekod (*recode*) semula dalam data SPSS untuk mendapatkan data berbentuk kategori bagi tujuan penganalisaan. Kesemua data berkaitan umur dalam kajian ini melalui proses yang sama.

Jadual 4.12

*Ujian ANOVA Satu Hala Etika Akademik Berdasarkan Umur*

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	.570	3	.190	.627	.59
Dalam Kumpulan	119.986	396	.303		
Jumlah	120.555	399			

p<0.05

#### Hipotesis 4

$H_{04}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penaakulan moral berdasarkan tempoh perkhidmatan.

#### Soalan kajian 4

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan penaakulan moral berdasarkan tempoh perkhidmatan?

Berdasarkan Jadual 4.13 di bawah, adalah didapati tiada perbezaan yang signifikan penaakulan moral responden berdasarkan tempoh perkhidmatan ( $F(4, 395) = .946$ ) $p>.05$ . Dapatan kajian adalah tidak signifikan. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penaakulan moral berdasarkan tempoh perkhidmatan.

Jadual 4.13

*Ujian ANOVA Satu Hala Penaakulan Moral Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan*

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	5.073	4	1.268	.946	.43
Dalam Kumpulan	529.582	395	1.341		
Jumlah	534.654	399			

p<0.05

### Hipotesis 5

$H_{05}$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penaakulan moral berdasarkan jantina.

#### Soalan kajian 5

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan Penaakulan Moral berdasarkan jantina?

Berdasarkan Jadual 4.14 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min penaakulan moral berdasarkan jantina ( $t = -1.127$ ). Penaakulan moral responden lelaki (min= .8973) adalah sama dengan penaakulan moral responden perempuan (min=1.0282).

Jadual 4.14

*Ujian T penaakulan moral berdasarkan jantina*

Pembolehubah	Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Tahap signifikan
Penaakulan Moral	Lelaki	182	.8973	0.486	-1.127	.26
	Perempuan	218	1.0282	0.598		

p<0.05

## Hipotesis 6

$H_{06}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penaakulan moral berdasarkan umur.

### Soalan kajian 6

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan penaakulan moral berdasarkan umur?

Berdasarkan Jadual 4.15 di bawah, adalah didapati tiada perbezaan yang signifikan min penaakulan moral responden berdasarkan umur ( $F(3, 396)=2.495$ ). Dapatkan kajian adalah tidak signifikan. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penaakulan moral berdasarkan umur.

Jadual 4.15

*Ujian ANOVA Satu Hala Penaakulan Moral Berdasarkan Umur*

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	9.919	3	3.306	2.495	.06
Dalam Kumpulan	524.735	396	1.325		
Jumlah keseluruhan	534.654	399			

p<0.05

## Hipotesis 7

$H_{07}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional berdasarkan tempoh perkhidmatan.

### Soalan 7

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional berdasarkan tempoh perkhidmatan?

Berdasarkan Jadual 4.16 di bawah, adalah didapati wujud perbezaan yang signifikan nilai profesional responden berdasarkan tempoh perkhidmatan ( $F(4, 395)=2.35$ ).

Dapatan kajian adalah signifikan. Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap nilai profesional berdasarkan tempoh perkhidmatan.

Jadual 4.16

*Ujian ANOVA Satu Hala Terhadap Nilai Profesional Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan*

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	1.86	4	.46	2.35	.05
Dalam Kumpulan	78.46	395	.19		
Jumlah keseluruhan	80.33	399			

$p<0.05$

**Ujian Post Hoc**

Dapatan Ujian Post Hoc, Jadual 4.16a di bawah menunjukkan pensyarah (responden) yang telah berkhidmat 6 hingga 10 tahun lebih mengamalkan nilai profesional berbanding pensyarah yang telah berkhidmat 11 hingga 15 tahun. Perbezaan min amalan nilai profesional di antara pensyarah yang berkhidmat 6 hingga 10 tahun dengan pensyarah yang berkhidmat 11 hingga 15 tahun menunjukkan perbezaan min yang signifikan dengan nilai (.183,  $p<.05$ ). Tempoh perkhidmatan yang lain-lain didapati mempunyai perbezaan min amalan nilai profesional yang tidak signifikan.

Jadual 4.16a

*Ujian Post Hoc Nilai Profesional Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan*

Jangkamasa mengajar	Jangkamasa mengajar	Perbezaan Min	Ralat Piawai	Signifikan
3 hingga 5	6 hingga 10	-.079	.052	.545
	11 hingga 15	.104	.069	.551
	16 hingga 20	-.112	.107	.837
	21 dan ke atas	-.101	.226	.992
	6 hingga 10	.079	.052	.545
		.183	.064	.038
		-.033	.105	.998
		-.022	.225	1.000
	11 hingga 15	-.104	.069	.551
		-.183	.064	.038
		-.216	.114	.324
		-.205	.229	.900
16 hingga 20	3 hingga 5	.112	.107	.837
	6 hingga 10	.033	.105	.998
	11 hingga 15	.216	.114	.324
	21 dan ke atas	.011	.244	1.000
21 dan ke atas	3 hingga 5	.101	.227	.992
	6 hingga 10	.022	.225	1.000
	11 hingga 15	.205	.230	.900
	16 hingga 20	-.011	.244	1.000

### Hipotesis 8

$H_08$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan nilai profesional berdasarkan jantina

### Soalan 8

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional berdasarkan jantina?

Berdasarkan Jadual 4.17 di bawah, keputusan analisa menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional responden berdasarkan jantina ( $t=1.78$ ).

Walaupun nilai profesional responden lelaki ( $min=3.94$ ) adalah berbeza dengan nilai profesional responden perempuan ( $min=3.86$ ) tetapi amalan nilai profesional mereka sama di antara responden lelaki dan perempuan.

Jadual 4.17

*Ujian T Sampel Bebas Nilai Profesional Berdasarkan Jantina*

Pembolehubah	Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Tahap signifikan
Nilai profesional	Lelaki	182	3.94	0.39	1.78	.07
	Perempuan	218	3.86	0.48		

p<0.05

### Hipotesis 9

$H_09$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional berdasarkan umur

### Soalan 9

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional berdasarkan umur?

Berdasarkan Jadual 4.18 di bawah, adalah didapati tiada perbezaan yang signifikan nilai profesional responden berdasarkan umur ( $F(3, 396)=1.74$ ). Dapatkan kajian adalah tidak signifikan. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap nilai profesional berdasarkan umur.

Jadual 4.18

*Ujian ANOVA Satu Hala Nilai Profesional Berdasarkan Umur*

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	1.05	3	.35	1.74	.15
Dalam Kumpulan	79.28	396	.20		
Jumlah keseluruhan	80.33	399			

p<0.05

## Hipotesis 10

$H_{010}$  : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penaakulan moral dengan amalan etika akademik

## Soalan 10

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penaakulan moral dengan amalan etika akademik?

Setelah menjalankan Ujian Korelasi Pearson, Jadual 4.19 di bawah menunjukkan dapatan tentang hubungan di antara penaakulan moral dengan etika akademik. Analisa menunjukkan penaakulan moral ( $r=.00$ ) tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan etika akademik. Maka dapatan kajian ini menerima  $H_0$  dalam hubungan di antara penaakulan moral terhadap etika akademik.

Jadual 4.19

*Ujian KORELASI Pearson di antara Penaakulan Moral dan Nilai Profesional dengan Etika Akademik*

<b>Pembolehubah</b>		<b>PM</b>	<b>NP</b>	<b>EA</b>
Penaakulan Moral (PM)	Korelasi Pearson	1	-.05	.00
	Sig.(2 ekor)		.27	.96
Nilai profesional(NP)	Korelasi Pearson	-.05	1	.12
	Sig.(2 ekor)	.27		.01
Etika Akademik (EA)	Korelasi Pearson	.00	.12	1
	Sig.(2 ekor)	.96	.01	

p<0.05

### **Hipotesis 11**

$H_{011}$  : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai profesional dengan amalan etika akademik

### **Soalan 11**

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara nilai profesional dengan amalan etika akademik?

Merujuk kepada Jadual 4.19 di atas, dapatan kajian menunjukkan terdapatnya hubungan yang lemah di antara nilai profesional dengan etika akademik. Hubungan lemah boleh dimaksudkan dengan skor nilai profesional yang berkadar dengan skor etika akademik pada tahap yang sangat sedikit. Hubungan kedua pembolehubah ini adalah signifikan dengan kekuatan hubungan yang lemah antara kedua-duanya. Oleh itu, analisa data menunjukkan kajian ini menolak  $H_0$  dalam hubungan diantara nilai profesional dengan etika akademik.

### **Hipotesis 12**

$H_{012}$ : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan pembolehubah moderator membuat keputusan terhadap hubungan di antara penaakulan moral, nilai profesional dan etika akademik

### **Soalan 12**

Adakah terdapat pengaruh yang signifikan pembolehubah moderator membuat keputusan di antara hubungan penaakulan moral dan nilai profesional terhadap etika akademik?

Hipotesis nol yang ke duabelas diuji dengan menggunakan kaedah analisis Regresi Linear Berganda untuk melihat pengaruh pembolehubah tidak bersandar terhadap

pembolehubah bersandar. Merujuk kepada Jadual 4.20 di bawah, pekali terpiawai pembolehubah moderator (membuat keputusan) tidak menunjukkan bacaan yang signifikan. Oleh yang demikian, pembolehubah moderator merupakan pembolehubah yang tidak mempengaruhi secara signikan dalam hubungan di antara pembolehubah tidak bersandar (penaakulan moral dan nilai profesional) dengan pembolehubah bersandar (amalan etika akademik). Justeru, keputusan ini menerima  $H_0$  di mana tidak terdapat pengaruh yang signifikan pembolehubah moderator membuat keputusan terhadap hubungan di antara penaakulan moral dan nilai profesional dengan amalan etika akademik.

Jadual 4.20

*Ujian Regresi Linear Berganda pengaruh pembolehubah moderator di antara hubungan penaakulan moral dan nilai profesional terhadap etika akademik*

Pemboleh ubah	Pekali tak terpiawai		Beta	t	p
	B	SE			
Pemalar	3.26	.35		9.28	.00
Nilai profesional	.16	.06	.13	2.74	.00
Penaakulan Moral	-.04	.06	-.08	-.24	.80
Pasca Konvensional	-.06	.04	-.14	-1.53	.12
Pre konvensional	.01	.06	.03	.20	.83
Konvensional	.07	.06	.18	.83	.40
Membuat keputusan	.06	.06	.02	.51	.60

R	= .20
R Kuasa Dua	= .04
R Kuasa Dua Terlaras	= .02
F	= 2.82
P	= .01

---

P<0.05

#### **4.6 Analisa data kualitatif**

Analisa data kualitatif kajian ini bertujuan menyelami secara lebih mendalam pandangan serta maklumat responden berhubung objektif kajian. Sehubungan itu, dengan menggunakan metodologi ‘*sequential explanatory strategy*’, kajian ini mengaplikasikan kedua-dua kaedah iaitu kuantitatif dan diperkuuh oleh dapatan kaedah kualitatif. Pengkaji telah menemubual empat orang responden bagi mendapatkan maklum balas mereka dan data yang telah terkumpul telah dianalisa menggunakan tema-tema seperti penaakulan moral, nilai profesional, membuat keputusan dan etika akademik.

Pendekatan ini digunakan dengan tujuan untuk mendalami pemikiran pensyarah dengan lebih terperinci berhubung pembolehubah-pembolehubah yang digunakan. Hasil temubual ini di analisa bagi menjawab objektif kajian yang berikut iaitu :

1. Mengenalpasti perbezaan yang signifikan faktor demografi (tempoh perkhidmatan, jantina, umur) berdasarkan penaakulan moral, nilai profesional, etika akademik
2. Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara penaakulan moral, nilai profesional dan membuat keputusan terhadap etika akademik
3. Mengenalpasti pengaruh yang signifikan pembolehubah moderator membuat keputusan di antara penaakulan moral dan nilai profesional terhadap etika akademik
4. Menjelaskan dapatan kuantitatif yang tidak signifikan juga yang signifikan

Ruang ini fokus kepada perbincangan terhadap pandangan dan pendapat empat orang pensyarah berhubung topik penaakulan moral, nilai profesional, membuat keputusan dan etika akademik. Ciri-ciri demografi responden seperti tempoh perkhidmatan,

jantina dan umur juga dirangkumi dalam temu bual ini. Pandangan serta pendapat responden juga dikutip berhubung pembolehubah moderator membuat keputusan bagi melihat tanggapan responden terhadap pembolehubah tersebut berdasarkan pengalaman dan pengetahuan mereka. Penting bagi pengkaji menyelami pendapat responden tanpa rasa sangsi dalam hati mereka. Pendapat dan pandangan yang telus dan ikhlas membantu dapatan kajian ke arah lebih tepat dan lengkap. Berikut adalah contoh soalan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini.

- S1 Apakah pandangan tuan terhadap penaakulan moral?
- S2 Bagaimana kefahaman tuan terhadap nilai profesional?
- S3 Bagaimana pandangan tuan terhadap aspek membuat keputusan?
- S4 Apakah pula pendapat anda tentang etika akademik?
- S5 Adakah hubungan antara keempat-empat konstruk dan latar belakang demografi seseorang seperti tempoh perkhidmatan, jantina dan umur mempunyai hubungan dengan etika akademik?
- S6 Mungkinkah aspek membuat keputusan mempengaruhi hubungan antara pembolehubah-pembolehubah tersebut ?
- S7 Pada pendapat tuan, apakah faktor yang menentukan kedudukan etika seseorang pensyarah berdasarkan pembolehubah yang telah dibincangkan sebentar tadi.
- S8 Kenapa puan berpendapat begitu
- S9 Kenapa mereka tidak mampu membuat keputusan yang tepat?
- S10 Dapatan kajian tiada pengaruh membuat keputusan, bagaimana?
- S11 Kesedaran tentang nilai dalam profesi dah tinggi, jadi apa lagi?

#### **4.6.1 Pemahaman terhadap penaakulan moral**

Merujuk kepada tanggapan terhadap aspek penaakulan moral, para responden mempunyai tanggapan yang berbeza antara satu sama lain. Melalui temu bual yang telah dijalankan, R1 berpendapat bahawa penaakulan moral yang tinggi menyumbang

kepada amalan etika yang baik. Beliau menjelaskan perkaitan penaakulan moral terhadap amalan etika sebagai berikut:

R1 “....saya bersetuju bahawa orang yang mempunyai penaakulan moral yang tinggi sudah tentu memiliki etika akademik yang baik ” ..tapi....terdapat juga mereka dengan penaakulan moral yang tinggi lagi tu...gagal dalam melaksanakan tanggungjawab sebaiknya.” ( Temubual responden 1, 04.07.2016 ).

Pendapat yang seakan sama diberikan oleh R2 yang menyatakan bahawa penaakulan moral dalam kalangan pensyarah adalah tinggi dan sememangnya mampu untuk mendorong ke arah perlakuan yang baik. Kenyataan R2 seperti berikut:

R2 “...penaakulan moral yang tinggi ..... sepatutnya mampu membimbing seseorang untuk berkelakuan baik.” Temubual responden 2, 11.07.2016).

R3 juga menyatakan pendapat bahawa penaakulan moral seseorang menyumbang kepada amalan etika sehari-hari dengan kenyataan,

R3 “... semakin bertambah pergaulan seseorang dengan mereka yang mempunyai penaakulan moral tinggi, menyumbang kepada peningkatan penaakulan moral individu terbabit” (temu bual pada 20.07.2016).

Pendapat R4 juga didapati positif terhadap sumbangan penaakulan moral terhadap amalan etika akademik dengan kenyataan,

R4 “...penaakulan moral yang tinggi menyumbang kepada perlakuan baik serta memiliki disiplin diri yang hebat. Penaakulan moral penting kerana pensyarah merupakan 'front liner'" (temu bual pada 25.07.2016).

Pengkaji mendapati kesemua responden menunjukkan pendapat sama iaitu penaakulan moral yang tinggi menyumbang kepada amalan etika akademik yang baik.

#### **4.6.2 Pemahaman terhadap nilai profesional**

Nilai profesional merupakan pembolehubah tidak bersandar kajian. Nilai profesional ini telah sedia tertanam dalam diri pensyarah ketika masih dalam latihan keguruan lagi. Setelah berada dalam sistem pendidikan, nilai profesional sedia ada diperkuuhkan lagi dengan nilai yang terkandung dalam teks Standard Guru Malaysia (SGM) serta nilai-nilai luhur dalam amalan penerapan nilai-nilai murni serta diperkuuh oleh seminar dan kursus-kursus semasa yang dihadiri oleh sekalian pensyarah. Nilai profesional ini juga telah sebatи dalam kalangan rakyat Malaysia yang sememangnya terkenal dengan nilai-nilai yang baik. Namun responden mempunyai pendapat tersendiri berhubung nilai profesional seseorang. R1 berpendapat bahawa nilai profesional dalam kalangan pensyarah adalah memuaskan dan penting dalam profesi tersebut dengan katanya,

R1 “.....*saya beranggapan nilai profesional penting dalam kehidupan seorang pensyarah. Tidak hanya kepada pensyarah tetapi penting kepada semua supaya setiap perlakuan terkawal dan mengikut norma masyarakat.*” (ditemu bual pada 04.07.2016).

R2 pula menyatakan nilai profesional dari sudut yang berbeza di mana punca nilai profesional tersebut adalah pengalaman, pendidikan dan persekitaran dan pensyarah perlu peka dengan perkembangan nilai-nilai ini dan menyebar luaskannya melalui proses pengajaran dan pembelajaran dalam dewan serta bilik kuliah. R2 menjelaskan nilai profesional sebagai,

R2 “.....setiap orang berbeza nilai profesional dan nilai profesional tersebut dibentuk oleh pendidikan, pengalaman serta persekitaran”. Ditemubual pada (11.07.2016).

Pendapat juga disuarakan oleh R3 dengan menegaskan bahawa nilai profesional memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan sekalian manusia. Penegasan tersebut seperti kenyataan beliau,

R3 “ ...nilai profesional sama ada disedari atau tidak memainkan peranan penting dalam kehidupan kita.” (Ditemu bual pada 20.07.2016).

Pandangan R4 terhadap nilai profesional adalah lebih terbuka di mana amalan ini bergantung kepada individu terbabit, kenyataannya sebagai berikut,

R4 “.....amalan nilai profesional adalah suatu yang positif dan dituntut. Semakin lama manusia hidup semakin banyak pengalaman yang mereka kutip dan sepatutnya menyumbang ke arah kebaikan.... ” (Ditemu bual pada 25.07.2016)

Pengkaji mendapati, pendapat responden terhadap nilai profesional adalah positif dan menyumbang kepada kebaikan semua pihak. Nilai profesional juga dilihat penting kepada semua bidang dan bukan hanya kepada profesion pendidikan. Nilai profesional itu sendiri adalah elemen yang baik tetapi pelaksanaannya merujuk kepada individu tertentu. Nilai profesional juga dipelajari dan dalam masa sama nilai profesional tersebut diajarkan kepada individu yang lain.

#### **4.6.3 Pemahaman terhadap amalan membuat keputusan**

Membuat keputusan merupakan pembolehubah moderator kajian. Membuat keputusan dimasukkan dalam kajian bagi mengetahui pengaruhnya dalam hubungan

penaakulan moral dan nilai profesional terhadap amalan etika akademik. Membuat keputusan merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia biar apa peringkat sekali pun. Kajian juga mendapatkan pandangan dan buah fikiran responden melihat kepada peranan membuat keputusan dalam kajian ini. R1 berpendapat bahawa membuat keputusan adalah suatu yang sangat penting. Kenyataan R1 seperti berikut,

R1 "... membuat keputusan penting kepada semua manusia. Setiap masa manusia tidak sunyi dari membuat keputusan..... sama ada bagi diri sendiri atau orang lain".

Pandangan daripada R2 di ambil bagi menilai pelbagai ulasan yang diberikan oleh responden. R2 menyatakan membuat keputusan adalah aspek getir dan memerlukan pengalaman yang luas. Kenyataan R2 adalah seperti berikut,

R2 "...Semua manusia yang hidup sering membuat keputusan dalam pelbagai bidang kehidupan. Membuat keputusan adalah situasi getir kerana keputusan yang diambil boleh menjadi tepat atau kurang tepat."

R3 menyatakan pandangan membuat keputusan sebagai sesuatu yang amat penting dalam kehidupan manusia. Membuat keputusan boleh jadi baik atau sebaliknya kerana aspek ini tidak berlaku sendirian malah dipengaruhi oleh unsur-unsur luar yang menjadikan keputusan tersebut betul atau salah. Kenyataan tersebut terkandung dalam petikan di bawah:

R3.... "Aspek membuat keputusan adalah suatu yang penting..... dalam hidup. Membuat keputusan yang baik..... adalah suatu yang sangat diharapkan sebaliknya keputusan yang buruk perlu dielakkan."

R4 pula beranggapan bahawa beliau mengerti kepentingan membuat keputusan dalam hidup. Semua bidang kerjaya memerlukan setiap insan membuat keputusan bagi diri sendiri atau pihak lain. Keputusan yang dibuat semestinya perlu betul dan tepat serta akur kepada kehendak peraturan dan undang-undang. Terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi keputusan seperti agama dan beliau meletakkan peraturan agama mengatasi segalanya. Peraturan dan keputusan biasa yang tidak bercanggah dengan agama adalah digalakkan dan diterima dalam kalangan pensyarah. Kenyataan R4 seperti dipaparkan di bawah:

R4 “...Membuat keputusan suatu yang penting dalam hidup. Akhirnya..... keputusan yang bercanggah dengan agama wajib ditolak dan hanya yang selari dibenarkan.....”

#### **4.6.4 Pemahaman terhadap amalan etika akademik**

Amalan etika akademik merupakan pembolehubah bersandar kajian. Pengkaji ingin melihat perubahan yang berlaku kepada pembolehubah ini setelah kajian dijalankan. Amalan etika akademik ini melibatkan tingkah laku etika dalam dan di luar kelas. Amalan etika ini menjadi fokus kerana salahlaku pensyarah tidak seharusnya berlaku dalam suasana mereka telah terlatih sama ada formal atau tidak formal. Responden yang ditemui bual telah memberikan respon yang pelbagai berhubung topik ini. Apa yang dikongsikan oleh responden berhubung amalan etika akademik ini adalah berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sepanjang mereka berkhidmat. R1 telah menegaskan bahawa beliau beranggapan amalan beretika merupakan kriteria seorang pensyarah.

Etika akademik adalah ciri yang diperlukan oleh pensyarah ketika berkhidmat supaya semua mendapat manfaat. Etika akademik yang baik seperti ditunjukkan oleh

pensyarah menyumbang kepada hormat murid kepada mereka. Pensyarah yang tidak mengamalkan etika akademik yang baik diingati oleh pelbagai pihak di atas pelanggaran etika yang sering diamalkannya. Apa yang lebih malang ialah perlakuan tersebut menjadi ikutan atau sebab untuk membenarkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Kenyataan R1 dipetik sebagai berikut,

R1“.....Seorang pensyarah perlu beretika. Etika bukan sahaja mendisiplinkan pelajar ..... malah memberikan manfaat kepada pelajar guru yang sedang menimba ilmu” (Temu bual pada 04.07.2016)

Pendapat R2 pula, beliau amat bersetuju bahawa sekalian pensyarah perlu mengamalkan etika akademik yang baik dan tinggi. Etika ini perlu diamalkan sentiasa kerana kehidupan tidak alpa dari peraturan dan undang-undang. Sikap yang baik dan terhormat penting sebagai sandaran seorang pensyarah. Kenyataan R2 dapat difahami dari teks berikut:

R2“....pensyarah dan etika akademik adalah sinonim. Pensyarah wajib..... memiliki amalan etika akademik yang tinggi kerana mereka berurusan dengan pelajar guru” (Ditemu bual pada 11.07.2016)

Responden R3 pula menyatakan pandangan bahawa seorang pensyarah perlu beretika dan menunjukkan sikap yang baik. Perlakuan berdasarkan etika akademik adalah suatu yang amat baik dan sesuai untuk dijadikan contoh oleh pelajar. Pensyarah wajib beretika kerana profesion ini menjadikan pelajar sebagai pelanggan dan pelanggan sentiasa rapat dengan pensyarah dan secara tidak langsung sering terikut-ikut dengan rentak pensyarah mereka. Etika akademik sangat penting diterjemahkan dalam diri pensyarah sama ada lelaki maupun perempuan. Kenyataan responden R3 adalah seperti berikut,

R3 “.....seorang pensyarah perlu beretika. Mereka yang kompeten sahaja mampu untuk mengaplikasikan etika akademik dalam kerjaya mereka”.

Responden berikutnya R4, menyatakan etika akademik dan kepentingannya tidak dapat dinafikan. Mematuhi etika akademik bermaksud patuh kepada peraturan dan kepentingan profesi seperti yang tercatat. Pensyarah perlu bersikap adil dan amanah dalam profesi dan natijah akhir ialah kejayaan pensyarah dalam mendidik serta mendisiplinkan seseorang mengikut lunas-lunas yang baik. Mematuhi etika akademik membawa maksud pensyarah telah menjalankan tugasnya dengan baik dalam usaha melatih pelajar guru menjadi guru cemerlang kelak. Mereka dah laksanakan amanah yang diberikan.

R4 “....Sesiapa sahaja perlu dan sepatutnya beretika. Etika ni....tak bergantung kepada lama bekerja. Tengok orang, mulamula elok beretika, lepas tu langsung tak boleh pakai. Ada jugak sebaliknya....dan macam-macam lagi lah”.

Oleh yang demikian, merujuk kepada keempat-empat responden yang memberikan respon kepada temu bual tersebut, pengkaji dapat merumuskan pandangan tersebut sebagai satu kemestian buat pensyarah untuk menunjukkan etika dan amalan etika yang terbaik walau di mana berada. Profesional pensyarah menentukan seseorang berada pada barisan hadapan dan ini menjadikan etika akademik sangat perlu diamalkan sepenuhnya dalam memberi teladan dan panduan kepada semua berhubung norma-norma yang baik dan diterima.

#### **4.6.5 Pemahaman terhadap hubungan di antara penaakulan moral, nilai profesional, membuat keputusan dan etika akademik.**

Hasil tinjauan dan temu bual yang dijalankan terhadap responden, R1 berpendapat adanya hubungan di antara konstruk yang telah dibincangkan namun ada hubungan yang berbentuk positif juga berbentuk negatif. R1 dalam responnya menyatakan,

R1 “....*Setiap orang mempunyai penaakulan moral mereka sendiri sama ada tinggi atau rendah. Tak pasti sama ada seorang yang berpelajaran tinggi memiliki penaakulan moral yang juga tinggi kerana masih terdapat golongan profesional yang dikenakan tindakan atas kesalahan yang mereka buat. Penaakulan moral yang tinggi seharusnya mempunyai hubungan yang signifikan dengan etika akademik kerana mereka yang bermoral tinggi .....akan melakukan amalan yang juga bermoral dan beretika.*”

Temu bual seterusnya terhadap responden R2 menyatakan persetujuan bahawa kesemua empat konstruk tersebut saling berkait dan berhubungan. Penaakulan moral, membuat keputusan dan etika akademik membawa satu unsur yang sama iaitu nilai-nilai yang baik. Kenyataan R2 merujuk kepada petikan berikut:

R2“..*penaakulan moral seseorang berbeza diantara seorang dengan seorang yang lain. Sukar untuk menentukan hakikat..... seorang yang berpelajaran semestinya memiliki penaakulan moral yang tinggi sebagaimana teori menyatakan. Penaakulan moral seharusnya mempunyai hubungan yang signifikan..... dengan etika akademik kerana kedua-dua elemen tersebut mengandungi nilai yang selari. Nilai profesional juga menyumbang kepada hubungan yang baik terhadap penaakulan moral dan juga etika akademik kerana nilai masyarakat serta norma yang diamalkan mewakili kesemua elemen seperti yang disebutkan*”.

Pendapat responden R3 ialah sememang wujudnya hubungan dan perkaitan antara kesemua aspek. Apa yang saya dapat lihat ialah wujud hubungan yang baik antara penaakulan moral, nilai profesional dan etika akademik manakala membuat keputusan

seakan-akan menjadi penghubung antara beberapa aspek tersebut. Membuat keputusan memainkan peranan yang penting dalam menentukan etika akademik kerana akhirnya bagaimana seorang pensyarah tersebut beretika atau tidak.

R3 “..... terdapat pensyarah yang mempunyai penaakulan yang tinggi tetapi masih melanggari etika profesion. Situasi ini mungkin disebabkan oleh aspek membuat keputusan yang tidak tepat atau melanggari peraturan profesion. Hubungan antara keempat-empat aspek dikaitkan dengan nilai dan nilai-nilai baik sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan pensyarah dan sentiasa dituntut”.

Pandangan daripada responden R4 pula menyatakan keempat-empat konstruk kelihatan sangat berkait rapat dan saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Segala nilai yang terdapat didalam perlu dihayati kerana nilai-nilai ini memainkan peranan yang sangat besar untuk kejayaan profesion. Kesemua konstruk perlu dikuasai oleh pensyarah dalam usaha untuk memenuhi tuntutan profesion iaitu amalan etika akademik yang baik dan berkesan. Nilai profesional dan penaakulan moral merupakan tapak yang dilihat memberi kesan kepada pelaksanaan etika akademik. Sekiranya kedua-dua aspek tersebut cemerlang maka besar juga peluang untuk etika akademik dilihat cemerlang. Namun, membuat keputusan merupakan konstruk yang memainkan peranan sehingga tercetus atau tidak perlakuan etika akademik yang cemerlang. Terdapat pengaruh luar yang mungkin terlibat sehingga sebahagian etika akademik tidak dapat dizahirkan. Untuk etika yang tak baik tu, macam bertentangan dengan apa yang dinyatakan di atas. Kenyataan R4 seperti yang tersebut:

R4 “.....saya dok nampak memang ada perkaitan antara ke empat-empat konstruk tu kerana semuanya melibatkan aspek nilai dan setiap satu nilai berhubungan dengan nilai yang lain. Nilai profesional, penaakulan moral( kearah penerimaan nilai jugak tu) dan etika akademik juga satu nilai yang baik. Jadi, membuat keputusan telah mainkan peranan untuk hubungkan antara dua nilai tu ...”

#### **4.6.6 Pemahaman terhadap hubungan latar belakang demografi dengan etika akademik**

Faktor demografi yang digunakan dalam kajian ini ialah umur, jantina dan tempoh perkhidmatan. Faktor-faktor ini dijangka mempunyai hubungan dengan etika akademik juga terhadap pembolehubah yang lain. R1 yang ditemubual berhubung persoalan di atas menyatakan bahawa terdapat hubungan di antara faktor demografi dengan etika akademik seperti kenyataan yang berikut,

R1 “.... *tempoh perkhidmatan memainkan peranan penting kerana bagi saya semakin lama seseorang berkhidmat maka dia sangat berpengalaman dalam profesion ini. Dah tentu.....etika akademiknya lebih baik.....tapi kadangkala tak juga baik. Jantina .....bagi saya wanita mempunyai etika akademik lebih baik. Umur mainkan peranan penting, .....seseorang yang lebih berumur sepatutnya lebih beretika..... Sepatutnya .... pengalaman, tempoh perkhidmatan, apa lagi.....jantina dan umur mengajar setiap insan lebih beretika*”.

R2 pula berpendapat faktor tersebut tidak tetap di mana tidak semestinya seorang yang lebih tua pasti menunjukkan amalan etika yang baik dan begitu juga dengan dua faktor demografi yang lain. R2 beranggapan faktor-faktor tersebut tidak dapat menentukan amalan etika akademik seseorang dengan tepat dan betul. Kenyataan R2 seperti kenyataan berikut:

R2....“*pengalaman atau tempoh bekerja dan umur saling berkait iaitu masa.... tapi bila tengok balik faktor demografi tu pun tak kekal seperti dalam teori tu.....ada selari, ada berlawanan... Kadang-kadang baharu masuk kerja dah tunjukkan etika yang tak elok tapi ada yang masuk kerja je terus tunjukkan komitmen yang terbaik..Umur pun kes sama jugak. Tadi ada kata masa berkhidmat..... pun sama juga, lagi sebulan dua nak pencen buat hal....*”

R3 pula berpendapat bahawa ciri-ciri demografi seperti umur dan tempoh perkhidmatan di lihat berkait rapat dengan amalan etika akademik. Perkaitannya

adalah positif di mana amalan etika akademik berkembang mengikut peningkatan umur dan tempoh perkhidmatan. Kenyatan R3 dirakamkan seperti petikan berikut:

R3.....“dilihat ada hubungan dengan etika akademik di mana semakin lama tempoh pekerjaan seseorang ....maka semakin bertambah etika mereka ....sepatutnya. Macam tu juga dengan umur yang selari dengan tempoh perkhidmatan. Jantina juga gagal menentukan mana lebih baik namun aspek ini diyakini ada hubungan dengan etika akademik seseorang. Wanita pun.....kadang-kadang kurang etika gak ...”


Responden R4 pula berpendapat, faktor demografi ada hubungan dengan amalan etika tetapi arah yang pelbagai. Ketiga-tiga faktor demografi tersebut iaitu umur, jantina dan tempoh perkhidmatan dilaporkan sebagai berhubungan dengan amalan etika akademik tetapi tidak menentu kerana umur tidak menentukan seseorang beretika dengan baik atau sebaliknya. R4 juga beranggapan faktor jantina dan tempoh perkhidmatan juga tidak menentukan seseorang mempunyai amalan etika akademik yang baik. Kenyataan R4 seperti tercatat di bawah:

R4 “..... saya lihat sangat berkait dengan amalan etika akademik. Macam tempoh perkhidmatan tu....patutnya lagi lama berkhidmat lebih baik amalan etikanya, tapi tengok la kes yang jadi tu, tak kira tua atau muda, .. Faktor umur pun lebih kurang sama, tak kira tua muda jugak. Jantina ni pun sama..... cuma yang libatkan lelaki mungkin lebih ramai ‘compare’ dengan perempuan. Sebab tu susah nak cakap, kena buat soal selidik atau kajian ler....”

#### **4.7 Rumusan Dapatan Kajian**

Berdasarkan kepada analisa terhadap data yang dikutip dari responden kajian, pengkaji mendapati hanya dua situasi di mana terdapatnya perbezaan dan hubungan yang signifikan. Pertama terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional dengan tempoh perkhidmatan. Kedua terdapat hubungan yang signifikan di antara nilai

profesional dengan amalan etika akademik. Namun begitu, data kualitatif kajian menunjukkan keputusan berbeza di mana tempoh perkhidmatan tidak berbeza secara signifikan dengan amalan etika akademik dan tiada hubungan yang signifikan antara nilai profesional dan amalan etika akademik. Keadaan sedemikian berlaku disebabkan responden yang menjawab soalan kualitatif mempunyai persepsi yang positif terhadap kepentingan penaakulan moral, nilai profesional dan membuat keputusan dalam menentukan amalan etika akademik tetapi dalam situasi dan keadaan sebenar perkara tersebut (persepsi) tidak diamalkan sepenuhnya. Ini bermaksud, pemahaman teori mereka tidak dapat diterjemahkan dalam amalan sehari-hari. Oleh yang demikian, dapatan kuantitatif didapati tidak selari dengan dapatan kualitatif. Justeru, berdasarkan dapatan kajian di atas, pengkaji mencadangkan Rajah 4.1 di bawah sebagai menggambarkan hubungan yang tersebut:



*Rajah 4.1 Rumusan Dapatan Kajian*

#### **4.8 Kesimpulan**

Secara umumnya, Bab 4 ini telah membincangkan perkara-perkara berhubung analisa data serta dapatan kajian. Pengkaji juga menggunakan kesempatan memaparkan hasil Ujian Normaliti dan Ujian Reliabiliti terhadap data yang telah dikumpulkan. Bab ini

juga menerangkan ciri-ciri penting berhubung responden seperti jantina, umur, tempoh bekerja, (organisasi, kesedaran dan kursus) berkaitan etika serta pelbagai kursus etika yang dihadiri oleh responden. Kesemua ciri tersebut berkait rapat dengan latar belakang etika setiap responden. Pengkaji juga menggunakan bab ini untuk menjelaskan setiap analisa terhadap data inferensi dan data kualitatif responden. Data kualitatif melibatkan empat orang responden iaitu R1, R2, R3 dan R4. Penjelasan setiap dapatan kajian akan diterangkan secara lebih terperinci dalam Bab 5 kelak.



## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini membentangkan rumusan kajian, perbincangan dapatan kajian dan seterusnya cadangan kajian selanjutnya. Merujuk kepada sorotan kajian, penyelidikan tentang penaakulan moral dalam kalangan pensyarah IPGM merupakan suatu keperluan memandangkan hubungan pembolehubah ini terhadap etika akademik adalah relavan berdasarkan kajian lampau. Tujuan kajian ini ialah menentukan hubungan antara penaakulan moral dan nilai profesional seseorang pensyarah terhadap amalan etika akademik mereka. Kajian ini juga memasukkan aspek membuat keputusan sebagai pembolehubah moderator di antara penaakulan moral dan nilai profesional dengan etika akademik. Di samping itu, kajian ini juga memasukkan aspek demografi seperti umur, jantina dan tempoh perkhidmatan sebagai ciri-ciri seseorang yang dikaji terhadap etika akademik. Sepintas lalu, motif kajian adalah mengenal pasti penaakulan moral seseorang pensyarah dengan menggunakan Teori Penaakulan Moral Kohlberg. Teori ini menekankan sifat kesejagatan dengan menjelaskan bahawa prinsip keadilan mendasari penaakulan moral individu tanpa mengira jantina.

Pengkaji telah menggariskan enam persoalan kajian bertujuan mencapai objektif kajian. Soalan pertama merupakan tahap dan status perbezaan antara ciri-ciri demografi responden terhadap penaakulan moral. Soalan kedua pula menyentuh perbezaan di antara ciri-ciri demografi responden dengan nilai profesional responden manakala soalan ketiga merupakan pertanyaan terhadap perbezaan antara ciri-ciri demografi terhadap etika akademik. Soalan keempat bertanyakan hubungan antara

nilai profesional dan penaakulan moral terhadap etika akademik. Soalan kelima pula berhubung persoalan pengaruh pemboleh ubah moderator terhadap hubungan antara penaakulan moral dan nilai profesional terhadap etika akademik. Soalan terakhir menyentuh rajah baharu hubungan diantara nilai profesional, penaakulan moral, membuat keputusan terhadap etika akademik.

Kajian ini telah dijalankan dengan penglibatan 400 responden dari pelbagai latar belakang. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada responden dan dikutip semula kemudiannya. Kaedah mengedor dan mengutip kertas soal selidik ini adalah melalui edaran terus dan ada yang menggunakan khidmat pos. Kesemua maklumat yang dikumpul adalah bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Pengkaji juga telah menjalankan sesi temubual dalam usaha untuk mendapatkan maklumat secara terus dari responden berhubung aspek-aspek yang memerlukan jawapan dari ‘hati ke hati’. Untuk maksud yang berkenaan, pengkaji telah menemubual empat orang responden tambahan mewakili IPG masing-masing. Soalan-soalan yang ditanya adalah berhubung kefahaman terhadap semua pembolehubah ( penaakulan moral, nilai profesional, membuat keputusan dan amalan etika akademik) dan juga kepastian terhadap hubungan antara pembolehubah-pembolehubah berkenaan. Temubual berjalan dalam suasana yang sangat baik di mana responden memberikan masa dan peluang yang sebaik-baiknya menjadikan sesi tersebut dapat berjalan dengan sempurna.

## **5.2 Kajian Secara Umum**

Secara umumnya kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti hubungan diantara dua pembolehubah tidak bersandar (penaakulan moral dan nilai profesional) dengan

pembolehubah bersandar (amalan etika akademik). Kajian ini juga menggunakan satu pembolehubah moderator (membuat keputusan) bagi melihat pengaruhnya ke atas hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Pengkaji juga memilih tiga ciri-ciri demografi responden seperti tempoh perkhidmatan, umur dan jantina bagi melihat perbezaannya dengan pembolehubah-pembolehubah yang digunakan. Pada akhir kajian ini, pengkaji berharap dapat melakar satu rajah baharu dalam hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah serta ciri-ciri demografi yang digunakan. Oleh yang demikian, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif untuk dicapai antaranya:

1. Mengenalpasti perbezaan yang signifikan faktor demografi (tempoh perkhidmatan, jantina dan umur) berdasarkan penaakulan moral, nilai profesional dan etika akademik
2. Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara penaakulan moral, nilai profesional terhadap etika akademik
3. Mengenalpasti pengaruh yang signifikan pembolehubah moderator membuat keputusan di antara penaakulan moral dan nilai profesional dengan etika akademik

Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian secara tinjauan dengan menggunakan kaedah '*sequential explanatory strategy*' di mana data kuantitatif dikumpul dan dianalisa malah penjelasan menggunakan data kualitatif juga akan dibuat (Creswell, 2003). Penggunaan kaedah '*sequential explanatory strategy*' melengkapkan penjelasan data kuantitatif berbantu penjelasan analisa data kualitatif. Perkataan *explanatory* sendiri membawa maksud kaedah kuantitatif digunakan secara meluas manakala kaedah kualitatif dianggapkan sebagai pelengkap kajian. Kaedah ini juga

telah dijelaskan dengan menyatakan bahawa soal selidik dan temubual berprotokol kerap digunakan dalam menjalankan kajian dengan tujuan melengkapkan maklumat (Johnson & Cristensen, 2005).

Kajian ini melibatkan 400 orang responden mewakili pensyarah yang sedang mengajar dari Institut Pendidikan Guru (IPG). IPG yang terpilih mewakili zon masing-masing (utara, tengah, timur dan selatan). Teknik persampelan adalah sampel rawak berstrata (*stratified random sampling*). Satu set soal selidik yang telah melalui proses pemurnian telah digunakan dalam kajian ini sebagai alat ukur dan sumber pengumpulan data. Analisa statistik deskriptif dan statistik inferensi digunakan bagi menganalisa semua data yang telah dikumpulkan. Analisa deskriptif melibatkan latarbelakang responden manakala analisa inferensi melibatkan pembolehubah yang digunakan. Analisa yang terlibat adalah peratusan, min, sisihan piawai, ujian T Sampel Bebas, ujian ANOVA Satu Hala, ujian Korelasi Pearson dan analisa Regresi Linear Berganda. Data juga dikutip melalui temubual bersama responden bagi menyelami dengan lebih mendalam tentang hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan. Pengkaji seterusnya melakar satu rajah baharu hubungan di antara pembolehubah setelah selesai analisa data dijalankan.

### **5.3 Perbincangan Dapatan Kajian**

Kajian ini merumus dan membincangkan beberapa dapatan penting berdasarkan enam persoalan kajian yang telah digariskan. Perbincangan ini meliputi pandangan peserta kajian terhadap penaakulan moral, nilai profesional, membuat keputusan dan etika akademik. Perbincangan juga meliputi pendapat responden terhadap hubungan yang wujud antara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan. Semua pandangan dan

pendapat tersebut dikumpulkan melalui set soal selidik yang diedarkan serta sesi temubual bersama responden.

### **5.3.1 Etika akademik berdasarkan tempoh perkhidmatan**

Analisa terhadap data yang dikutip mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan tempoh perkhidmatan terhadap etika akademik ( $F(4, 395)=1.45$ ). Tempoh perkhidmatan yang pendek tidak menunjukkan perbezaan yang bermakna berbanding tempoh perkhidmatan yang lebih panjang terhadap amalan etika akademik. Namun, kajian-kajian yang dijalankan oleh beberapa orang sarjana mendapati tempoh perkhidmatan berbanding etika menunjukkan keputusan yang pelbagai. Kajian yang telah dijalankan mendapati pekerja dengan status tetap kurang amalan etikanya berbanding pekerja sementara(Tang & Tzeng, 1992). Keputusan kajian yang berbeza di mana lebih lama seseorang itu bekerja maka etika kerja yang ditunjukkannya adalah lebih baik (Mahmood, et al., 1997).

Kedua-dua kajian tersebut menunjukkan perbezaan dapatan berkemungkinan disebabkan oleh responden kajian yang berlainan, lokaliti dan suasana tempat kerja yang berbeza. Pekerja yang memegang status kekal merasakan mereka telah berada dalam zon yang selesa, lantaran itu mereka beranggapan akan terus kekal dalam perkhidmatan walaupun berlaku pelanggaran dalam etika perkhidmatan. Sebaliknya mereka yang berstatus sementara berhadapan dengan tindakan buang kerja atau tindakan disiplin maka golongan pekerja ini merasakan amat perlu untuk sentiasa mematuhi peraturan agar tindakan tersebut tidak dikenakan ke atas mereka. Perbezaan dapatan tersebut juga mungkin disebabkan oleh faktor manusia di mana pekerja lama dan kekal telah mengenali setiap kakitangan yang berkhidmat di sana, oleh yang

demikian pelanggaran etika dapat diterima atas dasar kawan rapat dan hubungan (Siti Mariam Samat, 2002).

Dapatan dari data kualitatif menunjukkan bahawa pendapat responden kelihatan bercampur-campur. Responden yang ditemu bual menyatakan bahawa semakin lama seseorang bertugas sudah tentu mereka semakin beretika namun terdapat pandangan yang menyatakan jangka masa bertugas tidak semestinya menjadikan seseorang lebih beretika. Pandangan yang dikutip semasa temu bual dijalankan tempoh hari membayangkan perbezaan pendapat di antara mereka. Kenyataan daripada keempat-empat orang responden yang memberikan pendapatnya merujuk petikan di bawah:

R1 “.... bagi saya semakin lama seseorang berkhidmat maka dia sangat berpengalaman dalam profesi ini. Dah tentu.....etika akademiknya lebih baik.....tapi kadangkala tak juga baik.....”

R2 “....pada kes-kes yang libatkan mereka pada umur sangat veteran dan pengalaman kerja yang sangat lama (dalam perkhidmatan) berlaku juga pelanggaran etika ..”

R3“...etika akademik adalah asam garam kehidupan seorang pensyarah dan pelanggaran etika merupakan suatu kesalahan melanggar peraturan..... Mereka yang kompeten sahaja mampu untuk mengaplikasikan amalan etika akademi ”

R4 “...Etika ni....tak bergantung kepada lama bekerja. Tengok orang, mula-mula elok beretika, lepas tu langsung tak boleh pakai. Ada jugak sebaliknya....”

Kajian yang dijalankan selanjutnya mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara tempoh perkhidmatan terhadap etika akademik(Syed Arabi Idid & Mohamed Fadel Arandas, 2016). Mereka mendapati responden yang berkhidmat dalam tempoh masa yang lebih lama menunjukkan etika akademik yang lebih baik. Ini bertepatan

dengan teori moral di mana mereka yang telah melalui satu sesi pembelajaran, pengalaman dan bimbingan yang lebih lama semestinya menunjukkan etika yang lebih mantap.

Walau bagaimana pun pengkaji mendapati keputusan kajian ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap etika akademik berdasarkan tempoh bekerja seseorang. Keputusan tersebut secara tidak langsung menerima bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tempoh perkhidmatan terhadap etika akademik. Dapatkan ini tidak menepati teori yang dirujuk berkemungkinan responden masih dipengaruhi oleh faktor-faktor luar yang perlu di kenalpasti supaya situasi yang berlaku dapat diberikan jawapan yang sesuai dan sebaiknya.

Merujuk kepada R1, beliau mengatakan bahawa manusia ini bukan robot, manusia boleh berubah kepada lebih baik atau sebaliknya. Manusia juga perlu menguruskan emosi yang selalu di ganggu oleh persekitaran yang mencabar. Beban kerja yang lebih juga mengganggu emosi kerana perlu menghabiskan kerja sehingga ke tengah malam dan esok bekerja. Bercakap dari sudut agama, keimanan seseorang juga boleh menjadi sangat tinggi atau sangat rendah. Kadangkala lebih baik dari malaikat tetapi menjadi lebih buruk dari binatang. Disebabkan semua ini, seseorang boleh bertukar kepada melakukan sesuatu yang melanggari atau mencabuli amalan etika akademik di mana mereka bekerja, tidak tertakluk kepada tempoh mereka bekerja.

### **5.3.2 Etika akademik berdasarkan jantina**

Hasil analisa data mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina seseorang terhadap etika akademik ( $t=0.69$ ). Kajian ini mendapati pensyarah

lelaki tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap etika akademik berbanding pensyarah perempuan. Hasil Ujian-T sampel bebas tersebut mendapati bahawa responden lelaki dan perempuan melakukan amalan etika yang sama biarpun jantina yang berbeza.

Kajian ke atas pelajar universiti awam di Malaysia mendapati pelajar perempuan menunjukkan tingkah laku beretika yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki walaupun dituntut oleh pensyarah supaya berkelakuan baik. Kajian juga menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih rela melaporkan salah laku etika rakan mereka berbanding pelajar lelaki. Keadaan ini wujud kerana tahap etika pelajar perempuan lebih tinggi dan natijahnya mereka tidak mahu terlibat dengan konspirasi melanggar etika. Analisa data kajian pula mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan persepsi etika berhubung prinsip-prinsip kejujuran dalam pendidikan. Sebaliknya, hasil kajian ini mendapati pelajar lelaki tidak bercanggah pendapat tentang dilema etika berbanding pelajar perempuan. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati pelajar perempuan memiliki tahap etika yang lebih tinggi berbanding lelaki (Shazaitul Azreen Rodzalan & Maisarah Mohamed Saat, 2016)

Hasil kajian menunjukkan responden lelaki memiliki tahap amalan etika yang lebih tinggi berbanding responden wanita setelah ujian ke atas 104 orang pelajar sebuah sekolah tinggi di Afrika Selatan dijalankan (Stones & Philbrick, 1992). Walau bagaimanapun, dalam kajian ke atas anggota imegresen menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara lelaki atau wanita terhadap amalan etika kerja mereka(Ali, 2002). Kajian ke atas anggota Bahagian Audit Dalaman Sekolah juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara lelaki atau wanita

terhadap amalan etika kerja mereka(Zunaini Alias, 2004). Walau bagaimanapun nilai min yang menunjukkan perbezaannya amat kecil ini mungkin disebabkan kebanyakan Pemeriksa Audit Dalaman yang dipilih dalam kajian ini dilantik dari perempuan (130 orang) berbanding Juru Audit lelaki (17 orang).

Namun dapatan kajian ke atas amalan kerja menunjukkan skor amalan kerja oleh pelajar wanita adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki apabila beliau telah membuat kajian ke atas 242 pelajar universiti di Selatan Amerika(Knotts, Lopes, & Mesak, 2000). Kesimpulan beliau, pelajar wanita adalah lebih berhati-hati dan memahami kepentingan etika kerja berbanding pelajar lelaki dalam membuat keputusan. Kajian tersebut juga menunjukkan perempuan mengamalkan tahap amalan kerja beretika yang lebih baik berbanding lelaki.

Merujuk kepada temubual yang di buat terhadap responden kualitatif, ada yang mendakwa bahawa jantina membawa kepada perbezaan hubungan terhadap etika akademik manakala sebahagian yang lain mendakwa pensyarah wanita adalah lebih baik dan beretika berbanding pensyarah lelaki. Pendapat yang mengatakan wanita lebih baik adalah berdasarkan kepada sikap dan sifat mereka yang lemah lembut. Keskes yang terkadang berlaku mendapati wanita terlibat dalam pelanggaran etika dan dalam masa yang sama pensyarah lelaki pula mampu untuk menunjukkan etika yang lebih baik. Pendapat dari responden yang ditemui bual tempoh hari juga adalah pelbagai. Mereka memberikan pendapat sendiri berdasarkan kepada pengalaman, pemerhatian dan mungkin sumber-sumber dari luar organisasi. Kajian mengambil keterangan daripada R3 dan R4 merujuk kepada petikan di bawah:

R3... “Wanita pun.....kadang-kadang kurang etika gak sebab tak masuk kuliah lah, ciplak kajian la, macam-macam lagi kes depa buat, lelaki pun sama.....”

R4... ”pensyarah lelaki dan perempuan perlu beretika. Saya lihat.....pensyarah perempuan kebanyakannya lebih beretika berbanding lelaki mungkin disebabkan fitrah mereka yang tidak terlalu bebas.....”

Oleh yang demikian, kajian menerima bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi jantina terhadap etika akademik. Hal ini menggambarkan bahawa walaupun terdapat perbezaan dalam amalan etika secara zahirnya tetapi perbezaan tersebut adalah tidak bermakna dari sudut penganalisaan. Oleh itu, kajian ini menjelaskan bahawa dari sudut kuantitatif , tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina seseorang.

Berbalik kepada respon data kualitatif kajian, ada responden wanita mendakwa golongan wanita adalah lebih beretika, namun responden lain menyatakan tiada beza pada jantina terhadap amalan etika akademik ini. Kajian oleh penyelidik lain ada yang berbeza dapatan, menyokong dan menolak bahawa jantina menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap amalan etika. Dapatkan kajian yang pelbagai ini menyebabkan satu kesukaran bagi menentukan signifikan atau tidak terhadap faktor jantina tersebut.

R1 *Jantina .....bagi saya wanita mempunyai etika akademik lebih baik. Ini sebagai satu pandangan jer... sebab wanita nampak sopan sikit.*

R2 *Tak kira jantina, wajib amalkan etika akademik yang tinggi. Dua-dua jantina pun sama je.....ada etika rendah ada etika tinggi. Kadangkala jantina satu ni mengalahkan yang satu lagi.*

Namun, berbalik kepada kajian ini, pengkaji bersetuju bahawa tiada perbezaan terhadap etika berdasarkan jantina kerana kes-kes yang berlaku sekitar IPGK melibatkan pelbagai jantina. Responden kualitatif memberikan respon yang sama terhadap topik ini seperti kenyataan-kenyataan di atas. Perbezaan yang timbul di antara aspek teori dengan aspek praktikal ialah kegagalan responden untuk melaksanakan aspek amali seperti yang terdapat dalam instrumen kajian. Kedua-dua jantina responden (lelaki dan wanita) gagal untuk mengaitkan fahaman teori mereka dengan pelaksanaan etika akademik dalam bentuk amali.

### **5.3.3 Etika akademik berdasarkan umur**

Berdasarkan kepada analisa, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan etika akademik berdasarkan umur ( $F(3, 396)=.59$ ). Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap etika akademik berdasarkan umur atau kategori umur yang telah ditentukan dalam kajian ini.

Berhubung soalan ini, kajian yang telah dijalankan mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan antara umur berbanding etika akademik seseorang (Syifulradzman Shaifuddin, 2012). Hasil kajian tersebut sesuai dengan kajian oleh Mohd Hatta Sulaiman, apabila beliau juga mendapati tiada perbezaan yang jelas di antara umur dan etika(Mohd. Hatta Sulaiman, 2001). Beliau mendapati kajian ke atas responden dalam Kementerian Belia dan Sukan juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan.

Kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa pekerja yang lebih tua dan matang memiliki tahap amalan etika yang tinggi berbanding pekerja muda (Mahmood, et al.,

1997). Kajian tersebut mendapati umur memainkan peranan yang besar dalam menentukan tahap etika seseorang. Kajian lain juga menemukan keputusan yang selari apabila mendapati pengurus-pengurus yang lebih tua (berumur 40 tahun dan ke atas) lebih bersetuju dengan etika berbanding pengurus yang lebih muda(Puffer & McCarthy, 1997). Perkara ini wujud disebabkan responden yang lebih berumur dan lama berkhidmat mungkin mempunyai kesedaran yang lebih tinggi terhadap kepentingan amalan etika.

Namun begitu, kajian ini mendapati tiada perbezaan yang signifikan terhadap etika akademik berdasarkan umur responden. Ini bermakna bahawa responden yang lebih berumur mempunyai amalan etika akademik yang sama dengan mereka yang lebih muda. Keputusan ini tidak selaras dengan teori penaakulan dan perkembangan moral seseorang sebagaimana yang dinyatakan oleh Kohlberg. Umur yang lebih tua bermaksud mereka melalui tempoh pekerjaan atau berpengalaman lebih lama namun masih mempunyai amalan etika akademik yang sama dengan golongan lebih muda. Kursus-kursus, seminar dan pelbagai bentuk pengisian kelihatan gagal untuk meningkatkan amalan etika akademik mereka. Pandangan yang lain ialah kedua-dua golongan ini (tua dan muda) telah sedia memiliki amalan etika akademik yang tinggi lantaran itu, sudah pasti tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap etika akademik. Untuk mengatakan kedua-dua golongan (tua dan muda) memiliki pengetahuan etika akademik yang rendah adalah tidak sesuai kerana mereka telah melalui satu sesi latihan yang formal dan panjang.

Ditinjau dari pendapat responden melalui temual terhadap R1 dan R4, mereka berpendapat demikian:

R1 “.....Seorang yang telah dewasa, dah tentu.....etika akademiknya lebih baik.....tapi kadangkala tak juga baik.....seseorang yang lebih berumur sepatutnya lebih beretika.....”.

R2..”Semakin lama seorang berkhidmat sepatutnya etika lagi baik.....tapi susah nak cakap looo.... Makin lama berkhidmat....sudah semestinya makin berumur.....tapi sama la macam tadi.....semua boleh jadi.

R3 ..mereka yang kompeten sahaja mampu untuk mengaplikasikan amalan etika akademi dalam kerjaya mereka. Umur ..... selalunya meletakkan yang berumur lebih beretika namun kes yang tercatat menunjukkan golongan berumur juga terlibat.

R4“..... Faktor umur pun lebih kurang sama, tak kira tua muda jugak. Kalau yang berumur terlibat tak terkecuali mereka yang lebih muda. Oleh itu, beliau merasakan semakin dewasa (umur yang tinggi) seseorang maka semakin tinggi etika akademik mereka.”

Oleh yang demikian, pengkaji kekal dengan keputusan kajian bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap etika akademik berdasarkan umur seseorang. Walaupun teori menyatakan sebaliknya, namun perbezaan ini mungkin dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain yang berada di luar kajian. Umur yang jauh berbeza semestinya melibatkan perbezaan yang ketara dari segi pengalaman, kursus yang diterima serta pemerhatian mereka. Namun, realiti yang berlaku menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan etika akademik seseorang berdasarkan umur mereka.

### **5.3.4 Penaakulan moral berdasarkan tempoh perkhidmatan**

Analisa data menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempoh perkhidmatan terhadap penaakulan moral. Berdasarkan Jadual 4.17, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan penaakulan moral responden

berdasarkan tempoh perkhidmatan ( $F(4, 395)=0.94$ ). Ini bermaksud tempoh masa seseorang berkhidmat tidak memberikan jaminan bahawa mereka akan memiliki penaakulan moral yang lebih tinggi dan tidak semestinya mereka yang berkhidmat dalam tempoh masa yang pendek mempunyai penaakulan moral rendah.

Keputusan ini menunjukkan bahawa segala bentuk kursus, seminar, perbengkelan dan sebagainya gagal di manfaatkan untuk menguasai aspek penaakulan moral yang tinggi oleh mereka yang lebih senior dalam perkhidmatan. Boleh juga diandaikan pengisian program seperti kursus-kursus, perbengkelan, seminar, forum dan seumpamanya gagal untuk diserapkan dalam diri mereka yang mengikuti kursus sehingga dapat dibezakan dengan mereka yang masih baru dalam perkhidmatan.

Amat mendukacitakan apabila terdapat kajian yang mendapati calon guru yang pada mulanya berada pada penaakulan moral berprinsip di awal tahun pengajian menunjukkan penurunan yang signifikan terhadap penaakulan moral mereka pada akhir pengajian (Lampe, 1994; Mc Neel, 1994). Bahasa yang mudah difahami ialah semakin lama menerima pendidikan semakin menurun penaakulan moral mereka. Merujuk kepada respon yang diberikan oleh responden kualitatif, pelbagai pandangan dan pendapat diberikan antaranya:

R1 “...Penaakulan moral..... yang tinggi mampu untuk membimbing seseorang untuk berkelakuan baik serta memiliki disiplin diri yang hebat. Penaakulan moral juga boleh meningkat melalui pengalaman seseorang dan tempoh mereka bekerja.”

R2 “ ....penaakulan moral seseorang meningkat selari dengan pertambahan umur (tempoh khidmat) mereka. Oleh yang demikian..... penaakulan moral boleh dikatakan sebagai pencetus amalan dan tindakan bermoral oleh seseorang”

R3 "...begitu juga dengan tempoh seseorang berkhidmat.....lagi lama sepatutnya lebih tinggi penaakulan moral mereka. Ini kerana lebih banyak kursus/seminar/forum yang mereka hadiri, menyebabkan mereka lebih memahami tuntutan sebagai seorang pensyarah"

R4 ".....tempoh seseorang bekerja menyumbang kepada penaakulan moral yang baik ...umur dan tempoh berkhidmat adalah suatu yang selari. Sudah tentu masa yang lama dalam profesi mengajar mereka untuk menyesuaikan diri dengan segala perubahan yang berlaku dalam persekitaran mereka"

Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat, dari pengalaman empat orang responden kualitatif di atas, mereka bersetuju pada asas dan sepatutnya penaakulan seseorang bertambah atau meningkat ke arah yang lebih baik setanding tempoh perkhidmatan mereka. Semakin lama seseorang bekerja, sudah tentu penaakulan mereka bertambah baik. Tempoh bekerja yang panjang juga membekalkan mereka dengan ilmu dan pengalaman yang cukup untuk menaakul dengan hebat.

Namun disebalik kenyataan tersebut, responden juga tampil dengan kenyataan bahawa mereka yang telah lama bekerja juga gagal untuk menaakul dengan baik yang menyumbang kepada perlakuan yang tidak menepati norma profesion. Mereka yang telah lama bekerja kadang kala memberikan idea, cadangan dan ulasan yang berbeza terhadap sesuatu isu dan keadaan ini mungkin disebabkan oleh faktor semulajadi dan genetik atau boleh juga di sebabkan masalah kehidupan yang dihadapi oleh responden. Oleh itu, pengkaji bersetuju dengan dapatan kajian bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap penaakulan moral berdasarkan tempoh perkhidmatan seseorang. (Lampe, 1994) menegaskan bahawa tidak terdapat perbezaan pada skor penaakulan moral seseorang semasa menjalankan kajian longitudinal selama empat tahun terhadap mereka yang mengambil jurusan akaun.

Kajian tersebut menunjukkan bahawa, tempoh perkhidmatan selama empat tahun tidak merubah skor penaakulan moral seseorang. Beliau menegaskan keadaan ini berlaku berkemungkinan disebabkan orientasi pengajian tersebut yang menekankan kepada peraturan penggunaan kod tertentu.

### **5.3.5 Penaakulan moral berdasarkan jantina**

Hasil analisa mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina terhadap penaakulan moral. Kajian ini mendapati pensyarah lelaki tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap penaakulan moral berbanding pensyarah perempuan. Hasil Ujian-T sampel bebas tersebut mendapati bahawa responden lelaki dan perempuan memiliki penaakulan moral yang sama biarpun jantina yang berbeza.

Kajian yang telah dijalankan menilai perbezaan dalam kalangan responden berdasarkan jantina , umur dan kelas akademik merujuk kepada penaakulan moral mereka(Cummings, et al., 2001). Ujian-T sampel bebas yang dilakukan bagi membanding P-skor responden lelaki (33.65) dan perempuan (37.99) mendapati tidak wujud perbezaan yang bermakna berdasarkan kepada jantina responden. Ini bermaksud, responden lelaki atau perempuan tidak berbeza penaakulan moral.

Kajian oleh Walker pula mendapati bahawa mereka dalam jantina lelaki mempunyai tahap yang lebih maju dalam pembangunan penaakulan moral berbanding kaum wanita(Walker, 1984). Manakala kajian penaakulan moral berbanding jantina pula mendapati responden lelaki menunjukkan skor yang lebih baik terhadap penaakulan moral berbanding wanita pada kedua-dua tahap umur iaitu antara 21 – 30 tahun dan 47 – 50 tahun(Haan & Kohlberg, 1976). Namun pendapat lain menyatakan perbezaan

yang wujud tersebut disebabkan oleh latar belakang pendidikan dan pekerjaan yang berbeza. Adalah di dapati responden wanita yang lebih tua tersebut terdiri dari suri rumah sepenuhnya manakala responden wanita yang lebih muda tidak dinyatakan pekerjaannya.

Dapatan kajian menjelaskan terdapat perbezaan penaakulan moral di antara responden lelaki dan wanita tetapi dari sudut pekerjaan, kedua-dua kumpulan responden tersebut bekerja dalam profesi yang berbeza(Parikh, 1980). Responden lelaki merupakan pekerja profesional persendirian manakala responden perempuan pula adalah surirumah. Kajian lain terhadap doktor yang berkhidmat serta ahli profesional dan semi profesional yang berkhidmat di universiti mendapati tiada perbezaan yang bermakna terhadap penaakulan moral berasaskan jantina(Weisbroth, 1970). Pengkaji tersebut mendapati, dengan latar belakang pekerjaan dan pendidikan yang seakan sama menunjukkan tiada perbezaan yang bermakna terhadap aspek penaakulan moral.

R1 “.... *saya berpendapat, kaum wanita memiliki penaakulan moral yang lebih tinggi dan baik. Ini pendapat saya berdasarkan pemerhatian dan pengalaman yang saya tempuh*”.

R2 “... *Penaakulan moral berdasarkan jantina bagi saya adalah sama. Kes yang berlaku.....kadang-kadang libatkan lelaki dan juga wanita. Bagi saya fair la.....untuk kedua-dua jantina. Ada juga lelaki yang cool tapi wanita tak cool dan sebaliknya*”.

R3 “..*Lelaki dan wanita ..... mampu menaakul berdasarkan pengetahuan, pengalaman yang luas dan emosi. Kadang kala jantina tidak dapat menentukan mana lebih hebat.....lelaki ke wanita.*”

R4 “...*jantina tak banyak berbeza dalam menguasai aspek penaakulan moral tetapi seorang lelaki boleh menjadi lebih baik berbanding seorang wanita bergantung kepada keupayaan mereka mengaplikasi setiap pengetahuan.*

Pandangan keempat-empat responden menyatakan bahawa jantina tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap penaakulan moral satu golongan lebih baik berbanding golongan yang satu lagi. Kes-kes yang melibatkan pelanggaran etika terjadi kepada kedua-dua golongan lelaki dan wanita. Berdasarkan kepada pemerhatian, sukar untuk menentukan sama ada wujud perbezaan yang signifikan antara lelaki dan wanita. Penglibatan kedua-dua jantina dalam pelanggaran etika berlaku di mana-mana namun melibatkan kes-kes yang pelbagai dan di dasari oleh latarbelakang permasalahan responden yang berbeza.

Permasalah yang berbeza ini disebabkan keupayaan manusia berbeza, emosi yang turun naik, persekitaran yang mencabar, keluarga, masalah kecatatan, genetik dan pelbagai lagi. Walaupun keperibadian wanita ini lebih lembut dan bersopan dari lelaki namun dalam temubual yang dijalankan, pengkaji dapat menilai bahawa kedua-dua kumpulan mempunyai sikap dan sifat mereka masing-masing. Oleh yang demikian, pengkaji menerima keputusan kajian bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan disebabkan oleh faktor-faktor yang disebutkan di atas antaranya keupayaan manusia berbeza, emosi yang turun naik, persekitaran yang mencabar, keluarga, masalah kecatatan, genetik, tiada kursus tertentu menekankan bidang kemoralan dan pelbagai.

### **5.3.6 Penaakulan moral berdasarkan umur**

Berdasarkan kepada analisa yang telah dibuat, tidak terdapat perbezaan yang signifikan penaakulan moral responden berdasarkan umur ( $F(3, 396)=.06$ ). Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penaakulan moral berdasarkan umur atau kategori umur seperti yang telah ditentukan. Satu Ujian ANOVA sehalia bagi membandingkan min P-score jarak umur (17-19 thn = 33.86; 20-25 thn = 39.39; 26-

35 thn = 32.82; 36-56 thn = 36.19), di antara kumpulan juga mendapati tidak wujudnya perbezaan yang signifikan terhadap penaakulan moral. Ini bermaksud pelbagai peringkat umur tidak semestinya menunjukkan perbezaan yang bermakna terhadap penaakulan moral. Mereka yang lebih muda boleh memiliki penaakulan moral yang sama dengan mereka yang lebih senior atau tua. Walaupun min mereka yang lebih senior tinggi berbanding junior atau mereka yang baharu dalam perkhidmatan, namun perbezaan ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap penaakulan moral.

Hasil kajian yang di buat menyatakan bahawa umur tidak memainkan peranan dalam menentukan penaakulan moral seseorang(Jas Laile Suzana Jaafar, 1999). Pengkaji ini mendapati terdapat pelbagai bentuk pelanggaran moral yang berlaku melibatkan beberapa peringkat umur. Ini memberi gambaran bahawa bermula dari peringkat umur yang paling bawah sehingga paling atas di rekodkan telah melakukan kesalahan pelanggaran akhlak. Sekiranya permasalah penaakulan moral ini tertumpu kepada golongan muda sudah tentu kes-kes yang melibatkan pelanggaran moral berlaku dalam kalangan mereka sahaja. Namun pengkaji di atas mendapati pelanggaran akhlak ini berlaku tanpa mengira usia seseorang. Ini bermakna golongan berumur juga merupakan mereka yang terlibat. Merujuk kepada responden yang ditemui bual, mereka memberikan kenyataan yang pelbagai berhubung perkara tersebut, antaranya:

R1 “..saya berpendapat penaakulan moral meningkat apabila seseorang semakin dewasa. ....terdapat juga mereka yang telah berumur dengan penaakulan moral yang tinggi lagi tu... Telibat dengan pelbagai salah laku dan kesalahan. ”

R2“..bersetuju bahawa semakin dewasa, semakin tinggi penaakulan moral seseorang. ....penaakulan moral seseorang meningkat selari dengan pertambahan umur mereka ”

R3“.....Penaakulan moral sepatutnya meningkat selari dengan usia kerana semakin lama manusia hidup pelbagai pengalaman dapat dirasai dan semua ini menyumbang kepada peningkatan penaakulan....”

R4“.....seseorang yang mempunyai penaakulan moral yang tinggi semestinya lebih tua berbanding yang lain. ”.

Menurut analisa kuantitatif, tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penaakulan moral berasaskan umur namun berdasarkan kajian lalu terhadap perkara yang sama mendapatkan keputusan yang pelbagai. Kajian terhadap 214 orang responden mendapatkan tidak wujud perbezaan yang signifikan terhadap penaakulan moral seseorang berdasarkan umur mereka(Forte, 2008). Kajian beliau terhadap aspek lain seperti persekitaran kerja, tahap pengurusan dan tahap pendidikan juga mendapatkan tiada perbezaan yang signifikan terhadap penaakulan moral seseorang. Berdasarkan kepada kenyataan responden kualitatif pula, mereka bersetuju bahawa sepatutnya lebih tinggi umur seseorang menunjukkan lebih baik penaakulan mereka.

Namun, mereka juga bersetuju pada realitinya bahawa umur tidak memainkan peranan dalam menentukan penaakulan moral seseorang. Perkara tersebut dinyatakan kerana mereka dengan umur yang telah meningkat tidak mampu menaakul dengan baik. Lantaran itu, idea dan saranan yang mereka ucapkan kadangkala tidak mewakili profesi. Oleh yang demikian, keupayaan menaakul ini tidak bergantung kepada umur seseorang tetapi berbalik kepada keupayaan individu tersebut.

Oleh yang demikian, sebagai respon kepada soalan ini, pengkaji bersetuju bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penaakulan moral berdasarkan umur mereka. Alasan pengkaji terhadap keputusan tersebut disebabkan oleh keupayaan individu tertakluk kepada perbezaan kendiri, gangguan emosi dan pengaruh luar, mungkin juga bebanan tugas (rasmi atau tidak rasmi), pengurusan kewangan dan diri, status perkahwinan serta pelbagai perkara lain.

### **5.3.7 Nilai profesional berdasarkan tempoh perkhidmatan**

Analisa data menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tempoh perkhidmatan berdasarkan nilai profesional seseorang. Berdasarkan Jadual 4.16, terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional responden berdasarkan tempoh perkhidmatan. Hasil analisa data menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tempoh perkhidmatan berdasarkan nilai profesional.

Kajian yang dijalankan telah mendapati bahawa mereka yang berpengalaman lama dalam jabatan perhubungan awam mempunyai perbezaan yang positif terhadap nilai-nilai profesional profesion tersebut(Fantahun, Demessie, Gebrekirstos, Zemene, & Yetayeh, 2014). Kajian tersebut juga mendapati terdapat perbezaan yang positif bagi tempoh perkhidmatan dan saiz jabatan terhadap nilai-nilai profesionalisme mereka. Hasil kajian juga mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan dan positif di antara umur dan tempoh bekerja seseorang terhadap nilai profesional mereka(Fantahun, et al., 2014). Adalah didapati wujud hubungan yang positif di antara nilai-nilai profesionalisme seseorang terhadap perkara-perkara yang tersebut seperti tempoh perkhidmatan, keahlian dalam organisasi, ijazah tinggi pendidikan, pengesahan khas dan perkhidmatan sebagai pegawai dalam organisasi(Wynd, 2003).

Pengalaman dan pengetahuan para saintis membantu mereka untuk membangunkan objektif, topik dan matlamat berhubung nilai profesional dalam bidang serta disiplin kerja mereka masing-masing(Macpherson, 2012). Mereka dengan pengalaman yang banyak, tahap pendidikan lebih tinggi dan mereka yang lebih berumur mempunyai persepsi yang lebih besar terhadap nilai-nilai profesionalisme profesion mereka(Martin, Meyer, Jones, Nelson, & Ting, 2010).

R1..... "saya beranggapan nilai profesional adalah berkembang berdasarkan tempoh khidmat seorang pensyarah. .... "

R2 "...Nilai profesional ada pada setiap orang dan berbeza mengikut individu dan tempoh bekerja....."

R3 "... namun terdapat kes melibatkan golongan veteran yang tidak mengamalkan nilai-nilai profesional ini. Sehubungan dengan tempoh perkhidmatan, umur juga sangat relevan dengan nilai profesional. ....sepatutnya"

R4 "...bagi saya, nilai terletak pada individu tersebut ..... ada yang buat kes masa dah nak pencer ..... ada baharu masuk kerja dah kena tindakan disiplin....."

Merujuk kepada dapatan kajian terdahulu, wujud perbezaan yang positif di antara tempoh perkhidmatan dengan nilai profesional. Pensyarah sendiri mengajarkan amalan nilai profesional dalam kalangan pelajar guru dan menekankan kebaikan amalan tersebut. Namun begitu, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan signifikan di antara tempoh perkhidmatan terhadap nilai profesional. Pengkaji beranggapan bahawa nilai yang ada dalam diri responden sentiasa berkembang setelah melalui pelbagai latihan dan kursus tertentu.

Tempoh perkhidmatan bertambah setiap tahun lantaran turut menambah nilai yang sedia ada dalam diri. Berbeza dengan pandangan analisa kualitatif, tempoh perkhidmatan tidak dapat menentukan nilai profesional responden kajian. Keputusan

ini berlaku disebabkan oleh faktor-faktor di luar kajian antaranya kepelbagaian latar belakang responden (agama, bangsa, bidang pendidikan, taraf perkahwinan dan lain-lain), '*mid career crisis*', kebolehan manusia untuk berubah kepada baik atau tidak serta pelbagai kemungkinan lain.

### **5.3.8 Nilai profesional berdasarkan jantina**


Hasil analisa mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan jantina seseorang berdasarkan nilai profesional. Kajian ini mendapati pensyarah lelaki tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap nilai profesional mereka berbanding pensyarah perempuan. Hasil Ujian-T sampel bebas tersebut mendapati bahawa responden lelaki dan perempuan memiliki atau mengamalkan nilai profesional yang sama biarpun berbeza jantina.

Sehubungan itu, kajian yang dijalankan mendapati tiada perbezaan yang signifikan jantina terhadap pengajaran efektif (perkembangan guru, refleksi, analisis, perkembangan diri dan penyemaian sifat positif seperti perpaduan, kerjasama dan saling menghormati antara satu sama lain) dalam kalangan tenaga pengajar di institusi pendidikan terpilih(Kuan, 2013). Namun begitu, kajian yang dijalankan terhadap guru berhubung jantina dengan kualiti etika (tanggungjawab, semangat kekitaan, bimbingan kendiri serta budi pekerti seperti kejujuran dan integriti) menunjukkan perbezaan yang signifikan. Ini bermaksud, guru lelaki dan perempuan (jantina) menunjukkan perbezaan signifikan terhadap kualiti etika.

Hasil kajian di atas juga mendapati hampir kesemua responden khususnya responden perempuan amat bersetuju dengan tafsiran guru yang berkualiti iaitu mereka yang

mengamalkan peribadi yang positif. Peribadi yang positif boleh diterjemahkan dengan sifat rajin, cekap, penyayang, sabar, adil, berdisiplin, bertanggungjawab, bekerjasama, menghormati, berkomunikasi dan mempunyai semangat berpasukan. Disamping itu, responden lelaki pula menganggap persekitaran bekerja yang baik, kepercayaan dan motivasi diri adalah merupakan faktor-faktor yang penting untuk menjadi guru yang berkualiti (Kuan, 2013).

Hasil kajian jantina dan nilai profesional mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara jantina seseorang terhadap nilai profesional(Zakaria Kasa & Abdul Rahman Md. Aroff, 1997). Kajian yang dibuat terhadap tenaga pendidikan yang dikeluarkan oleh sebuah universiti tempatan seramai 430 orang tanpa mengira jantina, bangsa dan agama. Kajian-kajian oleh beberapa pengkaji turut mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara jantina terhadap nilai-nilai profesional seseorang(Kanhier & Unruh, 1989; Vodanovich & Kramer, 1989).



Namun begitu, beberapa kajian yang dijalankan oleh beberapa pengkaji mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan di antara jantina responden terhadap nilai profesional(Kraska, 1991; Skaggs, 1987). Mereka mendapati bahawa jantina memberikan perbezaan yang signifikan terhadap nilai profesional seseorang. Merujuk kepada pernyataan responden kualitatif, mereka memberikan pendapat yang pelbagai berdasarkan pemerhatian dan pengalaman masing-masing antaranya:

*R1”..Saya beranggapan nilai profesional lebih sinonim dengan kaum wanita kerana kepribadian mereka yang lebih sopan dan beradab...”*

R2”... *Bagi saya pensyarah wanita dan lelaki mempunyai nilai yang baik cuma isolated case..... kadang-kadang kedua-dua pun terlibat..... ”*

R3 “....*Lelaki dan perempuan dari latar belakang yang sama perlu memiliki set nilai profesional yang sama*”

R4 “... *Manusia boleh menghidu peluang, ada peluang mereka sambar, ikut ‘law’ ke tak ikut ‘law’ ke terpulang, janji dapat. Maka terjadilah kes dadah, rasuah, pecah tender dan pecah amanah. Nilai profesional ni tak kira jantina.. ”*

Berdasarkan kenyataan di atas, responden akur dengan kepentingan nilai profesional kepada jantina lelaki dan wanita. Nilai profesional ini amat perlu kerana pensyarah sentiasa berada di barisan hadapan bersama pelajar. Namun begitu, kegagalan kaum lelaki dan wanita menunjukkan nilai yang baik menggambarkan manusia ini gagal juga untuk menaakul dengan baik. Mereka yang boleh menghidu peluang dan beranggapan peluang mesti direbut dan tanpa mengira halal atau haram lagi mereka turut melibatkan diri. Sebahagian berpendapat, responden yang terbabit berkemungkinan mengalami masalah kecacatan pada otak yang menyebabkan mereka gagal untuk mengendalikan tanggung jawab dengan baik dan melaksanakan amalan nilai profesional. Kesan (*Mid Career Crisis*) juga mungkin menyebabkan kedua-dua jantina tidak signifikan dalam amalan nilai mereka.

*Mid Career Crisis* adalah satu fenomena di mana, seseorang penjawat menyedari mereka berada dalam profesi yang salah sesudah berkhidmat sekian lama. Situasi ini banyak berlaku dalam kalangan pegawai eksekutif syarikat namun tidak mustahil berlaku dalam kalangan pensyarah sendiri. Contoh lain yang boleh dijadikan panduan ialah bilangan calon guru lepasan ijazah dari pelbagai bidang atau yang telah bekerja, mendaftar untuk menjadi guru atau menukar profesi. Oleh yang demikian, pengkaji

bersetuju dan mendapati faktor jantina tidak memainkan peranan yang penting dalam menentukan nilai profesional seseorang disebabkan oleh faktor-faktor yang dinyatakan oleh pernyataan di atas antaranya, kepelbagaiannya latar belakang, kecacatan pada akal, kegagalan mengesan kelemahan pada status permulaan profesi, cabaran persekitaran, keupayaan manusia untuk berubah serta pelbagai faktor lain.

### **5.3.9 Nilai profesional berdasarkan umur**

Berdasarkan kepada dapatan kajian, tidak terdapat perbezaan yang signifikan min skor nilai profesional responden berdasarkan umur ( $F(3, 396)=.15$ ). Tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional berdasarkan umur atau kategori umur yang telah ditentukan dalam kajian ini. Hasil analisa data menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan umur responden terhadap nilai profesional.

dalam kajian mereka mendapati terdapat perbezaan yang signifikan diantara umur seseorang terhadap nilai profesional(Zakaria Kasa & Abdul Rahman Md. Aroff, 1997). Kajian tersebut telah dijalankan terhadap tenaga pengajar yang sedang mengajar di sekolah-sekolah. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa dalam kalangan pendidik yang berbeza umur, nilai profesional yang diukur juga berbeza. Kajian tersebut mendapati, nilai yang ada pada pendidik yang lebih muda adalah lebih baik berbanding dengan mereka yang lebih berumur.

Perkara ini mungkin terjadi disebabkan pendidik yang lebih muda perlu menunjukkan prestasi kerja serta komitmen terhadap profesi supaya terus kekal berada dalam profesi manakala mereka yang lebih berumur mungkin telah memiliki semua yang diperlukan oleh profesi masing-masing. Lantaran itu, golongan yang lebih berumur

merasa tidak perlu komited dengan nilai-nilai ini kerana prestasi mereka telah terserlah di awal fasa mereka menceburi profesion tersebut. Merujuk kepada pernyataan responden kualitatif kajian, mereka bersetuju bahawa nilai profesional dalam kalangan pensyarah adalah penting, bukan hanya kepada diri sendiri malah dalam profesion, antaranya,

R1 “..... *Tidak hanya kepada pensyarah tetapi penting kepada semua supaya setiap perlakuan terkawal dan mengikut norma masyarakat. Nilai profesional berubah mengikut umur seseorang...*”

R2.... "*Umur pun kes sama jugak. Tadi ada kata masa berkhidmat..... pun sama juga, lagi sebulan dua nak pencen buat hal....ending kena penjara dan terus tak dapat merasa pencen.....*"

R3”...*Sehubungan dengan tempoh perkhidmatan, umur juga sangat relevan dengan nilai profesional. Semakin berumur.....makin tinggi amalan nilai profesional mereka.....sepatutnya”.*

R4 ”.. *Kita dapat tengok, penghuni penjara ramai dari kalangan yang dah berumur dan tua, tapi Sekolah Tunas Bakti dan Henry Gurney kesemuanya golongan muda dan kanak-kanak. Bagi saya..... nilai profesional terletak pada individu tersebut dan tak kira umur, ”*

Berhubung nilai profesional terhadap umur responden, secara umum pengkaji melihat bahawa umur tidak memastikan seseorang untuk memiliki nilai profesional yang lebih baik walaupun dari sudut rasionalnya semakin meningkat umur seseorang semakin tinggi nilai profesional mereka. Kajian ini menjelaskan, dalam kalangan responden, umur tidak menjanjikan nilai profesional yang seiring kerana merujuk pendapat R1, tidak kira tua atau muda terlibat melanggar nilai kemasyarakatan dan menurut R1 pula responden telah merancang suatu matlamat di masa hadapan, namun jikalau gagal mencapai matlamat tersebut maka mereka akan mencuba pelbagai cara

bagi merealisasikannya. Pada masa itu tidak kira umur, tidak kira nilai, tidak kira etika dan yang mana dapat membantu mencapai matlamat itulah yang diamalkan.

Pelajar Sekolah Henry Gurney masih mentah tetapi bagaimana mereka yang didakwa dan didapati bersalah ketika berumur 50, 60 atau 70 tahun. Oleh yang demikian, pengkaji menyokong dapatan kajian ini yang mendapati tiada hubungan yang signifikan terhadap nilai profesional berdasarkan umur seseorang kerana manusia mempunyai keupayaan untuk berubah, mencapai matlamat, nafsu, kesempitan hidup, cabaran hidup yang sangat rumit, latar belakang keluarga serta pelbagai faktor lain.

### **5.3.10 Penaakulan moral dengan etika akademik.**

Jadual 4.19 seperti yang di atas menunjukkan dapatan terhadap hubungan di antara penaakulan moral dengan amalan etika akademik. Analisa korelasi mendapati tiada hubungan yang signifikan ( $r = .00$ ) di antara penaakulan moral dan etika akademik. Ini bermakna penaakulan moral tidak mempunyai kaitan dengan amalan etika akademik. Kajian ini menjelaskan bahawa penaakulan moral seseorang tidak dapat menggambarkan amalan etika akademik mereka.

Pengkaji lain dalam bidang yang sama pula mendapati penaakulan moral seseorang adalah signifikan dengan perilaku prososial (Malinowski & Smith, 1985). Signifikan dengan tingkah laku membantu (Kohlberg & Candee, 1984). Juga signifikan terhadap tingkah laku buruk dalam institusi (Bay, 2001). Di dalam laporannya Blasi menyatakan sebanyak 57 kajian mendapati terdapat hubungan signifikan antara penaakulan moral terhadap perilaku bermoral (beretika) walaupun kekuatan hubungan hanyalah 0.30 peratus(Blasi, 1980).

Dalam kajian yang dijalankan berhubung penaakulan moral mendapati hubungan yang lemah tetapi signifikan di antara penaakulan moral pelajar pendidikan terhadap kecenderungan melakukan salah laku akademik atau tingkah laku yang tidak beretika(Cummings, et al., 2001). Kumpulan pelajar pendidikan yang terkenal dengan penaakulan moral yang tinggi sepatutnya kurang terlibat dengan perlakuan yang tidak beretika berbanding pelajar lain dengan penaakulan moral yang rendah. Keupayaan menguasai penaakulan moral yang tinggi merupakan kelebihan buat seseorang. Bagi profesion pendidikan, bukan sahaja pihak pendidik perlu terlibat dalam meningkatkan penaakulan moral mereka tetapi perlu berupaya menukar penaakulan moral tersebut kepada tingkah laku yang juga beretika.

Penaakulan moral adalah lebih relevan terhadap kemampuan seseorang membentuk satu keputusan yang di dasarkan kepada kemampuan kognitif mereka. Kupasan ini bermaksud, pensyarah atau sesiapa sahaja hendaklah menguasai kemampuan penaakulan moral dengan tujuan mengamalkan disiplin moral yang bertepatan dengan keputusan moral yang dibuat (Baxter & Rarick, 1987). Berdasarkan kepada temu bual yang dijalankan ke atas responden data kualitatif, mereka menyatakan pendapat bahawa:

R1 “.... Penaakulan yang baik menyumbang etika baik. Sebagai pengamal agama, saya beranggapan faktor agama juga mainkan peranan kerana fahaman agama yang menyimpang juga menyebabkan amalan etika seseorang berubah.”

R3 “... kita balik kepada faktor manusia. contoh anggota tentera...walaupun telah terlatih tetapi tetap ada yang lari apabila berhadapan musuh(etika). Ini bermakna, penaakulan yang baik tak semestinya etika juga baik”.

R4 “...Penaakulan tak sentiasa positif dengan etika. Maka terjadilah kes dadah, rasuah, pecah tender dan pecah amanah.

*Pensyarah yang mengalami kecacatan dalam otak juga menyumbang kepada pelanggaran amalan etika”*

Berdasarkan kepada dapatan analisa kuantitatif, kajian mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan penaakulan moral dengan amalan etika akademik. Hasil kajian ini adalah bertentangan dengan teori kemoralan seperti yang dikemukakan tetapi merujuk kepada responden kualitatif kajian ini, mereka memberikan reaksi yang berbeza-beza. Tercatat juga pandangan-pandangan yang tidak pasti terhadap hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang terlibat. Namun begitu pengkaji tidak menolak kebenaran yang di nyatakan oleh teori kemoralan tersebut tetapi sedia berkongsi sebab kenapa dapatan kajian ini terjadi sedemikian.

Pengkaji yakin bahawa responden kajian ini telah dilatih sebaiknya untuk menjadi seorang pensyarah (hadir kursus etika, organisasi ada dokumen etika profesi) namun terdapat beberapa perkara yang didakwa oleh data kualitatif terhadap dapatan kajian. Pandangan tersebut antaranya ialah pegangan terhadap agama, pengurusan emosi serta taraf perkahwinan. Punca-punca lain adalah stres, hilang kewarasan, kemurungan akibat bebanan kerja, latar belakang manusia yang berbeza, mengabaikan kebenaran, dadah, kewangan dan ‘*Mid Career Crisis*’. ‘*Mid Career Crisis*’ adalah situasi di mana, seseorang pekerja menyedari profesion yang mereka pilih adalah salah dan tidak tepat dengan jiwa dan kemampuan mereka. Kesedaran ini terjadi hanya setelah mereka bekerja untuk tempoh beberapa tahun atau dipeetengahan kerjaya mereka itu.

Krisis yang berlaku adakah mereka perlu meneruskan kerja atau berhenti kerja dan mendapatkan pekerjaan yang lain. Sekiranya mereka mengambil keputusan untuk

terus bekerja, maka tahap mereka bekerja tidak mencapai target yang diharapkan. (Syed Arabi Idid & Mohamed Fadel Arandas, 2016). Melalui satu kajian mendapati hubungan positif yang signifikan di antara nilai profesional dengan profesionalisme dan kod etika. Kajian literatur mencatatkan bahawa kod etika dan profesionalisme merupakan penengah kepada nilai profesional. Berdasarkan kepada semua sebab yang dinyatakan tersebut, maka pengkaji bersetuju bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penaakulan moral dengan etika akademik.

### **5.3.11 Nilai profesional dengan etika akademik**

Setelah analisis korelasi dibuat, dapatkan menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan ( $r = 0.12$ ) nilai profesional dan etika akademik. Ini bermakna min skor nilai profesional mempunyai kaitan dengan min skor amalan etika akademik. Hubungan positif boleh dimaksudkan dengan semakin tinggi min skor nilai profesional maka semakin tinggi pula min skor amalan etika akademik. Keputusan ini membawa implikasi bahawa seseorang yang mempunyai amalan dan kefahaman nilai profesional yang tinggi juga cenderung mempunyai amalan etika akademik yang tinggi. Kajian ini menjelaskan bahawa nilai profesional seseorang boleh menjangkakan amalan etika akademik mereka. Rujuk Jadual 4.19 di atas. Berdasarkan kepada temu bual yang dijalankan ke atas responden data kualitatif, mereka menyatakan pendapat bahawa:

R1 “....Jika macam tu....saya anggap sifat(nilai) dalam diri seseorang boleh berubah. Saya nak bawa contoh agama dalam kes ni...Iman seseorang boleh naik dan boleh juga turun. ”

R2 “... Tinggi nilai profesional seseorang belum tentu tinggi etikanya. Keadaanbegini boleh disebabkan stres dan mental”

R3 "... Macam contoh dadah(nilai).....walau berat mana hukuman tetapi pengedaran, menagih(etika) dan sebagainya tetap ada dan sukar dihapuskan".

R4 "...Manusia boleh menghidu peluang, ada peluang mereka sambar, ikut 'law' ke tak ikut 'law' ke terpulang(nilai), janji dapat. Maka terjadilah kes dadah, rasuah, pecah tender dan pecah amanah (etika)"

Dapatan kajian kuantitatif menunjukkan hubungan yang signifikan nilai profesional dengan etika akademik. Hasil analisa ini adalah bertepatan dengan teori di mana semakin tinggi nilai profesional seseorang maka semakin baik pula amalan etika akademik yang ditunjukkan. Sebagai pensyarah, latihan yang formal serta sistematik sedia melatih setiap individu pensyarah memiliki nilai profesional yang tinggi. Oleh yang demikian, kumpulan pensyarah telah mengguna pakai setiap nilai profesional tersebut dan diterjemahkan dengan amalan etika akademik yang baik. Berdasarkan kenyataan tersebut di atas, pengkaji menerima dapatan kajian ini sebagai terdapat hubungan yang signifikan di antara nilai profesional dengan etika akademik.

### **5.3.12 Membuat keputusan di antara penaakulan moral dan nilai profesional terhadap etika akademik**

Analisa data mendapati tidak terdapat pengaruh yang signifikan pembolehubah moderator membuat keputusan di antara penaakulan moral berdasarkan etika akademik serta tidak terdapat pengaruh yang signifikan pembolehubah moderator membuat keputusan di antara nilai profesional dengan etika akademik. Etika akademik adalah merupakan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini.

Merujuk kajian yang dijalankan bagi menentukan pengaruh jantina dan tahap pendidikan terhadap membuat keputusan beretika. Keputusan kajian mendapati tidak

terdapat perbezaan yang signifikan jantina terhadap membuat keputusan. Sebagai rumusan dari kajian tersebut mendapati tiada perbezaan yang signifikan jantina dan tahap pendidikan terhadap membuat keputusan beretika dalam situasi yang tidak selesa. Kajian terhadap pengalaman kerja dengan membuat keputusan beretika. Keputusan kajian terhadap responden yang bekerja kurang dan melebihi 10 tahun mendapati terdapatnya perbezaan yang signifikan terhadap membuat keputusan beretika. Ini bermakna mereka dengan pengalaman kerja melebihi 10 tahun kerja menunjukkan kemampuan membuat keputusan lebih beretika (Nafise, Motlagh, Md Salleh Hj Hassan, Jusang Bolong, & Mohd. Nizam Osman, 2013)

Hasil kajian yang telah dijalankan mendapati wujud hubungan yang kecil tetapi bermakna di antara penaakulan moral responden dan kecenderungan mereka untuk terlibat dalam salah laku akademik iaitu satu bentuk perlakuan yang tidak beretika(Cummings, et al., 2001). Walaupun berbentuk tentatif tetapi dapatkan ini menunjukkan hubungan yang munasabah di antara penaakulan moral terhadap tingkah laku etika mereka. Mereka dengan penaakulan moral yang tinggi kurang berminat untuk terjebak dalam melanggar etika berbanding kumpulan dengan penaakulan moral yang lebih rendah. Pengkaji yang lain pula mendapati bahawa terdapat hubungan secara statistik di antara penaakulan moral terhadap tingkah laku seseorang. Keputusan kajian tersebut menunjukkan bahawa tingkah laku responden dihubungkan oleh penaakulan moral mereka, semakin baik penaakulan moral mereka, lahirlah etika yang baik (Duckett & Ryden, 1994; Rest, 1994; Rest, et al., 1999).

Oleh itu, sebahagian mereka dengan penaakulan moral yang tinggi dilaporkan tidak terlibat dalam melakukan pelanggaran etika walaupun mereka melakukan kesalahan

tersebut dalam situasi yang tertentu. Sebaliknya, mereka dengan penaakulan moral yang lebih rendah memiliki tahap keikhlasan yang lebih baik berhubung tingkah laku mereka yang sebenarnya. Ini bermakna mereka melakukan sesuatu atau bertindak merujuk kepada situasi penaakulan moral mereka semata-mata tanpa sebarang niat untuk melakukan sesuatu perkara secara hipokrit (Cummings, et al., 2001). Pensyarah yang menunjukkan penaakulan moral yang baik didapati mematuhi amalan dan nilai etika akademik (Haines, 2007).

Suatu kajian lain juga mendapati wujudnya jurang antara perlakuan beretika dengan nilai etika akademik. Jurang bererti amalan seseorang tidak selari dengan keperibadian yang mereka miliki. Kewujudan jurang ini disebabkan penaakulan moral individu yang rendah dan penaakulan rendah ini gagal mengaplikasi secara konsisten nilai etika akademik semasa membuat keputusan dan pertimbangan (Coughlan, 2005; Lind, 2002). Pensyarah dengan penaakulan moral yang tinggi didapati berkelakuan secara lebih beretika. Faktor menentukan perlakuan beretika seseorang melibatkan penaakulan moral dengan mengambil kira prinsip-prinsip etika dalam profesi mereka (Mc Daniel, 2007).

Kajian lain pula menunjukkan bahawa responden yang memiliki penaakulan moral yang tinggi lebih cenderung untuk bertingkah laku secara bermoral. Ini bermakna mereka dapat menggunakan amalan penaakulan yang sangat baik dan tepat untuk menghasilkan satu bentuk perlakuan yang beretika. Kajian juga menunjukkan responden yang memiliki penaakulan moral tinggi, beremosi lebih matang, memimpin dengan lebih demokratik serta mempamerkan kecemerlangan dalam tugas (Mansbart, 2001).

Sebaliknya, pensyarah dengan penaakulan moral yang rendah menunjukkan kelakuan kurang bermoral dan tidak dapat ditentukan secara tepat dilema moral mereka. Apa jua pelakuan bermoral dapat dicapai seandainya unsur-unsur nilai yang baik yang sedia tersusun dalam kod etika diguna pakai semasa mengambil sebarang keputusan. Pensyarah yang berhadapan dengan dilema moral mereka yang rendah sering juga menghadapi gangguan emosi dan alah kepada tekanan (Mansbart, 2001).

Dapatkan kajian berhubung penaakulan moral mendapati, mereka dengan penaakulan moral tinggi berkelakuan atau bersikap lebih beretika(Falkenberg, 2004; Werhane, 1998). Individu yang beretika perlu mempunyai penaakulan moral yang baik untuk digunakan bagi membuat pilihan yang tepat. Penaakulan moral melibatkan proses kognitif yang digunakan oleh seseorang dalam membuat sebarang keputusan (Trevino & Youngblood, 1990). Sorotan lalu juga mendapati wujudnya hubungan positif bagi penaakulan moral tinggi berbanding perlakuan beretika (Ryan, 2001).

Kajian ke atas pekerja mendapati pekerja peringkat atasan berbeza piawaian etika dengan pekerja peringkat pertengahan(Yu Lin, 2009). Kajian mendapati pekerja kumpulan eksekutif diperingkat pertengahan kurang beretika dan skor yang tinggi ditunjukkan pada tahap konvensional. Perbezaan tahap pengurusan juga dilihat menyumbang kepada penaakulan moral yang berbeza. Perbezaan kuasa dalam pentadbiran dan pengurusan di dapati telah mempengaruhi pekerja eksekutif peringkat pertengahan untuk berkelakuan tidak etika sebagai respon kepada tekanan pekerja atasan (Hofstede & Hofstede, 2005). Hasil kedua-dua kajian menunjukkan pekerja eksekutif atasan mempunyai skor penaakulan moral tinggi dengan maksud memberi lebih fokus kepada intuitif kemanusiaan.

Merujuk kembali kepada kajian ini, responden kualitatif memberikan kenyataan yang sama dan kadang kala sedikit berbeza, lihat kenyataan di bawah,

R1....*saya agak sudah tentu aspek membuat keputusan mempengaruhi kerana pada pendapat saya, keputusan seseorang sering berubah. Mulanya seorang pensyarah yang beretika, akhirnya terlibat dengan kes-kes pelanggaran etika... ”*

R2..”*Jadi apa yang boleh tukarkan semua ni....kalau bukan pengaruh sesuatu. Kita kata membuat keputusan la. Kalau keputusan yang dibuat adalah tepat dan bersesuaian, hasil dia etika yang baik. Jadi saya anggap pengaruh ni boleh jadi berlaku dan jugak boleh tak berlaku...”*

R3 “... *saya anggap pengaruh ni wujud. Bagi saya umur memainkan peranan. Namun golongan lebih tua dan berumur, kurang melakukan kesalahan yang sama walaupun golongan ini juga memiliki telefon mudah alih. Golongan tua yang buat ada tapi mungkin .....bilangannya kecik. Jadi semakin berumur, saya berpendapat pengaruh membuat keputusan ini lebih kuat”.*

R4 ”*Kalau kita buang aspek membuat keputusan, ..... dengan penaakulan moral yang tinggi dan amalan nilai profesional yang baik, dah tentu amalananya baik. ..... Pada hal.....mereka adalah pegawai yang telah terlatih. Jadi saya anggap pengaruh ni wujud pada situasi yang tertentu, satu keadaan tertentu....ia tak wujud”.*

Merujuk kepada dapatan kajian dan berdasarkan kepada sorotan literatur, nampak sedikit bercanggah tentang keputusan akhir yang dicapai. Dapatan kajian mengatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan tetapi sebahagian sorotan literatur menyatakan terdapatnya hubungan yang signifikan. Beralih kepada ulasan yang diberikan oleh responden kualitatif kajian pula mendapati, terdapat pengaruh membuat keputusan di antara hubungan penaakulan moral dengan etika akademik serta hubungan nilai profesional dengan etika akademik. Responden yang ditemui bual memberi saranan bahawa pensyarah adalah golongan terlatih dalam banyak aspek. Mereka telah di bekalkan dengan Buku Panduan Etika Keguruan, Standard Guru

Malaysia, mengikuti kursus-kursus induksi, kursus pensyarah baharu, latihan perguruan yang panjang, mengajar untuk tempoh yang lama serta pelbagai input dari semasa ke semasa.


Oleh yang demikian, mereka mendakwa pensyarah adalah golongan yang sangat arif dan memahami erti etika dan peraturan. Lantaran itu, mereka juga berpendapat bahawa sudah tentu terdapat pengaruh membuat keputusan sehingga golongan pensyarah ini terlibat dalam melakukan pelanggaran etika akademik semasa. Sekiranya membuat keputusan tidak terlibat dalam hubungan ini maka sudah tentu hubungan di antara penaakulan moral dan nilai profesional dengan etika akademik memberikan dapatan yang berbeza.

Pengkaji akur dengan sorotan literatur serta keputusan temu bual bersama responden kajian namun pengkaji menerima dapatan kajian bahawa tiada pengaruh membuat keputusan dalam kajian ini kerana besar kemungkinan responden yang terlibat dalam kajian ini berhadapan situasi yang tidak kondusif seperti gangguan emosi, bebanan kewangan, perkembangan sistem masa kini, kurikulum yang tidak seimbang, persekitaran tempat kerja dan suasana bekerja, hubungan dengan pelajar dan pentadbiran serta pelbagai cabaran yang terus datang ke dalam dunia profesion pendidikan ini. Lantaran itu, berhadapan dengan semua ini menyebabkan pensyarah tidak mampu untuk memenuhi semua tuntutan etika akademik seperti yang telah digariskan. Mereka terus membuat keputusan di atas segala permasalahan yang mereka hadapi. Profesion perlu terus digerakkan namun di sebabkan oleh segala bentuk cabaran ini menyebabkan sebahagian tuntutan tersebut tidak dapat dilaksana dan ditunaikan. Oleh itu, pengkaji bersetuju menerima keputusan kajian ini yang

menyatakan tiada pengaruh moderator membuat keputusan dalam hubungan di antara penaakulan moral dan nilai profesional dengan amalan etika akademik.

### 5.3.13 Rumusan Dapatan

Rajah baharu yang dibina adalah berdasarkan kepada hubungan signifikan yang wujud di antara pembolehubah-pembolehubah berkenaan. Pembolehubah yang tidak mewujudkan hubungan yang signifikan tidak termasuk dalam rajah ini. Faktor demografi kajian yang tidak menunjukkan hubungan yang signifikan juga tidak terlibat dalam merangka rumusan bagi kajian ini. Pengkaji beranggapan bahawa kewujudan rajah ini dapat membantu pembaca untuk memahami dengan lebih jelas tentang dapatan kajian yang telah dijalankan. Pengkaji telah menggunakan semua maklumat yang tersebut bagi melakarkan rajah baharu rumusan tersebut (Rajah 5.1) yang menghubungkan pembolehubah yang signifikan dalam kajian ini.



*Rajah 5.1 : Rumusan dapatan*

Rumusan ini di lihat sedikit berbeza dengan model atau kerangka konseptual kajian di mana terdapat pembolehubah yang tidak di masukkan memandangkan tiada hubungan

yang signifikan wujud di antara pembolehubah tersebut dengan pembolehubah dan faktor demografi yang lain.

#### **5.4 Implikasi kajian terhadap aspek teori**

Dapatkan kajian ini menyumbang kepada sebahagian dari teori teori yang digunakan dalam kajian ini. Teori penaakulan moral, Teori dual aspek, Teori membuat keputusan, Model Empat Komponen, Model pembangunan nilai moral merupakan teori dan model yang berkaitan dengan kajian ini dan dapatan kajian menunjukkan nilai profesional yang dibentuk secara beransur-ansur dan berkembang sepanjang hayat dalam kehidupan seseorang telah menyumbang kepada amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah.

Seajar dengan itu, dapatan kajian menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan di antara nilai profesional dengan tempoh perkhidmatan. Keputusan ini selari dengan dapatan kajian yang menyatakan bahawa proses pembentukan nilai ini adalah beransur-ansur dan berkembang sepanjang hayat dalam kehidupan individu(Leners, et al., 2006). Nilai yang dipelajari boleh dicapai melalui pemerhatian atau penyampaian secara terang-terangan.

Sarjana yang mengkaji nilai menyatakan, apabila telah terbentuk, nilai adalah terdiri dari cita-cita dan kepercayaan yang memimpin tingkah laku seseorang juga merupakan asas kepada membuat keputusan dan mengambil sebarang tindakan (Chitty, 2005). Apabila seseorang perlu membuat keputusan berhubung tindakan yang perlu diambil, mereka akan merujuk kepada pengalaman yang telah mereka pelajari dan apa yang mereka percaya akan kebenarannya. Oleh itu, nilai berperanan memimpin tingkah laku dan suatu kesimpulan tingkah laku (Leners, et al., 2006).

Pembolehubah moderator (membuat keputusan) pula didapati tidak mempengaruhi hubungan di antara nilai profesional dengan etika akademik. Pengkaji suka merujuk dapatan ini dengan Model Hunt dan Vitell dalam tahun 1986 berkaitan membuat keputusan bertujuan mengenalpasti proses membuat keputusan sewaktu menghadapi dilema etika. Keterangan terhadap model akan menggunakan kaedah etika deontologikal serta teleologikal di mana individu yang berhadapan dengan dilema etika akan membuat pertimbangan etika berasaskan kepada penilaian. Berasaskan kepada pertimbangan etika tersebut, individu akan memastikan niat yang tepat dan dimoderasikan oleh kekangan situasi semasa yang boleh mencorak bentuk dan mendatangkan kesan kepada perlakuan.

Semasa membuat penilaian, akan berlaku proses pembelajaran kerana individu perlu membuat penilaian terhadap beberapa alternatif penyelesaian sebelum menyatakan maklumbalas terhadap situasi yang berlaku dan proses ini telah membentuk pengalaman individu. Pendekatan deontogikal yang digunakan adalah penilaian berdasarkan kepada betul atau salah dan penilaian ini adalah berasaskan sistem nilai dan norma perlakuan individu dalam masyarakat (Hunt & Vitell, 1986). Dapatan kajian berhubung membuat keputusan ini tidak bertepatan dengan pandangan responden semasa temubual di buat. Rata-rata menyatakan pembolehubah moderator membuat keputusan sudah tentu berperanan dalam menghasilkan etika akademik. Responden tersebut berpendapat bahawa golongan pensyarah yang telah terkenal dengan nilai serta pengetahuan terhadap norma profesi sudah tentu dipengaruhi oleh aspek membuat keputusan sehingga terdedah kepada melakukan perkara yang melanggari etika profesi mereka.

Sehubungan itu, kajian mendapati amalan etika akademik individu memerlukan elemen-elemen penaakulan moral, nilai profesional dan membuat keputusan untuk meningkatkan amalan etika kepada lebih baik. Walaupun begitu, kajian ini menunjukkan amalan etika akademik hanya dihubungkan secara signifikan oleh nilai profesional sahaja. Namun begitu kajian ini menyumbang kepada dapatan baru iaitu hubungan nilai profesional yang signifikan dengan amalan etika akademik. Disamping itu, kajian ini telah menggabungkan beberapa teori yang dirujuki walaupun sebelumnya setiap teori dan model ini kelihatan berasingan.

### **5.5 Implikasi kajian terhadap aspek praktikal**

Merujuk kepada dapatan kajian ini, nilai profesional membentuk hubungan yang signifikan dengan etika akademik manakala penaakulan moral pula menunjukkan hubungan yang tidak signifikan. Nilai profesional juga menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tempoh perkhidmatan. Tempoh perkhidmatan yang berbeza membekalkan responden dengan kapasiti pengalaman dan nilai-nilai yang pelbagai. Lantaran itu dalam pelan pendidikan yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan bagi tempoh 2013 – 2025 yang dimasyurkan sebagai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ( PPPM) telah menekankan aspek nilai yang baik-baik dalam kalangan tenaga pendidik Kementerian Pendidikan. Penekanan terhadap aspek ini dilihat sebagai satu bentuk cabaran kerana unsur tersebut kian lama kian terhakis dari warga pendidik. Menjelang akhir tahun 2025 nanti adalah diharapkan sekalian warga pendidik memiliki nilai profesional yang tinggi seterusnya menjadi pedoman kepada mereka sepanjang dan selepas melalui pelan ini.

Kejadian kes-kes yang melanggari etika seperti yang dicatatkan oleh pengkaji merupakan perkara yang sebenarnya berlaku dalam institusi pendidikan. Oleh yang demikian, menanamkan kefahaman dan pengertian nilai profesional yang baik merupakan satu jihad untuk mengekang kejadian serupa dari berulang. Oleh yang demikian tindakan kementerian menanamkan kepentingan nilai dan budaya profesional dalam diri warga pendidik serta pelajar di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia dilihat sebagai satu usaha yang tepat dan murni. Segala bentuk kursus dan seminar serta taklimat perlu dimasukkan unsur-unsur nilai dan nilai profesional agar semua yang baik ini sentiasa segar dalam minda dan amalan hidup seharian. Impak pelaksanaan transformasi bagi aspek guru adalah seperti petikan di bawah(Khadijah Abdullah, 2015):

*Guru akan meningkatkan keupayaan bertaraf dunia yang diperlukan bagi membantu mencapai keberhasilan murid yang dihasratkan, dan akan memperoleh lebih keseronokan dan kepuasan dalam menjalankan tugas mereka. Dengan pakej kerjaya guru yang baharu, mereka akan menikmati perkembangan profesional yang lebih memuaskan, laluan kerjaya yang lebih baik, dan proses penilaian yang telus dan adil serta berkait terus dengan keupayaan dan prestasi yang relevan – PPPM (2013 – 2025)*

Oleh yang demikian, pelaburan untuk meningkatkan nilai profesional pensyarah akan memberikan natijah yang baik dalam merealisasikan pensyarah cemerlang dalam setiap aspek serta mampu menunjukkan contoh teladan yang baik kepada semua. Golongan yang masih baharu dalam sistem perlu diberikan pendedahan serta kepentingan nilai profesional bagi mencapai misi serta visi kementerian dan negara.

Secara praktis, pensyarah yang bercadang untuk meningkatkan amalan etika akademik mesti memastikan mereka juga perlu meningkatkan keupayaan penaakulan

moral dan membuat keputusan. Walaupun kedua-dua elemen ini (penaakulan moral dan membuat keputusan) tidak menunjukkan hubungan terhadap amalan etika akademik dan mempengaruhi hubungan penaakulan moral dengan amalan etika akademik namun elemen tersebut adalah berkait dengan peningkatan amalan etika akademik seseorang. Oleh itu, ketiga-tiga elemen (penaakulan moral, nilai profesional dan membuat keputusan) amat perlu bagi melahirkan amalan etika akademik yang lebih baik.

## **5.6 Cadangan kajian akan datang**

Umumnya kajian ini telah berjaya dilaksanakan mengikut metodologi yang telah dipilih dan ditetapkan. Namun kajian ini tidak dapat menjawab lain-lain persoalan dan pertanyaan yang timbul dalam profesion pendidikan ini. Lantaran itu pengkaji ini berkongsi pandangan supaya kajian lain dapat terus dijalankan dalam usaha mencakupi bidang yang lebih luas serta lebih mendalam.

Populasi kajian boleh dikembangkan kepada kumpulan lain dalam Kementerian Pendidikan Malaysia kerana pihak pensyarah atau guru merupakan kumpulan pelaksana sahaja tetapi mereka yang membuat perancangan, dasar serta polisi kementerian berhubung pembangunan pendidikan di Malaysia perlu untuk sama-sama selari dan seragam dalam memenuhi misi dan visi kementerian.

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah *sequential explanatory strategy* di mana kedua-dua aspek kuantitatif dan kualitatif digabungkan semasa kutipan data di buat(Creswell, 2003). Cadangan supaya kajian berbentuk kualitatif sepenuhnya dijalankan supaya hubungan antara aspek yang hendak dikaji benar-benar

datang dari hati dan perasaan responden kajian. Berkemungkinan dapatan nanti boleh berbeza dan boleh dimanfaatkan demi pembangunan profesion ke arah lebih baik.

Nilai profesional telah dilihat berhubung dengan etika akademik secara signifikan. Kajian lanjut boleh dijalankan bagi pemurnian dan seterusnya diimplementasikan dalam kalangan pendidik. Pemurnian boleh jadi pemahaman yang lebih mendalam terhadap nilai profesional itu sendiri, tambah baik unsur dan item kepada instrumen nilai profesional dan akhirnya diserap masuk kepada ahli-ahli dalam profesi pendidikan supaya amalan etika akademik dalam kalangan mereka dapat tingkatkan.

Akhir kata, kajian yang dijalankan oleh pengkaji telah membuka ruang dan peluang serta langkah awal kepada pengkaji lain untuk membuat kajian terhadap bidang-bidang berkaitan yang belum diterokai. Bidang yang sama juga boleh dimurnikan mungkin dari perspektif yang berbeza. Apa yang lebih penting ialah setiap dapatan dan pandangan mampu untuk menjadi bahan yang boleh diamalkan untuk mencapai sesuatu yang lebih baik.

## **5.7 Kesimpulan**

Merujuk kepada dapatan kajian ini, pengkaji beranggapan bahawa pembolehubah nilai profesional merupakan peramal utama kepada amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah IPG. Pensyarah menggunakan pengetahuan dan pengalaman terhadap nilai profesional untuk menyerlahkan tingkah laku mereka dalam profesi. Keadaan ini boleh berlaku dalam dua keadaan di mana pensyarah yang dibekalkan dengan latar belakang nilai profesional yang baik akan bersetuju dan beramal dengan amalan-amalan yang baik tersebut. Natijahnya mereka mampu untuk memperlihatkan amalan etika akademik yang betul dan baik. Sebaliknya berlaku kepada mereka yang

sedia ada pengalaman dan tanggapan buruk nilai profesional maka golongan ini akan menzahirkan akhlak dan tingkah laku yang juga tidak baik. Tingkah laku yang bertentangan dengan budaya dan penerimaan masyarakat ini akan terus di amalkan sehingga pelakunya menerima nasihat dan pandangan pihak lain atau dia mampu untuk membuat keputusan yang waras bagi menangani salahlaku yang telah diamalkan sekian lama. Keadaan sebegini boleh jadi semakin baik, kekal atau semakin bertambah buruk. Rasionalnya perkara sebegini dapat diterima oleh mereka yang berfikir.

Pengkaji telah membentang dan membincangkan keseluruhan pelaksaan kajian ini serta dapatan kajian. Data yang dipungut telah dianalisa dan memberi penjelasan kepada semua objektif dan soalan-soalan kajian. Perbincangan dapatan kajian mencakupi skop kajian dan temubual responden melengkapkan analisa data yang telah dibuat. Dapatan kajian adalah seajar dengan literatur kajian dan diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu dalam perkembangan teori dan ilmu dalam bidang yang dikaji. Pengkaji juga berharap, dapatan kajian ini membantu pihak berkaitan dan berkenaan untuk dijadikan asas kepada sebarang tindakan di masa hadapan. Kajian adalah suatu yang dinamik dan pengkaji perlu sentiasa terbuka untuk terus menjalankan kajian ke atas bidang-bidang lain juga agar kajian tersebut bermanfaat buat semua.

## BIBLIOGRAFI

- Ab Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim, & Khadijah Abdul Razak. (2004). Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar *Laporan penyelidikan Fakulti Pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Aziz Yusof. (2004). *Kepemimpinan dalam Mengurus Perubahan: Dari Dimensi Kemanusiaan*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Ab.Hamid Ali, Abdullah Yusoff, Muhammad Ridzuan Idris, Abd. Aziz Zaki Razali, & Mohd Nazri Abdul Rahman. (2017). Kompetensi Guru Pelatih Di Sebuah Institut Pendidikan Guru Dalam Melaksanakan Latihan Mengajar. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(2).
- Abbot, A. (1983). Professional ethics. *American Journal of Sociology*, 88, 855-885.
- Abdolmohammadi, Mohammad, Sultan, & Jahangir. (2002). Ethical reasoning and the use of insider information in stock trading. *Journal of Business Ethics*, 1(37(2)), 165-173.
- Abdul Ghafar, & Ariffin. (2008). Kesan latihan Perguruan Ke Atas Faktor Pemilihan Guru. *Jurnal Teknologi*(48(E)), 15- 31.
- Abdul Mujib, & Jusuf Mudzakir. (2002). *Nuansa-nuansa Psikologi Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah. (2002). *Teori falsafah ilmu: Pengantar sejarah dan falsafah sains*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.
- Abdul Rahman Md. Aroff. (1999). *Pendidikan moral teori etika dan amalan moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Rahman Mohd Aroff, & Chang, L. H. (1994). *Pendidikan moral*. Petaling Jaya. Malaysia: Longman.
- Ahmad Isa, & Samira Sariyati. (2012). *Knowledge and Attitudes on the Value in Malaysian Public Training Institute*. Paper presented at the Seminar Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi 2012, Hotel Residence Uniten, Selangor
- Ainon Mohd. (2003). *Teori Dan Kepimpinan: Panduan Aplikasi di Tempat Kerja*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Ali, H. (2002). *Tahap amalan etika kerja di Jabatan Imigresen Malaysia: Satu kajian di Lembah Klang*. Master thesis, Universiti Utara Malaysia.

- Amada, G. (1994). *Coping with disruptive college student:a practical model*. Asheville,N.C: College Administration Publications.
- Amada, G., & Smith, M. C. (2015). *Coping with Misconduct in the College Classroom: A Practical Model*: Biographical Publishing Company.
- Anderson, J. N. D. (1959). *Islamic Law In The Modern*. London.
- Aristotle. (1925). *The Nicomachean ethics*. Oxford: Oxford University Press.
- Aron, A., Aron, E., Elliot, J., & Coups. (2007). *Statistics for the behavioral and Social Sciences: A Brief Course*: Pearson/Prentice Hall.
- Aroskar, M. (1995). Managed care and nursing values: A reflection. *Trends in Health Care, Law & Ethics*, 10, 83-86.
- Assadullah Shahand. (2010). *Examining Moral Judgment And Ethical Decision-Making In Information Technology Managers And Their Relationship*. Doctor of Management in Organizational Leadership, University Of Phoenix.
- Au Alan, K. M., Wong, & Danny, S. N. (2000). The impact of guanxi on the ethical decision-making process of auditors: An exploratory study on Chinese CPAs in Hong Kong. *Journal of Business Ethics*, 1(28(1)), 87-93.
- Aziah Ismail. (2007). *Perlaksanaan rancangan pembangunan universiti awam di Malaysia*. Thesis PhD, tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, & Abdul Rahim Hamdan. (2009). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: BS Print (M) Sdn Bhd.
- Bahagian Sumber Manusia KPM (2015).
- Bailey, & Kenneth, D. (1982). *Methods of Social research*. New York: Free Press.
- Bampton, R., & MacLagan, P. (2009). Does a „care orientation“ explain gender differences in ethical decision making? A critical analysis and fresh findings. *Business Ethics: A European Review*, 18(2), 179-191.
- Bancroft, P. (2003). *An investigation of moral reasoning as a predictor of ethical awareness, ethical intention and ethical orientation*. Unpublished doctoral thesis, Nova Southeastern University, USA.
- Barnett, T., Bass, K., & Brown, G. (1994). Ethical ideology and ethical judgment regarding ethical issues in business. *Journal of Business Ethics*, 13(6), 469-480.

- Barnett, T., Bass, K., Brown, G., & Hebert, F. J. (1998). Ethical ideology and the ethical judgments of marketing professionals. *Journal of Business Ethics*, 17(7), 715-723.
- Bartlett, D. (2003). Management and Business Ethics: A Critique and Integration of Ethical Decision-Making Models. *British Journal of Management*, 14, 223-235.
- Bass, K., Barnett, T., & Brown, G. (1999). Individual difference variables, ethical judgments, and ethical behavioral intentions. *Business Ethics Quarterly*, 9(2), 83-205.
- Baumgarten, E. (1982). Ethics in the academics profession: A Socratic view. *The Journal of Higher Education*(53), 282-295.
- Baxter, G. D., & Rarick, S. A. (1987). Education for the moral development of managers: Kohlberg's stages of moral development and integrative education. *Journal of Business Ethics*, 6(3), 243-248.
- Bay, D. D. (2001). The relationship of the DIT and behavior. A Replication. *Issues in Accounting Education*, 16(3), 367-380.
- Bayer, A. E., & Braxton, J. M. (1998). The normative structure of community college teaching: a marker of professionalism. *Journal of Higher Education*, 69, 187-205.
- Beauchamp, T. L., & Bowie, N. E. (2001). *Ethical theory and business* (6thed.). Upper Saddle River: Prentice Hall.
- Bennett, K. K., Behrendt, L. S., & Boothby, J. L. (2011). Instructor perceptions of plagiarism: Are we finding common ground? *Teaching of Psychology*, 38(29), 29-35.
- Beyer, B. M. (2004). Ethical standards in leadership practices. *NCPEA Education Leadership Review*, 5(2), 53-58.
- Black, D. (2011). *Moral Time*: Oxford University Press. Amazon.com MPH.
- Blasi, A. (1980). Bridging moral cognition and moral action: A critical review of the literature. *Psychological Bulletin*(88), 1-45.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. (4th ed). Boston: Allyn and Bacon.
- Boice, R. (1996). Classroom incivilities. *Research in Higher Education*. (37), 453-485.
- Bommer, M., Gratto, C., Gravander, J., & Tuttle, M. (1987). A behavioral model of ethical and unethical decision making. *Journal of Business Ethics*, 6(4), 265-280.

- Botvin, G. J. (2000). *Lifeskills Training: Promoting Health and Personal Development*. New Jersey: Princeton Health Press.
- Boylan, M. (2000). *Basic ethics*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Braxton, J. M., & Bayer, A. E. (2003). *Faculty Misconduct In Collegiate Teaching*. Baltimore, MD, USA: The John Hopkins University Press.
- Braxton, J. M., Bayer, A. E., & Finkelstein, M. J. (1992). Teaching performance norms in academia. *Research in Higher Education*(33), 553-569.
- Braxton, J. M., Eimer, M. T., & Bayer, A. E. (1996). The implication of teaching norms for the improvement of undergraduate education. *Journal of Higher Education*(67), 603-625.
- Braxton, J. M., & Hargens, L. L. (1996). Variations among academic disciplines: analytical frameworks and research. In J.C. Smart (ed.), *Higher education. handbook of theory and research*(11), 1-46.
- Buckley, M. R., Wiese, D. S., & Harvey, M. G. (1998). An investigation into the dimensions of unethical behavior. *Journal of Education for Business*, 73(5), 284-290.
- Butts, J., & Rich, K. (2005). *Nursing ethics: Across the curriculum and into practice*. Boston: Jones and Bartlett Publishers.
- Cahn, S. M. (1986). Saints and scamps: ethics in academia (1st ed). Totowa, N.J: Rowman & Littlefield.
- Callahan, D. (1982). Should there be an academic code of ethics. *Journal of Higher Education*(53), 334-335.
- Callanan, G. A., Rotenberry, P. F., Perri, D. F., & Oehlers, P. (2010). Contextual factors as moderators of the effect of employee ethical ideology on ethical decision-making. *International Journal of Management*, 27(1), 52-75.
- Catalano, R. F., Berglund, M., Ryan, J. A. M., Lonezak, H. S., & Hawkins. (1999). *Positive youth development in United States: research findings on evaluations of positive youth development programs*. Washington, D.C: U.S. Department of Health and Human Services.
- Chavez, G. A., Wiggins III, R. A., & Yolas, M. (2001). The impact of membership in the Ethics Officer Association. *Journal of Business Ethics*, 34(1), 39-56.
- Chitty, K. K. (2005). *Professional nursing concepts & challenges*. St. Louis: Elsevier Saunders.
- Christensen, S. (2008). The role of law in models of ethical behavior. *Journal of Business Ethics*, 77(4), 451-461.

- Chua Yan Piau. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan-kaedah penyelidikan, Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Churchill, L. R. (1982). The teaching ethics and moral values in teaching:some contemporary confusions. *Journal of Higher Education*, 53, 296-306.
- Clark, P. (1997). Values inhealth care professional socialization: Implications for geriatric education in interdisciplinary teamwork. *The Gerontologist*, 37, 441-451.
- Cohen, L. (2000). *Research methods in education (5th ed)*. London: Routledge Falmer.
- Colby, A., & Kohlberg, L. (1984). *Invariant sequence and internal consistency in moral judgment stages*. In W. M. Kurtines & J. L. Gewirtz, eds., *Morality, moral behavior, and moral development*. New York: John Wiley & Sons.
- Colby, A., & Kohlberg, L. (1987). *The measurement of moral judgment: Theoretical foundations and research validation (Vol.1)*. Cambridge, MA: Cambridge University Press.
- Coughlan, R. (2005). Codes, value and justification in ethical decision making process. *Journal og Business Ethics*, 59, 45-53.
- Creswell, J. W. (1997). *Qualitative inquiry and research designs: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks,CA: Sage.
- Creswell, J. W. (2003). *Research design; Qualitative, quantitative and mixed methodes approaches (2nd)*. California: Sage Publications, Inc.
- Creswell, J. W. (2008). *Research design; Qualitative, quantitative and mixed methodes approaches*. thousand oaks:CA: Sage.
- Cronbach, L. J. (1946). Response sets and test validity. Educational and psychological measurement. 6, 672-683.
- Cummings, R., Dyas, L., Maddux, C. D., & Kochman, A. (2001). Principled Moral Reasoning and Behavior of Preservice Teacher Education Students, American Educational Research Journal Spring. 38(1), 143-158.
- Curzer, H. J. (1999). *Introduction*. Belmont: Wadsworth.
- De Coninck, J. B., & Lewis, W. F. (1997). The influence of deontological and teleological considerations and ethical climate on sales managers' intentions to reward or punish sales force behavior. *Journal of Business Ethics*, 16(5), 497-506.
- De Russy, C. (2003). Professional ethics begin on the colleges campus. The Chronicle Of Higher Education.

- Desjardins, J. (2003). *An introduction to business ethics*. Boston: McGraw-Hill.
- Desplaces, D. E., Melchar, D. E., Beauvais, L. L., & Bosco, S. M. (2007). The impact of business education on Moral Judgement Competent: An empirical study. *Journal of Business Ethics*, 74(73-87).
- Dokumen Awal Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan. (2016). Kementerian Pendidikan Malaysia (Ed.)
- Downey, M., & Kelly, A. V. (1978). *Moral education theory and practice*. London: Harper Row.
- Duckett, L. J., & Ryden, M. B. (1994). *Education for ethical nursing practice*, . Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Durkheim, E. (1987). *Suicide:a study in sociology*. Glencoe,III: Free Press.
- Durkheim, E. (1995). *The elementary forms of religious life*. New York: Free Press.
- Elm, D. R., Kennedy, E. J., & Lawton, L. (2001). Determinants of moral reasoning: Sex role orientation, gender and academics factors, *Business and Society*. 40(3), 241-265.
- Engels, D. W., Wilborn, B. L., & Schnieder, L. J. (1990). *Ethics curricula for counselor preparation programs*. Alexandria: VA: American Association for Counseling and Development.
- Eow, B. H. (2000). *Persepsi terhadap keberkesanan kaedah perbincangan dalam kumpulan bagi pengajaran pendidikan moral di maktab perguruan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Falkenberg, A. W. (2004). When in Rome: Moral maturity and ethics for international economic organization. *Journal of Business Ethics*, 54, 17-32.
- Fantahun, A., Demessie, A., Gebrekirstos, K., Zemene, A., & Yetayeh, G. (2014). A cross sectional study on factors influencing professionalism in nursing among nurses in Mekelle Public Hospitals. *BMC nursing*, 13(10), 1-7.
- Feffer, M. H., & Gourevitch, V. (2000). Cognitive aspect of role taking in children. *Journal of Personality*, 28, 383-396.
- Ferrell, O. C., Fraedrick, J., & Ferrell, L. C. (2002). *Business ethics, ethical decision making and cases* (4 ed.). Boston Houghton Mifflin Company.
- Ferrell, O. C., & Gresham, L. (1985). A Contingency framework for understanding ethical decision making in marketing. *Journal of Marketing*, 49, 87-96.
- Ferrell, O. C., & Weaver, K. M. (1978). Ethical beliefs of marketing managers. *Journal of Marketing*, 42(3), 69-72.

- Forgas, J. P., & George, J. M. (2001). Affectives influences on judgement and behavior in organizations: An information processing perspectives. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*. 86, 3-34.
- Forgas, J. P., & Locke, J. (2005). Affective influences on causal inferences: The effects of mood on attributions for positive and negative interpersonal episodes. *Cognition And Emotion*. 19(7), 1071-1081.
- Forker, L. B., & Janson, R. L. (1990). Ethical practices in purchasing. *Journal Of Purchasing And Material Management*. 26(1), 19-26.
- Forsyth, D. R. (1980). A Taxonomy of Ethical Ideologies. *Journal of Personality and Psychology*. 39, 175-184.
- Forsyth, D. R. (1992). Judging Morality of Business Practices: The Influence of Personal Moral Philosophies. *Journal of Business Ethics*. 11, 461-470.
- Forsyth, D. R., & Nye, J. L. (1990). Personal moral philosophies and moral Choice. *Journal of Research in Personality*. 24, 398-414.
- Forte, A. (2008). Gender, Industries, And The Moral Reasoning Of Managers. *Journal of Diversity Management, Volume 3( 1)*.
- Fraedrich. (1993). The ethical behavior of retail managers. *Journal of Business Ethics*. 12(3), 207.
- Fraedrich, & Ferrell, O. C. (1992a). Cognitive consistency of marketing managers in ethical situations. *Academy of Marketing Science Journal*. 20(3), 245-251.
- Fraedrich, & Iyer, R. (2008). Retailers' major ethical decision making constructs. *Journal of Business Research*, 61, 834-841.
- Fraedrich, Thorne, D. M., & Ferrell, O. C. (1994). Assessing the application of cognitive moral development theory to business ethics. *Journal of Business Ethics*. 13(10), 829-838.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, E. W. (2006). *How to design and evaluate research in education*. Boston: MA:McGraw-Hill.
- Frankena, W. (1973). *Ethics*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Freidson, E. (1975). *Doctoring together: a study of professional social control*. New York: Elsevier.
- Fritzsche, D. J., & Becker, H. (1984). Linking Management Behavior to Ethical Philosophy - An Empirical Investigation. *Academy of Management Journal*, 27(1), 166-175.

- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. (2006). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. Columbus, Ohio: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Gewirtz, S., Mahony, P., Hextall, I., & Cribb, A. (2009). Changing teacher professionalism : international trends, challenges and ways forward.
- Gibbs, J. C. (2003). *Moral development relaity*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Gilligan, C. (1982). *In a different voice: Psychological theory and women's development*. Cambridge: Harvard University Press.
- Glover, S. H., Bumpus, M. A., Sharp, G. F., & Munchus, G. A. (2002). Gender differences in ethical decision making. *Women in Management Review*, 17(5/6), 217-227.
- Goode, W. (1957). Community within a community. *American Sociological Review*, 22, 194-200.
- Green, S. (1997). Influencing ethical development exposing student to the AICPA Code of Conduct. *Journal of Business Ethics*, 16(8), 777-790.
- Greenberg, J. (2002). Who stole the money, and when? Individual and situational determinants of employee theft. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*. 89(1), 985-1003.
- Grimmett, P. P., & MacKinnon, A. M. (1992). *Craft Knowledge and the Education of Teachers*. In Grant G (ed), RevResEd 18. Washington: AERA.
- Haan, N., Langer, J., & Kohlberg, L. (1976). Family pat- terns of moral reasoning. *Child Development*, 47, 1204-1206.
- Hagan, F., E., (1993). *Research Methods in Criminal Justice and Criminology (edisi 3)*. New York: Macmillan.
- Haines, R. (2007). Individual Characteristics and ethical decision-making in an IT context. *Industrial management & Data System*, 107(1), 5-20.
- Hair, F. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L., & Black, W. C. (1998). *Multivariate data analysis (5th Ed)*. Upper Saddle River,New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Handfield, R. B., & Baumer, D. L. (2006). Managing conflict of interes issues in purchasing. *Journal of Supply Chain management*, 42(3), 41-50.
- Harrington, S. J. (1997). A test of a person-issue contingent model of ethical decision making in organizations. *Journal of Business Ethics*, 16(4), 363-375.
- Harris, C. E. (1997). *Applying moral theories*. New Yorth: Wadsworth.

- Hitt, W. D. (1990). *Ethics and leadership: Putting theory into practices*. Columbus, OH: Battelle Press.
- Ho, F. N., Vitell, S. J., Barnes, J. H., & Desborde, R. (1997). Ethical correlates of role conflict and ambiguity in marketing: The mediating role of cognitive moral development. *Academy of Marketing Science Journal*, 25(2), 117-126.
- Hofstede, G., & Hofstede, G. J. (2005). *Cultures and organizations: Software of the mind* (2 ed.). New York: Mc Graw-Hill.
- Hofstede, G., Neujin, B., Ohayv, D. D., & Sanders, G. (1990). Measuring organizational culture: A qualitative and quantitative study across twenty cases. *Administrative Science Quarterly*, 35, 286-316.
- Hogan, R. (1973). Moral conduct and moral character: A psychological perspective. *Psychological Bulletin*, 79(4), 217-232.
- Hook, S. (1994). *A professor's duties: ethical issues in college teaching*. Lanham, MD: Rowman & Littlefield.
- Hope, M. W. (2008). *Moral Judgement and public school superintendents in Texas*. doctoral dissertation, A&M University, Texas.
- Hunt, & Vasquez-Perraga, A. Z. (1993). Organizational consequences, marketing ethics, and sales force supervision. *Journal of Marketing Research*, 30(1), 78-90.
- Hunt, & Vitell, S. (1986). A General theory of marketing ethics. *Journal of Macromarketing*, 6, 5-16.
- Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). (1991). *Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Iskandar, Rohaty Mohd Majzub, & Zuria Mahmud. (2009). Kecerdasan Emosi dan Komitmen Pekerjaan dalam Kalangan Pensyarah Universiti di Indonesia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 173 -186.
- Izraeli, D. (1988). Ethical beliefs and behavior among managers: A crosscultural perspective. *Journal of Business Ethics*, 7(4), 263-271.
- Jacob-Tim, S., & Hartshorne, T. S. (1998). *Ethics and law for school psychologists* (3 ed.). New York: John Wiley and Sons.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (1999). *Flexibility in the moral reasoning of Malay teenagers and their parent*. doctoral dissertation, University of Lancaster, United Kingdom.
- Johnson, B., & Cristensen, L. (2005). *Educational research: Quantitative, qualitative and mixed approaches* (2 ed.). Boston, MA: Pearson Education Inc.

- Jones. (1991). Ethical decision making by individuals in organizations: An issues contingent model. *The Academy of Management Review*, 16(2), 366-395.
- Jones, & Ryan, L. V. (1997). The link between ethical judgement and action in organization. *Organization Sciences*, 8, 663-680.
- Jones, G. E., & Kavanagh, M. J. (1996). An experimental examination of the effects of individual and situational factors on unethical behavioral intentions in the workplace. *Journal Of Business Ethics*, 15(5), 511-523.
- Jr, D. F., & Willis, W. (2013). *Contemporary philosophical and psycho-logical perspectives on moral development and education*. Creskill Hampton Press.
- Julie, P. (2013). *Spss Survival Manual*: McGraw-Hill Education (UK).
- Kanhier, C. R., & Unruh, W. R. (1989). Work Values: How Do Managers Who Change Job Differ From Those Who Do Not. *Journal of Employment Counseling*, 26(3), 107-116.
- Karpoff, J. M., Lee, D. S., & Martin, G. S. (2008). The cost to firms of cooking the books. 43(3). Retrieved from <https://doi.org/10.1017/S0022109000004221> website:
- Keith- Spiegel, P. C., Whitley, B. E., Balogh, D. W., Perkin, D. V., & Wittig, A. F. (2002). *The ethics of teaching: A casebook* (2 ed.). Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Keith-Spiegel, P., & Koocher, G. (1985). *Ethics in psychology: Professional standard and cases*. New York: Random House.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Etika Kerja*. Putrajaya, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kerlinger, F. N. (1986). *Foundations of behavioral research*. New York, NY: Holt, Rinehart & Winston.
- Kernaghan, K. (2015). Serving Seniors: Innovation and Public Sector Service Delivery. *The Innovation Journal*, 20(2), 2-18.
- Kerr, C. (1996). *The ethics of knowledge*. Francisco: Jossey-Bass In (ed).
- Khadijah Abdullah. (2015). *Anjakan Paradigma Ke Arah Profesional Keguruan Yang Dinamik*. Paper presented at the PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN 2015, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak Miri, Sarawak.
- Kidwell, R. E., & Martin, C. L. (2005). *The prevalence (and ambiguity) of deviant behavior at work. Managing organizational deviance*. Thousand Oaks CA: Sage.

Kincaid, S., & Pecorino, P. (2004). The profession of education: Responsibilities, ethics and pedagogic experimentation. Retrieved from <http://www.qcc.cuny.edu/social> sciences/ppecorino/ profesion-education-text website:

Kitchener, K. S. (1986). Teaching applied ethics in counselor education: An integration of psychology processes and philosophical analysis. *Journal of Counseling and Development*, 64, 306-310.

Kleiser, S. B., Sivadas, E., Kellaris, J. J., & Dahlstrom, R. F. (2003). Ethical ideologies: Efficient assessment and influence on ethical judgments of marketing practices. *Psychology & Marketing*, 20(1), 1-21.

Knight, J., & Auster, C. J. (1999). Faculty conduct: An empirical study of ethical activism. *Journal Of Higher Education*, 70(2), 187-210.

Knotts, T. L., Lopes, T. B., & Mesak, H. I. (2000). Ethical judgements of college students: An empirical analysis. *Journal of Education for Business*, 75(3), 158-164.

Kohlberg, L. (1958). *The development of modes of moral thinking and choice in years 10 to 16*. doctoral dissertation. University of Chicago.

Kohlberg, L. (1964). *Development of moral character and moral ideology*. New York:NY: Russell Sage Foundation.

Kohlberg, L. (1969). *Moral stages and moralization: The cognitive development approach*. New York: Holt: Rinehart and Winston.

Kohlberg, L. (1975). The just community approach to corrections: A theory. *Journal of Moral Education*. 4(3), 243-260.

Kohlberg, L. (1981). *Essays on moral development: The philosophy of moral development* (Vol. 1). New York: Harper & Row.

Kohlberg, L. (1984). *Essays on moral development. Volume 2-The psychology of moral development; The nature and validity of moral stages*. San francisc: Harper & Row.

Kohlberg, L. (1984a). Essay on moral development Vol. 2. *The psychology of moral development; The nature and validity of moral stages*

Kohlberg, L. (1984b). *The psychology of moral development*. San Francisco: Harper & Row.

Kohlberg, L. (1987). *The Measurement of Moral Judgment* (Vol. 2): Cambridge University Press.

- Kohlberg, L., & Candee, D. (1984). *The relationship of moral judgement to moral action*. New York: John Wiley.
- Kohlberg, L., & Hersh, L. (1977). Moral development: A review of the theory. *Theory Into Practice*, 16(2), 53-58.
- Kraska, M. F. (1991). Work Values of High School Vocational Education Student (ERIC Document Reproduction Service No. ED 336-532).
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Kuan, N. N. Y. (2013). *Hubungan Tingkah Laku Pengajaran Efektif Dan Kualiti Etika Terhadap Profesjon Keguruan Dalam Kalangan Guru Matematik Di Daerah Beluran, Sabah*. Paper presented at the Proceeding of the Global Summit on Education, Universiti Malaysia Sabah.
- Kurtines, W. (1986). Moral behavior as rule governed behavior: Person and situation effects on moral decision making. *Journal of Personality and Social Psychology*, 50(4), 784-791.
- Kurtines, W., & Gewirtz. (1995). *Moral development: An introduction and overview*. Boston: Allyn & Bacon.
- Kuther, T. L. (2001). A profile of the ethical professor. *College Teaching*, 51(3), 153-160.
- Lampe, J. R. (1994). Teacher education students' moral development and ethical reasoning processes *Paper presented at the annual meeting of the American Educational Research Association*, . New Orleans, LA.
- Lance, M. N., Potrc, M., & Strahovnik. (2008). *Challenging moral particularism*. New York. NY Routledge 270 Madison Ave.
- Le Clair, D. T., Ferrel, O. C., & Fraedrich, J. P. (1998). *Integrity management: A guide to managing legal and ethical issues in the workplaces*. Tampa,F.L: University of Tampa Press.
- Leners, D. W., Roehrs, C., & Piccone, A. V. (2006). Tracking the development of professional values in undergraduate nursing students. *Journal of Nursing Education*, 45(12), 504-511.
- Leonard, L. N. K., & Cronan, T. P. (2001). Illegal, inappropriate and unethical behavior in information technology context:A study to explain influences. *Journal of the Association for Information Systems*, 1(12), 1-31.
- Lind, G. (1985). *The theory of moral- cognitif judgment: A socio-psychological assessment*. Chicago: Precedents Publishing Inc.

- Lind, G. (2000). The importance of role-taking opportunities for self-sustaining moral development. *Journal of Research in Education*, 10, 9-15.
- Lind, G. (2002). *The meaning and measurement of moral judgment competence: A dual aspect model*.
- Lokman Mohd Tahir, Mohd Anuar Abd Rahman, & Normah Abd Kadir. (2008). Gaya Pengurusan Konflik Guru Besar. *Jurnal Teknologi*, 48(E), 115-127.
- Lowenstein, G., Weber, E., Hsee, C., & Welch, N. (2001). Risk as feelings. *Psychological Bulletin*, 127, 267-286.
- Lu, L.-C., & Lu, C.-J. (2010). Moral Philosophy, materialism, and consumer ethics: An exploratory study in Indonesia. *Journal of Business Ethics*, 94(2), 193-210.
- Lund, D. B. (2000). An empirical examination of marketing professional's ethical behavior in differing situations. *Journal of Business Ethics*, 24(4), 331-342.
- Lund, D. B. (2008). Gender differences in ethics judgment of marketing professionals in the United States. *Journal of Business Ethics*, 77, 501-515.
- Macpherson, C. C. (2012). Teaching professionalism in science courses: Anatomy to zoology. *The Kaohsiung journal of medical sciences*, 28(2), S8-S12.
- Mahmood, Sabitha, Rashidah, & Samihah. (1997). *Etika kerja di kalangan kakitangan awam. Penyelidikan irpa 1995-97*. Universiti Utara Malaysia.
- Maisarah Mohamed Saat, Noriza Mohd. Jamal, & Aniza Othman. (2004). Lecturers' and students' perceptions on ethics in academia and lecturer-student interaction: Universiti Teknologi Malaysia.
- Maitland, I. (1997). Virtuous markets: The market as school of the virtues. *Business Ethics Quarterly*, 7(1), 17-31.
- Malaski, C., & Tarvydas, V. M. (2002). Teaching ethics and the ethics of teaching: Challenges for rehabilitation counselor educators. *Rehabilitation Education*, 16(1), 1-3.
- Malinowski, C., & Smith. (1985). Moral reasoning and moral conduct: An investigation prompted by Kohlberg's Theory. *Journal Of Personality And Social Psychology*, 49(4), 1016-1027.
- Mansbart, F. J. (2001). *Motivational influences of moral judgement competence on the formation of intentions*. Diploma thesis, University of Konstanz, Germany.
- Markie, P. J. (1994). *Professor's duties: Ethical issues in college teaching*. Lanham, MD: Rowman & Littlefield.

- Marnburg, E. (2001). The questionable oral development theory in studies of business ethics: Discussion and empirical findings. *Journal of Business Ethics*, 32(4), 275-283.
- Marques, P., & Azevedo-Pereira, J. (2009). Ethical ideology and ethical judgments in the Portuguese accounting profession. *Journal of Business Ethics*, 86(2), 227-242.
- Marta, J., Singhapakdi, A., & Kraft, K. (2008). Personal characteristics underlying ethical decisions in marketing situations: A survey of small business managers. *Journal of Small Business Management*, , 46, 589-606.(4).
- Martin, S., Meyer, J., Jones, R. C., Nelson, L., & Ting, L. (2010). Perceptions of professionalism among individuals in the child care field ; Child & Youth Care Forum,. 39 (5), 341-349.
- Mayo, M. A., & Marks, L. J. (1990). An empirical investigation of a general theory of marketing ethics. *Academy of Marketing Science Journal*, 18 (2), 163-172.
- Mc Cabe, A. C., Ingram, R., & Dato-on, M. C. (2006). The business of ethics and gender. *Journal of Business Ethics*, 64(2), 101-116.
- Mc Daniel, B. (2007). Predicting moral judgement competence from developmental building blocks and moral emotions: A structural Equation Model: Oklahoma State University.
- Mc Devitt, R. (2002). Influences in ethical dilemmas of increasing intensity. *Journal of Business Ethics*, 40(3 ), 261-274.
- Mc Mahon, J. M., & Harvey, R. J. (2007). The effect of moral intensity on ethical judgment. *Journal of Business Ethics*, 72(4), 335-357.
- Mc Neel, S. P. (1994). *College Teaching and student moral development*. The moral profession. A study of moral development and professional ethics of faculty. The University Of Texas. Austin.
- Mc Shane, S., & Von Glinow, M. A. (2005). *Organizational behavior: Emerging realities for the workplace revolution* (3 ed.). New York McGraw-Hill Higher Education.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco Jossey Bass
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative research and case study application in education*. San-Francisco: Jossey-Bass.
- Merton, R. K. (1968). *Social theory and social structure*. New York: Free Press.

- Merton, R. K. (1973). *The sociology of science: theoretical and empirical investigations*. Chicago: University of Chicago Press.
- Mohd Helmi Abd Rahim, & Yee, L. S. (1992). Profesionalisme dalam perkhidmatan akaun agensi pengiklanan di Malaysia. Satu kajian awal dengan menggunakan Indeks Profesionalisme Mc Leod dan Hawley. *Jurnal komunikasi* 8 11-26.
- Mohd. Hatta Sulaiman. (2001). *Amalan Etika Kerja Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia : Satu Kajian Ke atas Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia*. Master thesis, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Mohd. Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Nasir Omar. (2005). *Akhlaq Dan Kaunseling Islam*: Utusan Amazon.com.
- Moore, N. G. (1999). The Sears Lectureship in business ethics at Bentley College: Ethics: The way to do business. *Business and Society Review*, 104(3 ), 305-309.
- Moylan, S. J. (2000). *Mood effects on employee appraisal judgments*. PhD Thesis. University of New South Wales. Sydney.
- Murray, H., Gillese, E., Lennon, M., Mercer, P., & Robinson, M. (1996). Ethical principles for college and university teaching. In L. Fish (Ed.), *Ethical dimensions of college and university teaching. New Directions for teaching and Learning*. San. Francisco: Jossey -Bass.
- Nafise, Motlagh, Md Salleh Hj Hassan, Jusang Bolong, & Mohd. Nizam Osman. (2013). Role of Journalists' Gender, Work Experience and Education in Ethical Decision Making. *Asian Social Science*, 9.
- Narayanasamy, K., & Shetty, M., V., (2008). Study of Ethical Values and Practices in Academic Programmes at a Higher Learning Institution. 8(8), 1354-1370. Retrieved from doi:10.3923/jas.2008.1354.1370
- Nash, D. A. (2007). On ethics in the profession of dentistry and dental education. *European Journal of Dental Education*, 11, 64-74.
- Nayman, O. B. (1973). *Professional orientations of journalists. An introduction to communicators analysis studies*.
- Nisbert, L. (1977). *The ethics of the art of teaching*. Buffalo,NY: Prometheus Books.
- Noraini Idris. (2010). *Kaedah-kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Percetakan Pustaka.

Norhasni Zainal Abidin, & Mohd Rafaai Ayudin. (2008). *Kerjaya sebagai pensyarah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publication.

Norsurayahani Yacob. (2012). *Amalan Membuat Keputusan Dalam Kalangan Pentadbir Sekolah Menengah*. Universiti Teknologi Malaysia.

Norusis, M. J. (1977). *SPSS professional statistic 7.5*. North Michigan Avenue: Chicago.

Nunally, J. C. (1978). *Psychometric theory*. New York: McGraw-Hill Book Company.

O'Fallen, M. J., & Butterfield, K. D. (2005). A review of the empirical ethical decision-making literature: 1996-2003. *Journal of Business Ethics*, 59(4), 375-415. doi: 10.1007/s10551-005-2929-7

Panemon, L. A. (1990). Ethical judgements in accounting. *A Cognitive developmental perspective, Critical Perspectives In Accounting*, 1(191-215).

Parikh, B. (1980). Development of moral judgment and its relation to family environmental factors in Indian and American families. *Child Development* 51, 1030-1039.

Patten, M. L. (1997). *Understanding research methods: An overview of the essential*. LA: Pyrezak Publishing.

Patton. (1987). *How to use qualitative methods in evaluation*. Newbury Park: Sage Publications.

Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2 ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.

Perryer, C., & Jordan, C. (2002). The influence of gender, age, culture and other factors on ethical beliefs: A comparative study in Australia and Singapore. *Public Administration & Management: An Interactive Journal*, 7(4), 367-382.

Peslak, A. R. (2007). A review of the impact of ACM Code of conduct on information technology moral judgment and intent. *Journal of Computer Information System*.

Piaget, J. (1932). *The moral judgment of the child*. New York: The Free Press.

Piaget, J. (1965). *Judgement and Reasoning in the Child*. London: Routledge and Keegan Paul.

Podolskiv, O. (2005). Investigating new ways to study adolescent moral competence. *Europe's Journal of Psychology*, 1(4).

- Pojman, L. P. (1998). *Ethical theory: Classical and contemporary readings*. Belmont: Wadsworth Publishing Company.
- Pryzwansky, W. B. (1993). *Ethical consultation practice*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Puffer, S. M., & McCarthy, D. J. (1997). Russian manager's beliefs about work: Beyond the stereotypes. *Journal of World Business*, 32(3), 258-277.
- Rachels, J. (2007). *A Short introduction to moral philosophy*. Boston: McGraw-Hill.
- Rafizah Abdul Razak, & Siti Zarina Syed Nordin. (2013). Projek Pembangunan Perisian Multimedia: Strategi Pengajaran Yang Membentuk Keperibadian Guru Pelatih. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 1(1).
- Rallapalli, K. C., Vitell, S. J., & Barnes, J. H. (1998). The influence of norms on ethical judgments and intentions: An empirical study of marketing professionals. *Journal of Business Research*, 43, 157-168.
- Ramsey, R. P., Marshall, G. W., Johnston, M. W., & Deeter-Schmelz, D. R. (2007). Ethical ideologies and older consumer perceptions of unethical sales tactics. *Journal of Business Ethics*, 70(2), 191-207.
- Raphael, D. D. (1994). *Moral philosophy*: Oxford University Press.
- Reidenbach, R. E., & Robin, D. P. (1988). Some initial steps toward improving the measurement of ethical evaluation of marketing activities. *Journal of Business Ethics*, 7(11), 871-879.
- Rest, J. R. (1979). *Development in Judging Moral Issues*. Minneapolis, MN: University of Minnesota Press.
- Rest, J. R. (1979a). *Development in judging moral issues*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Rest, J. R. (1984). Morality. In W. M. K. J. L. Gerwitz (Ed.), *Morality, moral development and moral behavior*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Rest, J. R. (1986). *Moral Development: Advances in research and theory*. New York: Praeger.
- Rest, J. R. (1994). Background: Theory and research. In D. N. J.R. Rest. (Ed.), *Moral development in the professions: Psychology and applied ethics*. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Rest, J. R., Narvaez, D., Bebeau, M. J., & Thoma, S. J. (1999). *Postconventional moral thinking. A Neo-Kohlbergian approach*. Mahwah, NJ: Erlbaum.

- Reynolds. (1996). Making responsible academic ethical decisions. In L.Fisch (Ed.), *Ethical dimensions of college and university teaching. New Directions for Teaching and Learning*. San Francisco: Jessey-Bass.
- Reynolds, & Ceranic, T. (2007). The effects of moral judgment and moral identity on moral behavior: An empirical examination of the moral individual. *Journal of Applied Psychology*, 92(6 ), 1610-1624.
- Richardson, H. (2003). Moral reasoning. *The Stanford Encyclopedia of Philosophy*. Retrieved from URL= <http://www.plato.stanford.edu/archives/win2003/entries/reasoning-moral/> website:
- Robbins, S. P., & Judge, T. (2007). *Organizational behavior electronic resource*. Upper Saddle River: Pearson/Prentice Hall.
- Robertson, C., & Crittenden, W. (2003). Mapping moral philosophies:strategic implications for multinational firms. *Strategic Management Journal*, 24, 385-392.
- Robiah Sidin. (2002). *Konsep guru profesional :Prosiding Seminar Kebangsaan Profesjon Perguruan 2002* Paper presented at the Profesjon Perguruan : Cabaran Masa Kini, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohani Sulaiman, & Zol Azlan Hamidin. (2001). *Kuasa Keputusan*. Selangor: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Ross, W. T., & Robertson, D. C. (2003). A typology of situational factors:Impact on salesperson decision-making about ethical issues. *Journal of Business Ethics*, 46(3), 213-234.
- Rossi, R. H., & Berk, R. A. (1985). Varieties of normative consensus. *American Sociological Review*, 333-347.
- Roworth, W. W. (2002). Professional ethics day by day. *Academe*, 88(1), 24-28.
- Rubin, B. R., Palmgreen, P., & Sypher, H. E. (1994). *Communication research measures: A source book*. New York: The Guildford Press.
- Ryan, J. J. (2001). Moral reasoning as a determinant of organizational citizenship behavior:A study in the public accounting profession. *Journal of Business Ethics*, 33, 233-244.
- Sabitha Marican. (2006). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor, Malaysia: Prentice Hall, Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Sachman, H. (1991). *Delphi critique*. Lexington,MA: Lexington Books.

- Sankaran, Siva, Bui, & Tung. (2003). Ethical attitudes among accounting majors: An empirical study. *Journal of American Academy of Business, Cambridge*, 3(1/2), 71-77.
- Schlenker, B. R., & Forsyth, D. R. (1977). On the ethics of psychological research. *Journal of Experimental Social Psychology*, 13(4), 369-396.
- Schneider, A. (1998). Insubordination and intimidation signal the end of decorum in many classrooms. *Chronicle of Higher Education*, 44, A12-A14.
- Schulman, M. (2002). *How to become moral: The sources of moral motivation*. New York, NY: Oxford University Press.
- Scriven, M. (1992). Professorial ethics. *Journal of Higher Education*, 53, 307-317.
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sekaran, U. (2000). *Research method for business*. New York.
- Shamsuddin Ahmad, Khairuddin Idris, & Azahari Ismail. (2009). Dimensi Amalan Etika Profesional. *MALIM Bil. 10 Universiti Kebangsaan Malaysia*, 17-38
- Shapeero, M., Koh, H. C., & Killough, L. N. (2003). Underreporting and premature sign-off in public accounting. *Managerial Auditing Journal*, 18(6/7), 478-489.
- Shaw, W. H., & Barry, V. (2000). *Moral issues in business* (8 ed.). Sydney: Wadsworth.
- Shazaitul Azreen Rodzalan, & Maisarah Mohamed Saat. (2016). Ethics of Undergraduate Students: A Study in Malaysian Public Universities. *International Journal of Information and Education Technology*, 6(9).
- Shu Ching Yang. (2012). Ethical Academic Judgments and Behaviors: Applying a Multi dimensional Ethics Scale to Measure the Ethical Academic Behavior of Graduate Students. 22(4), 281-296.
- Shukri, A., & Razali, M. Z. (2001). *Adab & Etika Kerja Dalam Organisasi*. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia. Sintok.
- Sims, R. (2002). Ethical rule breaking by employees: A test of social bonding theory. *Journal of Business Ethics*, 40(2), 101-109.
- Singhapakdi, A., Marta, J. K., Rallapalli, K. C., & Rao, C. P. (2000). Toward an understanding of religiousness and marketing ethics: An empirical study. *Journal of Business Ethics*, 27(4), 305-319.

- Siti Mariam Samat. (2002). *Tahap pengawalan pihak pengurusan politeknik dalam mengurangkan gejala sosial di kalangan pelajar*. Tesis Sarjana, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Siti Rahayah Ariffin. (2003). *Teori, konsep & amalan dalam pengukuran dan penilaian*. Bangi: Pusat Pembangunan Akademik UKM.
- Sivadas, E., Kleiser, S., Kellaris, J., & Dahlstrom, R. (2003). Moral philosophy, ethical evaluations and sales manager hiring intentions. *Journal of Personal Selling & Sales Management*, 23(1), 7-21.
- Skaggs, W. J. (1987). *Work Values of Faculty Members In Selecter Small Liberal Art Colleges: A Comparative Study*.
- Smith. (1996). Gender equity in academic rank and salary. *Review of Higher Education*, 14, 511-526.
- Smith, J., Armstrong, A., & Francis, R. (2007). Professionalism and ethics in financial planning. *Journal of Business System, Governance and Ethics*, 2(2), 1-10.
- Sonenshein, S. (2007). The role of construction, intuition, and justification in responding to ethical issues at work: The sense making-intuition model. *Academy of Management Review*, 32(4), 1022-1040.
- Stead, W. E., Worrell, D. L., Spalding, J. B., & Stead, J. G. (1987). Unethical decisions: Socially learned behaviors. *Journal of Social Behavior and Personality*, 2(1), 105-115.
- Steven, M. C., & Markie, P., J,. (2011). *Ethics: History, Theory, and Contemporary Issues*: Oxford University Press, Incorporated.
- Stones, C. R., & Philbrick, J. L. (1992). Work attitudes among sample of black South African students. *Journal of Social Psychology*, 132(2), 281-285.
- Stratton, W. E., Flynn, W. R., & Johnson, G. A. (1981). Moral development and decision making a study of student ethics. *Journal of Enterprise Management*, 3, 35-41.
- Svensson, G., Wood, G., & Callaghan, M. (2004). The commitment of public sector Sweden to codes of ethics. *The International Journal of Public Sector Management*, 17(4/5), 302-331.
- Svinicki, M. (1994). *Ethics in college teaching* (9 ed.). Lexington, Mass: D.C. Heath.
- Syaifulradzman Shaifuddin. (2012). *Kajian Tahap Amalan Kerja Beretika Pemeriksa Audit Dalam Di Politeknik Malaysia (Kawasan Utara)*: Universiti Utara Malaysia

- Syed Arabi Idid, & Mohamed Fadel Arandas. (2016). Professional Values, Ethics, And Professionalism Of Public Relations Practitioners. *Jurnal Komunikasi Malaysian*, 32(1), 287-311.
- Tang, T. L. P., & Tzeng, J. Y. (1992). Demographic correlates of the Protestant work ethics. *Journal of Psychology Interdisciplinary & Applied*, 126(2), 163-171.
- Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings* (2 ed.). Toronto: John Wiley and Sons.
- Thoma, S. J. (1985). *On improving the relationship between moral reasoning and external criteria: The utilizer/nonutilizer* Doctoral dissertation. University of Minnesota. Minneapolis.
- Thoma, S. J., Rest, J., & Davison, M. L. (1991). Describing and testing a moderator of the moral judgment and action relationship. *Journal of Personality and Social Psychology*, 61, 659-669.
- Thorne, L. (2000). The development of two measures to asses accountants's prscriptive and deliberative moral reasoning. *Behavioral Research in Accounting*, 12(1), 139-169.
- Tian, Q. (2008). Perception of business bribery in China: The impact of moral philosophy. *Journal of Business Ethics*, 80(3 ), 437-445.
- Timmons, M. (2002). *Moral Theory: An Introduction*. Rowman and Littlefield publisher. Landham, Maryland USA.
- Trappl, R., Petta, P., & Payr, S. (2001). *Emotions in Humans and Artifacts*. London: Massachusetts Institute of Technology.
- Trevino, L. K. (1986). Ethical decision making in organizations: A person-situation interactionist model. *The Academy of Management Review*, 11(3), 601-617.
- Treviño, L. K., Weaver, G. R., & Reynolds, S. J. (2006). Behavioral ethics in organizations: A Review. *Journal of Management*, 32(6), 951-990.
- Trevino, L. K., & Youngblood, S. A. (1990). Bad apples in bad barrels: A causal analysis of ethical decision-making behavior. *Journal of Applied Psychology*, 75(4).
- Tsui, J., & Windsor, C. (2001). Some cross-cultural evidence on ethical reasoning. *Journal of Business Ethics*, 31, 143-150.
- Valentine, S., & Fleischman, G. (2004). Ethics training and businesspersons' perceptions of organizational ethics. *Journal of Business Ethics*, 52(4), 381-390.

- Velasquez, M. G. (2006). *Business ethics: Concepts & cases* (6 ed.). Uper Saddle River, NJ, London: Person Education International.
- Vitell, S. (1986). *Marketing ethics: Copceptual and empirical foundations of positive theory of decision making in marketing situations having ethical content.*, Doctoral dissertation. Texas Tech University.
- Vodanovich, S. J., & Kramer, T. J. (1989). An Examination of The work Values of Parents and Their Children. *Career Development Quarterly* 16, 275-281.
- Wagner, S. C., & Sanders, G. L. (2001). Considerations in ethical decisionmaking and software piracy. *Journal of Business Ethics*, 29,((1/2)), 161-167.
- Walker, L. J. (1984). Sex differences in the development of moral reasoning: A critical review. *Child Development*, 55, 677-691.
- Walker, L. J. (1986). Sex differences in the development of moral reasoning: A rejoinder to Baumrind. *Child Development*, 57, 522-526.
- Waterman, A. (1988). On the uses of psychological theory and research in the process of ethical inquiry. *Psychological Bulletin*, 103(3), 283-298.
- Weeks, W. A., Moore, C. W., McKinney, J. A., & Longenecker, J. G. (1999). The effects of gender and career stage on ethical judgment. *Journal of Business Ethics*, 20(4), 301-313.
- Weis, D., & Schank, M. J. (2000). Professional *Journal of Professional Nursing*, vol 18(5).
- Weisbroth, S. (1970). Moral judgment, sex, and parental identification in adults. . *Developmental Psychology*, 2, 396.
- Weissbord, R. (2003). Moral teacher, moral student. *Educational leadership*, 60(6), 1-7.
- Werhane, P. H. (1998). Moral imagination and the search for ethical decision making in management. *Business Ethics Quarterly Ruffin Series*, 1, 75-98.
- Whittier, N. C., Williams, S., & Dewett, T. C. (2006). Evaluating ethical decision-making models: a review and application. *Society and Business Review*, 1(3), 235-247.
- Wilensky, H. L. (1964). The profesionalization of everyone? *American Journal of Sociology*, 70, 137-158.
- Wiley, C. (1995). The ABC's of business ethics: Definitions, philosophies and implementation. *Industrial management & Data System*, 37(1), 22-26.

- Wilson. (2008). Balancing Emotion and Cognition: A case for decision aiding in conservation efforts. *Conservation Biology*, 22(6), 1452-1560.
- Wilson, V. B. (2010). *Examining Moral Reasoning And Ethical Decision Making Among Mississippi's Community College Administrators*. Doctor of Philosophy, Mississippi State University, Mississippi State, Mississippi.
- Wynd, C. A. (2003). Current factors contributing to professionalism in nursing. *Journal of Professional Nursing*, 19 (5), 251-261.
- Yeazell, M. I., & Johnson, S. F. (1988). Levels of moral judgment of faculty and students in a teacher education program: A micro study of an institution. *Teacher Education Quarterly*, 15( 1), 61-70.
- Yu Lin, C. (2009). An Empirical Investigation of the moral judgement development of Taiwanese Procurement Executives. *Social Behavior and Personality*, 37(1), 95-104.
- Yungwook, K. (2003). Ethical standards and ideology among Korean public relations practitioners. *Journal of Business Ethics*, 42(3), 209-223.
- Zakaria Kasa, & Abdul Rahman Md. Aroff. (1997). Hubungan Nilai Kerja Dengan Jantina Umur dan Pengalaman Mengajar Guru Pelatih. *Pertanika J.Soc.Sci. and Hum*, 5(1), 39-44 @ Universiti Putra Malaysia Press.
- Zarida Abdullah. (2010). Keperluan kepada teori komunikasi berasaskan konteks sosial, budaya dan agama. *Jurnal Pengajian Media Universiti Malaya, Malaysia*.
- Zunaini Alias. (2004). *Amalan Kod Etika Juruaudit : Kajian Di Bahagian Audit Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia*. Master thesis, Universiti Utara Malaysia.

## Lampiran 1



### KAJIAN KOMPETENSI MORAL DAN AMALAN NILAI PROFESIONAL TERHADAP ETIKA AKADEMIK DALAM KALANGAN PENSYARAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Soal Selidik ini bertujuan mendapatkan maklumat tentang kompetensi moral dan etika kerja pensyarah di IPGK. Soal selidik ini mengandungi borang maklumat latar belakang responden dan empat (4) jenis instrumentasi lain seperti berikut :

Bahagian A : Demografi

Bahagian B : Soal Selidik Membuat Keputusan Beretika

Bahagian C : Soal Selidik Nilai Profesional

Bahagian D : Ujian Pertimbangan Moral (MJT)

Seksyen 1 dan 2 : Dilema Pekerja

Bahagian E : Inventori Gelagat Pengajaran di IPG (CTBI)

- i. Tingkah laku di Kelas
- ii. Peperiksaan dan Amalan Pemarkahan
- iii. Interaksi Pensyarah dan Pelajar di dalam Kelas
- iv. Hubungan dengan Rakan Sekerja
- v. Amalan di luar Kelas
- vi. Perancangan Awal Kursus
- vii. Hari Pertama Kuliah

Sila baca dengan teliti dan beri **respons tuan/puan secara ikhlas**. Adalah dipastikan bahawa segala maklumat yang diberi akan dirahsiakan.

Sekian terima kasih.

**Ainuddin Bin Mohd Isa (93222)**

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, UUM

**Prof. Madya Dr. Mohd Zailani bin Mohd Yusoff**

Penyelia Utama

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, UUM

**Dr Muhamad Dzahir bin Kasa**

Penyelia Kedua

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, UUM

## **BAHAGIAN A**

### **DEMOGRAFI**

Anda diharap dapat menjawab semua soalan dengan menandakan ✓ dan mengisi ruang kosong untuk soalan-soalan yang tertentu.

1. Jantina

**Lelaki**

**Perempuan**

2. Ras/Kaum

**Melayu**

**Cina**

**India**

**Lain-lain**

Lain-lain (sila nyatakan) \_\_\_\_\_

3. Umur anda sekarang : \_\_\_\_\_ tahun

4. Status perkahwinan

**Bujang**

**Berkahwin**

**Duda/Janda**

5. Agama

**Islam**

**Kristian**

**Hindu**

**Buddha**

**Lain-lain**

Lain-lain (sila nyatakan) \_\_\_\_\_

6. Tahap kelulusan

**Ph.D**

**Sarjana**

**Ijazah Sarjana Muda**

**Diploma**

**Lain-lain**

Lain-lain (sila nyatakan) \_\_\_\_\_

7. Gred perjawatan dalam IPGK

**DG54**

**DG52**

**DG48**

**DG44**

8. Anda mengajar di IPGK \_\_\_\_\_

9. Jangka masa mengajar di IPGK? \_\_\_\_\_ tahun

10. Bidang pengajaran? \_\_\_\_\_

11. Adakah organisasi anda mempunyai Kod Etika Kerja Guru KPM?

**Ya**

**Tidak**

12. Adakah anda mengetahui Kod Etika Kerja Guru KPM?

**Ya**

**Tidak**

14. Pernahkah anda mengikuti kursus tentang etika dalam profesi pensyarah?

**Ya**

**Tidak**

15. Jika YA nyatakan nama kursus \_\_\_\_\_

## BAHAGIAN B

### MEMBUAT KEPUTUSAN YANG BERETIKA

**Sila baca dengan teliti terlebih dahulu sebelum menjawab soalan berikut.**

Objektif kajian ialah memahami perasaan peribadi anda ke arah tindakan seperti yang dinyatakan dalam senario-senario berikut. Setiap senario akan disertai dengan skala bagi menilai penjelasan tindakan beretika anda. Sila pilih jawapan yang terbaik mewakili perasaan anda terhadap tindakan-tindakan seperti yang dinyatakan dalam setiap senario dan beri jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.

Mungkin terdapat beberapa senario yang menerangkan situasi yang anda tidak biasa. Jangan bimbang. Tidak ada jawapan betul atau salah. Semua jawapan adalah berdasarkan sikap dan persepsi anda. Ini adalah tinjauan sulit dan berharap anda **jujur** dan **beretika** dalam memberi respons terhadap kaji selidik ini.

Berikut adalah penjelasan ringkas bagi setiap skala pada item.

**1.Beretika** - Tidak ada soalan bahawa tindakan itu adalah betul dalam erti kata sebenar. Beretika dari segi moral dan sah di sisi undang-undang, ini adalah tingkah laku yang betul.

**2.Diterima** - Tindakan ini boleh diterima walaupun anda mungkin mempunyai beberapa keraguan disebabkan faktor moral atau kepercayaan.

**3.Dipersoalkan** - Terdapat beberapa persoalan tentang aspek moral atau tindakan beretika. Tindakan ini benar-benar tergolong dalam "kawasan kelabu" tingkah laku manusia.

**4.Tidak beretika** - Tindakan ini adalah bertentangan dengan standard moral dan etika anda walaupun bukan jenayah. Ini benar-benar tingkah laku yang tidak boleh diterima.

**5.Jenayah Komputer** – Tindakan ini adalah tidak beretika dan salah di sisi undang-undang dan orang yang bertanggungjawab boleh dihukum dengan akta jenayah.

### **Situasi 1**

Satu kelas kewangan sedang menjalankan satu pertandingan pelaburan. Pasukan yang menang akan mendapatkan A untuk kelas mereka. Oleh kerana Johan adalah sangat berpengetahuan tentang komputer, beliau dapat berfikir bagaimana untuk menukar data dalam salah satu fail yang diperlukan dalam pertandingan tersebut. Johan memproses pelaburan pasukannya dan kemudian membuat perubahan dalam data yang diperlukan. Pasukan-pasukan lain hanya memproses pelaburan mereka menggunakan data yang telah diubah. Sebelum tamat tempoh untuk keputusan disampaikan kepada profesor, Johan merubah data tadi kembali kepada nilai-nilai asalnya. Pasukan Johan memenangi pertandingan tersebut.

Tindakan Johan ialah:

- |                    |                          |
|--------------------|--------------------------|
| 1.Beretika         | <input type="checkbox"/> |
| 2.Diterima         | <input type="checkbox"/> |
| 3.Dipersoalkan     | <input type="checkbox"/> |
| 4.Tidak beretika   | <input type="checkbox"/> |
| 5.Jenayah Komputer | <input type="checkbox"/> |

### **Situasi 2**

Sue membeli satu salinan perisian ‘spreadsheet’ terkini. Perjanjian lesen telah menyatakan dengan jelas bahawa tidak ada salinan CD- ROM boleh dibuat untuk apa-apa sebab pun . Sue membuat satu salinan ‘backup’ pada CD- ROM yang disimpan dalam pejabat sebagai kegunaan jika sesuatu berlaku kepada CD-ROM asal.

Tindakan Sue ialah:

- |                    |                          |
|--------------------|--------------------------|
| 1.Beretika         | <input type="checkbox"/> |
| 2.Diterima         | <input type="checkbox"/> |
| 3.Dipersoalkan     | <input type="checkbox"/> |
| 4.Tidak beretika   | <input type="checkbox"/> |
| 5.Jenayah Komputer | <input type="checkbox"/> |

### Situasi 3

Jacob menyertai kelas musim panas di Universiti ABC yang mana yuran makmal dikenakan. Seorang rakan Jacob pula perlu menggunakan komputer lalu Jacob memberikan kata laluan kepada rakannya. Kata laluan ini membolehkan rakannya yang **bukan** pelajar universiti berkenaan untuk akses kepada lain-lain komputer. Rakannya mengguna komputer itu untuk beberapa jam dalam seminggu sepanjang musim panas untuk bermain permainan komputer.

Tindakan Jacob ialah:

- |                    |                          |
|--------------------|--------------------------|
| 1.Beretika         | <input type="checkbox"/> |
| 2.Diterima         | <input type="checkbox"/> |
| 3.Dipersoalkan     | <input type="checkbox"/> |
| 4.Tidak beretika   | <input type="checkbox"/> |
| 5.Jenayah Komputer | <input type="checkbox"/> |

Tindakan rakannya ialah:

- |                    |                          |
|--------------------|--------------------------|
| 1.Beretika         | <input type="checkbox"/> |
| 2.Diterima         | <input type="checkbox"/> |
| 3.Dipersoalkan     | <input type="checkbox"/> |
| 4.Tidak beretika   | <input type="checkbox"/> |
| 5.Jenayah Komputer | <input type="checkbox"/> |

### Situasi 4

Seorang pengaturcara telah diminta untuk menulis satu program yang dia tahu akan menjana maklumat yang tidak tepat untuk juruaudit luar syarikat. Apabila disoal, pengurusnya memberitahu dia mesti menulis program tersebut atau ditukarkan sebagai kakitangan penyelenggaraan. Beliau mengambil tindakan untuk menulis program berkenaan.

Tindakan pengaturcara ialah:

- |                    |                          |
|--------------------|--------------------------|
| 1.Beretika         | <input type="checkbox"/> |
| 2.Diterima         | <input type="checkbox"/> |
| 3.Dipersoalkan     | <input type="checkbox"/> |
| 4.Tidak beretika   | <input type="checkbox"/> |
| 5.Jenayah Komputer | <input type="checkbox"/> |

- Tindakan pengurus ialah:
- |                    |                          |
|--------------------|--------------------------|
| 1.Beretika         | <input type="checkbox"/> |
| 2.Diterima         | <input type="checkbox"/> |
| 3.Dipersoalkan     | <input type="checkbox"/> |
| 4.Tidak beretika   | <input type="checkbox"/> |
| 5.Jenayah Komputer | <input type="checkbox"/> |

### Situasi 5

Tidak ada polisi mengenai penggunaan e-mel di dalam sebuah syarikat. Namun, seorang pengurus memasuki sistem e-mel syarikat dan menyemak pesanan pelbagai mel oleh orang bawahan untuk memastikan bahawa sistem e-mel tidak digunakan untuk tujuan persendirian. Seorang pengaturcara syarikat didapati menghantar beratus-ratus e-mel jenis SPAM kepada ahli politik untuk mendapatkan derma. Pihak pengurus telah memberi teguran kepadanya.

- Tindakan pengaturcara ialah:
- |                    |                          |
|--------------------|--------------------------|
| 1.Beretika         | <input type="checkbox"/> |
| 2.Diterima         | <input type="checkbox"/> |
| 3.Dipersoalkan     | <input type="checkbox"/> |
| 4.Tidak beretika   | <input type="checkbox"/> |
| 5.Jenayah Komputer | <input type="checkbox"/> |

- Tindakan pengurus ialah:
- |                    |                          |
|--------------------|--------------------------|
| 1.Beretika         | <input type="checkbox"/> |
| 2.Diterima         | <input type="checkbox"/> |
| 3.Dipersoalkan     | <input type="checkbox"/> |
| 4.Tidak beretika   | <input type="checkbox"/> |
| 5.Jenayah Komputer | <input type="checkbox"/> |

## **BAHAGIAN C**

## **NILAI PROFESIONAL**

Sembilan soalan yang berikut merupakan perkara yang sangat peribadi. Kami berharap tuan/puan akan menjawab semua soalan. Pilih ‘0’ untuk “**Tidak Menjawab**” sekiranya tuan/puan menganggap soalan tersebut perlu dirahsiakan.

Sila baca pernyataan di bawah dengan jelas. Tunjukkan setakat mana tuan/puan bersetuju atau tidak bersetuju dengan pernyataan berkenaan dengan membulatkan nombor yang bersesuaian.

	Sangat bersetuju	
1.Pada sepuluh tahun akan datang, sekiranya saya diminta memilih nilai moral atau nilai murni yang paling penting, besar kemungkinan pilihan saya pada masa itu akan berbeza daripada pilihan saya pada hari ini.	0      1      2      3      4      5	
2.Pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah prihatin terhadap etika.	0      1      2      3      4      5	
3.Nilai profesional pihak pentadbir dalam IPG saya telah banyak berubah sejak saya mula datang ke sini.	0      1      2      3      4      5	
4.Nilai terhadap seseorang individu berubah mengikut masa sebagai tindakbalas terhadap kejadian-kejadian yang dialami dalam kehidupan mereka.	0      1      2      3      4      5	
5.Pensyarah-pensyarah jabatan dalam IPG saya mengetahui apa yang dianggap sebagai kelakuan beretika di dalam atau di luar IPG.	0      1      2      3      4      5	

6.Pentadbir-pentadbir dalam IPG saya mengetahui apa yang dianggap sebagai kelakuan beretika di dalam atau di luar IPG.

0      1      2      3      4      5

7.Komuniti (warga) IPG saya seharusnya memainkan peranan dalam mendidik pelajar-pelajar berkaitan etika.

0      1      2      3      4      5

8.Komuniti (warga) IPG saya sepatutnya membantu pelajar dalam membentuk nilai-nilai etika pelajar.

0      1      2      3      4      5

9.IPG seharusnya mengadakan latihan etika setiap tahun secara dalaman bagi pentadbir, pensyarah jabatan dan staf IPG berkenaan.

0      1      2      3      4      5



Anda diminta membaca dilema pekerja di bawah dengan teliti dan jelas. Sila jawab semua soalan seperti yang tertera.

#### Dilema Pekerja

Sebuah syarikat telah memberhentikan beberapa orang pekerja tanpa sebarang sebab. Sebahagian pekerja mengesyaki pengurus syarikat mencuri dengar perbualan pekerja melalui sistem interkom dan menggunakan maklumat tersebut untuk memberhentikan pekerja. Walau bagaimanapun, pengurus syarikat menafikan tuduhan tersebut. Kesatuan sekerja akan hanya bertindak terhadap pengurus syarikat sekiranya terdapat bukti. Justeru, dua orang pekerja telah memecah masuk pejabat pentadbiran syarikat dan mengambil dua pita rakaman yang membuktikan pengurus telah mendengar perbualan mereka.

## Seksyen 1

1. Anda bersetuju atau tidak dengan perlakuan dua pekerja ini?	<b>Saya amat bersetuju</b> <b>Tidak</b> -4 -3 -2 -1 0 +1 +2 +3 +4
Sejauh manakah anda <b>menerima</b> hujahan-hujahan berikut untuk memihak kepada dua pekerja ini? Sekiranya ada yang berpendapat tindakan dua pekerja itu adalah betul...	<b>Saya amat menerima</b> <b>Menolak</b>
2. Kerana mereka tidak mencemarkan nama baik syarikat.	-4 -3 -2 -1 0 +1 +2 +3 +4
3. Disebabkan sikap syarikat yang membelakangkan undang-undang, kaedah yang digunakan oleh dua pekerja itu dapat diterima untuk menegakkan peraturan dan undang-undang.	-4 -3 -2 -1 0 +1 +2 +3 +4
4. Disebabkan kebanyakan pekerja akan bersetuju dengan tindakan mereka dan gembira dengan apa yang dilakukan.	-4 -3 -2 -1 0 +1 +2 +3 +4
5. Kerana kepercayaan antara insan dan maruah individu adalah lebih penting berbanding dengan peraturan syarikat.	-4 -3 -2 -1 0 +1 +2 +3 +4
6. Kerana syarikat tersebut telah terlebih dahulu melakukan ketidakadilan dan memang wajar pekerja ini memecah masuk ke dalam pejabat.	-4 -3 -2 -1 0 +1 +2 +3 +4
7. Kerana pekerja itu mendapati mereka tiada pilihan lain secara sah untuk membongkarkan penyalahgunaan maklumat sulit pekerja. Oleh itu mereka terpaksa bertindak sedemikian.	-4 -3 -2 -1 0 +1 +2 +3 +4

## Seksyen 2

Sejauh manakah anda menerima hujahan-hujahan berikut untuk tidak bersetuju dengan tindakan dua pekerja ini? Sekiranya ada yang berpendapat tindakan dua pekerja itu adalah salah...	Saya amat Menolak	Saya amat menerima
8. Kerana perbuatan mereka akan mempengaruhi masyarakat untuk menggugat kedaulatan peraturan undang-undang.	-4 -3 -2 -1 0 +1 +2 +3 +4	
9. Kerana seseorang itu tidak harus melanggar hak asasi serta harta milik orang lain dengan bertindak sendiri tanpa mematuhi undang-undang melainkan ada prinsip moral universal (syumul) yang memberi justifikasi terhadap tindakan mereka.	-4 -3 -2 -1 0 +1 +2 +3 +4	
10. Kerana berdepan dengan kemungkinan dibuang kerja disebabkan bertindak bagi pihak orang lain adalah tidak wajar.	-4 -3 -2 -1 0 +1 +2 +3 +4	
11. Kerana kedua-dua mereka sewajarnya memilih saluran undang-undang dan bukan bertindak serius bertentangan dengan undang-undang.	-4 -3 -2 -1 0 +1 +2 +3 +4	
12. Kerana seseorang itu tidak akan merompak atau mencuri sekiranya dia seseorang yang jujur atau disegani.	-4 -3 -2 -1 0 +1 +2 +3 +4	
13. Kerana pemecatan pekerja-pekerja lain tidak memberi kesan kepada mereka. Oleh itu, tiada sebab bagi mereka untuk mencuri transkrip tersebut.	-4 -3 -2 -1 0 +1 +2 +3 +4	

## BAHAGIAN E

### INVENTORI GELAGAT PENGAJARAN DI IPG

Pengajaran merupakan aktiviti kompleks yang melibatkan pelbagai tingkah laku dan jangkaan. Di bawah telah disenaraikan beberapa tingkah laku yang berkait dengan pengajaran di IPG. Terdapat pensyarah yang menganggap beberapa tingkah laku berikut adalah tidak wajar dan ada juga pensyarah yang tidak berkongsi pandangan yang sama. **Gunakan skala dibawah** bagi menggambarkan pandangan anda setepat mungkin tentang tingkah laku pensyarah. Kategori respon yang dibuat hendaklah berdasarkan pengelasan berikut:

- 1** = Tingkah laku wajar, harus digalakkan.
- 2** = Tingkah laku mengikut budi bicara, tidak semestinya wajar atau tidak wajar.
- 3** = Tingkah laku yang boleh dikatakan tidak wajar, lazimnya diabaikan.
- 4** = Tingkah laku tidak wajar, perlu ditangani secara tidak rasmi oleh rakan sejawat atau pentadbir mungkin menyarankan perubahan atau penambahbaikan.
- 5** = Tingkah laku yang tidak wajar sama sekali, memerlukan campur tangan pihak pentadbiran secara rasmi.

	A. PERANCANGAN AWAL KURSUS	Wajar / digalakkan	Bu di bicara	Bol eh dik ata kan	Tida k r/ Tang ani secar a	Sang at tidak waja r/ Perl ukuran cam pur tang an
1	Pensyarah meminta rujukan yang tidak disenaraikan dalam kerangka kursus pada pertemuan kelas pertama.	1	2	3	4	5
2	Pensyarah tidak menyediakan kerangka kursus.	1	2	3	4	5
3	Pensyarah meminta pelajar membuat tugas projek diluar kemampuan kewangan pelajar.	1	2	3	4	5

4	Pensyarah tidak mengemaskini nota kuliah untuk kursus yang diajar	1	2	3	4	5
5	Pensyarah tidak menyediakan bahan audio visual untuk kuliah yang memerlukannya.	1	2	3	4	5
<b>B</b>	<b>HARI PERTAMA KULIAH</b>					
1	Pensyarah tidak memperkenalkan dirinya kepada pelajar sewaktu di dalam kelas	1	2	3	4	5
2	Pensyarah tidak memaklumkan waktu rundingan kepada pelajar	1	2	3	4	5
3	Pensyarah tidak memaklumkan kepada pelajar tentang peluang untuk mendapat markah tambahan dalam kursus yang diajarnya.	1	2	3	4	5
4	Pensyarah tidak menerangkan kerangka kursus kepada pelajar pada pertemuan pertama secara terperinci	1	2	3	4	5
5	Pensyarah tidak memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya soalan mengenai kursus pada pertemuan pertama.	1	2	3	4	5
<b>C</b>	<b>TINGKAH LAKU DI DALAM KELAS</b>					
1	Pensyarah kerap kali membuat penceritaan yang berunsur lawak dan tidak berkaitan dengan tajuk kuliah.	1	2	3	4	5
2	Pensyarah sering menggunakan perkataan yang tidak sopan dalam kelas.	1	2	3	4	5
3	Pensyarah selalu menamatkan kelas awal dari waktu sepatutnya.	1	2	3	4	5
4	Pensyarah menghadiri kelas tanpa membuat persediaan.	1	2	3	4	5
5	Pensyarah membiarkan sesetengah pelajar mendominasi perbincangan di dalam kelas.	1	2	3	4	5

6	Pensyarah selalu datang lewat ke kelas.	1	2	3	4	5
7	Pensyarah tidak menggunakan kaedah baharu dalam pengajaran untuk memudahkan kefahaman pelajar.	1	2	3	4	5
8	Pensyarah tidak memberi ruang kepada pelajar untuk meluah pendapat mengenai kursus yang diajar.	1	2	3	4	5
9	Pensyarah tidak mematuhi kerangka kursus dalam pengajaran.	1	2	3	4	5
10	Pensyarah tidak memakai pakaian yang kemas semasa memberi kuliah.	1	2	3	4	5
<b>D</b>	<b>PENGENDALIAN KANDUNGAN KURSUS</b>					
1	Pensyarah tidak meminta pelajar menilai kursus yang diajarnya pada akhir semester.	1	2	3	4	5
2	Pensyarah kerap kali memasukkan tajuk politik, agama dan isu-isu sosial yang tidak berkaitan dengan kursus.	1	2	3	4	5
3	Pensyarah meminta pelajar menghafal berbanding mengajar pelajar membuat analisa dan berfikir secara kritikal.	1	2	3	4	5
4	Pensyarah tidak menerangkan dengan jelas kepada pelajar tentang hubung kait kursus yang diajar dengan kursus lain	1	2	3	4	5
5	Pensyarah tidak menerangkan hubungan kandungan kursus dengan bidang pengajian pelajar	1	2	3	4	5
<b>E</b>	<b>PEPERIKSAAN DAN AMALAN PEMARKAHAN</b>					
1	Pensyarah tidak memberikan jawapan selepas kertas tugasan dikembalikan kepada pelajar.	1	2	3	4	5
2	Pensyarah tidak menyediakan soalan berasaskan aras taksonomi.	1	2	3	4	5

3	Pensyarah mengagihkan markah pelajar mengikut taburan normal.	1	2	3	4	5
4	Pensyarah memudahkan aras soalan supaya menjadi popular dalam kalangan pelajar.	1	2	3	4	5
5	Pensyarah tidak menulis komen penambaikan dalam kertas tugasan dan ujian pelajar.	1	2	3	4	5
6	Pensyarah membiar keakraban dengan pelajar mempengaruhi pemarkahan pelajar.	1	2	3	4	5
7	Pensyarah tidak membaca jawapan peperiksaan berbentuk esei sebelum memberi markah sekurang-kurang dua kali.	1	2	3	4	5
8	Pensyarah mempertimbangkan penglibatan pelajar dalam kelas untuk memberi gred pada akhir kursus.	1	2	3	4	5
9	Pensyarah memberi gred akhir pelajar berdasarkan satu tugasan atau ujian sahaja.	1	2	3	4	5
10	Pensyarah tidak membuat sesi ulang kaji untuk peperiksaan.	1	2	3	4	5
<b>F</b>	<b>INTERAKSI PENSYARAH DAN PELAJAR DI KELAS</b>					
1	Pensyarah tidak menggalakkan pelajar melahirkan pandangan yang berbeza daripada pandangannya.	1	2	3	4	5
2	Pensyarah mengeluarkan kata-kata yang merendahkan pelajar di dalam kelas.	1	2	3	4	5
3	Pensyarah tidak cuba mengenali pelajar berdasarkan nama mereka di dalam kelas.	1	2	3	4	5
4	Pensyarah mengabaikan ketidakfahaman pelajar tentang kandungan kursus diajar dalam kelas.	1	2	3	4	5
5	Pensyarah tidak memberi dorongan kepada pelajar yang malu untuk bercakap di dalam kelas.	1	2	3	4	5

## G HUBUNGAN DENGAN RAKAN SEKERJA

1	Pensyarah enggan berkongsi maklumat mengenai pelajar yang sama dengan rakan sekerja.	1	2	3	4	5
2	Pensyarah tidak memaklumkan kepada pihak pentadbiran IPG tentang standard pemarkahan yang dirasakan terlalu rendah untuk sesuatu kursus yang diamalkan oleh rakan sekerja.	1	2	3	4	5
3	Pensyarah enggan berkongsi kaedah mengajar dengan rakan sekerja.	1	2	3	4	5
4	Pensyarah tidak mengizinkan rakan sekerja membuat pemerhatian terhadap cara pengajarannya dalam kelas.	1	2	3	4	5
5	Pensyarah memberi komen yang negatif mengenai rakan sekerja di hadapan pelajar.	1	2	3	4	5

## H AMALAN DI LUAR KELAS

1	Pensyarah tidak menepati masa temu janji dengan pelajar.	1	2	3	4	5
2	Pensyarah tidak memberi bimbingan kepada pelajar yang bermasalah dalam kursusnya.	1	2	3	4	5
3	Pensyarah enggan berjumpa pelajar di luar waktu kelas.	1	2	3	4	5
4	Pensyarah membuat komen yang bersifat seksual.	1	2	3	4	5
5	Pensyarah mempunyai hubungan intim dengan pelajarnya.	1	2	3	4	5
6	Pensyarah tidak merujuk pelajar yang bermasalah kepada pihak yang berkenaan di IPG.	1	2	3	4	5
7	Pensyarah mengelak untuk memberi nasihat berkaitan kerjaya apabila diminta oleh pelajar.	1	2	3	4	5
8	Pensyarah enggan menulis surat sokongan untuk pelajar.	1	2	3	4	5
9	Pensyarah tidak membuat persediaan dengan secukupnya untuk kuliah kerana terlibat dengan kerja-kerja penyelidikan.	1	2	3	4	5
10	Pensyarah tidak mengintegrasikan bacaan daripada jurnal untuk menambahkan maklumat baharu dalam pengajaran	1	2	3	4	5

‘ANAK AYAM TURUN SEBELAS, BUDI TUAN TIDAK TERBALAS’

**Teks Temubual**

**A1. Tinjauan pendapat R1**

R1 merupakan seorang pensyarah dalam Jabatan Agama, Pendidikan Islam dan Moral. Beliau telah berkhidmat selama 17 tahun dan merupakan penyelaras bagi subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Di samping menyelaras, beliau juga terlibat dalam mengajar subjek berkenaan serta subjek-subjek yang lain. Selain dari itu, beliau juga terlibat sebagai mentor untuk kumpulan tertentu dan membimbing pelajar guru semasa praktikum.


**A2. Pendapat R1 terhadap penaakulan moral**

Berasaskan kepada pendapat R1, beliau bersetuju bahawa mereka yang lebih dewasa memiliki penaakulan moral yang lebih tinggi. Penaakulan moral yang tinggi terhasil dari pengalaman dan input yang diterima secara langsung atau tidak langsung. Penaakulan moral yang tinggi pula menyumbang kepada disiplin diri yang baik dan tingkah laku yang sempurna.

”..Saya bersetuju bahawa orang yang mempunyai penaakulan moral yang tinggi sudah tentu memiliki etika akademik yang baik ” ( Temubual responden 1, 04.07.2016)

Saya berpendapat penaakulan moral meningkat apabila seseorang semakin dewasa. Semakin dewasa maknanya mereka telah lama wujud dalam perkhidmatan.....boleh kata *senior* la. Sebagai pensyarah..... penaakulan moral perlu hebat kerana pensyarah merupakan *role model* kepada pelajar guru serta rakan sekerja. Penaakulan moral..... yang tinggi mampu untuk membimbing seseorang untuk berkelakuan

baik serta memiliki disiplin diri yang hebat. Penaakulan moral juga boleh meningkat melalui pengalaman seseorang dan tempoh mereka bekerja. Semakin bertambah .....pergaulan seseorang dengan mereka yang berpenaakulan moral tinggi, menyumbang kepada peningkatan penaakulan moral individu.....tersebut. Tidak semestinya pergaulan dalam kalangan mereka yang mempunyai penaakulan moral tinggi sahaja malah mereka yang berpenaakulan rendah juga tidak dipinggirkan. Mereka yang rendah penaakulannya tidak boleh dijadikan contoh tetapi sekadar menjadi panduan untuk tidak melakukan perkara yang sama. Tapi....terdapat juga mereka yang telah berumur dengan penaakulan moral yang tinggi lagi tu...gagal dalam melaksanakan tanggungjawab sebaiknya. Telibat dengan pelbagai salah laku dan kesalahan. Kadang kala tu...dah veteran sangat, masih melanggar etika pendidikan. Jantina juga memainkan peranan penting. saya berpendapat, kaum wanita memiliki penaakulan moral yang lebih tinggi dan baik. Ini pendapat saya berdasarkan pemerhatian dan pengalaman yang saya tempuh.



### A3. Pendapat R1 terhadap nilai profesional

R1 juga akur bahawa nilai profesional penting kepada semua apatah lagi pensyarah. Pensyarah perlu memiliki nilai ini agar relevan dengan tugas mereka yang sentiasa perlu menunjukkan contoh yang baik dan terpuji. Nilai profesional boleh dibentuk melalui pengalaman, pengetahuan serta pergaulan dengan masyarakat.

.....saya beranggapan nilai profesional penting dalam kehidupan seorang pensyarah. Tidak hanya kepada pensyarah tetapi penting kepada semua supaya setiap perlakuan terkawal dan mengikut norma masyarakat. Nilai profesional berbentuk universal dan diguna pakai oleh kebanyakan negara cuma pemahaman terhadap sesetengah nilai

sedikit berbeza antara kaum mungkin oleh perbezaan budaya. Nilai profesional adalah penting kepada pensyarah kerana mereka berhadapan dengan pelajar guru..... pensyarah pula merupakan mereka yang penuh berhemah .....menunjukkan nilai yang baik bagi menjayakan sesuatu program atau projek. Sebagai role model nilai profesional perlu supaya perlakuan terhadap pelajar lelaki dan perempuan dapat diterima oleh komuniti lantaran sikap profesional yang ditunjukkan oleh seseorang. Perbezaan agama tidak menghalang amalan nilai profesional kerana perlakuan yang baik juga diterima oleh agama. Saya beranggapan nilai profesional lebih sinonim dengan kaum wanita kerana kepribadian mereka yang lebih sopan dan beradab.

#### **A4. Pernyataan R1 terhadap aspek membuat keputusan**

Saya beranggapan aspek membuat keputusan adalah suatu yang mesti dalam kehidupan manusia. Apa yang penting ialah membuat keputusan yang betul dan tepat kerana keputusan yang salah membawa akibat yang negatif. Membuat keputusan juga dipengaruhi unsur luaran sehingga membawa kepada keputusan kurang bijak.

... membuat keputusan penting kepada semua manusia. Setiap masa manusia tidak sunyi dari membuat keputusan..... sama ada bagi diri sendiri atau orang lain. Hatta untuk makan sekalipun manusia tidak sunyi dari membuat keputusan iaitu untuk makan atau tidak, sekiranya keputusan untuk makan dicapai, keputusan perlu juga dibuat untuk menentukan apa yang hendak dimakan. Pelbagai faktor mempengaruhi setiap keputusan yang kita buat. Terdapat faktor yang menyebabkan keputusan asal tidak ditepati. Semakin dewasa sepatutnya keputusan yang dibuat semakin baik. Pengalaman, pengetahuan serta masyarakat sekeliling merupakan sumber bagi membuat keputusan yang baik. Namun begitu, terdapat juga manusia yang membuat

keputusan yang salah..... terhadap sesuatu perkara. Ini mungkin berlaku disebabkan oleh faktor-faktor lain yang mempengaruhi keputusan yang telah diambil.... Perkara ini boleh dielakkan sekiranya kita tekal dengan keputusan yang diambil tanpa diganggu pengaruh luaran. Membuat keputusan didominasi oleh kaum lelaki kerana kaum wanita sering dipengaruhi oleh kaum lelaki dalam membuat keputusan. Kadangkala kaum lelaki membuat keputusan bagi pihak wanita terutama dalam aspek jodoh dan pendidikan. Kaum wanita kerap rujuk kepada kaum lelaki sebelum sesuatu keputusan tersebut diambil. Pendapat ini adalah pandangan peribadi saya dan tidak semestinya diterima.

#### **A5. Pernyataan R1 tentang etika akademik**

Berasaskan situasi perbualan tersebut, beliau beranggapan bahawa beretika merupakan kriteria seorang pensyarah. Etika akademik adalah ciri yang diperlukan oleh pensyarah ketika berkhidmat supaya semua mendapat manfaat. Etika akademik yang baik seperti ditunjukkan oleh pensyarah menyumbang kepada hormat murid kepada mereka. Pensyarah yang tidak mengamalkan etika akademik yang baik diingati oleh pelbagai pihak di atas pelanggaran etika yang sering diamalkannya. Apa yang lebih malang ialah perlakuan tersebut menjadi ikutan atau sebab untuk membenarkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

.....Seorang pensyarah perlu beretika. Pensyarah adalah contoh kepada pelajar guru dan semestinya pensyarah perlu menunjukkan sikap yang baik dan amanah ..... dalam menjalankan tugas. Lebih panjang mereka bertugas sudah tentu menjadikan mereka lebih beretika atau adakah sebaliknya yang berlaku....Etika perlu dijaga supaya murid memberi penghormatan kepada si pengamalnya. Etika bukan sahaja

mendisiplinkan pelajar ..... malah memberikan manfaat kepada pelajar guru yang sedang menimba ilmu. Etika perlu diamalkan supaya pelajar tidak menggunakan perlakuan tersebut untuk membenarkan apa-apa kesalahan yang dilakukan pelajar atau rakan sekerja. etika akademik juga sangat perlu diamalkan dalam profesi perguruan supaya tindakan tatatertib tidak dikenakan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran. Etika akademik ini menjadi faktor kelangsungan profesi pendidikan . Wanita dilihat lebih beretika berbanding kaun lelaki sebab nilai dan sikap yang ada pada mereka menyumbang kepada etika akademik yang lebih tinggi. Wanita juga memiliki perasaan yang lebih halus terutamanya terhadap mereka yang lebih muda terutamanya kanak-kanak sekolah. Ulasan tersebut merujuk kepada pendedahan serta pengalaman yang saya lalui setiap hari.

**A6 – Adakah hubungan antara keempat-empat konstruk dan adakah latar belakang demografi seseorang seperti tempoh perkhidmatan, jantina dan umur mempunyai hubungan dengan etika akademik.**

R1 berpendapat adanya hubungan di antara konstruk yang telah dibincangkan namun ada hubungan yang berbentuk positif juga berbentuk negatif. Beliau juga memaklumkan tentang terdapat unsur lain yang mengambil tempat sehingga menjelaskan hubungan dan juga mungkin disebabkan aspek membuat keputusan yang tidak tepat oleh setiap individu.

....Setiap orang mempunyai penaakulan moral mereka sendiri sama ada tinggi atau rendah. Tak pasti sama ada seorang yang berpelajaran tinggi memiliki penaakulan moral yang juga tinggi kerana masih terdapat golongan profesional yang dikenakan tindakan atas kesalahan yang mereka buat. Penaakulan moral yang tinggi seharusnya

mempunyai hubungan yang signifikan dengan etika akademik kerana mereka yang bermoral tinggi .....akan melakukan amalan yang juga bermoral dan beretika. Sebaliknya, masih terdapat kes-kes yang melibatkan pensyarah semasa mereka bertugas. Ini menandakan adanya aspek lain yang mengambil tempat mengubah hubungan penaakulan moral dengan etika akademik. Aspek yang terlibat mungkin berpunca dari kaedah membuat keputusan yang tidak tepat atau salah. Nilai profesional pula adalah selari dengan penaakulan moral, oleh itu kedua-dua kelihatan sangat rapat dan berkaitan..... Bagi saya, nilai profesional dan penaakulan moral adalah milik seseorang namun bagi menentukan etika akademik terlaksana keputusan yang tepat perlu diambil. Pada pandangan saya, kesemua aspek yang dibincangkan tersebut adalah berhubungan diantara satu sama lain dan mana-mana satu aspek yang terjejas akan turut menjelaskan aspek yang lain.

....latar belakang demografi seperti tempoh perkhidmatan memainkan peranan penting kerana bagi saya semakin lama seseorang berkhidmat maka dia sangat berpengalaman dalam profesi ini. Dah tentu.....etika akademiknya lebih baik.....tapi kadangkala tak juga baik. Jantina .....bagi saya wanita mempunyai etika akademik lebih baik. Ini sebagai satu pandangan jer... sebab wanita nampak sopan sikit. Umur mainkan peranan penting, .....seseorang yang lebih berumur sepatutnya lebih beretika.....tapi ada kes-kes yang melibat orang lama juga. Sepatutnya .... pengalaman, tempoh perkhidmatan, apa lagi.....jantina dan umur mengajar setiap insan lebih beretika.

**A7. Mungkinkah aspek membuat keputusan mempengaruhi hubungan antara pembolehubah tersebut.**

....saya agak sudah tentu aspek membuat keputusan mempengaruhi kerana pada pendapat saya, keputusan seseorang sering berubah. Mulanya seorang pensyarah yang beretika, akhirnya terlibat dengan kes-kes pelanggaran etika. Kalu dulu la dia beretika, dah tentu penaakulan moral dan nilai profesional juga baik..... tapi la ni kelakuannya kurang baik, jadi saya menganggap dia ni gagal untuk mencapai satu keputusan yang tepat la. Natijah yang berbeza macam ni yang menyebabkan saya berfikir sesuatu telah mempengaruhi mereka untuk mengambil sikap yang tidak baik tu..

Pengkaji berpeluang berbual dengan responden berhubung pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Berikut merupakan teks temubual yang telah dirakam dan direkodkan:

Pengkaji (P) : Pada pendapat puan, apakah faktor yang menentukan kedudukan etika seseorang pensyarah berdasarkan pembolehubah yang telah dibincangkan sebentar tadi.

Responden (R1) : Walaupun pensyarah mempunyai tahap pendidikan yang tinggi dan baik tetapi masih berlaku etika yang tidak menepati kehendak profesion pendidikan. Saya berpendapat bahawa membuat keputusan memainkan peranan yang amat penting.

(P) : Kenapa puan berpendapat begitu?

(R1) : Pensyarah merupakan *role model*, kaya dengan nilai dan memiliki penaakulan moral yang tinggi tetapi sebahagian mereka terjebak dengan masalah etika yang pelbagai. Jadi apa lagi yang main peranan kalau bukan aspek membuat keputusan. Keputusan yang tidak tepat melanggar etika manakala keputusan yang tepat menyuburkan amalan etika dalam apa-apa profesion jua.

- (P) : Kenapa mereka tidak mampu membuat keputusan yang tepat?
- (R1) : Terdapat faktor lain yang mengambil tempat. Faktor-faktor tersebut boleh kita anggap sebagai faktor luaran juga dalam diri seseorang. Faktor-faktor inilah yang mengganggu seseorang dalam membuat keputusan. Itu saja pandangan saya.
- (P) : Dapatkan kajian tiada pengaruh membuat keputusan, bagaimana?
- (R1) : Jika macam tu....saya anggap sifat dalam diri seseorang boleh berubah. Saya nak bawa contoh agama dalam kes ni...Iman seseorang boleh naik dan boleh juga turun. Manusia bukan robot atau mesin. Manusia ada emosi yang perlu diuruskan dengan betul. Semasa seorang itu bujang, emosinya tidak sama selepas dia berkahwin, maksudnya masalah yang berlaku dalam rumah tangga menyebabkan emosi seseorang berubah.....kadangkala serius sangat. Emosi juga berubah dengan beban kerja yang perlu diselesaikan sehingga tengah malam. Sebagai pengamal agama, saya beranggapan faktor ini juga mainkan peranan kerana fahaman agama yang menyimpang juga menyebabkan amalan etika seseorang berubah. Saya bercakap dari aspek agama Islam.
- (P) : Kesedaran tentang nilai dalam profesion dah tinggi, jadi apa lagi?
- (R1) : Ada betulnya, tapi manusia juga target untuk kepuasan jadi kalau tak penuhi kepuasan tu, mungkin sesuatu boleh terjadi. Maksud saya kepuasan bekerja dan boleh juga faktor bebal seseorang merubah situasi. Kebelakangan ni masalah tekanan hidup antara krisis yang dialami oleh ramai orang, jadi krisis ini boleh juga menjadikan seseorang gagal untuk berfungsi secara normal. Persekutuan hidup dan

faktor diri sendiri juga memainkan peranan menjadikan manusia gagal untuk beramal dengan etika yang baik. Faktor diri seperti tidak sesuai berada dalam profesi ini, tidak boleh berurusan dengan manusia hanya boleh berurusan dengan mesin sahaja. Mungkin individu ini telah memilih profesi yang salah dalam hidupnya.

### **B1 -Tinjauan pendapat R2**

R2 adalah pensyarah di Jabatan Bahasa. Kemahiran beliau adalah terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Beliau telah berkhidmat selama 28 tahun. Selain itu, beliau juga terlibat sebagai mentor dan membimbing pelajar guru semasa praktikum. Beliau telah berkhidmat di beberapa buah sekolah dan IPG. Beliau merupakan seorang yang mudah didekati dan pergaulannya tidak terbatas kepada satu kaum sahaja. Temubual responden 2 pada 11.07.2016

### **B2 - Pendapat R2 terhadap penaakulan moral**

.. bersetuju bahawa semakin dewasa, semakin tinggi penaakulan moral seseorang. Penaakulan moral yang tinggi penting kepada pensyarah kerana mereka mengajarkan nilai kepada orang lain disamping menjadi ikutan pelajarnya. Penaakulan penting kerana kehidupan manusia berdasarkan peraturan dan undang-undang.

.... penaakulan moral seseorang meningkat selari dengan pertambahan umur mereka serta bergantung kepada selama mana perkhidmatan yang telah diberikan. Penaakulan moral seorang yang profesional dalam bidang mereka sudah tentu berbeza di bandingkan dengan mereka yang tidak profesional. Penaakulan moral yang tinggi ..... sepatutnya mampu membimbing seseorang untuk berkelakuan baik. Tak

tau....tu la, ada juga mereka yang telah berumur atau masih muda ...gagal menunjukkan etika yang baik. Mereka ini terbabit dengan salah laku dan pelanggaran etika. Mereka yang muda tu....kadang kala tak masuk kuliah dan yang tua pulak tu ponteng dan sebagainya. Penaakulan moral penting kepada pensyarah kerana pensyarah perlu menjadi idola kepada anak murid mereka. Seorang yang bermoral dan melakukan tindakan bermoral sudah pasti memiliki penaakulan moral yang tinggi. Oleh yang demikian..... penaakulan moral boleh dikatakan sebagai pencetus amalan dan tindakan bermoral oleh seseorang.

Penaakulan moral adalah penting kerana manusia hidup berdasarkan kepada peraturan dan undang-undang yang telah dipersetujui bersama.... Penaakulan moral berdasarkan jantina bagi saya adalah sama. Kes yang berlaku.....kadang-kadang libatkan lelaki dan juga wanita. Bagi saya *fair* la.....untuk kedua-dua jantina. Ada juga lelaki yang *cool* tapi wanita tak *cool* dan sebaliknya. Tempoh khidmat seseorang sepatutnya ..... jadikan orang tu memiliki penaakulan moral lebih tinggi. Tapi susah la nak kata.....pada kes-kes yang libatkan mereka pada umur sangat veteran dan pengalaman kerja yang sangat lama (dalam perkhidmatan) berlaku juga pelanggaran etika sehingga mereka diarahkan berhenti dan hilang segala kemudahan sebagai kaki tangan termasuk pence. Kes lagu ni ada tapi tak banyak.

### **B3- Pendapat R2 terhadap nilai profesional**

R2 menjelaskan bahawa setiap orang berbeza nilai profesional dan nilai profesional tersebut dibentuk oleh pendidikan, pengalaman serta persekitaran. Pensyarah perlu sentiasa peka dengan perkembangan nilai ini dan pensyarah juga mengajarkan anak

murid melalui nilai profesional. Perkara ini perlu dikekalkan supaya tradisi menuntut ilmu kekal buat selamanya.

....Nilai profesional ada pada setiap orang dan berbeza mengikut individu dan jantina. Nilai adalah suatu yang boleh kita belajar....dari sapa-sapa pun. Nilai yang saya maksud ialah nilai yang baik la....Perbezaan nilai ini mungkin disebabkan oleh latar belakang pendidikan, pengalaman serta persekitaran di mana seseorang dibesarkan. ....Pensyarah perlu memiliki nilai profesional yang tinggi kerana disamping mendidik mereka juga menjadi ikutan dan perhatian banyak pihak. Kebanyakan nilai ini dipersetujui oleh banyak negara, disebabkan oleh sifat universal nilai tersebut. ....Nilai profesional adalah penting kerana pensyarah sentiasa terlibat dengan pelajar guru dan tenaga manusia lain yang mana melibatkan nilai-nilai semasa berurusan. Penilaian dan pentaksiran pelajar juga menuntut pensyarah untuk memiliki nilai profesional yang tinggi. Pensyarah yang kurang beretika.....selalu dapat penilaian yang rendah dari pelajar. Bagi saya pensyarah wanita dan lelaki mempunyai nilai yang baik cuma *isolated case*..... kadang-kadang kedua-dua pun terlibat. Semakin lama berkhidmat sepatutnya semakin baik nilai profesional.....tapi ada juga juga kes melibatkan mereka yang dah bekerja 23/30 tahun terjebak dengan pelanggaran nilai dan sebagainya.....

#### **B4 – Pernyataan R2 terhadap aspek membuat keputusan**

Beliau akur bahawa membuat keputusan adalah sesuatu yang amat penting. Membuat keputusan juga bergantung kepada pengalaman seseorang dan kebolehan yang ada pada mereka. Gangguan dari pihak lain perlu dihindarkan demi mendapat keputusan yang tepat.

....Semua manusia yang hidup sering membuat keputusan dalam pelbagai bidang kehidupan. Membuat keputusan adalah situasi getir kerana keputusan yang diambil boleh menjadi tepat atau kurang tepat. Lebih malang sekiranya keputusan tersebut tidak tepat sama sekali. Seseorang membuat keputusan berdasarkan pengalaman mereka dan pengetahuan yang dimiliki. Sekiranya sukar untuk membuat keputusan..... seseorang mungkin mendapat penjelasan daripada pihak ketiga bagi membantu dia membuat keputusan. Lelaki dan perempuan pun..... kena buat keputusan. Saya dok agak...lelaki buat keputusan lebih baik kerana ada kredibiliti. Ketua keluarga, bebas tak dipengaruh, hidup tak harapkan orang lain dan..... bantu mereka buat keputusan. Pengalaman menyelesaikan banyak masalah membantu seseorang untuk membuat keputusan yang tepat. Keputusan boleh jadi tepat atau tidak ..... juga bergantung kepada situasi, masa dan faktor-faktor luaran yang lain. Tempoh masa seseorang bekerja boleh *guide* seseorang buat keputusan. Gangguan atau paksaan pihak lain juga mempengaruhi keputusan yang diambil. Peraturan organisasi juga menjadikan keputusan seseorang berubah-ubah....sebagai contoh, tengok kawan-kawan yang *optional* awal, pada hal *sign* untuk 60 tahun servis.

### **B5 - Pernyataan R2 tentang etika akademik**

Bagi R2, beliau amat bersetuju bahawa sekalian pensyarah perlu mengamalkan etika akademik yang baik dan tinggi. Etika ini perlu diamalkan sentiasa kerana kehidupan tidak alpa dari peraturan dan undang-undang. Sikap yang baik dan terhormat penting sebagai sandaran seorang pensyarah.

Pensyarah dan etika akademik adalah sinonim. Tak kira jantina, wajib amalkan etika akademik yang tinggi. Dua-dua jantina pun sama je.....ada etika rendah ada etika

tinggi. Kadangkala jantina satu ni mengalahkan yang satu lagi. Pensyarah wajib..... memiliki amalan etika akademik yang tinggi kerana mereka berurusan dengan pelajar guru yang sentiasa memerhatikan perlakuan pensyarah mereka. Seorang pensyarah mesti beretika kerana mereka adalah contoh kepada pelajar guru dan semestinya pensyarah perlu menunjukkan sikap yang baik dan amanah..... dalam menjalankan tugas. Etika akademik perlu sentiasa diamalkan dan menjadi satu budaya yang baik dalam diri pensyarah. Semakin lama seorang berkhidmat sepatutnya etika lagi baik....tapi susah nak cakap looo.....macam-macam jadi. Makin lama berkhidmat....sudah semestinya makin berumur.....tapi sama la macam tadi.....semua boleh jadi.

**B6 - Adakah wujud hubungan di antara keempat-empat aspek tersebut dan adakah latar belakang demografi seseorang seperti tempoh perkhidmatan, jantina dan umur mempunyai hubungan terhadap etika akademik.**

R2 bersetuju bahawa kesemua empat konstruk tersebut saling berkait dan berhubungan. Penaakulan moral, membuat keputusan dan etika akademik membawa satu unsur yang sama iaitu nilai-nilai yang baik. Membuat keputusan pula menghasilkan natijah terhadap perlakuan etika akademik kerana keputusan yang salah akan menghasilkan keputusan yang juga salah. Namun, seseorang perlu menjadikan pengalaman, pengetahuan dan emosi sebagai panduan untuk menghasilkan perlakuan yang baik.

Penaakulan moral seseorang berbeza diantara seorang dengan seorang yang lain. Sukar untuk menentukan hakikat..... seorang yang berpelajaran semestinya

memiliki penaakulan moral yang tinggi sebagaimana teori menyatakan. Penaakulan moral seharusnya mempunyai hubungan yang signifikan..... dengan etika akademik kerana kedua-dua elemen tersebut mengandungi nilai yang selari. Nilai profesional juga menyumbang kepada hubungan yang baik terhadap penaakulan moral dan juga etika akademik kerana nilai masyarakat serta norma yang diamalkan mewakili kesemua elemen seperti yang disebutkan. Membuat keputusan yang betul ..... pula mewajarkan etika akademik diamalkan sebaiknya. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa keempat-empat elemen tersebut saling berkaitan. Cerita pasal ciri demografi responden.....pengalaman atau tempoh bekerja dan umur saling berkait iaitu masa.... tapi bila tengok balik faktor demografi tu pun tak konstan seperti dalam teori tu.....ada selari, ada berlawanan... Kadang-kadang baharu masuk kerja dah tunjukkan etika yang tak elok tapi ada yang masuk kerja je terus tunjukkan komitmen yang terbaik...tu la maksudya. Umur pun kes sama jugak. Tadi ada kata masa berkhidmat..... pun sama juga, lagi sebulan dua nak penceh buat hal....ending kena penjara dan terus tak dapat merasa pencen. Ada la berlaku tapi jarang-jarang.....

#### **B7. Mungkinkah aspek membuat keputusan mempengaruhi hubungan antara pembolehubah tersebut.**

..saya ingat, pengaruh tu ada, cuma tak tau tepat ke tak. Saya kata macam tu sebab pensyarah yang baik boleh jadi sebaliknya dan pensyarah yang problem boleh juga bertukar sebaliknya. Jadi apa yang boleh tukarkan semua ni....kalau bukan pengaruh sesuatu. Kita kata membuat keputusan la. Kalau keputusan yang dibuat adalah tepat dan bersesuaian, hasil dia etika yang baik. Tapi kalau penaakulan dan amalan nilai yang baik.....boleh jadi tanpa pengaruh membuat keputusan terhasil jugak etika yang baik. Jadi saya anggap pengaruh ni boleh jadi berlaku dan jugak boleh tak berlaku...

Pengkaji meninjau dengan lebih mendalam pendapat dan pandangan responden terhadap kejadian pelanggaran etika dalam profesi pendidikan. Responden berhujah dengan berpendapat seperti teks di bawah:

Pengkaji (P) : Tuan, bagaimana kesalahan terhadap pelanggaran etika boleh berlaku dalam profesi pendidikan. Boleh berikan ulasan.

Responden(R2): Saya anggap guru adalah insan yang sempurna akhlak dan bersifat baik. Namun pelanggaran etika ini mungkin disebabkan oleh kesilapan mereka membuat keputusan. Ponteng, masuk lewat dan mengabaikan tanggungjawab merupakan keputusan dari tindakan yang salah. Saya fikir macam tu la...

(P) : Tidakkah mereka merupakan individu yang sentiasa membuat keputusan, bukan hanya untuk diri sendiri malah untuk anak murid dan keluarga.

(R2) : Betul la, tetapi banyak perkara lain yang di luar kawalan mereka telah mengambil bahagian dan mempengaruhi keputusan awal.

(P) : Adakah tuan yakin akan respon tersebut?

(R2) : Saya yakin, faktor luaran juga faktor dalaman telah pengaruhi apa mereka buat (sebahagian daripada mereka)

(P) : Dapatkan kajian tiada pengaruh membuat keputusan, bagaimana?

(R2) : Kalau begitu, antara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar. Saya nak jelaskan bahawa manusia boleh jadi hilang kewarasannya berpunca oleh banyak perkara. Punca boleh diambil kira seperti salah memilih profesi, personaliti, kepelbagai latar belakang, kurang daya adaptasi, tiada motivasi dalam diri (intrinsik), indeks pencapaian

dalam kerjaya dan mungkin oleh faktor lain. Salah pilih profesi juga meninggalkan kesan semasa bekerja kerana bekerja di bawah pengaruh stres. Stres disebabkan diri mereka tidak sesuai untuk berurusan dengan manusia tambahan pula golongan pelajar yang muda. Stres juga boleh disebabkan oleh faktor beban kerja, boleh juga corak kepimpinan ketua sesebuah institusi atau IPGK dan boleh jadi persekitaran yang mempengaruhi corak kehidupan seseorang. Faktor-faktor di atas jugak rasanya ‘*komited*’ terhadap masalah ‘burn out’, bosan dan kemurungan. Pensyarah yang berhadapan dengan gangguan mental dan sakit jiwa juga semakin meningkat bilangannya. Mental dan jiwa mungkin berpunca dari genetik atau keturunan boleh juga bebanan dan tekanan yang ditanggung.

- (P) : Kesedaran tentang nilai dalam profesi dah tinggi, jadi apa lagi?
- (R2) : Mungkin ada konflik dalam memahamkan istilah moral etika dalam kalangan responden disebabkan latar belakang agama. Mungkin agama menilai tidak selari dengan moral atau moral itu sendiri tidak dapat diterima oleh sesetengah agama. ‘Reason’ lain, boleh dikatakan mereka tidak sesuai dengan sistem dan akhirnya cuba keluar dari sistem. Boleh jadi mereka meletakkan nafsu di depan dengan mengabaikan segala ilmu dan pengetahuan yang dikumpul selama ini.....Manusia ni juga kalau nak kira ada kecenderungan untuk berfikir secara tak normal, sebab tu kadang kala tindakan manusia tak boleh diterima akal. Tindakan diluar batas kemanusiaan. Faktor luar yang mungkin terlibat ialah tekanan dan beban kerja, hutang bank atau along, status kawin/bujang dan boleh jadi keluarga. Manusia sering

berdepan masalah dalam hidup dan keupayaan setiap manusia untuk menyelesaikan masalah adalah berbeza dan amat berbeza.

### **C1 -Tinjauan pendapat R3**

R3 merupakan seorang pensyarah dalam Jabatan Sains Sosial. Khidmat beliau selama 23 tahun meliputi beberapa buah IPG. Beliau adalah penyelaras bagi subjek Sejarah dan Kenegaraan. Beliau juga adalah pensyarah dan bertindak sebagai mentor. Beliau juga menjadi ahli kepada beberapa jawatankuasa yang dilantik oleh pihak IPG. Terlibat dengan Program Bina Insan Guru bagi melatih pelajar di luar kelas. Temubual responden 3, pada 20.07.2016.

### **C2 - Pendapat R3 terhadap penaakulan moral**

R3 berpendapat penaakulan moral perlu ditingkatkan atau meningkat mengikut perkembangan diri seseorang. Pensyarah perlu memiliki personaliti dan penaakulan moral yang hebat..... hebat kerana mereka merupakan idola kepada pelajar guru. Semakin bertambah pergaulan seseorang dengan mereka yang mempunyai penaakulan moral tinggi, menyumbang kepada peningkatan penaakulan moral individu terbabit dan amalan etika mereka. Penaakulan boleh dibina dan terlerai apabila terdedah kepada persekitaran yang buruk dan tidak sesuai. Perubahan ini boleh dilihat kepada perubahan tingkah laku seseorang.

.....moral setiap individu adalah berbeza. Bukti pernyataan ini dapat dilihat dalam kehidupan individu berkenaan.....baik atau tidak serta mampu mengekalkan perbuatan berdisiplin di mana sahaja mereka berada. Penaakulan moral sepatutnya meningkat selari peningkatan usia kerana semakin lama manusia hidup pelbagai

pengalaman dapat dirasai dan semua ini menyumbang kepada peningkatan penaakulan....Begin juga dengan tempoh seseorang berkhidmat....lagi lama sepatutnya lebih tinggi penaakulan moral mereka. Ini kerana lebih banyak kursus/seminar/forum yang mereka hadiri, menyebabkan mereka lebih memahami tuntutan sebagai seorang pensyarah. Lelaki dan wanita ..... mampu menaakul berdasarkan pengetahuan, pengalaman yang luas dan emosi. Kadang kala jantina tidak dapat menentukan mana lebih hebat.....lelaki ke wanita.Berdasarkan kepada sijil dan anugerah saja tak mencukupi .....sebab ramai dari kalangan tersebut juga mempunyai penaakulan moral yang tak sepatutnya.

### **C3 - Pendapat R3 terhadap nilai profesional**

Beliau beranggapan nilai profesional penting dalam kehidupan seorang pensyarah. Nilai profesional berbentuk universal dan diguna pakai secara dalaman dan di luar negara. Seorang yang profesional dalam kerjayanya patut meletakkan nilai profesional dalam diri mereka untuk diamalkan sentiasa. Nilai profesional adalah penting kerana segala nilai yang terkandung di dalamnya adalah baik dan sentiasa relevan untuk digunakan.

...nilai profesional sama ada disedari atau tidak memainkan peranan penting dalam kehidupan kita. Nilai sentiasa digunakan walaupun kita tidak menyedari penggunaannya setiap hari. Nilai profesional bukan hanya penting kepada profesi pensyarah tetapi penting untuk semua bidang. Berbeza amalan..... bagi setiap orang bergantung kepada tahap pendidikan serta pengalaman yang ditempuhi oleh seseorang. Nilai profesional mengandungi pelbagai unsur positif yang perlu dikuasai dan diamalkan oleh semua. Lelaki dan perempuan dari latar belakang yang sama perlu

memiliki set nilai profesional yang sama. Pensyarah yang telah lama berada dalam sistem sudah tentu mampu mengamalkan nilai profesional dengan lebih baik. .... namun terdapat kes melibatkan golongan veteran yang tidak mengamalkan nilai-nilai profesional ini. Sehubungan dengan tempoh perkhidmatan, umur juga sangat relevan dengan nilai profesional. Semakin berumur.....makin tinggi amalan nilai profesional mereka.....sepatutnya.

#### **C4 - Pernyataan R3 terhadap aspek membuat keputusan**

R3 yakin bahawa membuat keputusan adalah sesuatu yang amat penting dalam kehidupan manusia. Membuat keputusan boleh jadi baik atau sebaliknya kerana aspek ini tidak berlaku sendirian malah dipengaruhi oleh unsur-unsur luar yang menjadikan keputusan tersebut betul atau salah. Pensyarah perlu menggunakan kemahiran dan pengalaman sebaik mungkin untuk membuat apa jua keputusan.

Aspek membuat keputusan adalah suatu yang penting..... dalam hidup. Saban hari manusia membuat keputusan terhadap sesuatu yang besar atau kecil, penting atau tidak dan sebagainya. Membuat keputusan yang baik..... adalah suatu yang sangat diharapkan sebaliknya keputusan yang buruk perlu dielakkan. Kita membuat keputusan bagi diri sendiri serta orang lain (pelajar guru). Keputusan yang dibuat juga berdasarkan kepada pembacaan seseorang, pengalaman serta mungkin disebabkan oleh emosi seseorang. Keputusan juga berkemungkinan dipengaruhi oleh unsur-unsur luar yang sangat banyak .....yang mengganggu pertimbangan seseorang.....Jantina pun ada kaitan dengan buat keputusan. Kerap kali wanita akan mendapatkan pandangan lelaki untuk membuat keputusan.....kadang-kadang di terima dan selainnya ditolak. Oleh itu.....buatlah keputusan yang tepat.

### **C5 - Pernyataan R3 tentang etika akademik**

R3 menyedari hakikat bahawa seorang pensyarah perlu beretika dan menunjukkan sikap yang baik. Perlakuan berdasarkan etika akademik adalah suatu yang amat baik dan sesuai untuk dijadikan contoh oleh pelajar. Pensyarah wajib beretika kerana profesi ini menjadikan pelajar sebagai pelanggan dan pelanggan sentiasa rapat dengan pensyarah dan secara tidak langsung sering terikut-ikut dengan rentak pensyarah mereka. Etika akademik sangat penting diterjemahkan dalam diri pensyarah sama ada lelaki maupun perempuan.

.....seorang pensyarah perlu beretika. Pensyarah adalah contoh..... kepada pelajar guru dan semestinya pensyarah perlu menunjukkan sikap yang baik dan amanah dalam menjalankan tugas. Etika perlu dijaga supaya murid memberi penghormatan kepada si pengamalnya. Etika bukan sahaja mendisiplinkan pelajar malah memberikan manfaat kepada pelajar guru yang sedang menimba ilmu. Etika akademik adalah asam garam kehidupan seorang pensyarah dan pelanggaran etika merupakan suatu kesalahan melanggar peraturan..... Mereka yang kompeten sahaja mampu untuk mengaplikasikan amalan etika akademik dalam kerjaya mereka. Umur ..... selalunya meletakkan yang berumur lebih beretika namun kes yang tercatat menunjukkan golongan berumur juga terlibat.

### **C6 - Adakah hubungan antara keempat-empat aspek tersebut dan adakah latar belakang demografi seseorang seperti tempoh perkhidmatan, jantina dan umur mempunyai hubungan terhadap etika akademik.**

Sememang ada hubungan dan perkaitan antara kesemua aspek. Apa yang saya dapat lihat ialah wujud hubungan yang baik antara penaakulan moral, nilai profesional dan

etika akademik manakala membuat keputusan seakan-akan menjadi penghubung antara beberapa aspek tersebut. Membuat keputusan memainkan peranan yang penting dalam menentukan etika akademik kerana akhirnya bagaimana seorang pensyarah tersebut boleh beretika atau tidak..... terdapat pensyarah yang mempunyai penaakulan yang tinggi tetapi masih melanggari etika profesion. Situasi ini mungkin disebabkan oleh aspek membuat keputusan yang tidak tepat atau melanggari peraturan profesion. Hubungan antara keempat-empat aspek dikaitkan dengan nilai dan nilai-nilai baik sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan pensyarah dan sentiasa dituntut. Ciri-ciri demografi ..... dilihat ada hubungan dengan etika akademik di mana semakin lama tempoh pekerjaan seseorang ....maka semakin bertambah etika mereka ....sepatutnya. Macam tu juga dengan umur yang selari dengan tempoh perkhidmatan. Jantina juga gagal menentukan mana lebih baik namun aspek ini diyakini ada hubungan dengan etika akademik seseorang. Wanita pun.....kadang-kadang kurang etika gak sebab tak masuk kuliah lah, ciplak kajian la, macam-macam lagi kes depa buat, lelaki pun sama.....teruk lagi ada...

### **C7. Mungkinkah aspek membuat keputusan mempengaruhi hubungan antara pembolehubah tersebut.**

... saya anggap pengaruh ni wujud. Bagi saya umur memainkan peranan. Kita ambil budak remaja dalam umur belasan tahun. Berbekalkan penaakulan yang lemah dan amalan nilai terhad, mereka dilihat berkelakuan seakan sama. Contohnya penggunaan gadget telekomunikasi atau cyber cafe. Walaupun penggunaan berlebihan adalah tidak baik namun segolongan besar masih tetap melakukannya.....Namun golongan lebih tua dan berumur, kurang melakukan kesalahan yang sama walaupun golongan ini juga memiliki telefon mudah alih.

Golongan tua yang buat ada tapi mungkin .....bilangannya kecik. Jadi semakin berumur, saya berpendapat pengaruh membuat keputusan ini lebih kuat.

Merasakan sesuatu yang perlu diketahui lebih mendalam dan meyakinkan, pengkaji menemubual responden tentang pelanggaran etika dalam kalangan pensyarah. Responden memberika pandangan mereka seperti teks berikut:

Pengkaji(P) : Setelah melalui satu sesi latihan yang formal, bersepadau dan mengambil masa bertahun-tahun, adakah status guru masih dipertikai.

Responden(R3): Tidak dinafi, malah guru telah membentuk pengalaman mereka sendiri dan menguasai nilai serta kemampuan moral yang baik.

(P) : Tetapi rekod yang tercatat masih menunjukkan salah laku etika masih wujud dalam profesion pendidikan ini. Boleh jelaskan.

(R3) : Berdasarkan kenyataan itu, guru sebahagiannya telah membuat keputusan yang tidak tepat. Mereka faham apa yang mereka lakukan tetapi faktor-faktor luaran dan persekitaran telah mengubah nilai dan etika yang mereka punyai. Kumpulan yang mengambil kesempatan juga ramai.

(P) : Bolehkan aspek membuat keputusan ini dimurnikan.

(R3) : Boleh, dibuktikan sebelum mereka didapati melakukan kesalahan sehingga mereka disabitkan kesalahan.

(P) : Bagaimana pensyarah lain?

(R3) : Pensyarah lain mampu menangani permasalahan mereka dan sebab itu mereka mampu membuat keputusan yang rasional.

(P) : Dapatkan kajian tiada pengaruh membuat keputusan, bagaimana?

(R3) : Rasa saya.....kita balik kepada faktor manusia. Manusia dilahirkan dengan latar belakang yang berbeza macam contoh anggota

tentera...walaupun telah terlatih tetapi tetap ada yang lari apabila berhadapan musuh. Tapi ada yang sanggup mati di medan tempur. Macam contoh dadah.....walau berat mana hukuman tetapi pengedaran, menagih dan sebagainya tetap ada dan sukar dihapuskan.

- (P) : Kesedaran tentang nilai dalam profesion dah tinggi, jadi apa lagi?
- (R3) :Boleh difaham sebagai budaya masyarakat. Setengah budaya membiarkan guru melakukan apa-apa terhadap pelajar mereka. Ibu bapa juga keberatan untuk tampil meminta keadilan. Budaya juga boleh terjadi apabila pihak bawah menerima arahan pihak atas tanpa usul periksa. Justeru *load* kerja yang banyak pun tetap diterima walaupun *load* menyebabkan mereka jatuh *stres*. Stres menyebabkan perkara negatif berlaku dan sebahagian pensyarah yang lain masih kekal.

#### D1 -Tinjauan pendapat R4

R4 telah berkhidmat dengan IPG selama 7 tahun. Sebelumnya beliau adalah guru di beberapa buah sekolah di semenanjung dan Sarawak. Beliau dari Jabatan Ilmu Pendidikan dan kini berpindah ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar IPG yang sama. Beliau adalah guru kaunseling dan merupakan kaunselor pelajar. Beliau adalah penyelaras, bagi beberapa subjek dan terlibat secara langsung dengan bahagian kediaman pelajar serta warden asrama. Berminat untuk mendalami ilmu sedia ada dengan hasrat menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Temubual R4, pada 25.07.2016.

## **D2 - Pendapat R4 terhadap penaakulan moral**

.....seseorang yang mempunyai penaakulan moral yang tinggi semestinya lebih tua berbanding yang lain. Penaakulan moral dibentuk oleh pengetahuan seseorang dan pengalaman yang dikutip sepanjang kehidupannya. Oleh itu, semakin dewasa seseorang maka semakin tinggi etika akademik mereka. Etika penting dalam kehidupan pensyarah kerana rata-rata profesion ini sarat dengan peraturan dan panduan. .....Etika akademik ini juga wajib dan penting untuk diamalkan kerana pensyarah adalah golongan yang melatih manusia untuk menjadi guru yang diminta untuk menunjukkan moral yang tinggi kepada pelajarnya. Penaakulan moral yang tinggi menyumbang kepada perlakuan baik serta memiliki disiplin diri yang hebat. Penaakulan moral penting kerana pensyarah merupakan '*front liner*' dalam kemajuan negara dan pembinaan modal insan. ..... jantina tak banyak berbeza dalam menguasai aspek penaakulan moral tetapi seorang lelaki boleh menjadi lebih baik berbanding seorang wanita atau sebaliknya bergantung kepada keupayaan mereka untuk mengaplikasi setiap pengetahuan yang ditimba sebelumnya. Tempoh seseorang bekerja menyumbang kepada penaakulan moral yang baik sebagaimana yang dinyatakannya berhubung umur seseorang. ...umur dan tempoh berkhidmat adalah suatu yang selari.

...Penaakulan moral penting dalam pembangunan kerjaya seorang pensyarah. Pensyarah yang bertugas untuk tempoh lebih lama kelihatan lebih tenang dan yakin dalam kerjaya mereka. Sudah tentu masa yang lama dalam profesion mengajar mereka untuk menyesuaikan diri dengan segala bentuk perubahan yang berlaku dalam persekitaran mereka. Mereka yang gagal untuk menyesuaikan diri ..... terpaksa mengambil keputusan untuk bersara awal la. Mungkin juga mereka yang gagal tidak

bersara tetapi masih berkhidmat dengan segala bentuk masalah dan perasaan. Sebagai pensyarah, penaakulan moral mereka perlu tinggi kerana menjadi tulang belakang dalam pembangunan sebuah negara.....profesional yang dibekalkan dengan peraturan dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi. Profesional pensyarah merupakan tulang belakang negara dan sudah semestinya ahli kepada profesion ini perlu kepada penaakulan moral yang tinggi.....kita melatih manusia untuk menjadi baik justeru tenaga pengajarnya perlu lebih baik dari individu yang hendak dilatih..... Baik lelaki atau wanita, penaakulan moral mereka perlu konstan dan selalu pada tahap tinggi. Lelaki dan wanita boleh memiliki tahap penaakulan yang tinggi berdasarkan pengalaman serta pengetahuan dan begitu juga sebaliknya. Umur ni..... berkadar dengan tempoh perkhidmatan, makin lama berkhidmat sudah tentu semakin berusia dan dengan penambahan usia ini menjadikan seseorang lebih matang la..... bagi menghadapi segala permasalahan yang dihadapi.

### **D3 - Pendapat R4 terhadap nilai profesional**

Nilai profesional membentuk seseorang menjadi lebih bersopan dan memahami keperluan dan hasrat insan lain. Nilai profesional yang kita amalkan di sini boleh digunakan di mana-mana jua kerana nilai baik boleh diterima di banyak tempat. Nilai yang sering di amalkan oleh manusia tidak banyak berbeza. Sebagai pensyarah, penguasaan nilai profesional adalah suatu yang dituntut. Ini kerana mereka melatih manusia untuk menjadi baik dan berdisiplin. Nilai profesional sangat sinonim dengan profesion pensyarah kerana hanya nilai baik sahaja yang akan diterapkan kepada insan lain.

...amalan nilai profesional adalah suatu yang positif dan dituntut. Semakin lama manusia hidup semakin banyak pengalaman yang mereka kutip dan sepatutnya menyumbang ke arah kebaikan ..... tetapi baik atau buruk terserah pada manusia tul.... Kita dapat tengok, penghuni penjara ramai dari kalangan yang dah berumur dan tua, tapi Sekolah Tunas Bakti dan Henry Gurney kesemuanya golongan muda dan kanak-kanak. Bagi saya..... nilai terletak pada individu tersebut dan tak kira jantina, lelaki atau perempuan jugak tak kira umur. Pensyarah sangat sinonom dengan nilai ini dan sangat relevan untuk diamalkan dalam profesion pensyarah. Pensyarah melatih manusia untuk menjadi baik dan mengajar manusia lain juga untuk menjadi lebih baik. Perlakuan yang melanggar nilai-nilai dalam masyarakat perlu dihindarkan.Oleh itu nilai profesional dilihat sebagai suatu yang berkembang dalam diri pensyarah dan insan lain selaras perkembangan kehidupan mereka.... Jangka masa bekerja juga tidak menentukan bahawa nilai profesional terserap semuanya dalam jasad mereka..... ada yang buat kes masa dah nak pence..... ada baharu masuk kerja dah kena tindakan disiplin. Susah nak pastikan secara umum melainkan kajian secara mendalam di buat.....

#### **D4 - Pernyataan R4 terhadap aspek membuat keputusan**

Beliau mengerti bahawa kepentingan membuat keputusan dalam hidup. Semua bidang kerjaya memerlukan setiap insan membuat keputusan bagi diri sendiri atau pihak lain. Keputusan yang dibuat semestinya perlu betul dan tepat serta akur kepada kehendak peraturan dan undang-undang. Terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi keputusan seperti agama dan beliau meletakkan peraturan agama mengatasi

segalanya. Peraturan dan keputusan biasa yang tidak bercanggah dengan agama adalah digalakkan dan diterima.

...Membuat keputusan suatu yang penting dalam hidup. Bekerjaya, berprofesional, berkeluarga, berjiran dan sebagainya menuntut satu keputusan yang tepat dan jitu. Sebagai perancang kepada pembangunan sebuah negara, profesion pensyarah dilihat sangat penting untuk menjadi pembuat keputusan yang tepat dan betul. Keputusan dibuat di mana-mana dan oleh siapa sahaja..... lelaki dan perempuan. Tapi saya menjangkakan keputusan yang lelaki buat lebih kukuh kerana biasanya lelaki tak rujuk pada sapa-sapa untuk buat keputusan. Wanita kadang kala rujuk *may be* orang tua, abang, kakak, atau suami untuk tetapkan keputusan. Jadi..... keputusan yang dibuat oleh perempuan nampak lebih tepat kerana mereka dapatkan pendapat pihak lain sebelum keputusan diambil. Membuat keputusan perlu merujuk kepada keperluan, peraturan dan sudah tentu melibatkan fahaman agama. Akhirnya..... keputusan yang bercanggah dengan agama wajib ditolak dan hanya yang selari dibenarkan. Keputusan yang dibuat oleh mereka yang berkedudukan tinggi lebih meluas berbanding dengan mereka yang kedudukannya lebih rendah. Seseorang yang berkhidmat lama tidak semestinya mampu buat keputusan yang tepat berbanding mereka yang baharu dalam perkhidmatan. Pada asasnya mereka yang banyak pergaulan, pengalaman lebih tepat membuat keputusan tapi kadang kala tak mampu juga.....

#### **D5 - Pernyataan R4 terhadap etika akademik**

Beliau menyatakan, etika akademik dan kepentingannya tidak dapat dinafikan. Mematuhi etika akademik bermaksud patuh kepada peraturan dan kepentingan

profesional seperti yang tercatat. Pensyarah perlu bersikap adil dan amanah dalam profesion dan natijah akhir ialah kejayaan pensyarah dalam mendidik serta mendisiplinkan seseorang mengikut lunas-lunas yang baik. Mematuhi etika akademik membawa maksud pensyarah telah menjalankan tugasnya dengan baik dalam usaha melatih pelajar guru menjadi guru cemerlang kelak. Mereka dah laksanakan amanah yang diberikan.

.....Sesiapa sahaja perlu dan sepatutnya beretika. Namun etika akademik terletak kepada mereka yang terlibat dalam sistem pendidikan sahaja kerana ia berkaitan akademik. Pensyarah..... guru kepada pelajar guru perlu lebih beretika kerana etika akademik bermaksud mematuhi segala keperluan dan kehendak bidang pendidikan. Segala keperluan dan kehendak dirangka bagi menjadikan bidang pendidikan ini dinamik, progresif dan berkesan.....oleh itu pensyarah perlu menunjukkan sikap yang baik dan amanah dalam menjalankan tugas. Memenuhi tuntutan etika akademik bermaksud pensyarah berada dalam landasan yang betul dalam bidang pendidikan. Etika ni....tak bergantung kepada lama bekerja. Tengok orang, mula-mula elok beretika, lepas tu langsung tak boleh pakai. Ada jugak sebaliknya....dan macam-macam lagi lah. Etika akademik yang diamalkan dengan betul memberikan hak pelajar guru sebenarnya dan hak pensyarah berkenaan.... Pensyarah lelaki dan perempuan perlu beretika. Saya lihat.....pensyarah perempuan kebanyakannya lebih beretika berbanding lelaki mungkin disebabkan fitrah mereka yang tidak terlalu bebas..... Pengalaman pula mengajar seseorang untuk kekal tidak berubah atau *totally* berubah berpandukan kepada persekitaran, juga pandangan orang lain.

**D6 - Adakah wujud hubungan antara keempat-empat aspek tersebut dan adakah latar belakang demografi seseorang seperti tempoh perkhidmatan, jantina dan umur mempunyai hubungan terhadap etika akademik.**

Keempat-empat konstruk kelihatan sangat berkait rapat dan saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Segala nilai yang terdapat didalam perlu dihayati kerana nilai-nilai ini memainkan peranan yang sangat besar untuk kejayaan profesion. Kesemua konstruk perlu dikuasai oleh pensyarah dalam usaha untuk memenuhi tuntutan profesion iaitu amalan etika akademik yang baik dan berkesan. Nilai profesional dan penaakulan moral merupakan tapak yang dilihat memberi kesan kepada pelaksanaan etika akademik. Sekiranya kedua-dua aspek tersebut cemerlang maka besar juga peluang untuk etika akademik dilihat cemerlang. Namun, membuat keputusan merupakan konstruk yang memainkan peranan sehingga tercetus atau tidak perlakuan etika akademik yang cemerlang. Terdapat pengaruh luar yang mungkin terlibat sehingga sebahagian etika akademik tidak dapat dizahirkan. Untuk etika yang tak baik tu, macam bertentangan dengan apa yang dinyatakan di atas. .....saya dok nampak memang ada perkaitan antara ke empat-empat konstruk tu kerana semuanya melibatkan aspek nilai dan setiap satu nilai berhubungan dengan nilai yang lain. Nilai profesional, penaakulan moral( kearah penerimaan nilai jugak tu) dan etika akademik juga satu nilai yang baik. Jadi, membuat keputusan telah mainkan peranan untuk hubungkan antara dua nilai tu (bebas dan bersandar). ..... saya rasa kalau salah buat keputusan hasil lagu lain la....tak jadilah etika tu baik, nanti jadi tak baik pulak. ....jadi apa pun masih ada hubungan la...

Ciri-ciri demografi responden pulak..... saya lihat sangat berkait dengan amalan etika akademik tapi boleh jadi positif atau sebaliknya. Macam tempoh perkhidmatan

tu....patutnya lagi lama berkhidmat lebih baik amalan etikanya, tapi tengok la kes yang jadi tu, tak kira tua atau muda, sama naik je..... Faktor umur pun lebih kurang sama, tak kira tua muda jugak. Jantina ni pun sama..... cuma yang libatkan lelaki mungkin lebih ramai *compare* dengan perempuan. Sebab tu susah nak cakap, kena buat soal selidik atau kajian ler....

#### **D7. Mungkinkah aspek membuat keputusan mempengaruhi hubungan antara pembolehubah tersebut.**

...bagi saya pengaruh ni wujud. Kalau kita buang aspek membuat keputusan, .... dengan penaakulan moral yang tinggi dan amalan nilai profesional yang baik, dah tentu amalannya baik. Input baik dah tentu output jugak baik. .....tapi la ni, banyak kes dimana inputnya sangat baik tetapi outputnya kurang memuaskan. Kalau kes macam ni saya anggap dipengaruhi oleh aspek membuat keputusan. Sebab itu, pegawai yang diamanahkan sesuatu jawatan telah gagal melaksanakan amanah yang di berikan. Pada hal.....mereka adalah pegawai yang telah terlatih. Jadi saya anggap pengaruh ni wujud pada situasi yang tertentu, satu keadaan tertentu....ia tak wujud.

Pengkaji berpeluang untuk bertanya kepada responden untuk menzahirkan pendapat serta buah fikiran mereka tentang pelanggaran etika dalam kalangan pendidik terutamanya pensyarah. Penjelasan beliau seperti teks yang berikut:

Pengkaji(P) : Apa yang tuan faham tentang kesalahan etika.

Responden(R4): Mereka yang melanggar tatasusila serta peraturan yang telah diterima pakai dalam kalangan warga pendidik. Pelanggaran boleh terjadi kali pertama atau kes yang diulang-ulangkan. Kesalahan

maksudnya bercanggah dengan peraturan, norma atau undang-undang yang diterima pakai dalam masyarakat kita.

- (P) : Apa yang menyebabkan pelanggaran etika ini berlaku?
- (R4) : Kerana pegangan agama yang lemah dalam hati serta disebabkan oleh pengaruh luar. Nak kaya cepat pun sebahagian punca kes tersebut berlaku.
- (P) : Adakah agama serta pengaruh luar ini penyebab utama tidak beretika.
- (R4) : Mereka diserapi oleh pengaruh luar dan menyebabkan mereka membuat keputusan yang tersasar dari jalan sebenarnya. Membuat keputusan sangat penting, salah membuat keputusan menyebabkan sekeluarga dan pekerjaan terjejas.
- (P) : Berikan satu penegasan untuk kenyataan tersebut
- (R4) : Membuat keputusan boleh jadi baik tanpa gangguan anasir luaran maksud saya ialah idea, pandangan serta pendapat sesiapa sahaja di luar profesion yang bercanggah dengan amalan kita di Malaysia. Keputusan yang tepat juga berpandukan kepatuhan kepada Tuhan. Untuk penganut agama lain, keputusan dibuat berdasarkan kepercayaan dan amalan agama masing-masing. Macam agama Islam, kita percaya kerja adalah ibadah tetapi mereka dengan pegangan agama yang lemah tidak mustahil terlibat dengan perkara yang melanggari etika akademik. Manusia ni pun berbeza latar belakang dan manusia ni dijadikan oleh Tuhan dengan sangat unik. Manusia mempunyai potensi sendiri untuk berubah, sama baik atau jahat. Manusia boleh menghidu peluang, ada peluang mereka sambar, ikut ‘*law*’ ke tak ikut ‘*law*’ ke terpulang, janji dapat. Maka terjadilah kes

dawah, rasuah, pecah tender dan pecah amanah. Pensyarah yang mengalami kecacatan dalam otak juga menyumbang kepada pelanggaran amalan etika. Akhirnya apa yang saya nak suarakan ialah ‘*simptom*’ dari ‘*Mid Career Crisis*’. Di kesan banyak berlaku dalam kalangan kakitangan peringkat eksekutif tanpa menolak dakwaan krisis ini juga berlaku dalam kalangan pensyarah.



### **Lampiran 3**

Berikut adalah soalan-soalan yang digunakan dalam temu bual bersama responden merujuk kepada tarikh yang telah dipersetujui:

<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>
S1	Apakah pandangan tuan terhadap penaakulan moral?
S2	Bagaimana kefahaman tuan terhadap nilai profesional?
S3	Bagaimana pandangan tuan terhadap aspek membuat keputusan?
S4	Apakah pula pendapat anda tentang etika akademik?
S5	Adakah hubungan antara keempat-empat konstruk dan latar belakang demografi seseorang seperti tempoh perkhidmatan, jantina dan umur mempunyai hubungan dengan etika akademik?
S6	Mungkinkah aspek membuat keputusan mempengaruhi hubungan antara pembolehubah-pembolehubah tersebut ?
S7	Pada pendapat tuan, apakah faktor yang menentukan kedudukan etika seseorang pensyarah berdasarkan pembolehubah yang telah dibincangkan sebentar tadi.
S8	Kenapa puan berpendapat begitu
S9	Kenapa mereka tidak mampu membuat keputusan yang tepat?
S10	Dapatan kajian tiada pengaruh membuat keputusan, bagaimana?
S11	Kesedaran tentang nilai dalam profesi dah tinggi, jadi apa lagi?

## Lampiran 4



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
ARAS 1-4, BLOK E-8  
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTRAJAYA.

Telefon : 03-88846591  
Faks : 03-88846579

Ruj. Kami : KP(BPPDP)603/5/JLD. 8(212)  
Tarikh : 4 Mei 2012

Ainuddin Bin Mohd Isa  
822, Kompleks Kediaman Teratai  
11700 Gelugor  
Pulau Pinang

Tuan/Puan

**Kelulusan Khas Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah, Institut Perquruan, Jabatan Pelajaran Negeri Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia**

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk menjalankan kajian bertajuk :

**"Kompetensi Moral dan Hubungannya Dengan Etika Akademik, Pembuat Keputusan dan Kecenderungan Agama Dalam Kalangan Pensyarah IPG diluluskan.**

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. **Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi dari Ketua Bahagian/Pengarah Pelajaran Negeri yang berkenaan.**

3. Sila tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan akhir kajian/laporan dalam bentuk elektronik berformat Pdf di dalam CD bersama naskah *hardcopy* setelah selesai kelak. Tuan/Puan juga diingatkan supaya **mendapat kebenaran terlebih dahulu** daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak dibentangkan di mana-mana forum atau seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

( DR . HJ. ZABANI BIN DARUS )

Ketua Sektor  
Sektor Penyelidikan dan Penilaian  
b.p. Pengarah  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Lampiran 5



INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA  
Institute of Teacher Education Malaysia  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Ministry of Education Malaysia  
ARAS 1, ENTERPRISE BUILDING 3, BLOK 2200,  
PERSIARAN APEC, CYBER 6,  
63000 CYBERJAYA  
MALAYSIA



Tel : 03-83126666  
Faks : 03-83126655  
Web : <http://www.moe.gov.my>

"1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Kami : KP(IPG)8484/100/1/Jld.16(86)  
Tarikh : 08 Mei 2014

Encik Ainuddin bin Mohd Isa  
IPG Kampus Pulau Pinang  
Pulau Pinang

Melalui

Pengarah  
IPG Kampus Pulau Pinang  
Pulau Pinang

Tuan,

KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN MENGENAI KOMPETENSI MORAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN ETIKA AKADEMIK, PEMBUAT KEPUTUSAN DAN KECENDERUNGAN AGAMA DALAM KALANGAN PENSYARAH IPG KAMPUS

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Encik Ainuddin bin Mohd Isa yang sedang menyambung pengajian peringkat Doktor Falsafah (Phd) di Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, Kedah dibenarkan menjalankan kajian tersebut.
3. Sehubungan itu, tuan dipohon menghubungi pihak pentadbir IPG kampus yang terlibat sebelum menjalankan kajian.
4. Segala perbelanjaan termasuk penginapan, makan dan minum serta perjalanan dalam menjalankan kajian ini adalah ditanggung oleh pihak tuan/puan.
5. Kerjasama dan sokongan tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(SULTAN BIN WAKK)  
Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. Fail Timbul PPPI

Kj Samis Sradi / En. Anizudelam

Anizudelam



( Sila catatkan rujukan Institut ini apabila berhubung )

Senarai panel kesahan.

Bil	Nama	Jawatan
1	Mariah Ibrahim	Ketua Jabatan Bahasa Inggeris
2	Jamal Mohamed Abdul Rahman	Pensyarah Kanan Bahasa Inggeris, Setiausaha Akademik IPG
3	Rokiah Mat Som	Pensyarah Kanan Bahasa Inggeris
4	Sheik Husseinuddin Babu Ali	Pensyarah Kanan Bahasa Inggeris
5	SK Sawpi Lawi	Ketua Jabatan Bahasa Melayu
6	Arbakyah Hassan	Pensyarah Kanan Bahasa Melayu
7	Nor Azam Ariffin	Pensyarah Kanan Bahasa Melayu, Ketua Unit Praktikum IPG

Dr. Muhamad Dzahir Bin Kasa  
Mon 4/4/2016 1:52 PM  
Sent Items  
To:  
Georg Lind <[georg.lind@uni-konstanz.de](mailto:georg.lind@uni-konstanz.de)>;  
...  
Cc:  
Muhamad Dzahir Bin Kasa;  
...  
Dear Dr. Georg,

Thank you for giving permission and more information on the MCT. I hope to contact you again in the future if I need more information. Thanks again for entering my email in your mailing list.

Best Regards

Dzahir

Dr. Muhamad Dzahir Kasa  
Penyelaras Program Sarjana Muda Pendidikan (Moral Dan Kaunseling)  
Pusat Pengajian Pendidikan Dan Bahasa Moden  
UUM, Kolej Sastera Dan Sains  
Universiti Utara Malaysia  
06010 Sintok  
Off: +604-9285434  
Cellphone: +6019-4765629  
Email: [m.dzahir@uum.edu.my](mailto:m.dzahir@uum.edu.my)